

**DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGKAL KELIMA
MESYUARAT KETIGA**

Bil. 54

Isnin

27 November 2017

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 2018

Jawatankuasa:-

Jadual:-

Maksud B.47 (Halaman 24)
Maksud B.48 (Halaman 77)
Maksud B.60 (Halaman 120)

USUL-USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada
Peraturan Mesyuarat (Halaman 23)

Anggaran Pembangunan 2018

Jawatankuasa:-

Maksud P.47 (Halaman 24)
Maksud P.48 (Halaman 77)
Maksud P.60 (Halaman 120)

**MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KELIMA
MESYUARAT KETIGA**

Isnin, 27 November 2017

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said)
mempengerusikan Mesyuarat]*

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Datuk Juslie bin Haji Ajirol [Libaran]** minta Menteri Kewangan menyatakan perbelanjaan kerajaan yang berjaya dioptimumkan memberi manfaat kepada rakyat dengan cara paling cekap dan kos efektif hasil pelaksanaan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS).

Perdana Menteri dan Menteri Kewangan [Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak]:

Tuan Yang di-Pertua, Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) merupakan satu strategi pengurusan yang kreatif dan inovatif, diadaptasikan dari Strategi Lautan Biru atau *Blue Ocean Strategy*. NBOS mula dilaksanakan dalam perkhidmatan kerajaan pada tahun 2009, bertujuan meningkatkan kecekapan sistem penyampaian kerajaan. Semenjak dilancarkan sehingga sekarang, terdapat lebih daripada 80 jabatan dan agensi kerajaan melaksanakan 115 inisiatif NBOS secara kolaboratif.

Hasil kerjasama dalam kalangan jabatan agensi kerajaan, berjaya memecahkan benteng lohong atau silo yang sebelum ini memberi kesan kepada kelancaran program-program kerajaan. Malah melalui kerjasama kreatif, inisiatif NBOS pelbagai jabatan agensi kerajaan akan lebih mengetahui fungsi masing-masing dengan lebih mendalam dan dengan itu dapat mengelakkan pertindihan fungsi-fungsi agensi. Tuan Yang di-Pertua, contoh terbaik NBOS adalah Pusat Transformasi Bandar atau UTC yang merupakan pusat sehenti *one stop centre* bagi pelbagai perkhidmatan kerajaan, NGO dan swasta.

Inisiatif UTC sangat unik memandangkan ia beroperasi menjangkau waktu biasa, yakni dari 8.30 pagi sehingga 10 malam setiap hari, termasuk hujung minggu. Sesungguhnya inisiatif NBOS ini telah membolehkan kerajaan mengoptimumkan perbelanjaan yang memberi manfaat kepada rakyat dengan cara paling cekap dan kos efektif. Contohnya pada masa ini terdapat 20 UTC di seluruh negara dengan penjimatan pembangunan sebanyak RM2 bilion. Memandangkan UTC dilaksanakan dengan mengubahsuaikan bangunan sedia ada serta tempoh pelaksanaan yang pantas, purata selama 10 minggu.

Sambutan dan permintaan rakyat terhadap perkhidmatan UTC amat menggalakkan di mana sejak tahun 2013, UTC telah memberi perkhidmatan pada lebih daripada 54 juta orang pengunjung.

Melalui inisiatif NBOS juga, kerajaan telah melaksanakan dasar-dasar negara dengan lebih efektif dengan kos yang lebih rendah berbanding secara konvensional. Contohnya melalui

kerjasama pasukan polis, tentera yang mana pendekatan aplikasi secara kreatif dan inovatif antara polis dan tentera, mampu menangani anasir yang cuba mengganggu gugat kedaulatan negara. Melalui kerjasama NBOS ini juga, pasukan polis misalnya boleh menggunakan pasukan, fasiliti pasukan tentera bagi tujuan latihan dan juga bagi melaksanakan rondaan bersama di kawasan *hotspot*.

Tuan Yang di-Pertua, sudah tentu NBOS merupakan sebuah komitmen kerajaan bagi memastikan kesejahteraan rakyat didahulukan. NBOS yang dibina berdasarkan kepada tiga prinsip tonggak, yakni mesti berimpak tinggi, kos rendah dan pelaksanaan yang pantas bagi membolehkan penyampaian projek dan perkhidmatan penting dengan segera yang memberi manfaat kepada rakyat. NBOS juga memupuk kerjasama yang lebih erat dan penyelarasan antara agensi dan jabatan kerajaan termasuk sektor swasta dan NGO. NBOS merupakan pemangkin penting kepada maklumat jangka panjang TN50 yang mana usaha kita untuk menjadi antara 20 negara terbaik dunia harus direalisasikan.

■1010

Inisiatif ini menggambarkan bahawa kreativiti dan inovasi-inovasi adalah budaya yang harus ditanamkan di semua peringkat masyarakat dalam menuju aspirasi tersebut. Sesungguhnya, masa-masa mendatang bagi pembangunan Malaysia akan penuh dengan cabaran dan peluang baru yang juga perlu dihadapi dengan perspektif pemikiran dan strategi yang baru. Perubahan cara dan pemikiran inilah yang sebenarnya akan memastikan agenda TN50 dapat menjadi kenyataan nanti.

Datuk Juslie bin Haji Ajirol [Libaran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Amat Berhormat Menteri di atas jawapan yang begitu konkrit sekali. Soalan tambahan saya, apakah langkah-langkah kerajaan dalam memberikan pemahaman kepada masyarakat terhadap konsep NBOS ini. Ini kerana kita tahu ada juga orang-orang yang tidak bertanggungjawab mengelirukan rakyat terhadap apa juga program kerajaan termasuk NBOS ini, termasuk di sebelah sana. Mohon juga nyatakan apakah program-program yang berimpak tinggi di bawah projek NBOS yang telah, sedang dan akan dilaksanakan khususnya di kawasan luar bandar. Sekian terima kasih.

Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua. Pertama, kita hebahkan maklumat berkenaan dengan konsep dan strategi NBOS ini melalui laman web kerajaan dan juga di pusat-pusat UTC. Kita dapat mempamerkan segala-gala program dan perkhidmatan yang kita laksanakan. Banyak program yang memberi impak yang besar, khususnya kepada masyarakat luar bandar. Antaranya, *Rural Transformation Centre* (RTC) di mana di kawasan RTC ini kita dapat menempatkan umpamanya SMEs dan *micro enterprise* di kawasan yang berkenaan. Mereka dapati bahawa perniagaan mereka bertambah lebih baik lagi dan pengunjung pun dapat membeli-belah dalam keadaan yang lebih selesa daripada dahulu.

Salah satu daripada program yang saya diberitahu begitu sangat baik dari segi penerimaan adalah *Mobile CTC* terutama sekali di Sabah. Di mana kita menggunakan bas yang diubahsuai dan kita memberi perkhidmatan kepada kawasan luar bandar, dari satu tempat ke satu tempat menjimatkan perbelanjaan mereka yang perlu ke pekan dan ke bandar. Saya sudah minta supaya *Mobile CTC* ini ditambah lagi untuk Sabah, supaya kita dapat memberi perkhidmatan yang lebih berkesan kepada rakyat.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya. Kita menyanjungi usaha untuk menjimatkan kos pengurusan negara begitu juga pertindihan fungsi antara jabatan. Akan tetapi, masih wujud di antara dalam pentadbiran negara kita, pertindihan fungsi ini. So, contoh sistem pendidikan prasekolah, ada di bawah Kementerian Luar Bandar, di bawah Kementerian Pendidikan dan ada di bawah PERMATA Negara. Sudah tentu ini menyebabkan kos yang semakin bertambah. Begitu juga projek-projek yang lambat siap menyebabkan kos bertambah. Apa strategi kementerian untuk mengatasi perkara ini supaya tidak berlaku yang boleh menyebabkan wang negara kita berbelanja lebih daripada yang sepatutnya. Minta penjelasan.

Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua. Memang itu menjadi hasrat kerajaan untuk terus menjimatkan perbelanjaan. Sebab itu, kita memperkenalkan strategi NBOS. Ini kerana melalui NBOS dalam pelaksanaan UTC sahaja, kita telah menjimatkan perbelanjaan sebanyak lebih kurang RM2 bilion. Sebab, kalau kita hendak buat satu pusat baru dengan bangunannya sendiri, kita perlu RM150 juta lebih kurang. Akan tetapi, sebab UTC dapat disiapkan dengan perbelanjaan hanya dalam lingkungan RM35 juta sahaja, pukul rata. Jadi, itu contoh yang jelas. Satu lagi yang saya sebut tadi, di mana kita tidak perlu membina pusat latihan yang baru dan kita telah dapat membenarkan polis melatih anggota mereka di kem-kem tentera. Itu satu bentuk penjimatan.

Satu lagi ialah program CRP kita. Di mana melalui program ini, banduan-banduan yang tidak terlibat dalam kategori sebagai *hardcore criminal* ataupun penjenayah berat boleh diberi latihan vokasional termasuk latihan dalam bidang pertanian, mereka dapat pendapatan dan di samping itu, mereka ditempatkan di kawasan-kawasan yang dikawal tetapi bukan di penjara, dengan erti kata kita tidak perlu membangunkan ataupun mendirikan penjara-penjara yang baru. Jadi, banyak contoh Yang Berhormat, di mana kita telah pun menjimat perbelanjaan kerajaan.

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak ucapkan tahniah kepada pihak kerajaan kerana telah dapat menjayakan program NBOS ini. Selain daripada UTC dan *Mobile CTC* sebagai inisiatif yang banyak membantu dan mempermudah rakyat selain ia berimpak tinggi, mempunyai kos yang rendah dan memudahkan rakyat. Satu lagi *Blue Ocean Entrepreneur Township* (BOET) yang pertama atau dikenali sebagai Borneo744 telah dibuka pada bulan Mei 2017 di Bintawa, Sarawak. Ia merupakan *hub* tunggal untuk menjana pekerjaan, membangunkan pertumbuhan perniagaan baru serta memperkayakan masyarakat melalui galakan yang lebih luas daripada masyarakat, membawa kreatif dan seni yang boleh diterjemah kepada usaha yang berdaya maju secara komersial.

Jadi, ini adalah antara projek NBOS yang terbaik untuk orang muda. Adakah kerajaan bercadang untuk mewujudkan lebih banyak lagi *Blue Ocean Entrepreneur Township* ini di kawasan luar bandar seluruh negara, bagi membantu untuk memantapkan keusahawanan di kalangan orang muda terutama dalam melengkapi persediaan kerajaan menjelang TN50 nanti. Terima kasih.
[Tepuk]

Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak: Ya, memang menjadi hasrat kerajaan Tuan Yang di-Pertua untuk kita menambahkan lagi projek-projek di bawah NBOS ini yang kita dapati memberi impak yang besar. Akan tetapi, kita mulakan dengan satu dahulu. Kalau kesannya amat positif, *insya-Allah* kita akan tambah di tempat-tempat yang lain. [Tepuk]

2. **Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan berapakah wang yang telah dibelanjakan untuk program subsidi ujian mamogram dan juga vaksinasi HPV di bawah kementerian serta jumlah peserta mengikut negeri dari tahun 2013 sehingga 2017.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat daripada Bukit Mertajam. Tuan Yang di-Pertua, sehingga kini jumlah perbelanjaan bagi program subsidi mamogram adalah sebanyak RM41,167,068.12 dan telah memberikan manfaat kepada seramai 225,828 orang wanita dari tahun 2013 hingga 2017. Daripada jumlah ini, seramai 24,544 kes telah dikategorikan di bawah penyiasatan lanjut yang memerlukan pemeriksaan susulan. Jumlah penerima subsidi paling ramai adalah daripada negeri Sarawak iaitu seramai 40,173 wanita. Diikuti dengan Wilayah Persekutuan 39,463 orang dan Pulau Pinang 24,820 orang.

Jumlah penerima bagi negeri-negeri yang lain adalah seperti berikut. Selangor 23,608 orang, Perak 18,315 orang, Kedah 17,869 orang, Negeri Sembilan 15,314 orang, Pahang 13,898, Johor 11,682 orang, Sabah 10,061 orang, Melaka 8,759 orang dan Terengganu 1,866 orang. Sementara itu bagi tempoh Januari 2013 hingga Oktober 2017, seramai 265,830 orang wanita telah menerima vaksinasi HPV melalui program yang dilaksanakan oleh kementerian. Jumlah penerima manfaat yang paling tinggi adalah negeri Selangor iaitu sebanyak 32,392 orang.

■1020

Diikuti negeri Perak 28,123 orang, Johor 27,882 orang, Sarawak 21,948 orang, Melaka 21,416 orang, Negeri Sembilan 19,639 orang, Kedah 18,813 orang, Wilayah Persekutuan 18,347 orang, Sabah 18,040 orang, Pulau Pinang 16,559 orang, Pahang 15,296 orang, Terengganu 14,621 orang, Kelantan 6,432 orang dan Perlis 6,322 orang.

Setakat ini jumlah perbelanjaan bagi Program Vaksinasi HPV adalah sebanyak RM42,638,870.32, terima kasih.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan yang agak terperinci tadi.

Tujuan saya bertanya soalan ini dan tadi saya amat berharap Yang Amat Berhormat Pekan boleh dengar sebab program vaksinasi HPV dan juga mamogram percuma ini dimulakan pada tahun 2014 dengan bajet RM20 juta. Pada 2015, telah ada potongan sebanyak 90 peratus tinggal RM2 juta. 2016, potongan hampir 100 peratus, tinggal sifar. Akan tetapi selepas dibangkitkan dalam Dewan yang mulia ini maka Menteri dan saya amat berterima kasih kepada Menteri telah mengembalikan semula program ini.

Tahun ini 2017, dalam bajet – tidak ada dalam buku bajet tetapi Yang Amat Berhormat Pekan telah sebut ada RM30 juta. Akan tetapi, malangnya untuk Bajet 2018 tidak ada peruntukan untuk program mamogram percuma dan program vaksinasi HPV. Tidak ada dalam bajet, tidak disebut dalam ucapan bajet Yang Amat Berhormat Pekan.

Jadi soalan saya adalah, nombor satu, bolehkah Menteri ataupun kerajaan menjadikan program ini – sebab saya nampak ada ramai wanita yang telah mendapat manfaat dan saya percaya ramai lagi yang belum dapat dicapai oleh program ini. Bolehkah ini dijadikan sebagai satu dasar tetap sebab kita tahu kanser payudara dan kanser serviks yang boleh dihalang ataupun

dihentikan melalui kedua-dua program ini adalah – kanser kedua-dua kanser ini merupakan antara pembunuh utama wanita di Malaysia, itu satu.

Keduanya, saya nampak walaupun ada lebih 200 ribu wanita yang telah mendapat manfaat daripada saringan mamogram, ramai lagi yang belum dapat dicapai oleh program ini. Apakah strategi kementerian untuk menggalakkan lebih ramai wanita mendapatkan perkhidmatan saringan percuma ini ? Kalaulah program ini masih ada dan juga vaksinasi HPV, kita tidak boleh membiarkan program ini berjalan secara pasif sahaja dan menunggu wanita ataupun peserta untuk menyertai. Akan tetapi saya rasa kerana keseriusan penyakit kanser ini, saya rasa kerajaan patut mempunyai program yang boleh mencapai secara aktif kepada peserta-peserta wanita. Terima kasih.

Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun: Terima kasih, pertamanya saya ingin membetulkan Yang Berhormat dan memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa – sebenarnya program mamogram kita telah berjalan sejak 2007 lagi sehingga tahun ini dan jumlah yang telah kita belanjakan ialah RM98.8 juta. Ini adalah dapat mengurangkan beban kepada klien kita. Yang mana melibatkan 329,349 orang wanita di seluruh negara ini.

Untuk HPV pula, program kita sebenarnya berjalan sejak tahun 2012 bukan 2014 dan HPV ini adalah untuk memenuhi gap yang ketinggalan di mana pada 2010 Kementerian Pelajaran dan Kementerian Kesihatan (KKM) telah pun memperkenalkan secara wajibnya kepada pelajar-pelajar sekolah wanita kita yang berumur 13 tahun bermula tahun 2010.

Oleh kerana itu, kementerian kita di bawah LPPKN kita pula memberikan suntikan ini kepada mereka dalam umur, yang lahir pada 1993 dan seterusnya supaya mereka ini tidak ketinggalan mendapatkan vaksinasi HPV ini. Alhamdulillah, pada tahun 2017 ini dan untuk 2018 kita masih ada lagi *doses* yang perlu kita berikan suntikan kepada mereka yang menerima ini dan kita akan teruskan.

Begitu juga dengan mamogram ini, untuk menjawab soalan yang pertama Yang Berhormat itu walaupun tidak ada lagi peruntukan khusus di dalam Bajet 2018 tetapi oleh kerana ini adalah sesuatu yang penting. Kita akan memastikan apabila wang ada pada kita itu kita akan memohon lagi kepada Kementerian Kewangan dan biasanya kerana kerajaan Barisan Nasional amat prihatin kepada rakyat khususnya kepada kaum wanita kita akan dapat peruntukan dan dapat meneruskan. Kalau tidak pun di Kementerian Kesihatan memang ada tersedia program ini.

Ingin juga saya maklumkan kepada Dewan yang mulia ini, kepada Yang Berhormat juga bahawa program ini memang kita bawa, kita buat *outreach* program sampai ke kampung-kampung. Melalui pelbagai program yang disediakan oleh kementerian sendiri ataupun kita akan dijemput bersama-sama oleh pelbagai kumpulan. Kita juga menggunakan *NGOs* untuk menyampaikan maklumat ini kepada wanita yang ada di luar bandar sampai yang jauh di desa-desa sana.

Ini berjalan berterusan sesesungguhnya dan juga seperti mana yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tadi program CTC itu juga kita juga bawa mamogram, HPV kita melalui program CTC, melalui agensi kita LPPKN.

Oleh kerana itulah, bahawa tidak ada sebab program ini tidak diketahui oleh kaum wanita. Ingin saya kongsi di sini bahawa 80 peratus daripada mereka khususnya mamogram ini yang menerima program kita ini adalah terdiri daripada golongan kumpulan sasar kita iaitu B40. Oleh kerana itulah kita merasakan bahawa program ini memanglah program yang baik, yang sesuai, yang mesti dan perlu kita teruskan. Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, dan juga terima kasih dan ucapan tahniah saya ucapkan kepada Yang Berhormat Menteri yang sentiasa membuat sesuatu ataupun kebaikan bagi pihak Barisan Nasional pada rakyat.

Soalan tambahan saya adalah daripada apa yang Yang Berhormat katakan tadi saya hendak bertanya sejauh manakah keberkesanan sebab tadi dimaklumkan ada hebahan, ada kempen. Jadi saya hendak tahu keberkesanan program-program mengenai program subsidi mamogram ini sampai ke wanita luar bandar terutamanya kesedaran mereka mengenai risiko kanser payudara itu sendiri?

Adakah kementerian berhasrat untuk menghantar peringatan kepada setiap wanita di Malaysia sebagai gesaan untuk mereka menjalani mamogram seperti yang dilakukan di UK? Saya mohon jawapan kepada perkara tersebut, terima kasih banyak.

Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Parit Sulong. Seorang wakil rakyat wanita yang sentiasa prihatin kepada semua golongan terutama sekali kepada kaum wanita.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya program subsidi ujian mamogram ini seperti mana saya sebut tadi memang kita bawa sampai ke peringkat bawah. Kita juga meminta bantuan daripada kumpulan-kumpulan wanita di peringkat akar umbi antara selain daripada NGOs kita juga meminta bantuan kepada Majlis Pembangunan Wanita dan Keluarga di setiap Parlimen untuk menyebarkan luaskan program-program ujian mamogram ini supaya sampai kepada wanita kita termasuk mereka yang berada jauh nun di luar bandar.

Bagi memastikan supaya wanita-wanita ini yang berada jauh dapat melalui ujian mamogram ini, maka kita juga telah menyediakan beberapa kemudahan kepada mereka. Pertamanya penyediaan pengangkutan untuk mereka supaya dapat datang ke pusat-pusat mamogram. Kalau mereka ialah orang susah.

Keduanya, bantuan elaun makan RM10 sehari untuk mereka yang kedudukan tempat tinggal mereka lebih 200 kilometer daripada tempat di mana ujian ini diadakan. Ini juga kita sediakan.

Juga bantuan penginapan kerana mereka mungkin perlu penginapan kerana terlalu jauh tempat ujian ini diadakan daripada rumah mereka. Elaun sukarela juga kita berikan kepada mereka yang membantu kita daripada NGOs dan sukarelawan yang dapat membawa klien kita ke pusat ujian ini.

■1030

Sampai begitulah yang kita laksanakan untuk memastikan wanita yang berada di luar bandar juga mendapat perkhidmatan yang baik ini untuk diri mereka. Kita juga telah mengadakan kajian pada tahun ini, kajian ke atas program ujian subsidi mamogram ini. Kita mendapati bahawa program ini amat-amat berkesan. Kalau boleh, kita mahu supaya lebih awal lagi mereka melalui kajian ini. Daripada 329,349 orang wanita yang memohon untuk menjalani ujian mamogram dan telah dibuat ujian mamogram, 532 orang ataupun 0.16 peratus wanita telah disahkan menghidap kanser payudara ataupun kalau kita lihat secara puratanya mengikut populasi negara kita, dua daripada 1,000 pemeriksaan terhadap wanita didapati menghidap kanser.

Oleh kerana itulah amat-amat penting lagi kita lebar luaskan pemeriksaan ini. Kita buat lebih awal lagi supaya lebih ramai lagi wanita dapat kita elakkan mendapat penyakit kanser ini

ataupun lebih awal, kita dapat ambil tindakan awal untuk memastikan mereka dapat kita pulihkan daripada penyakit ataupun kita dapat rawat penyakit ini dan tidak memerlukan belanja yang besar. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

3. Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit] minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah langkah-langkah berterusan dan proaktif pihak Kementerian dalam membendung isu buli di kalangan pelajar-pelajar sekolah sama ada di peringkat rendah dan menengah di negara ini.

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Chong Sin Woon]: Terima kasih Yang Berhormat Parit. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan Malaysia menyedari bahawa masalah disiplin murid, termasuk gejala buli masih berlaku. Sejak dahulu, KPM serius menangani buli dan semua jenis disiplin serius melalui mekanisme pencegahan, penguatkuasaan peraturan sekolah, intervensi kepada mangsa dan menjalinkan kerjasama padu dengan semua pihak. Pihak sekolah telah diberikan peringatan melalui surat-surat pekeliling dan garis panduan mencegah serta menangani buli dalam kalangan murid.

Pelbagai program kesedaran gejala buli dilaksanakan secara bersepadu di dalam kurikulum, kokurikulum dan pembinaan sahsiah. Murid turut dilibatkan menjadi pembimbing rakan sebaya melalui kelab pakaian beruniform dan kelab pencegahan jenayah sekolah. Sebagai pengukuhan, buku panduan pengurusan menangani buli di sekolah telah diulang cetak pada tahun 2014 untuk edaran dan panduan pihak sekolah. Dari segi penguatkuasaan peraturan sekolah, jawatankuasa disiplin sekolah berperanan menjalankan siasatan dan mencadangkan hukuman dan langkah intervensi kepada pentadbir sekolah. Semua guru merupakan guru disiplin dan bertanggungjawab membentuk sahsiah murid di samping membudayakan konsep sekolah penyayang. Pihak sekolah turut mengadakan mesyuarat permuafakatan sekolah melibatkan pejabat pendidikan daerah, persatuan ibu bapa dan guru, polis, ibu bapa terlibat dan pihak berkepentingan yang lain. Hukuman keras seperti rotan dan buang sekolah merupakan langkah akhir bagi menjaga ketenteraman sekolah.

Selain daripada itu, guru bimbingan kaunseling di sekolah juga dilengkapi dengan kemahiran seperti pengurusan *stress* dan menjalankan beberapa ujian personaliti seperti personaliti TAJMA dan ujian personaliti Sidek untuk mengenal pasti murid yang mempunyai personaliti yang cenderung kepada keganasan dan buli. KPM juga mempunyai Modul Kasih Guru dan Modul Kasih Keluarga yang boleh diaplikasikan oleh pihak sekolah untuk memupuk budaya amalan penyayang di sekolah yang secara tidak langsung mencegah kes buli dan keganasan remaja. Terima kasih.

Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Terima kasih atas jawapan yang begitu baik sekali. Cuma soalan tambahan saya, berdasarkan statistik Polis Diraja Malaysia, sebanyak 2,322 kes buli telah dilaporkan sejak tahun 2012 hingga Jun 2017. Terdapat juga laporan yang mengatakan ada 402 sekolah *hotspots* di seluruh negara yang telah dikenal pasti sebagai sekolah yang mempunyai masalah berkaitan disiplin; penyalahgunaan dadah dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, buli bukan sahaja terhad kepada buli fizikal seperti memukul, menyepak, menerajang dan sebagainya. Malah, perbuatan memerli dan mengejek rakan sebaya, memandang rendah sesama sendiri adalah di antara perbuatan buli psikologi yang jarang diberikan

perhatian oleh masyarakat. Ini soalan saya. Apakah pelan tindakan lain yang telah dirangka oleh kementerian melalui pendekatan NBOS bagi memberi kesedaran kepada pelajar sekolah mengenai perbuatan tersebut? Apakah perancangan kementerian dalam mengenakan tindakan terhadap pihak pengurusan sekolah yang didapati telah menyembunyikan fakta-fakta berkaitan kes buli dan kes-kes yang tidak baik di sekolah-sekolah masing-masing? Minta penjelasan.

Datuk Chong Sin Woon: Terima kasih atas soalan tambahan. Saya hendak ambil peluang ini untuk memberikan sedikit penjelasan mengenai senarai 402 sekolah *hotspots* yang telah kita senarai itu. Itu bukannya bermakna sekolah itu mempunyai masalah disiplin yang teruk. Antara senarainya kerana mereka terletak di lokasi ataupun kawasan yang berisiko tinggi, yang telah kita dapat maklumat daripada pihak polis bahawa di kawasan tersebut merupakan kawasan yang mempunyai kes jenayah yang tinggi. Jadi, kita masukkan senarai tersebut, sekolah tersebut untuk kita memberikan penelitian ataupun jagaan atau lebih banyak *attention*, dengan izin, kepada sekolah tersebut.

Dari segi soalan berkenaan NBOS ataupun kerjasama dengan agensi luar. Memang KPM sentiasa mempunyai Program NBOS dengan pihak-pihak luar sekolah ataupun agensi kerajaan, termasuklah Angkatan Tentera Malaysia dan PDRM dalam usaha kita menangani disiplin murid dengan lebih fokus. Sekolah ataupun murid yang terlibat dalam salah laku disiplin akan diberikan latihan berbentuk teori dan fizikal secara berterusan untuk menggembeng kepakaran dan kemahiran anggota tentera dan polis dalam pelaksanaan aktiviti. Kita juga menubuhkan Kelab Pencegahan Jenayah (KPJ) di sekolah dengan kerjasama Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF). Aktiviti ini telah diperkemas dengan menumpukan kepada golongan sasaran yang berisiko di sekolah. Kita juga bekerjasama dengan PDRM dengan adanya pegawai perhubungan sekolah (PPS) yang sentiasa membantu pihak sekolah untuk mengadakan pelbagai program mencegah kes-kes, isu-isu berkaitan dengan disiplin.

Di peringkat sekolah, kita juga bekerjasama dengan JPN, PPD dan PIBG dengan adanya permuafakatan yang kita akan laksanakan sekiranya perlu adanya permuafakatan di antara pihak sekolah dengan komuniti setempat. Itu juga merupakan salah satu inisiatif dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia kita. Oleh itu, kita mempunyai banyak usaha-usaha yang kita lakukan, bukan hanya oleh pihak sekolah tetapi juga dengan pihak-pihak di luar seperti mana yang telah saya sebut tadi. Sekian, terima kasih.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ucapkan tahniahlah kepada kementerian kerana usaha yang begitu proaktif yang banyak, yang baik, yang telah dibuat setakat ini bagi mengatasi masalah buli di sekolah ini. Namun demikian, satu hakikat yang kita terpaksa akui bahawa gejala buli ini masih lagi berleluasa di sekolah-sekolah di negara kita ini. Saya ada pengalaman tinggal di kawasan sekolah-sekolah menengah, sekolah rendah pun ada di situ, sekolah perempuan sahaja, sekolah lelaki sahaja, sekolah campur. Yang Berhormat Machang tahu, kawasannya.

Buli ini berlaku sehingga menjadi satu perkara yang bukan luar biasa kepada masyarakat sekitar ini. Itu keadaannya. Jadi, saya hendak tanya kementerian, adakah kementerian ada merangka satu langkah, umpamanya dari segi pelaksanaan undang-undang?

■1040

Misalnya, kalau kita tengok di bawah Akta Pengangkutan Jalan iaitu yang melibatkan lesen memandu dan sebagainya, ada satu seksyen di mana remaja umur kurang 16 tahun yang memandu atau menunggang kenderaan atas jalan raya, mereka ini boleh dibawa ke mahkamah bersama dengan ibu bapanya sendiri.

Jadi, adakah kerajaan memikirkan dalam isu buli ini, apabila berlaku satu buli dan siasatan menunjukkan seseorang pelajar itu terlibat dalam angkara buli ini, ibu bapa mereka juga boleh diheret ke mahkamah? Supaya ibu bapa ini menunjukkan tanggungjawab yang besar terhadap anak mereka di sekolah ini bagi khususnya membendung isu buli ini. Jadi, saya tanya pandangan Yang Berhormat Menteri, adakah ada perancangan begitu? Terima kasih.

Datuk Chong Sin Woon: Terima kasih atas soalan tambahan. Pertamanya, dalam Akta 550 sedia ada, kita tidak ada apa-apa tindakan yang boleh kita ambil terhadap pembuli ataupun ibu bapa mereka atau penjaga mereka.

Keduanya, yang berkaitan dengan murid-murid di bawah umur 16 tahun kalau ia merupakan satu isu yang serius melibatkan nyawa ataupun kecederaan yang serius, maka kita akan rujuk kepada kes polis. Tindakan boleh diambil oleh mahkamah *juvenile*. Untuk mereka yang kita kenal pasti sebagai golongan yang mempunyai kecenderungan untuk membuli, kita akan mengadakan program, seperti mana yang telah saya katakan tadi, bersama dengan ATM dan kita akan hantar mereka ke kursus-kursus ataupun program-program di bawah Angkatan Tentera Malaysia supaya latihan teori dan fizikal itu dilakukan kepada golongan ini.

Akan tetapi apa yang ingin saya meminta kerjasama daripada semua pihak ialah buli ini, seperti mana Yang Berhormat berkata, ia banyak jenis. Ia bukan hanya secara fizikal tetapi juga dari segi psikologi. Oleh itu, yang menjadi kecenderungan buli di kawasan sekolah kita bukan hanya mereka yang membuli atau mangsa buli tetapi majoriti orang kita yang berdiam diri ataupun dengan izin, *the silent majority*.

Oleh itu, kempen yang kita nampak sekarang bersama dengan sosial media, bersama dengan media massa utama adalah menggalakkan murid-murid kita, masyarakat kita supaya melaporkan kes-kes buli yang kita tahu. Mereka menjadi telinga, mata kepada pihak sekolah, kepada pihak kementerian supaya kes ini boleh dikenal pasti dengan lebih awal dan tindakan boleh diambil. Ini kerana kalau semua berdiam diri, kita tahu rakan kita dibuli tetapi kita tidak mahu mencampurkan diri, maka itu akan menggalakkan si pembuli itu akan lebih mempunyai semangat untuk meneruskan kerja-kerja membuli itu.

Jadi kita berharap bahawa kempen ini janganlah kita meletakkan tanggungjawab semua kepada pihak sekolah semata-mata. Marilah kita bersama-sama mencipta satu suasana sekolah penyayang dan masyarakat penyayang yang kita boleh menghindari isu buli ini daripada berterusan di sekolah kita. Sekian, terima kasih.

4. Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat] minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan jumlah keluarga penduduk Orang Asli di Kampung Bumiputera Dalam Rengit, Batu Pahat, berapa keluarga yang memiliki rumah sendiri, berapa pula yang berkongsi rumah dan berapa keluarga yang tidak mempunyai rumah. Bila projek rumah tidak siap di situ boleh disediakan untuk membolehkan keluarga yang tidak berumah mengisinya.

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub]: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Batu Pahat.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kampung Orang Asli Bumiputera Dalam, Rengit mempunyai seramai 206 buah keluarga. Daripada jumlah 206 buah keluarga tersebut, sebanyak 140 ketua isi rumah di kampung tersebut telah memiliki rumah sendiri manakala 18 lagi ketua isi rumah tinggal dalam sebuah rumah secara berkongsi. Sehingga Oktober 2017, sebanyak 69 ketua isi rumah di kampung tersebut masih tidak mempunyai rumah.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, pihak Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) mengambil perhatian terhadap projek Program Bantuan Rumah (PBR) yang masih belum diduduki. Kelewatan ini adalah disebabkan oleh beberapa perkara seperti kelewatan pemasangan meter elektrik dan juga kelewatan penyambungan bekalan air. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, pihak JAKOA telah melakukan *follow up* dengan kedua-dua badan ini— Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan juga Syarikat Air Johor— untuk mempermudah dan mempercepatkan pemasangan yang saya maksudkan bagi membolehkan mereka memasuki rumah yang telah dibina oleh pihak JAKOA dalam kadar seberapa segera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam bahas bajet yang lalu, saya membangkitkan tentang antara strategi utama kerajaan ialah mengekalkan kemiskinan di kalangan kelompok-kelompok tertentu bagi mewujudkan satu budaya takut dan budaya mengharap di kalangan kelompok yang berkenaan. Budaya takut sehingga timbul apa yang disebut dalam pantun Melayu,

*Melukut di tepi gantang,
Buka sanggul cari kutu,
Sebab takut akal hilang,
Sehingga tunggul disangka hantu.*

Jadi, kelompok ini merasakan ada hantu di mana-mana mengintip dan menakutkan mereka. Dalam konteks orang asal di Kampung Bumiputera Dalam, Rengit ini, Tuan Yang di-Pertua, saya mula melawat atau ziarah kawasan ini sejak saya menang. Menang sahaja, saya pergi dan apabila ada persaingan— bila saya lawat, ada persaingan, nampak ada kemajuan. Saya tukar sikit bumbung surau, datang orang, saya pun tidak tahu siapa yang datangnya, mereka ganti terus ia punya atap surau berkenaan.

Akan tetapi, Tuan Yang di-Pertua, barangkali saya ingin mengharap daripada Yang Berhormat Menteri dan kerajaan supaya menimbulkan suasana yang baik bagi kampung ini, kampung orang asal ini. Kawasanya dibersihkan, sungai dan paritnya yang bertakung dibersihkan. Orang miskin ada tiga buah rumah di tepi jalan. Sampai sekarang ini— nanti saya ajak Yang Berhormat Menteri tengok— duduk anak-beranak, rumah ini bukan rumahlah, pondok pun bukan pondok. Saya pernah *viral*-kan dalam saya punya *Facebook fan page* saya, puluhan ribu melihat, tetapi JAKOA tidak ambil perhatian pun. Saya pergi ke JAKOA baru ini untuk memberikan perhatian benda ini dan mudah-mudahan dekat pilihan raya ini Yang Berhormat Menteri akan berikan lebih perhatian kepada kumpulan asal orang asal yang terpinggir.

Soalan saya dalam Parlimen ini, Tuan Yang di-Pertua, hampir setiap sesi saya kemukakan masalah tentang masyarakat terpinggir orang asal di Batu Pahat dan di seluruh Johor. Kemiskinan

tinggi, pengangguran tinggi, persekitaran rumah tidak terjaga, pengangkatan martabat insaniah mereka tidak dijalankan. Jadi saya mencadangkan dan mengharap— ataupun apakah langkah ataupun adakah pelan strategik menyeluruh untuk mengangkat martabat mereka ini? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub: Wah, panjang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya kesal sebenarnya dengan tanggapan-tanggapan negatif yang telah diberikan oleh Yang Berhormat terhadap peranan yang telah kerajaan buat untuk masyarakat Orang Asli ini. Sebenarnya dalam usaha membela masyarakat Orang Asli ini, kerajaan telah melakukan segala yang terdaya bagi memastikan masyarakat Orang Asli ini berdiri sama tinggi, duduk sama rendah dengan kaum-kaum lain yang ada dalam negara ini.

Peranan ini sebenarnya, Yang Berhormat, bukan sahaja terpikul oleh pihak JAKOA. Di pihak kementerian sendiri, kita melakukan NBOS bersama dengan agensi-agensi lain.

■1050

Jika saya hendak sebutkan di sini Yang Berhormat tentang pembelaan dan juga usaha yang telah dibuat oleh kerajaan dalam usaha meningkatkan taraf hidup, pendapatan, mengeluarkan mereka daripada garisan kemiskinan ini, terlalu banyak Yang Berhormat. Kalau saya sebutkan satu-persatu, saya rasa cukup sehingga soalan nombor empat ini sahaja berkaitan dengan Orang Asli. Tidak sempatlah orang lain hendak jawab soalan.

Saya hendak maklumkan antara perkara yang disebutkan oleh Yang Berhormat ialah berkenaan dengan usaha yang telah dilakukan oleh Yang Berhormat. Contohnya, bantuan Yang Berhormat berikan kepada masyarakat Orang Asli. Tukarkan zink atap tadi, sebenarnya Yang Berhormat, kita berada di sini adalah atas tanggungjawab kita kepada rakyat. Tidak kira di sebelah kerajaan atau pun pembangkang. Mana yang termampu kita buat, kita buat.

Kalau kerajaan boleh buat lebih, pembangkang boleh buat sedikit buatlah, jangan tidak buat langsung. Akan tetapi kalau Yang Berhormat mendakwa bahawasanya kalau pihak Yang Berhormat pasang zink, barulah kita kelam kabut buat, ini tidak betul Yang Berhormat. Oleh sebab pembelaan kementerian untuk masyarakat Orang Asli melalui JAKOA ini, sentiasa berterusan dan berpanjangan. Kita tidak kira saat dan ketika, kita tidak kira kawasan itu diwakili oleh pembangkang ataupun pihak Barisan Nasional tetapi yang pasti bagi kita mereka ini sentiasa kita berikan perhatian seperti yang saya sebutkan tadi. Saya hendak maklumkan kepada Yang Berhormat, antara program-program yang kita buat ini ialah secara NBOS, di bawah RISDA, di bawah FELCRA, ini untuk bahagian pertanian dan juga program penambahan pendapatan.

Kita majukan kawasan tanah-tanah Orang Asli untuk kita berikan peluang kepada mereka mempunyai pendapatan bulanan sehingga RM1,000 tambahan. Mereka tidak payah usahakan pun ladang tersebut. Semua agensi-agensi kita yang buat. Selain daripada itu, program-program peningkatan pendapatan yang kita buat selain daripada agensi tersebut juga melalui MARA. Melalui MARA juga kita buat program-program kursus kepada mereka. Kursus-kursus contohnya saya berikan satu, kursus yang jarang kita dengar iaitu 'Green Keeper'. *Green keeper* ini biasanya bagi pemain-pemain golf dia tahu. Ia dilaksanakan oleh satu kumpulan profesional untuk urusan ini.

Akan tetapi, Orang Asli sudah pandai dan akhirnya mereka mempunyai pendapatan yang tinggi. Selain daripada itu, Yang Berhormat juga membangkitkan soal suasana yang lebih kondusif

di kalangan Orang Asli. Baru-baru ini Yang Berhormat Bera turun ke kawasan Cameron Highlands, kawasan Orang Asli di sana untuk melakukan program pelancaran untuk menyejahterakan masyarakat Orang Asli.

Kita jemput masyarakat Orang Asli supaya mereka mempunyai rasa tanggungjawab di kalangan mereka sendiri untuk menjaga kebersihan, kecantikan kampung mereka. Yang Berhormat Bera, Menteri, bermalam pun di kawasan tersebut. Hasil daripada kesedaran ini, kita nampak ada suatu perkara yang positif yang berlaku yang mana selepas daripada itu kawasan-kawasan tersebut sudah diambil tanggungjawab oleh masyarakat Orang Asli, tidak hanya tertakluk kepada usaha-usaha daripada pihak JAKOA. Jadi, sekali lagi, saya tidak mahu panjangkan apa yang saya hendak sebutkan di sini Yang Berhormat, bahawasanya tanggapan Yang Berhormat ini sebenarnya silap. Kalau Yang Berhormat hendak tahu secara detil selepas ini kita jumpa di luar, saya boleh terangkan satu-persatu apakah yang kerajaan telah buat untuk masyarakat Orang Asli. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua memberikan saya peluang untuk soalan tambahan ini. Sebelum itu Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya berpantun sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Dato' Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]: Yang Berhormat...

Bangun pagi menjala udang,

Takut jumpa buaya larikan diri,

Susah-susah Batu Pahat ini ke Pasir Gudang,

Rupa-rupanya Orang Asli dekat kawasan sendiri pun tidak settle lagi.

Saya hendak mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada kementerian sama ada Kerajaan Pusat atau kerajaan negeri kerana mengambil berat di kampung Orang Asli. Saya ada dua buah kampung Orang Asli, jangan nanti Yang Berhormat Batu Pahat datang ke Pasir Gudang pula, kacau Kuala Masai, kacau Teluk Jawa. Masalah saya ini ialah saya hendak minta JAKOA tolong saya. Tolong saya bukan kerana masalah, masalahnya rumah sudah dibina, macam mana kita hendak adakan motivasi bersama supaya Orang Asli di tempat saya ini masuk ke rumah-rumah yang ada ini. Dia lebih suka duduk tepi pantai daripada duduk di rumah-rumah yang telah dibina. Terima kasih, Menteri. Tolong berikan jawapan.

Datuk Haji Ahmad Jazlan bin Yaakub: Terima kasih, sekali lagi Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Pasir Gudang. Buaya ini Yang Berhormat, dua-dua buaya ini ada dua kategori. Dua-dua buaya ini memang bahaya. Buaya di air bahaya tetapi yang lebih bahaya lagi buaya di darat.

Tuan Yang di-Pertua, memang ini masalah utama sebenarnya yang dihadapi oleh pihak JAKOA. Kita membina rumah dalam perbelanjaan RM50,000 lebih untuk satu buah rumah. Kadang-kadang mereka tidak mahu duduk di dalam rumah mereka. Mereka buat rumah mengikut cara mereka iaitu mereka tampal, dia buat di tepi itu juga. Jadi rumah itu untuk dia tidur, malam dia tidur di dalam rumah dia yang dalam bentuk rumah asal dia dan rumah yang kita bina ini dia letakkan barang-barang sahaja.

Walau bagaimanapun, saya bersetuju dengan Yang Berhormat dan sememangnya pihak JAKOA telah mengadakan program yang berterusan memberikan nasihat kepada mereka dan juga

kita bawa mereka ini mengadakan lawatan ke Kuala Lumpur, ke bandar-bandar besar, bagaimana cara untuk mereka hidup di dalam keadaan yang lebih modenlah, kita katakan. Hal ini supaya apabila mereka balik kita tidak membazirkan, mereka pun cuba belajar untuk duduk di dalam rumah. Masih ramai lagi yang di kalangan masyarakat Orang Asli ini yang tidak mahu duduk dalam di dalam rumah dan inilah yang saya maksudkan ialah kadang-kadang kita berikan tawaran untuk buat rumah dia katakan tidak payahlah encik. Tidak payah buat rumah. Barulah dia kata, untuk baiki-baiki rumah, berikan duit sikit kita baiki rumah asal kita. Dia tidak mahu rumah.

Saya terlupa, saya ke belakang sedikit berkenaan dengan Yang Berhormat Batu Pahat tadi, tiga buah rumah yang dimaksudkan saya tidak jawab. Tiga buah rumah yang berada di tepi jalan yang daif, kita akan minta pihak JAKOA untuk membuat siasatan segera Yang Berhormat terima kasih.

Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]: Terima kasih banyak.

Datuk Haji Ahmad Jazlan bin Yaakub: Okey. Kadang-kadang masalah tanah ya. Kadang-kadang peruntukan kerajaan yang kita hendak buat ini mesti dalam tanah. Kalau tanah dalam kawasan tanah yang diwartakan tanah masyarakat Orang Asli, walaupun tiada *title* secara individu tidak apa. Akan tetapi saya takut tanah ini *reserve* kerajaan ataupun mereka menumpang dalam tanah-tanah milik orang lain. Maka tidak dapat kita laksanakan, ini masalahnya. Kalau masalah tanah ini dapat diselesaikan saya yakin pihak JAKOA akan menyelesaikan perkara ini dalam keadaan yang segera. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

5. Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin] minta Menteri Sumber Manusia menyatakan tahap kejayaan usaha untuk mengurangkan pekerja asing dari 30 peratus kepada 15 peratus dan mengurangkan penganggur serta '*underemployed*' yang kini telah meningkat kepada sejuta orang.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera. Salam satu Malaysia, salam negaraku Malaysia. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Jasin di atas soalan ini. Tuan Yang di-Pertua, dan untuk makluman Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini, kerajaan telah berjaya mengurangkan pengambilan pekerja asing melihat kepada perbandingan jumlah penggajian pekerja asing sejak tahun 2015, tahun 2016 dan tahun 2017.

Pada tahun 2015, statistik Jabatan Imigresen Malaysia telah merekodkan jumlah pengambilan pekerja asing adalah seramai 2.1 juta orang dan mengalami penurunan pada tahun 2016 pada 1.8 juta orang. Sekiranya dilihat pada jumlah Pas Lawatan Kerja Sementara yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia sehingga 30 September 2017, jumlah bilangan pekerja asing semakin menurun iaitu kepada 1.7 juta orang. Kita ada detil dia Tuan Yang di-Pertua iaitu tahun 2017, kita mempunyai pekerja asing sejumlah 1,728,853 orang.

Tuan Yang di-Pertua, penurunan jumlah pekerja asing ini berlaku berikutan dasar dan langkah kerajaan dalam memastikan penggajian pekerja asing tidak melebihi 15 peratus. Seperti mana sasaran dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11), usaha-usaha memberikan keutamaan kepada pencari pekerja tempatan dalam pekerjaan serta peralihan progresif industri negara dari insentif buruh kepada *high end industry*, dengan izin. Antara usaha yang telah dilaksanakan oleh

kerajaan untuk mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing dan menarik minat pekerja warganegara bagi memasuki pasaran kerja sekali gus mengurangkan pengangguran adalah seperti berikut:

- (i) mempromosikan dan memudahkan cara peluang penempatan pekerjaan melalui Program Penempatan Pekerja (3P) oleh Jabatan Tenaga Kerja dan juga usaha-usaha yang dilakukan oleh kementerian dan jabatan-jabatan yang lain;
- (ii) menggalakkan sektor-sektor yang berintensif buruh beralih kepada penggunaan mekanisasi dan automasi bagi mengurangkan kebergantungan ke atas pekerja asing. Langkah ini dapat membantu negara mencapai sasaran melahirkan 35 peratus pekerja mahir di Malaysia menjelang tahun 2020;

■1100

- (iii) memperkenalkan Dasar TVET Negara untuk warga tempatan bagi melahirkan individu berkemahiran tinggi;
- (iv) meletakkan *ratio* pekerja warganegara dan pekerja asing bagi menjamin peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia. Contoh, sektor perladangan kelapa sawit keluasan tanah lapan hektar untuk satu pekerja dan getah pula keluasan tanah empat hektar untuk satu pekerja asing. Manakala untuk sektor perkilangan bagi syarikat dalam subsektor elektrik dan elektronik, nisbah kelayakan ditetapkan adalah dua pekerja warganegara bagi setiap satu pekerja asing;
- (v) pelaksanaan surat aku janji majikan, *employers undertaking*, dengan izin mulai 1 Januari 2017, yang mengehendaki majikan bertanggungjawab sepenuhnya terhadap pekerja asingnya bermula dari peringkat kemasukan pengajian sehingga penghantaran pulang kerja tersebut ke negara asal;
- (vi) mengutamakan *exit policy* pengajian pekerja asing dengan menyediakan pelan latihan kemahiran kepada pekerja warganegara, memberi keutamaan kepada mekanisme IBS dalam sektor pembinaan restoran berkonsepkan *self service* dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan pengangguran. Berdasarkan statistik Jabatan Perangkaan Malaysia, kadar pengangguran negara ialah 3.4 peratus pada suku tahun kedua 2017. Ini bermakna bilangan penganggur negara kita hanya berjumlah 511,600 orang dalam berbagai sebab bukannya Yang Berhormat Jasin kepada satu juta orang. Yang Berhormat Jasin, kita masih berusaha bersungguh-sungguh bagi memastikan supaya kadar pengangguran dapat diturunkan dan pengisian pekerja asing adalah pada tahap 15 peratus seperti yang diputuskan oleh kerajaan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Di kalangan setengah juta penganggur di tanah air kita ini, komponen yang terbesar ataupun 77 peratus adalah daripada kalangan mereka yang berumur di bawah 30 tahun dan 34 peratus daripada mereka adalah berkelulusan *tertiary*. Jadi, soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri

yang telah memberi penjelasan yang cukup baik tadi, sejauh manakah kebenarannya selain daripada berpunca daripada kebanjiran pekerja-pekerja asing adakah ia berpunca daripada pertamanya iaitu struktur ekonomi kita yang masih lagi berpaksikan kepada *labor intensive*?

Keduanya, adakah kebenarannya sistem pendidikan kita yang sebenarnya tidak selari dengan keperluan industri pada ketika ini? Jadi apakah sebenarnya kaedah penyelesaian yang akan dibuat oleh pihak kerajaan? Terima kasih.

Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri Jasin. Yang Berhormat Jasin ini Tuan Yang di-Pertua, ialah orang yang cukup pakar dalam ekonomi negara. Terima kasih banyak.

Tuan Yang di-Pertua, dua persoalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Jasin. Pertama adalah kenapakah kita terlalu bersandarkan kepada keperluan tenaga kerja. Oleh sebab itulah saya sebutkan tadi di antara usaha yang dibuat oleh kerajaan ialah memindahkan dan mengubahkan sektor-sektor pekerjaan dalam negara kita ini yang berintensifkan buruh beralih kepada kepenggunaan mekanisasi dan automasi, maknanya berpindah kepada *machine*, jentera dan sebagainya.

Memang kalau kita lihat 1.7 juta pekerja asing ini, sebahagian besar mereka adalah bekerja di bidang-bidang 3D ataupun kerja-kerja yang mungkin tidak diminati oleh pekerja tempatan. Saya hendak katakan mungkin benar atau tidak mungkin ada benar, dan ada yang tidak benar. Oleh sebab itulah usaha kerajaan dibuat bagi memindahkan kepada intensif buruh ini kepada mekanisasi dan automasi kepada mesin, jentera dan sebagainya dengan tujuan pekerja-pekerja asing yang berada di negara kita ini akan dapat kita pulangkan. Ini kerana kita telah menggunakan yang dijalankan oleh pekerja tempatan.

Kedua tentang pendidikan juga mungkin jawapan saya boleh kata sebahagiannya betul atau tidak betul, tidak tepat. Ini kerana kalau kita lihat dahulu persepsi masyarakat kepada TVET ataupun teknikal dan vokasional punya *education* ini agak rendah. Mereka menganggap bahawa anak-anak yang berjaya dalam peperiksaan biasa mendapat 5A atau 6A dalam UPSR, 10A dalam SPM, PT3 dan sebagainya adalah mereka menganggap bahawa anak-anak yang berjaya dalam pencapaian masa depan mereka.

Hari ini persepsi ini telah berubah di mana kita telah melihat bahawa kecemerlangan dan kejayaan anak-anak bukan sahaja pada kejayaan peperiksaan dalam akademik, tetapi adalah kejayaan mereka dalam bidang teknikal dan vokasional. Oleh sebab itulah kita banyak meningkatkan usaha-usaha meninggikan dan mempertingkatkan lagi kemahiran *upskilling*, *reskilling* kepada pekerja-pekerja di negara kita ini dengan tujuan kita dapat menambahkan peluang-peluang pekerjaan dan memberi peluang kepada anak-anak yang mungkin agak tertinggal dalam bidang akademik tetapi mereka boleh berjaya cemerlang dalam pekerjaan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Sumber Manusia telah mengenal pasti beberapa punca dan masalah kesukaran pencari kerja termasuk kalangan belia Melayu yang berada di negara kita ini termasuklah dari segi kemahiran dan kebolehan mereka dalam bidang-bidang tertentu dan sesuai dengan pasaran kerja termasuklah dalam industri dan sebagainya. Oleh sebab itulah hari ini TVET dijenamakan oleh Perdana Menteri baru-baru ini yang menggabungkan tujuh kementerian utama yang dipelopori utama oleh Kementerian Sumber Manusia dengan tujuan memberi kesedaran, peluang-peluang kemahiran

kepada pekerja-pekerja di negara kita ini. Saya yakin Tuan Yang di-Pertua, *insya-Allah* kita dapat mengatasi masalah kebanjiran pekerja asing dengan cara kita meningkatkan kemahiran kepada pekerja-pekerja di negara kita ini. Terima kasih.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Menteri yang menjawab. Saya sambut baik usaha yang telah diketengahkan berkaitan dengan 2.1 juta pekerja asing yang mempunyai permit. Akan tetapi merujuk juga kepada jawapan Yang Berhormat Menteri menyatakan keseluruhan pekerja asing sah dan tidak sah sampai mencecah 6.7 juta. Maksudnya daripada 2.1 juta yang kita *target* ada lagi ramai dianggarkan oleh Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia sendiri bagi setiap pekerja asing yang mempunyai permit, mereka sekurang-kurangnya membawa seorang lagi pekerja asing yang tidak sah.

Dalam kemelut ini apakah tindakan kementerian bekerjasama dengan kementerian lain untuk menyelesaikan kehadiran kebanjiran pekerja asing yang tidak mempunyai permit di Malaysia kerana dimaklumkan juga oleh Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia mereka inilah yang menjadi saingan utama bagi graduan TVET. Saya fikir sementara kita sambut baik mungkin kita harus pastikan kebanjiran itu tidak menjadi mala petaka yang mengakibatkan peluang pekerjaan kepada warga Malaysia terkesan. Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Lembah Pantai. Saya sebutkan tadi, sebenarnya *statement* Yang Berhormat itu mungkin boleh dibetulkan sedikit. 2.1 juta ialah pada tahun 2015 dan kita dapat turunkan kepada 1.8 juta pada tahun 2016 dan pada bulan September 2017 ialah 1.7 juta. Sebenarnya usaha-usaha kerajaan buat dengan serius bagi memastikan supaya mungkin ada pekerja-pekerja asing yang *illegal*, yang haram ini, kita tidak tahu. Saya tidak berani mengesahkan bahawa setiap pekerja asing yang *legal* datang, ada pekerja asing di belakang.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Saya rujuk kenyataan Yang Berhormat Menteri. Saya tidak rujuk di mana-mana kecuali secara rasmi. Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Oh ya, tidak mengapa. Kita *check* balik. Tidak mengapa Yang Berhormat. Kita ambil itu sebagai - yang penting usaha kerajaan dibuat. Kita tidak bertolak ansur dalam perkara ini. Umpama saya hendak sebut kepada Yang Berhormat, kita ada enam sektor yang dibenarkan kepada pekerja asing. Kalau kita tengok permohonan yang dibuat oleh majikan, kita ada majikan jumlah 632,937 dalam perkilangan dan kalau saya hendak tunjukkan di sini ialah kita tolak permohonan-permohonan ini bukan kita benarkan semuanya permohonan yang dibuat daripada 7,594 majikan yang memohon dengan jumlah 332,224 pekerja asing yang dipohon, kita hanya benarkan 215,000 sahaja, yang benar-benar perlu.

Sebenarnya kita ada jawatankuasa tertinggi, *high level committee* yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang berbincang secara khusus bersama pelbagai kementerian dalam kita menangani isu pekerja asing ini. Kita hendak supaya pekerja asing ini dikurangkan dan isi oleh pekerja-pekerja tempatan.

Di antara langkah-langkah yang diambil lain oleh Kementerian Sumber Manusia untuk mengawal pekerja asing ialah perakuan *JobsMalaysia*. Majikan yang memerlukan pekerja asing perlu mendapatkan perakuan *JobsMalaysia* daripada Jabatan Tenaga Pekerja. Maksudnya kita

tidak benarkan. Mereka tidak boleh. Mereka mesti mendapat permohonan daripada kita, *clear JobsMalaysia* dan baru sudah sahkan bahawa tidak ada pekerja tempatan baru kita benarkan.

■1110

Juga levi, bayaran levi akan ditanggung oleh majikan. Ini suatu pendekatan-pendekatan diambil supaya mereka dapat merasa berat untuk mengambil pekerja asing dan lebih ambil pekerja tempatan.

Dasar Gaji Minimum juga usaha kita untuk menarik penglibatan pekerja tempatan. Mekanisme G2G pengambilan pekerja asing dan banyak lagilah Yang Berhormat, langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan bagi kita pastikan supaya pekerja tempatan diberikan keutamaan dan pekerja asing kita akan cuba kurangkan dari semasa ke semasa. Terima kasih atas perhatian Yang Berhormat atas perkara ini.

6. Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu] minta Menteri Kewangan menyatakan apakah bandar-bandar utama yang akan dilalui oleh ECRL di Terengganu dan faedah yang akan dinikmati oleh tempat-tempat tersebut.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wira Othman bin Aziz]: Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini, projek laluan Rel Pantai Timur ataupun East Coast Railing merupakan projek infrastruktur nasional yang memberi manfaat besar kepada negeri-negeri di koridor ekonomi Pantai Timur ataupun ECER iaitu Pahang, Terengganu dan Kelantan. Projek ini menghubungkan Pantai Timur dan Lembah Klang dan bakal menjadi pemangkin transformasi negeri-negeri di Pantai Timur Semenanjung termasuk Terengganu.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat juga, projek ECRL melibatkan dua fasa iaitu fasa pertama dari Gombak, Selangor ke Tumpat, Kelantan dan fasa kedua dari Gombak ke Pelabuhan Klang, Selangor yang dengan keseluruhan jaraknya sejauh 688 kilometer. Projek ini dilaksanakan oleh Malaysia Railing Sdn. Bhd. (MRL) iaitu syarikat milik penuh Kementerian Kewangan Diperbadankan dan dijangkakan siap sepenuhnya secara serentak pada penghujung tahun 2024.

Untuk maklumat Yang Berhormat Kuala Terengganu, bagi negeri-negeri di Terengganu, jajaran ECRL ini akan melintasi 229.6 kilometer, melibatkan pembinaan lapan stesen iaitu di bandar-bandar seperti Chukai, Kemasek, Dungun, Pengkalan Berangan, Kerteh, Kuala Terengganu, Telaga Papan di Bandar Permaisuri dan juga Kampung Raja. Penglibatan bandar-bandar utama ini adalah atas perbincangan dan persetujuan bersama dengan Kerajaan Negeri Terengganu. Selain daripada stesen-stesen utama itu, dari Chukai ke Kampung Raja sepanjang jajaran ECRL ini, kita juga menyediakan satu stesen *provisional* yang bakal dibina kemudiannya di Bandar Kerteh melalui jajaran *superline* antara stesen Kemasek dan stesen Dungun.

Untuk makluman Yang Berhormat, pelaksanaan ECRL ini akan memberi manfaat secara langsung kepada komuniti yang tinggal di sepanjang jajaran projek. Selain daripada aspek sosioekonomi, projek nasional ini berkeupayaan meningkatkan aktiviti perniagaan kecil dan besar, meningkatkan peluang pekerjaan, menambahbaikkan sistem pengangkutan awam, meningkatkan

merangsang industri logistik dan juga industri pelancongan di Pantai Timur dan sudah tentulah selain daripada itu, berkaitan dengan aspek pembangunan harta tanah dan juga perdagangan berkaitan dengan pembangunan keseluruhan.

Secara umumnya, boleh kita katakan bahawa projek ECRL ini akan memberi manfaat yang besar dan memberi kesejahteraan kepada rakyat, meningkatkan jaringan sistem pengangkutan awam dan kesalinghubungan di antara luar bandar dan juga antara bandar-bandar di Wilayah Ekonomi Pantai Timur dan Klang Valley. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kerajaan telah menyatakan pelaksanaan ECRL ini adalah untuk kebaikan rakyat dan ianya telah dilaksanakan dalam waktu yang singkat. Soalannya, di antara kemusykilan kita adalah kenapa kita terburu-buru melaksanakan projek ini tanpa satu kajian yang lebih terperinci, seolah-olah kita mengikut rentak pemborong atau kontraktor daripada negara China. Kita adalah negara demokrasi, patut lagi banyak *consultation* dengan rakyat dilakukan untuk mendapat kesan sampingan.

Saya hendak bagi contoh satu kampung sahaja di kawasan berdekatan Kuala Terengganu, Kampung Pakpa melibatkan robohan satu dewan serba guna rakyat, padang bola komuniti tempatan, kawasan rekreasi, pusat komuniti budaya tempatan dan berpuluh-puluh lagi rumah. Ini hanyalah satu kampung yang kecil. Ini adalah satu tumpuan ataupun nadi kampung tradisi yang mana akan dikesankan begitu besar oleh projek tersebut.

Jadi, di sinilah kita minta kerajaan supaya mengambil pandangan yang lebih sensitif dan prihatin tentang rakyat tempatan. Kalau dikatakan ada manfaat yang akan diperolehi oleh rakyat tempatan, kita ingin tahu secara terperinci, apakah kesan-kesan kepada sosioekonomi rakyat sebelum kita fikirkan tentang kepentingan ekonomi. Jadi saya hendak tanya, adakah kita akan lebih menghalusi impak dalam waktu kita mengejar untuk melaksanakan satu projek yang saya rasa tidaklah begitu kritikal untuk dilaksanakan waktu yang terpendek. Terima kasih.

Dato' Wira Othman bin Aziz: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Kuala Terengganu. Kita semua sedia maklum, kita ada ECER dan juga NCIA, kita ada Iskandar yang telah pun dibuat semasa zaman Dato' Sri Tun Abdullah Badawi menjadi Perdana Menteri lagi dan semua orang sedar bahawa ketidakseimbangan antara pembangunan wilayah iaitu antara Pantai Barat dan juga Pantai Timur. Di bawah kepimpinan Dato' Sri Mohd. Najib, kita telah pun mengambil ketetapan bahawa untuk merangsang ekonomi Wilayah Pantai Timur ini, selain daripada aktiviti yang diwujudkan yang telah dilaksanakan oleh ECER itu sendiri, maka antara perkara yang akan menjadi *game changer* kepada wilayah ini adalah dengan wujudnya ECRL ini.

Sudah tentu kita sedar bahawa sebelum ini, ekonomi yang agak terkebelakang ini mungkin kerana faktor geografinya. Bila kita wujudkan ECRL ini, kerajaan menjangkakan pertumbuhan khusus untuk pembangunan Wilayah Pantai Timur ini sahaja akan dapat meningkatkan sekurang-kurangnya 1.5 peratus KDNK, khusus untuk ekstra daripada apa yang sedia ada ketika ini bagi negeri-negeri Pantai Timur.

Berkaitan dengan kajian, kajian ini sudah tentulah bukan kita buat semberono untuk membina sebuah dewan tetapi kita hendak buat satu projek yang berskala besar melibatkan perbelanjaan yang cukup besar dan jajaran yang cukup panjang. Selain daripada impak-impak

positif yang kita dapat iaitu pembangunan wilayah, kemudian mengangkut kargo dan sebagainya tetapi juga hal-hal berkaitan dengan kesan terhadap masyarakat. Sudah tentu kita mengakui dalam sepanjang jajaran-jajaran tersebut, akan wujud beberapa tempat, kampung yang terpaksa dikorbankan mungkin satu, dua, tiga perkara-perkara rekreasi, dewan, padang bola dan sebagainya tetapi ini adalah sebahagian daripada usaha yang kita kira keputusan yang terbaik, demi untuk maslahat umum untuk jangka panjang.

Jadi kita tidak meninggalkan langsung pandangan rakyat, sedang kita sendiri membuat perbincangan secara halus, *detail* bersama dengan kerajaan negeri dan sudah tentulah melibatkan pejabat daerah dan sebagainya. Jadi, saya yakin bahawa projek ini secara umumnya akan membawa kesejahteraan kepada masyarakat besar di sepanjang laluan jajaran tersebut. Terima kasih.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Bagan Serai ingin mengambil kesempatan juga untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana telah memaklumkan pelancaran ECRL ini kerana ini bakal merubah pembangunan dan kehidupan rakyat di kawasan Pantai Timur. Inilah satu-satunya Perdana Menteri yang begitu serius memikirkan tentang masalah di Pantai Timur.

Soalan tambahan saya, berapakah sebenarnya anggaran jumlah peluang pekerjaan yang diciptakan berdasarkan pembinaan ECRL ini di setiap negeri yang dia lalu. Apakah faedah dan peluang yang boleh diambil oleh masyarakat setempat dan akhirnya, adakah perancangan kerajaan untuk melatih rakyat mempunyai kepelbagaian kepakaran mengenai aspek rel ini. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Wira Othman bin Aziz: Terima kasih Yang Berhormat Bagan Serai. Yang Berhormat Bagan Serai ini ada ECRL, tak ada kan? Untuk peluang-peluang pekerjaan pertama sekali berkaitan dengan MRL Railing Sdn. Bhd. ini sendiri. Buat masa ini, peluang pekerjaan yang telah pun dibina atau diwujudkan, kita telah mengambil seramai 78 orang pekerja ketika ini dan kita jangkakan jumlah keseluruhan kakitangan MRL sendiri adalah 270 orang.

Kemudian, apabila pembinaan ini bermula, kemuncaknya kalau semua sudah bergerak, semua fasa daripada Port Klang ke Gombak, Gombak sampai Tumpat, bila berjalan kita jangkakan sehingga mencecah 10,000 orang akan terlibat dalam pelbagai bidang pekerjaan ketika pembinaan.

■1120

Kemudian setelah selesai, kita jangkakan bahawa kita memerlukan sekitar 3,600 orang pekerja. Maka sebab itulah kerajaan telah pun dengan kerjasama ECRL mewujudkan kerjasama untuk mengadakan pusat latihan kecemerlangan industri kereta api ini yang telah pun disebut dalam bajet baru-baru ini oleh Perdana Menteri dengan harapan kita akan bekerjasama dengan universiti-universiti. Contohnya UMP di Pahang, kemudian Universiti Sultan Zainal Abidin di Kuala Terengganu dan juga UniKL serta juga UiTM, Universiti Malaysia Kelantan dan juga Universiti Tun Hussein, khusus untuk melatih bakal-bakal pekerja ini yang akan terlibat dalam pengurusan menguruskan ECRL apabila ianya telah pun berjalan *full-flesh* iaitu dari segi operasi di masa depan. Jadi yang lain-lain sudah tentulah kalau secara *indirect* banyak lagi peluang-peluang pekerjaan akan diwujudkan hasil daripada limpahan ataupun *spin off* projek ini apabila ianya siap kelak. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Setiu, minat lagi? Ya.

Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya mengenai dengan perancangan jangka panjang ataupun jangka pendek di kawasan-kawasan berkenaan dengan pembangunan ekonomi, di kawasan-kawasan yang akan dilalui oleh ECRL ini. Terima kasih.

Dato' Wira Othman bin Aziz: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Setiu. Seperti yang telah kita sebutkan tadi, jangka panjangnya kita akan membina sehingga tahun 2024 tetapi yang lebih penting adalah impak ataupun kesan sampingan yang akan wujud apabila siapnya projek ini baik dari segi ekonomi, kemudian dari segi penambahbaikan infrastruktur, jaringan sistem pengangkutan, kemudian pembangunan wilayah, *transit-oriented development* iaitu bagaimana setiap kawasan di sekitar stesen-stesen yang akan diwujudkan ini dapat membangun, yang ini adalah perlu perancang peringkat kerajaan negeri dan juga sudah tentu pihak swasta. Kemudian kita juga melihat dari segi mesra alam apabila kereta api ini diwujudkan dan menggunakan elektrik, maka sudah tentu ia akan mengurangkan pengeluaran karbon dan sebagainya.

Kemudian, sudah tentulah setiap negeri sama ada di Pahang, Terengganu dan juga Kelantan, unit perancang ekonomi negerinya, kerajaan negerinya pula melihat daripada sekarang apakah ruang dan peluang. Macam mana contoh kalau di Terengganu itu sendiri kita melihat sektor selain daripada minyak dan gas, kita hendak bawakan minyak ataupun gas itu hendak dihantar melalui rel ke pantai barat dengan lebih cepat. Kemudian yang tidak penting, yang kurang pentingnya berkaitan dengan meningkatkan lagi industri pelancongan di Pulau Perhentian, kemudian di Pulau Redang dan sebagainya. Ini adalah sebahagian daripada contoh-contoh yang kita boleh dapat apabila siapnya sistem jajaran keseluruhan antara Pantai Timur–Pantai Barat ini sampailah ke Johor Bahru, sampai ke utara di Padang Besar dan juga Bukit Kayu Hitam.

Maka saya yakin bahawa industri pelancongan itu akan bertumbuh dengan lebih cepat, dengan lebih pesat apabila siapnya projek ini. Maka kita serahkan balik di peringkat kerajaan negeri, peringkat ECER dan sudah tentulah di peringkat Kerajaan Persekutuan perlu duduk berbincang secara menyeluruh, apakah faedah dan peluang untuk kita buat untuk jangka pendek dan jangka panjang kesan daripada hasil projek ini. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

7. Dr. Mansor Bin Abdul Rahman [Sik] minta Menteri Kesihatan menyatakan berapakah statistik penyakit berjangkit di Malaysia dari tahun 2015-2017, dan adakah penyakit berjangkit ini berpunca daripada pekerja asing kerana pekerja asing kini kerap menggunakan pengangkutan awam dan ini boleh menyebabkan penyakit-penyakit tersebut merebak. Adakah pemeriksaan kesihatan berkala kerap dilakukan untuk pekerja asing bagi mengelakkan penyakit berjangkit.

Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Sik, Yang Berhormat Dr. Mansor. Soalan ini ada tiga soalan dalam satu soalan. Satu, berkenaan dengan statistik penyakit berjangkit di Malaysia 2015 hingga 2017. Kedua, tentang pekerja asing yang naik pengangkutan awam, adakah mereka boleh merebak penyakit mereka kepada orang tempatan. Ketiga, tentang pemeriksaan kesihatan di kalangan pekerja asing.

Tuan Yang di-Pertua, statistik yang ada penyakit-penyakit, dia ada lebih daripada 30 penyakit yang berjangkit yang *notifiable* Tuan Yang di-Pertua tetapi saya sebut cuma yang sepuluh

yang utama Tuan Yang di-Pertua bagi tiap-tiap tahun 2015 hingga 2017. Bagi tahun 2015, sepuluh penyakit berjangkit yang terutama ialah denggi, ini paling banyak 120,000. Tuberkulosis - 24,000. *Hand, foot and mouth disease* - 22,000. *Food poisoning* - 14,000. Leptospirosis - 8,000. Virus hepatitis dan seterusnya makin kurangnya, virus hepatitis - 6,000. HIV - 3,300. Malaria - 2,300, gonorea dan juga siflis.

Kemudian bagi 2016, kes-kes berubah Tuan Yang di-Pertua. Denggi masih lagi tinggi, paling tinggi. Kemudian *hand, foot and mouth disease* kedua, tuberkulosis turun nombor tiga, *food poisoning*, virus hepatitis, leptospirosis, HIV, gonorea, malaria dan siflis.

Bagi 2017 setakat September, yang paling banyak masih lagi denggi. Yang kedua *hand, foot and mouth disease*. Ketiga tuberkulosis. Keempat *food poisoning*. Kelima virus hepatitis, leptospirosis, malaria, gonorea, siflis dan chikungunya. Ini ikut jumlah kes Tuan Yang di-Pertua, denggi yang paling utama dan seterusnya yang ke bawah makin sedikit.

Tuan Yang di-Pertua, tentang penyakit pekerja asing yang naik pengangkutan awam, naik bas, naik LRT dan sebagainya, adakah mereka boleh merebakkan penyakit mereka kepada orang lain. Ini Tuan Yang di-Pertua, bergantung pada kes yang berkenaan. Kalau tuberkulosis, yes, ia boleh merebak kalau dia batuk dalam bas, dalam LRT, ia boleh merebak kepada orang lain. Leptospirosis tidak akan merebak melalui pengangkutan awam.

Denggi pun merebak melalui gigitan nyamuk tetapi dalam hal ini Tuan Yang di-Pertua, kita juga menggalakkan supaya pengusaha bas ini dia *spray* pagi-pagi dalam bas dia takut ada nyamuk yang naik bas ataupun naik kereta. Memang saya pernah pergi kempen tentang perkara ini, tiap-tiap pagi kita galakkan pengusaha bas ini *spray* dalam bas supaya nyamuk kalau naik bas, dia mati. Akan tetapi kes pengalaman yang lepas, bila musim perayaan kes di Lembah Klang berkurangan tetapi kes di Kelantan contohnya, meningkat kerana mereka yang dah kena penyakit denggi di Kuala Lumpur, dia tak bagi masuk di Kuala Lumpur tetapi dia balik ke Kota Bharu dan di sana kes bertambah kerap kali musim perayaanlah Tuan Yang di-Pertua.

Jadi ini Tuan Yang di-Pertua tentang pemeriksaan kesihatan, kita ada sistem kita yang dah lama berjalan iaitu di Semenanjung kita ada syarikat FOMEMA, di Sabah ada satu syarikat yang bernama Growarisan dan di Sarawak belum ada lagi syarikat yang dikhaskan untuk pemeriksaan pekerja asing. Kita masih lagi berunding dengan pihak kerajaan negeri tentang syarikat mana yang mereka bersetuju untuk dilantik sebagai peneraju kepada pemeriksaan pekerja asing.

Sebelum pekerja asing masuk ke Malaysia, mereka kenalah buat saringan di negara masing-masing. Kemudian bila sampai ke sini dalam masa sebulan, dia kena buat pemeriksaan sekali lagi. Kalau di Semenanjung oleh FOMEMA dan di Sabah Sarawak oleh syarikat lain. Untuk bulan yang pertama, lepas itu hujung tahun yang pertama, dia kena buat pemeriksaan sekali lagi dan hujung tahun yang kedua juga pemeriksaan sekali lagi. Selepas itu kalau dia masih lagi kekal di sini, dia boleh buat pemeriksaan dua tahun sekali. Kita dapati, walaupun dah dibuat pemeriksaan di negara masing-masing tetapi masih lagi ada kes-kes yang kita kesan di sini iaitu lebih kurang *2.5 to 3.5 percent* yang masih tidak lulus pemeriksaan di sini dan mereka dihantar balik Tuan Yang di-Pertua.

■1130

Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri yang menjawab soalan. Yang Berhormat Menteri, adakah pekerja-pekerja

asing ini yang mendapat rawatan apabila mereka mendapat penyakit kronik seperti TB dan juga penyakit-penyakit kronik yang lain. Adakah bilangan mereka yang mendapat rawatan di Malaysia ini bertambah dan satu lagi, adakah kementerian juga memainkan peranan dalam proses untuk semakan maklumat mereka daripada negara mereka dan adakah data yang diberikan oleh kerajaan mereka daripada negara mereka mempunyai bukti yang kukuh menunjukkan tahap kesihatan seseorang pekerja asing itu. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Soalan tadi, ada yang saya dah jawab tadi tentang berkenaan dengan tahap kesihatan pekerja-pekerja asing ini. Memang kita berdasarkan kes-kes yang kita periksa di sini. Mereka dah periksa di negeri masing-masing, kemudian periksa di sini, memang saya sebut tadi ada *rejection* kerana 2.5 to 3.5 percent Tuan Yang di-Pertua dengan izin, dan mereka semua dihantar balik tetapi tidak ada statistik daripada negara sana untuk kita tengok di sini, tak ada. Cuma kita berdasarkan individu ataupun jumlah mereka yang datang dan kita buat pemeriksaan di sini.

Tuan Yang di-Pertua, penyakit kronik yang dirawat di sini memang banyak Tuan Yang di-Pertua yang di kalangan pendatang-pendatang asing ini. Ada yang datang dengan sah, ada yang datang tak sah. Contoh saya bagi, tuberkulosis atau penyakit TB. Di kalangan warga asing, tahun 2013, 3,498 kes. Yang dikesan di kalangan mereka yang secara sah sebanyak 2,206, yang PATI ataupun yang masuk tanpa permit ini sebanyak 1,156 dan yang tak tahu statusnya ini sebanyak 140. Jumlah ini kita lihat ini makin berkuranganlah Tuan Yang di-Pertua. Daripada 2014 dah turun kepada 3,408 orang dan pada 2015 sebanyak 2,900 dan begitulah yang masuk secara sah, yang masuk secara tak sah dan yang status tidak diketahui.

Macam kes TB ini Tuan Yang di-Pertua, memang kalau kita kesan di kalangan mereka-mereka yang datang tanpa izin ini, kita bagi rawatan kepada mereka sehingga *sputum negative*. Makna tak ada kuman dalam kahak mereka, kita hantar balik tetapi kerap kali dia datang balik, dia tak dapat rawatan di negara mereka. Dia datang balik ke sini tetapi dah jadi *resistant* kepada ubat biasa, kita terpaksa bagi ubat yang lebih mahal, *second line* punya *treatment*, maka kos makin tinggi. Ini masalah yang kita masih hadapi sehingga sekarang, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Baiklah Yang Berhormat, tamat sudah sesi pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan.

[Masa untuk Pertanyaan pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

USUL**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN
DARIPADA PERATURAN MESYUARAT****11.33 pg.**

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai dibahas dan diputuskan dalam peringkat Jawatankuasa bagi Kementerian Komunikasi dan Multimedia, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat serta Kementerian Pertahanan bagi Rang Undang-undang Perbekalan 2018 dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2018 dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi hari Selasa, 28 November 2017.”

Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2018****DAN****USUL****ANGGARAN PEMBANGUNAN 2018****Jawatankuasa**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan ke atas “Rang Undang-undang Perbekalan 2018 (DR.38/2017) dan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2018 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.” **[Hari Kelapan]**

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Tuan Yang di-Pertua, *point of order*.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Tuan Yang di-Pertua, saya merujuk kepada Peraturan Mesyuarat 43. Tuan Yang di-Pertua, ini berkenaan dengan satu usul yang telah pun saya failkan pada hari Khamis yang lalu di mana dipertikaikan jumlah kiraan undi di mana kita ada belah bahagi pada 20 November untuk Kementerian KPDNKK. Tuan Yang di-Pertua, saya tidak menerima sebarang balasan berkenaan dengan usul itu. Jadi saya nak minta apakah status usul tersebut dan sekiranya saya boleh dapat satu balasan dalam masa yang terdekat kerana kita hanya ada dua, tiga hari lagi untuk persidangan Dewan Rakyat. Jadi, saya minta satu penjelasan daripada Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Puchong. Terima kasih di atas pencerahan untuk mendapatkan penjelasan mengenai usul di bawah Peraturan Mesyuarat 43. Saya difahamkan bahawa Yang Berhormat Tan Sri Speaker sedang meneliti usul-usul yang telah dibawa ke pengetahuan Yang Berhormat Tan Sri Speaker untuk mendapatkan petua-petua dan keputusan Yang Berhormat Speaker. Saya harap dalam masa terdekat, *insya-Allah* Yang Berhormat Puchong akan dapat jawapan daripada Yang Berhormat Tan Sri Speaker.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Maksud B.47 [Jadual] -
Maksud P.47 [Anggaran Pembangunan 2018] –**

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Kepala Bekalan B.47 dan Kepala Pembangunan P.47 di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Permatang Pauh.

11.36 pg.

Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Terima kasih Tuan Pengerusi memberikan saya peluang untuk membahaskan maksud Bekalan dan Pembangunan 47, Kementerian Komunikasi dan Multimedia. Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada maksud Butiran 0100000 – Komunikasi Strategik dan Industri Kreatif muka surat 426, Butiran kecil 010100 – Dasar dan Perancangan Strategik dibacakan sekali dengan Butiran-butiran kecil 010600 – Perkhidmatan Komunikasi dan Pembangunan Masyarakat (JaPen), 011500 – Rancangan Penyiaran Malaysia (RTM), 011800 – Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA).

Tuan Pengerusi, Kementerian Komunikasi dan Multimedia disebutkan visi dan misinya membangun masyarakat terhubung dan berinformasi bertujuan antara lainnya membina masyarakat bermaklumat. Visi dan misi itu kelihatan sungguh murni namun hakikat dan kenyataannya, agensi-agensi di bawah KKMM khususnya Jabatan Penerangan Malaysia, JaPen, Radio dan Televisyen Malaysia (RTM) dan Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA) hanyalah merupakan medium, saya rasa untuk menjadi propaganda mempromosikan kepentingan satu pihak sahaja iaitu kerajaan khususnya UMNO dan memburuk-burukkan pembangkang. Kesemua peruntukan ini dirancang dan dilaksanakan dengan menggunakan dan memperalatkan dana awam dan yang mahu diluluskan hari ini, dana awam yang diluluskan *insya-Allah*, kalau kita tidaklah mahu luluskan, kalau disalahgunakan.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Saya mengamati peruntukan Program Komunikasi Strategik dan Industri Kreatif, anggarannya bertambah daripada RM801.9 juta bagi tahun 2017 kepada RM828.2 juta bagi tahun

2018, bererti pertambahan RM26.3 juta. Tuan Pengerusi, secara khususnya saya ingin menyentuh 011800 – Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA) di muka surat 427. JASA mempunyai kakitangan seramai 272 orang dengan dibayar emolumen sebanyak RM12.8 juta. Semakan saya ke atas senarai perjawatan 2018 mendapati Ketua Pengarah Jabatan Hal Ehwal Khas dibayar gaji berdasarkan kod gaji VU7 sehingga maksimumnya RM20,592.

■1140

Lebih dari gaji Menteri Komunikasi dan Multimedia yang sebanyak RM14,907.20 sebulan. Ini menunjukkan bahawa gaji ini lebih daripada gaji Menteri lagi. Apakah tugas-tugas yang sungguh istimewa ini mendapat bayaran lebih daripada gaji Menteri? Daripada pertambahan RM26.3 juta untuk Program Komunikasi Strategik dan Industri Kreatif itu, JASA menerima RM7.13 juta atau 27 peratus daripada penambahan itu. Saya mempersoalkan apakah rasionalnya membayar emolumen RM12.8 juta untuk 272 kakitangan JASA yang cuma berperanan semata-mata sebagai juru kempen UMNO dan Barisan Nasional? Saya ingin bertanya apa kewajaran membayar gaji Ketua Pengarah Jabatan Khas dan Ketua Penerangan JASA dibayar gaji pokok maksimumnya lebih daripada gaji seorang Menteri Kerajaan Persekutuan?

Apakah keperluan gaji Ketua Pengarah JASA melebihi gaji kakitangan awam yang berkhidmat berpuluh-puluh tahun? Saya membangkitkan ini, bukan kah lebih wajar emolumen kakitangan JASA itu dibayar langsung oleh ibu pejabat UMNO dan BN? Sepatutnya tidak dibayar dengan menggunakan dana awam yang menjadi hasil cukai, keringat rakyat jelata, termasuk kami daripada pihak pembangkang.

Tuan Pengerusi, saya ingin sekarang masuk menyentuh Butiran kecil 011500 – Rancangan, Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM); muka surat 427. Sehubungan itu, saya menggesa supaya RTM sebagai agensi rasmi bagi penyiaran radio dan televisyen negara berperanan secara bebas dan adil dengan memberi liputan yang saksama kepada semua parti-parti politik, termasuk kami pembangkang.

Saya mencadangkan RTM berperanan aktif bagi membentuk pemikiran rakyat yang dapat membuat pilihan pada maklumat dalam pilihan raya umum yang akan datang dan tidak mengulangi kesilapan dan kebobrokan yang lalu dengan hanya semata-mata menjadi agensi penyiaran untuk kepentingan politik kepartian sahaja, khususnya untuk UMNO dan Barisan Nasional. Saya mohon jaminan agar RTM membenarkan semua parti-parti politik yang bertanding dalam pilihan raya umum akan datang diberikan peluang mendapat waktu penyiaran yang saksama, terutama dalam memberi penerangan dan pembentangan manifesto.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh tentang Butiran 020000 - Infrastruktur Telekomunikasi dan Ekonomi Digital; muka surat 427. Dengan memohon dibacakan sekali Butiran kecil 020100 - Infrastruktur dan Aplikasi; muka surat 427, bersama Butiran di bawah maksud Pembangunan P.47 - Butiran 31000 - Projek Jalur Lebar; muka surat 431.

Pertama sekali, saya ingin menarik perhatian mengenai komitmen kerajaan supaya perkhidmatan jalur lebar internet di universiti awam ditingkatkan kepada maksimum 100GB sesaat. Seperti mana yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Pekan, ketika membentangkan Rang Undang-undang Perbekalan 2017 pada 21 Oktober 2016 dalam Dewan yang mulia ini. Saya ingin tahu status terkini berkaitan dengan pelaksanaannya. Saya mohon jawapan Yang Amat Berhormat Menteri mengenai perkara ini kerana prestasi perlaksanaannya tidak disebutkan dalam prestasi

outcome Kementerian, khususnya mengenai inisiatif peningkatan perkhidmatan jalur lebar internet di universiti awam. Berkaitan dengan prestasi *outcome* Kementerian, saya ingin tahu berapakah peratusan semasa bagi tahun 2017 liputan jalur lebar di kawasan berpenduduk dalam negara?

Saya ambil maklum bagi tahun lalu, kadar 87 peratus. Maka, berapakah kadar liputan terkini? Berapakah peratusan semasa bagi tahun 2017 dengan kelajuan jalur lebar maksimum 20 mbps? Pada tahun lalu, cuma 38 peratus. Maka, berapakah prestasi terkini? Tuan Pengerusi, saya ingin menarik perhatian mengenai laporan, dengan izin, *The State of the Internet Quarterly 1st, 2017* yang diterbitkan oleh Akamai. Laporan Akamai itu diiktiraf antarabangsa sebagai petunjuk prestasi akses dan capaian internet di seluruh dunia. Menurut laporan ini, dengan izin, *average connection speed internet* di Malaysia sehingga suku tahun pertama 2017 adalah purata 8.9 mbps. Ini meletakkan Malaysia pada *ranking* 62 di dunia, berbanding dengan Korea Selatan nombor satu, Singapura jiran kita - 67 dan Thailand - 21. Apa fasal kita nombor 62? Purata kelajuan internet Korea Selatan adalah 28.6 mbps, Singapura - 20.3 mbps, dan Thailand - 16 mbps.

Malaysia masih tidak dapat menandingi kelajuan internet negara jiran ASEAN seperti Thailand dan Singapura. Apatah lagi jika dibandingkan dengan Korea Selatan. Saya ingin tahu, sejauh mana pemantauan Kementerian berhubung dengan kadar bayaran penggunaan internet yang telah ditetapkan oleh syarikat-syarikat telekomunikasi tempatan? Saya menyarankan agar kadar harga pakej internet dalam negara ini tidak membebankan pengguna dan berada pada tahap satu harga berpatutan sebagai mana kadar yang terdapat di Korea Selatan. Putaran kelajuan internet Korea Selatan adalah 28.6 mbps. Manakala, purata kelajuan internet Malaysia adalah 8.9 mbps.

Saya ingin mengamati purata kadar bayaran penggunaan internet bagi 10mbps di Korea Selatan adalah RM99 sebulan. Manakala, di Malaysia RM160 sebulan. Apa fasal makin mahal tapi kelajuannya kurang? Saya ingin tahu apakah langkah yang diambil oleh Kementerian Komunikasi dan Multimedia bagi meningkatkan perkhidmatan jalur lebar internet agar kelajuan internet di negara ini mampu setanding negara-negara jiran seperti Singapura dan Thailand? Kalau tidak pun, mampu menyaingi Korea Selatan, Hong Kong dan Jepun.

Tuan Pengerusi, akhirnya saya ingin menyarankan pihak Kementerian memastikan dasar dan perancangan strategik bidang komunikasi dan multimedia ini benar-benar menumpukan bagi peningkatan melahirkan masyarakat bermaklumat dan meningkatkan akses dan capaian internet yang lebih pantas, efisien dan meluas kepada rakyat daripada lebih asyik menumpukan perhatian untuk mendakwa dan menghukum pengguna *online* yang berbeza pendapat. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Lenggong.

11.47 pg.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Lain macam nampak pagi ini bila balik daripada ko-bazar. Hebat nampak. Terima kasih dan tahniah kerana berbakti demi Malaysia. Terima kasih kerana beri peluang untuk perbahasan peringkat Jawatankuasa, Anggaran Perbelanjaan Kementerian Komunikasi dan Multimedia. Butiran 020000 - Infrastruktur Telekomunikasi dan Ekonomi Digital. 040400 - MDeC dan 31000 Ekonomi Digital. Kita tahu bahawa ini merupakan trend yang semakin berkembang dalam landskap perniagaan global dengan jumlah organisasi perniagaan dan pelaburan yang melaksanakannya semakin

meningkat. Ekonomi digital merujuk kepada suatu yang berdasarkan kepada satu teknologi pengkomputeran digital dan dijangka menjadi cara perniagaan dijalankan pada masa hadapan. Kaedah yang digunakan kita lihat terbukti menjadi lebih berkesan dari segi kos dan masa, berbanding dengan kaedah tradisional.

Ekonomi digital menjadi antara penyumbang utama kepada keluaran dalam negara kasar (KDNK) tahun ini iaitu sekitar 18.2 peratus. Pelbagai inisiatif telah pun dilaksanakan oleh kerajaan dalam mengembangkan pertumbuhan ekonomi digital dalam negara, termasuklah dengan inti pati pembentangan Bajet 2018 yang dikemukakan baru-baru ini oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan. Antara inisiatif kerajaan terhadap pembangunan ekonomi digital adalah geran sepadan di bawah Dana Strategik Pelaburan Domestik bagi menaik taraf kemudahan *smart manufacturing*. Difahamkan RM245 juta. Juga difahamkan sebuah pusat sehenti syarikat korporat dan universiti juga dibangunkan untuk produk serta melonjakkan daya inovasi.

■1150

Penyediaan *digital free trade zone* yang pertama di luar negeri China— ini saya ucapkan tahniah kepada kerajaan— ini merupakan platform yang cukup baik bagi melonjakkan negara dalam perdagangan elektronik dengan menjadikan KLIA sebagai *gateway* serantau. Fasa pertama DFTZ menyasarkan penyertaan difahamkan tidak kurang dari 1,500 PKS dalam ekonomi digital dan dijangka menarik pelaburan sebanyak RM700 juta. Ini satu keadaan yang cukup besar dan mewujudkan peluang pekerjaan yang cukup banyak. Difahamkan. Untuk tujuan itu, RM8.35 juta diperuntukkan bagi memperbaiki penyediaan infrastruktur fasa 1 DFTZ di KLIA ini dan difahamkan ia akan memberi kesan besar kepada ekonomi digital dalam negara ini.

Saya ingin mendapat maklumat daripada kementerian, apakah peranan yang kementerian lakukan dalam usaha-usaha sebagaimana disebut yang disasarkan oleh kerajaan untuk memastikan bidang ini menjadi bidang yang penting dan dapat dimainkan peranannya oleh rakyat? Untuk itu juga, saya mohon mendapat penjelasan daripada kementerian, penglibatan semua golongan termasuk wanita, golongan muda terhadap ekonomi digital pada masa ini dan bagaimana kementerian bercadang untuk menarik pula contohnya golongan suri rumah supaya mereka dapat juga terlibat dalam perniagaan ini, perniagaan secara atas talian bagi membantu menambahkan pendapatan keluarga kalau suami bekerja, mereka tidak bekerja? Jadi bagaimana peranan kementerian dalam usaha ini?

Kita juga lihat bahawa segmen ekonomi digital ini banyak berkait rapat dengan revolusi industri 4.0 yang menekankan tentang aspek automasi dan *internet*, LOT, di mana hampir dalam kesemua aspek kehidupan. Ini termasuklah penekanan kepada kesepaduan data, peranti dan *gadget* pintar serta kaitannya dengan *internet* dan aktiviti harian manusia di peringkat global. Jadi, apakah impaknya kepada masyarakat terhadap teknologi pintar yang mampu menggantikan penggunaan tenaga kerja manusia pada masa akan datang serta kesan buruk yang bakal berlaku jika penggunaan teknologi ini disalahgunakan oleh mereka yang tidak bertanggungjawab?

Saya juga mahu mendapat penjelasan daripada pihak kementerian, bagaimana juga mahu melibatkan rakyat terutama sekali di kawasan-kawasan luar bandar supaya mereka juga boleh memasarkan produk dan sebagainya menggunakan teknologi ini tanpa mereka contohnya membuka pusat-pusat atau ruang-ruang perniagaan di bandar? Mereka hanya duduk di kawasan luar bandar dan boleh memasarkan perniagaan mereka dengan menggunakan teknologi ini. Jadi

saya harap usaha-usaha yang dibuat oleh kementerian ini dapat terus dilakukan dan akan membuahkan hasil yang baik kepada rakyat.

Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, berkaitan dengan ini juga, saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kementerian, berapakah sudah tindakan-tindakan diambil oleh pihak kementerian khususnya terhadap penyalahgunaan laman *internet* media sosial ini yang melanggar peraturan dan sebagainya? Berapakah tindakan-tindakan yang telah diambil dan apakah penguatkuasaan yang dilakukan hari ini pada pandangan kementerian sudah memadai, sudah berkesan? Ini kerana kebimbangan kita juga hari ini kita lihat bahawa media sosial ini telah pun disalahgunakan. Kalau kita biarkan berlarutan, kita bimbang ia boleh merencatkan usaha-usaha kerajaan terutama sekali dalam mewujudkan perpaduan di kalangan rakyat.

Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Penampang.

11.55 pg.

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Sedikit sahaja. Saya ingin bertanya kepada kementerian berkenaan dengan Butiran 31000. Ini adalah projek jalur lebar yang telah dapat bajet sebanyak RM50 juta.

Tuan Pengerusi, di kawasan saya Penampang, *Unifi services* tidak pun sampai ke seluruh kampung dan bandar di Penampang. Saya baru dapat jawapan daripada *Unifi* dan juga Telekom, di mana mereka telah mengesahkan bahawa nombor yang saya telah beri kepada mereka iaitu kedai pejabat saya sendiri di Donggongon, tidak pun ada *services Unifi* dan juga di beberapa kampung yang telah membuat laporan kepada saya bahawa mereka telah terpaksa mengguna *broadband services* daripada Celcom, Digi ataupun Maxis tetapi *services* ini tidak konsisten.

Dengan itu, kawasan dan juga rakyat Penampang ingin tanya kepada kementerian, dengan bajet ini, adakah jalur lebar akan ditingkatkan dan adakah khidmat *Unifi* ataupun *Streamyx* ini akan sampai ke seluruh Daerah Penampang, dan jika *services* itu akan ditingkatkan dengan *high speed megabyte? At the moment*, dengan izin, saya faham bahawa *Unifi* memberi khidmat hingga ke 50 Mbps kepada beberapa tempat di Penampang tetapi laporan yang saya dapat tadi, *speed* dia tidak konsisten.

Dari itu, saya ingin tanya Yang Berhormat Menteri dan juga kementerian beliau, jika beliau akan mengambil satu tindakan yang serius dan menasihati Telekom Malaysia untuk menggunakan infrastruktur yang sudah ada dan juga kementerian ini akan memberikan dana yang sepatutnya kepada Telekom dan agensi-agensi yang sepatut bertanggungjawab kepada infrastruktur ini. Dengan itu, terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Enam orang lagi. Bolehlah nanti kita tamatkan jam 1.00 tengah hari dan 2.30 petang nanti Yang Berhormat Menteri menjawab. Yang Berhormat Pendang.

11.58 pg.

Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Izinkan saya bercakap beberapa perkara dalam soal Butiran 011500, Butiran 011600 dan Butiran 011700 berkenaan dengan RTM.

Sebagai satu media kerajaan yang menjadi contoh kepada rakyat, saya hendak menegur tentang pengacara-pengacara televisyen yang saya telah tegur dulu, cara memberi salam yang diberikan oleh pengacara-pengacara televisyen ini. Misal contohnya, Tuan Pengerusi, dikatakan, “*Selamat Pagi RTM, Assalamualaikum*”. Salam itu ialah salam yang pertama. Salam *qablal kalam*, dengan izin. Dia tidak boleh kita sebut perkataan-perkataan lain. Maka, pengacara-pengacara RTM atau TV-TV yang lain di bawah pengelolaan RTM ini atau kementerian ini harus menunjukkan contoh yang terbaik bagaimana cara memberi salam.

Satu cara lagi yang saya dengar, yang saya lihat, “*Assalamualaikum, Hai*”, “*Hai Assalamualaikum*”. Contoh apa? Saya tidak faham. Tidak perlulah sebut hai, hai, hai ini. Salam, sebut salam yang betul supaya menjadi contoh kepada masyarakat untuk memberi salam.

Yang kedua, pembaca-pembaca berita, pengacara-pengacara TV harus menggunakan bahasa baku yang baik. Contoh yang terbaik, misalnya perkataan “*mereka-mereka*” yang masih diamalkan oleh TV. Penjodoh bilangan yang tidak betul— “*50 orang askar-askar*”. Itu struktur bahasa Inggeris, bukan struktur bahasa Melayu.

■1200

Jadi pengacara televisyen ataupun pembaca-pembaca berita mesti menggunakan bahasa Melayu yang betul atau mereka harus diberi kursus belajar struktur bahasa Melayu betul kerana ia tentu akan menjadi contoh teladan kepada masyarakat. Ini soalan cukup penting, bukan cara lain, saya tengok yang pembaca TV...

Dato’ Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Sikit Yang Berhormat Pendang

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:Yang Berhormat Kuala Nerus, Yang Berhormat.

Dato’ Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Tanya sikit saja.

Dato’ Wira Othman bin Abdul [Pendang]:Silakan.

Dato’ Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Saya tertarik dengan perbahasan Yang Berhormat Pendang tentang isu sebutan oleh pengacara tadi. Antaranya juga melibatkan sebutan yang ada unsur Arab, ‘Ghazali’ yang betul ‘Rhazali’, ‘Khairuddin’ bukan ‘Kairuddin’. Jadi apa pandangan Yang Berhormat sebagai contoh?

Dato’ Wira Othman bin Abdul [Pendang]: Betul, saya bersetuju, harus menggunakan, dalam sebutan Arab Hairuddin itu disebut Khairuddin supaya ia menyebutkan bahasa yang betul, sebutan yang betul. Saya nak masuk perkara yang ketiga iaitu program-program agama, agama Islam di RTM ini.

Kita boleh melihat bahawa sekarang ini sudah pun dalam tingkat yang baik, kita mengajar yang wajib fardu ain. Akan tetapi saya nak juga supaya penceramah-penceramah yang dijemput oleh RTM itu harus menunjukkan bahawa Islam itu syumul, mereka mampu bercakap soal-soal yang besar. Soal ekonomi di kalangan umat, soal kemiskinan di kalangan umat, soal malas ataupun tidak mahu bekerja yang tidak disukai oleh Islam. Kerja yang terbaik kerana ada hadis Rasulullah yang jelas mengatakan Allah suka pada orang yang melakukan suatu kerja dengan baik dan sempurna, saya boleh bacalah hadis itu. Tapi baik dan sempurna itu disebutkan oleh Baginda Rasulullah.

Jadi bermakna penceramah-penceramah yang menyampaikan pandangan mereka, ceramah mereka dalam TV itu harus menunjukkan bahawa Islam itu syumul dalam merangkumi semua subjek yang boleh kita bahaskan dalam televisyen supaya ianya menjadi sumber ilmu yang besar pada masyarakat kita.

Kemudian bawah Butiran 31000 – Projek Jalur Lebar. Saya pun nak menyebutkan soal ini RM50 juta yang besar, jalur lebar kampung telah pun dibuang, telah pun *dismantle*. Saya pun tidak faham sebab mengapa, dulu bila nak pasang JKKK ditemui, saya pun ditemui, bila nak dihapuskan langsung tidak bincang. Padahal ini sumber yang penting untuk masyarakat kampung belajar mengenali internet.

Tuan Pengerusi kita rasa malu apabila Internet negara kita duduk nombor enam di Asia Tenggara, nombor satu Indonesia. Kita di bawah pada Vietnam, atas pada Kemboja. Kita menyebutkan negara kita maju, negara kita hebat tetapi internet kita duduk nombor enam kalau tidak silap saya, nombor satu Indonesia dan *coverage* bagi telefon mereka di kampung, dalam kampung jelas. Saya nak cakap Pendang sikit bab ini pun, dalam Pekan Pendang itu pun kadang-kadang 3G pun belum dapat lagi. Jadi bagaimana kita nak bercakap soal kemajuan dalam soal internet ini atau memajukan program ini sedangkan kita sendiri, negara kita tidak boleh menyamai negara-negara lain dalam Asia Tenggara ini.

Kemudian dalam Butiran 020000 iaitu perkhidmatan ini dan perkhidmatan dalam program kementerian ini. Saya nak sebutkan hanya satu, kementerian sebagai badan penyelia semua rangkaian ataupun stesen TV negara kita. Ini pun telah disebut berulang-ulang kali oleh Ahli-ahli dalam Dewan ini tentang ASTRO, yang sekarang ASTRO sebuah stesen TV berbayar sudah terlalu banyak iklan dan apabila hujan katakan gangguan angin sepoi-sepoi bahasa, siaran terputus. Orang yang membeli terpaksa membayar. Yang Berhormat Menteri sudah banyak tahun berjanji nak perbaiki. Bila lagi nak perbaiki soal ini, bila nak perbaiki? Jadi saya harap kementerian dapat berusaha untuk menentukan bahawa pengguna-pengguna yang melanggan ASTRO ini tidak teraniaya dengan program yang tergendala.

Kedua, satu-satu filem yang ditayangkan berbulan-bulan, ulang tayang, ulang tayang, ulang tayang. Ini pun saya hendak minta kementerian mengkaji dan beritahu ASTRO yang telah pun memutar beratus juta supaya pelanggannya itu dapat menikmati apa yang mereka bayar. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: Yang Berhormat Pendang, sikit Yang Berhormat Pendang. Duduk sudah?

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pendang duduk sudah Yang Berhormat. Yang Berhormat Kuala Nerus.

12.05 tgh.

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: *Bismilahir Rahmanir Rahim*, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya pergi pada Butiran 012000 – Perbadanan Kemajuan Filem Nasional (FINAS). Saya lihat pertama sekali kita dalam televisyen ini, kita ada pelbagai jenis filem, filem barat dan juga filem tempatan dan tentulah FINAS memainkan peranan yang besar dalam menapis filem-filem yang unsur-unsur yang tidak selaras dengan realiti Perlembagaan negara kita.

Sebagai contoh negara kita meletakkan Islam agama Persekutuan maka tentulah dasar-dasar beragama itu mesti menjadi satu panduan bagi masyarakat di negara kita. Bahkan juga kita menerima hakikat bahawa pelbagai agama yang ada tetapi tidak menerima mereka yang tidak mahu menerima Tuhan sebagai Tuhan mereka ataupun dipanggil sebagai *atheist*, tidak ada Tuhan. Maka sejauh mana FINAS dalam menjalankan tugas penapisan ini benar-benar menangani isu-isu filem-filem barat yang mempunyai aksi lucah yang melampau. Saya baca dalam garis panduan yang dibuat oleh FINAS ada istilah 18SX merujuk kepada unsur seks yang tidak keterlaluan.

Maknanya unsur seks itu dibenarkan juga cuma tidak keterlaluan. Saya bimbang fenomena yang berlaku pada hari ini dengan lahirnya begitu ramai anak-anak luar nikah, anak tidak sah taraf dan sebagainya adalah hasil daripada filem-filem barat yang sebenarnya menampilkan gaya hidup bebas. Filem-filem yang menggambarkan bahawa adegan atas ranjang itu adalah perkara biasa, mempunyai anak luar nikah itu perkara biasa, duduk bersekedudukan itu perkara biasa. Ini menjadi satu fenomena yang tanpa sedar akan membentuk minda dan cara fikir rakyat kita sendiri.

Maka bagi saya, FINAS ini mesti berperanan lebih ke hadapan untuk menangani perkara yang seumpama ini dan saya mahu tahu bagaimanakah garis pandu yang dipakai pada ketika ini untuk kita lebih menyelamatkan rakyat kita dalam perkara-perkara yang melibatkan akhlak dan seumpamanya ini. Kemudian begitu juga dengan nilai moral semasa, filem-filem yang masuk hari ini, filem daripada Korea, banjir filem Korea, filem Sepanyol dan sebagainya. Adakah ia sesuai dengan kita punya tradisi kemasyarakatan kita, masyarakat timur ini. Maka saya rasa saya mahu tahu sejauh mana FINAS berperanan dalam perkara yang seumpama ini.

Kedua, Butiran 020100 – Infrastruktur dan Aplikasi. Kampung tanpa wayar yang banyak kedapatan di negara kita, saya mahu tahu jumlah kampung yang diberikan *access* umpama ini dan adakah kerajaan berhasrat untuk meningkatkan lagi bilangan kampung-kampung yang mendapat kemudahan *free wireless* ini. Kemudian Butiran 020200 – Kawalan dan Pematuhan. Persaingan di antara syarikat telekomunikasi yang begitu banyak pada hari ini. Sejauh mana kerajaan memantau dari sudut pelan-pelan pemasaran yang mereka tampilkan jika ada unsur-unsur yang tidak jelas. Kalau bahasa fiqah dipanggil *gharar*, sesuatu yang tidak jelas, *charge nya charge* yang tersembunyi, terselindung, yang hanya disedari oleh mereka yang benar-benar memerhatikan pelan tersebut kerana kita faham masyarakat kita ini ada yang cerdik, ada yang kurang cerdik maka mungkin mereka terperangkap dengan caj yang tersembunyi ini.

Maka adakah kerajaan memantau perkara-perkara seumpama ini dan banyak mana kes yang dilaporkan kepada kerajaan kepada kementerian dalam isu melibatkan caj-caj tersembunyi seumpama ini. Begitu juga dengan timbul isu tentang sistem pesanan suara, yang dikatakan diambil caj yang sebenarnya tidak disedari oleh kebanyakan para pengguna syarikat telekomunikasi.

■1210

Begitu juga dengan banjir laman web *Social live* hari ini, dalam kita punya telefon dia boleh masuk pelbagai aplikasi *Social live* bererti kita boleh *live* dengan orang menggunakan aplikasi ini dan kebanyakan aplikasi ini adalah mempunyai unsur-unsur yang sangat lucah, sembang panas antara yang saya perasan ialah *Bigo Live* yang masuk hari-hari dalam kita punya - bila kita buka laman web dia datang sebagai bentuk iklan. Jadi, adakah kerajaan memantau perkara yang seumpama ini?

Yang terakhir, 010100 - Dasar dan Perancangan Strategik. Saya rasa dalam usaha kita untuk menjadikan masyarakat kita celik IT dan juga celik isu-isu komunikasi ini, perlu ada kempen pengguna berhemah. Ini kerana media-media yang ada ini dia boleh menjadi madu dan juga racun pada masa yang sama. Maka adakah kerajaan memperuntukkan peruntukan untuk kempen pengguna berhemah ini supaya tidak berlaku penyalahgunaan media yang saya sangat bimbang hari ini ialah media yang digunakan untuk mempromosi akhlak-akhlak yang buruk maki hamun, mencipta maklumat palsu disebar.

Sedangkan kalau kita ambil bagaimana *bai'ah* para sahabat nabi dengan Nabi SAW ketika di Makkah Al-Mukarramah pra-penubuhan negara Madinah Al-Munawwarah. Antara *bai'ah* penting yang dibuat oleh Nabi ialah [*Membaca sepotong Hadis*] maknanya jangan kamu *berbai'ah* agar jangan mereka-reka cerita. Kebanjiran cerita rekaan melibatkan individu, personaliti tertentu ini kalau kita biarkan jangka masa panjang ia akan merosakkan negara.

Kalau dalam Al-Quran ada surah An-Nur menceritakan betapa bahaya dan dahsyatnya kesan penuluran cerita-cerita rekaan melibatkan maruah manusia. Jadi saya mahu dengar pandangan kementerian dalam perkara yang seumpama ini. Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kanowit.

12.12 tgh.

Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin pergi kepada dua Butiran sahaja. Satu adalah Butiran 31000 iaitu berkenaan dengan Projek Jalur Lebar. Saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kementerian. Di Sarawak ini apakah status sebenarnya projek jalur lebar yang sedang dan akan dilaksanakan di negeri Sarawak sebab ia nya amat penting. Adakah ia nya selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri Sarawak untuk membangunkan *digital economy* bagi negeri Sarawak?

Kedua, adalah juga Butiran 32000 - *Schoolnet* Fasa 2. *Schoolnet* ini adalah amat menjadi isu yang besar pada tahun yang dahulu di mana saya pun langsung terlibat untuk membuat beberapa tinjauan di kawasan pedalaman terutamanya di Kanowit, di mana fasa satu amat mengecewakan dan fasa kedua kita difahamkan telah mula dilaksanakan dan saya ingin tahu status pelaksanaan *Schoolnet* Fasa 2 ini terutamanya di kawasan-kawasan sekolah luar bandar. Ini kerana sampai sekarang saya melihat masih juga *coverage* di sekolah-sekolah ini memang tidak mencukupi ataupun belum sampai ke tahap yang sepatutnya. Itu sahaja terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Rasah.

12.13 tgh.

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus merujuk kepada Butiran 011500, 011600, 011700 yang kesemuanya berkaitan dengan Radio Televisyen Malaysia (RTM).

Tuan Pengerusi, saya difahamkan pada awal tahun 2017 sebanyak 60 peratus pekerja kontrak termasuk wartawan TV, jurukamera, pengacara, penyuntingan dan pembaca berita mengalami tunggakan gaji. Saya rasa dalam perkara ini memandangkan sekarang kita ingin meluluskan bajet untuk Kementerian Komunikasi dan Multimedia, saya ingin bertanya kepada

pihak kementerian apakah status terkini mengenai masalah-masalah tunggakan gaji kepada pekerja-pekerja kontrak?

Saya rasa salah satu perkara yang tidak boleh diterima oleh semua kita di dalam Dewan yang mulia ini bahawa saya difahamkan pekerja-pekerja kontrak ini turut dipaksa menandatangani surat perjanjian persetujuan tunggakan gaji dan jikalau gagal pembayaran gaji mereka tidak akan diutamakan. Saya rasa pihak kementerian harus lah menggunakan platform ini ataupun menjawab dalam Dewan yang mulia ini. Adakah perkara ini benar-benar berlaku? Kalau benar berlaku apakah tindakan yang akan diambil oleh pihak kementerian untuk menyelesaikan perkara ini.

Saya rasa bagi sebuah kerajaan yang benar-benar mengutamakan rakyat, saya rasa kebajikan penjawat - mereka tidak kira penjawat tetap ataupun penjawat kontrak, saya rasa kebajikan mereka perlu diutamakan dan tidak akan mereka hendak buat aduan kepada Kementerian Sumber Manusia untuk menegakkan keadilan untuk mereka. Ini persoalan saya pertama ditujukan kepada pihak kementerian.

Kedua, Butiran 011800 - Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA). Saya rasa kebanyakan masa jikalau ada peluang saya memang hendak ambil peluang untuk bertanya kepada pihak kementerian yang memandangkan JASA mempunyai 272 penjawat awam. Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, berapakah daripada mereka merupakan lantikan politik? Ini kerana saya difahamkan jikalau tidak silap setiap DUN setiap kawasan DUN mempunyai seorang pegawai JASA jadi adakah itu benar? Jadi jikalau itu adalah benar saya ingin memohon kepada pihak kementerian supaya menjawab berapakah gaji minimum kepada penjawat lantikan politik ini? Saya rasa itu amat penting kerana kita difahamkan ramai daripada anak-anak kita, *graduate* daripada universiti susah hendak cari kerja.

Jadi memandangkan mempunyai begitu banyak jawatan di dalam JASA ini, mengapakah pihak kerajaan tidak membukakan ruang ini kepada anak-anak kita yang *graduate* daripada universiti, yang *graduate* daripada kolej supaya mereka juga ada peluang untuk sama-sama mereka ambil bahagian ataupun menerima jawatan-jawatan ini selain daripada kita memberikan kepada pihak-pihak yang berlatar belakangkan dengan politik. Saya rasa pihak kementerian harus jawab.

Bagi saya sebenarnya apa yang saya perhatikan, peranan JASA ini kebanyakan masa mereka dilihat memantau program-program yang dianjurkan oleh pihak pembangkang ataupun Pakatan Harapan. Bagi saya jikalau tanggungjawab utama mereka adalah untuk memantau program-program pembangkang adalah membuat laporan ataupun mendapatkan risikan daripada program-program pembangkang, saya rasa *job scope* itu dia memang sudah bertindih dengan *Special Branch*, Cawangan Khas PDRM.

Kalau wujudnya pertindihan ataupun *job scope* mereka lebih kurang sama, bagi saya, saya lihat pihak kerajaan sepatutnya menjimatkan kos ini. Ini kerana sudah ada agensi-agensi lain yang menjalankan tugas yang lebih kurang sama dengan mereka. Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, apakah pandangan kementerian ataupun adakah kementerian juga mengetahui bahawa sebenarnya ada agensi-agensi lain yang menjalankan tugas yang sama seperti dengan pegawai-pegawai JASA yang dilantik secara latar belakang politik.

Saya rasa salah satu perkara yang paling penting selain daripada mereka mendapatkan maklumat daripada pihak pembangkang, saya rasa yang paling penting JASA ini sepatutnya *fully*

utilize untuk turun meneliti apakah masalah yang dihadapi oleh rakyat. Sebagai contoh apakah pandangan rakyat kepada pelaksanaan sistem cukai GST, apakah pandangan rakyat terhadap keadaan kehidupan mereka sekarang. Akan tetapi saya rasa ini memang tidak dilakukan sebab itu tidak ada mesej daripada rakyat disampaikan kepada pihak kerajaan secara jelas bahawa sebenarnya rakyat kini yang berada di luar di situ memang hidup dalam keadaan yang susah.

Saya berharap lah kalau pihak JASA dia ada buat kaji selidik kah apa ini saya berharap pihak kementerian juga boleh berkongsi dengan kita apakah kajian selidik yang telah dilakukan.

■1220

Apakah hasil tersebut supaya kita Ahli-ahli Parlimen di sini boleh sama-sama mendengar apakah kerja-kerja yang dibuat oleh pegawai-pegawai ataupun jabatan JASA tersebut?

Tuan Pengerusi, perkara yang ketiga Butiran 020500 – Jabatan Perlindungan Data Peribadi (JPDP). Untuk perlindungan data peribadi, saya rasa kebelakangan ini memang boleh dikatakan ramai rakyat Malaysia termasuk saya rasa kemungkinan sebilangan daripada Ahli-ahli Parlimen juga menerima telefon palsu daripada pihak bank kononnya mereka hendak minta kita mengesahkan transaksi *credit card* kita.

Saya ingin tanya kepada pihak kementerian, setakat ini, apakah keberkesanan Jabatan Perlindungan Data Peribadi ini ia dapat melindungi *personal data* kita? Apakah tindakan yang telah diambil terhadap syarikat-syarikat yang menyalahgunakan data peribadi? Bagi saya, saya rasa ini salah satu perkara yang sangat serius kerana kebanyakan daripada *personal data* kita telah pun disalahgunakan dan digunakan untuk menipu rakyat kita. Saya rasa dlm perkara ini mungkin pihak kementerian lebih memberikan perhatian supaya memastikan data peribadi rakyat kita dapat dijamin.

Tuan Pengerusi, untuk Butiran 020000 – Infrastruktur Telekomunikasi dan Ekonomi Digital. Jadi untuk butiran ini saya ingin bertanya kepada pihak kementerian sebab saya difahamkan sebenarnya kebanyakan daripada kawasan pedalaman Sabah dan juga Sarawak, buat masa kini kebanyakan daripada mereka masih tidak mempunyai *network* untuk menggunakan telefon bimbit mereka. Saya ingin tanya kepada pihak kementerian, setakat mana pihak kementerian dapat memastikan berapa pedalaman yang mempunyai penduduk-penduduk ataupun mempunyai rakyat kita itu dapat *discover* keseluruhannya dengan *mobile network*?

Terakhir sekali saya ingin bertanya kepada pihak kementerian kerana saya rasa kita semua memang menghadapi satu masalah di mana ketika ada pihak ataupun *telco* yang ingin memasang pencawang telekomunikasi, kebiasaannya kita akan mendapat bantahan daripada orang awam. Saya rasa dalam perkara ini, apakah pendirian kementerian dalam pembinaan-pembinaan pencawang ini? Sebab saya difahamkan di Negeri Sembilan, kita ada banyak pencawang yang haram tetapi baru-baru ini kerajaan telah pun melaksanakan satu pemutihan terhadap pencawang-pencawang ini. Saya harap pihak kementerian boleh memberikan penjelasan, setakat manakah seluruh negara, berapakah pencawang haram yang wujud dan bagaimanakah pihak kementerian boleh menyelesaikan pencawang-pencawang yang haram ini supaya memastikan mereka berada di kawasan ataupun zon yang lebih sesuai dengan keselamatan dan juga kepentingan orang ramai. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sekijang.

12.23 tgh.

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus kepada Butiran 012000 iaitu Perbadanan Kemajuan Filem Nasional (FINAS). Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, adakah kementerian bercadang untuk menambah lagi filem-filem bersifat patriotik ataupun yang bercirikan negara kita? Ini kerana dilihat akhir-akhir ini, kebanyakan filem-filem yang dikeluarkan oleh produser-produser kita tidak sangat menampakkan filem-filem yang bersifat patriotik dan bercirikan negara kita.

Bagaimana kerajaan membantu penggiat-penggiat seni kita terutamanya produser-produser filem ini yang kita tahu tahun ini, dimaklumkan ada beberapa buah filem yang katanya gagal mendapat sambutan dan mempunyai kutipan yang dikatakan agak teruk antara 4,000 hingga 18,000 sedangkan kos untuk mereka keluarkan bagi mengeluarkan filem tersebut adalah terlalu tinggi? Adakah kementerian ada menyediakan satu mungkin kursus ataupun diberikan pendedahan kepada produser-produser ini sebelum mereka mengeluarkan sesebuah filem ataupun mengeluarkan hasil karya ini, mereka seharusnya faham tentang kualiti, tentang kreativiti dan sebagainya yang sepatutnya diberikan penekanan dalam menghasilkan filem-filem terutamanya dalam negara kita ini?

Ketiga, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, soal berkaitan dengan royalti ini. Adakah termasuk di bawah butiran ini ataupun di bawah tanggungjawab kementerian? Ini kerana saya mendapat aduan daripada beberapa pihak mengatakan ada royalti ataupun hak pembayaran yang sepatutnya diberikan kepada artis-artis ini tidak sampai kepada mereka. Jadi sejauh mana pihak kementerian memantau tentang perkara ini dan adakah sebab ada aduan daripada mereka mengatakan sepatutnya pendapatan boleh mencecah sehingga RM50,000 sehingga RM100,000 tetapi mereka hanya mendapat lingkungan dalam RM10,000 setahun dengan hasil-hasil seni yang telah mereka hasilkan.

Saya terus kepada Butiran 020500 iaitu Jabatan Perlindungan Data Peribadi (JPDP). Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, sejauh mana penguatkuasaan berkaitan dengan isu perlindungan data peribadi ini dibuat oleh pihak kementerian? Ini kerana kita lihat akhir-akhir ini dalam soalan-soalan di Parlimen, dalam isu-isu yang dibangkitkan oleh pihak akhbar, begitu juga perkara-perkara yang telah disampaikan dalam media-media sosial, isu berkaitan dengan perlindungan data peribadi ini begitu sensitif dan ia sebenarnya telah menunjukkan kebocoran yang agak kritikal sebenarnya apabila data-data maklumat peribadi ini telah berjaya dicerobohi oleh pihak-pihak tertentu.

Apa yang merisaukan saya ialah data-data kita bukan hanya dicerobohi oleh orang tempatan tetapi telah digunakan oleh pihak-pihak antarabangsa dan sindiket-sindiket tertentu untuk kepentingan mereka. Adakah pihak kementerian meletakkan tindakan dan hukuman yang setimpal kepada mereka yang terlibat dengan aktiviti melanggar perlindungan data peribadi ini?

Seterusnya kepada Butiran 030800 – Institut Penyiaran dan Penerangan Tun Abdul Razak (IPPTAR). Saya lihat dengan jumlah peruntukan anggaran sebanyak RM10 juta ini, apakah antara bidang kursus keutamaan sebenarnya yang ditekankan oleh pihak kementerian bagi memastikan industri penyiaran dalam negara kita ini benar-benar berkualiti? Kita tidak hendak seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Pendang tadi, ada isu berkaitan dengan bahasa, ada isu

berkaitan dengan penyiar yang tidak menunjukkan contoh yang baik dan sebagainya. Jadi adakah institut ini berperanan untuk memberikan kursus-kursus yang terbaik kepada mereka ini?

Kemudian, Butiran 040400 iaitu MDeC. Ada penurunan daripada RM39 juta kepada RM19 juta. RM20 juta susut untuk tahun ini. Kita tahu bahawa MDeC ini di bawah program eUsahawan, eRezeki dan sebagainya telah banyak membantu terutamanya usahawan-usahawan kita mendapatkan pendapatan tambahan melalui program-program yang telah dilaksanakan ini. Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, sejauh mana kejayaan program di bawah eUsahawan dan eRezeki ini dan adakah MDeC meletakkan sasaran kepada kawasan-kawasan luar bandar juga?

Maksudnya penerangan ini sampai kepada kawasan luar bandar tentang program eRezeki dan eUsahawan ini untuk menggalakkan lebih ramai lagi mereka yang terlibat terutamanya di peringkat perniagaan PKS ataupun mereka yang terlibat dengan IKS ini, terlibat dengan program eUsahawan. Ini kerana kita yakin dan percaya dengan terdedahnya mereka ini dengan program di bawah eRezeki dan eUsahawan ini nanti secara tidak langsung produk-produk yang mereka keluarkan akan dapat sampai kepada pengguna dengan lebih cepat dan lebih mudah.

Seterusnya yang terakhir Tuan Pengerusi, untuk butiran P.02014 – Sistem Penyiaran TV Digital Berdefinisi Tinggi. Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, apakah perkembangan dengan projek MyTV yang telah pun terlaksana, saya ingat pada tahun ini dan telah pun diagih-agihkan *decoder* percuma kepada rakyat kita. Sejauh mana penerimaan masyarakat tentang projek MyTV ini daripada segi kualiti penyiarannya dan juga kualiti penyelenggaraannya jika ada berlaku sebarang kerosakan dan sebagainya?

Adakah ia benar-benar dapat memenuhi kehendak masyarakat kita? Berapakah peratus penggunaan MyTV ini? Adakah ia bertambah baik dan dapat menyaingi mungkin syarikat-syarikat swasta yang menyediakan sistem penyiaran seperti Astro dan sebagainya? Adakah MyTV ini dapat membantu sekurang-kurangnya walaupun tidak menggantikan sistem siaran swasta ini tetapi sekurang-kurangnya ia dapat memberikan penyiaran yang baik dan dapat membantu mereka yang tidak berkemampuan untuk memiliki sistem penyiaran secara swasta?

■1230

Apakah antara halangan-halangan yang berlaku kepada pihak kementerian terutamanya semasa melaksanakan sistem MYTV ini. Contohnya mungkin ada masalah berkaitan dengan penghantaran dan sebagainya, kontraktor. Jadi kalau boleh saya hendak tahu apakah halangan-halangan yang berlaku kerana kita yakin sehingga hari ini masih belum dapat mencapai sepenuhnya penghantaran kepada projek MYTV ini.

Saya berharap supaya MYTV ini nanti akan dapat memberikan manfaat kepada rakyat kita. Itu sahaja Tuan Pengerusi, Terima kasih.

12.30 tgh.

Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus kepada Butiran 011800 – Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA). Peningkatan peruntukan JASA, sebanyak lebih kepada RM8 juta pada tahun hadapan menjadikan ia berjumlah RM30 juta setahun, pada saya patut disemak semula. Maklum balas yang pihak saya dapati dalam mana-mana

program anjuran parti politik pembangkang, bukan sahaja ia akan dipantau SB Polis, MKN namun ia turut disertai oleh pegawai JASA.

Saya berpendapat adalah memadai dari aspek keselamatan, risikan polis dan MKN dilakukan bukan menambahkan lagi peruntukan tambahan untuk risikan ke atas pembangkang ini. Soalan saya berapakah jumlah pegawai, jenis perjawatan, skop kerja dan gaji kakitangan JASA mengikut negeri dan daerah? Mohon juga dinyatakan bagaimana saya sebagai Ahli Parlimen dan juga rakyat dapat memanfaatkan pegawai-pegawai JASA dalam mencapai visi Kementerian Komunikasi dan Multimedia. Saya juga ingin bertanya kepada kerajaan, setakat kajian JASA sejauh mana tahap penerimaan rakyat di kawasan saya khususnya dan juga di daerah lain di Kelantan terhadap dasar-dasar kerajaan. Apakah dasar kerajaan yang sangat banyak ditolak oleh rakyat pada hari ini, apakah pula dasar kerajaan yang sangat disambut baik oleh rakyat.

Kemudian Butiran 040300 – MERS 999. Peningkatan peruntukan dari RM74 juta kepada RM110 juta kepada MERS 999, perlu mendapat jawapan dan penjelasan daripada pihak kementerian dengan penjelasan yang terperinci. Pihak saya telah mendapat banyak maklum balas negatif daripada rakyat yang menghubungi talian kecemasan 999, yang sering dimarahi disoal dengan soalan-soalan yang tidak sepatutnya dan tidak wajar. Pihak saya juga mendapat maklum balas dari pihak agensi berkaitan tentang banyak kesilapan komunikasi yang telah dilakukan oleh MERS 999, membuatkan bomba, ambulans, polis – bukan setakat silap ke lokasi berdekatan tetapi bahkan di antara negeri. Soalan saya berapakah jumlah kesilapan komunikasi yang telah dikenal pasti telah dilakukan MERS 999 yang menyebabkan bomba, polis dan ambulans terkejar ke tempat yang salah.

Pihak saya juga ingin membangkitkan kembali persoalan yang dibangkitkan oleh NGO MARAH berkenaan kesudahan aplikasi 'SaveMe 999'. Berapakah jumlah kos yang telah digunakan bagi membangunkan projek 'SaveMe 999'? Berapakah pula jumlah penggunaan aplikasi ini? Pihak saya mendapat maklum balas daripada anggota bomba, ambulans dan polis di lapangan bahawa aplikasi 'SaveMe 999' ini sebenarnya indah khabar daripada rupa. Justeru itu saya ingin tahu apakah masalah yang dikenal pasti yang melibatkan pengurusan aplikasi ini.

Kemudian Butiran 020000 – Infrastruktur Telekomunikasi dan Ekonomi Digital. Jika kerajaan mahu memajukan masyarakat di luar bandar khususnya, tentulah perkhidmatan capaian *Internet* dapat diberi keutamaan. Malaysia dengan kadar purata yang disebutkan tadi *8Mbps* dengan izin, adalah yang paling teruk dirantau Pasifik ini dan antara negara di dunia yang paling teruk. *Internet* Malaysia hanya boleh laju lebih daripada *Bolivia*, *Venezuela*, *Panama* dan juga *Costa Rica*. Memalukan kita kerana jauh ketinggalan dengan Negara Kenya, *Internet* nya berkelajuan 13.7 puratanya, Indonesia 12.8 begitu juga dengan Vietnam 5.3, saya cadangkan Malaysia mengikut contoh Kerala di India, yang dalam sidang bajet dia mengisytiharkan *Internet* adalah hak asasi manusia dan kerajaan menyediakan *Internet* secara percuma kepada rakyat, tidak perlu bayar.

Dasar ini dilaksanakan bagi membolehkan kadar celik huruf dan akses pengetahuan rakyatnya meningkat. Saya ingin bertanya kerajaan, berapakah kadar akses *Internet*, khususnya di kawasan saya dan juga daerah-daerah miskin di seluruh negara? Mohon juga kerajaan menyatakan perbandingan kadar bayaran *Internet* dengan negara-negara jiran dan mengapa

rakyat di luar bandar terpaksa membayar harga penggunaan Internet yang lebih mahal. Sebagai contoh, kalau di kawasan saya, saya sendiri terpaksa bayar RM267.10 untuk mendapat *service* Internet empat *megabyte per second* pejabat saya. Akan tetapi kalau dibandar untuk mendapat *service UniFi, 100Mbps* hanya perlu bayar RM239 sebulan. Pada saya kerajaan perlu menetapkan kadar yang munasabah dan seimbang. Hendak dapat empat *megabyte* kena bayar hampir RM300, dapat 100 *megabyte* di bandar hanya perlu bayar RM200 lebih sahaja. Ini yang perlu diberikan perhatian oleh pihak kerajaan.

Saya ingin juga merujuk kepada Butiran 012000 – Perbadanan Kemajuan Filem (FINAS), yang telah ditambah peruntukannya hampir sekali ganda daripada tahun lepas iaitu RM20 juta kepada RM39 juta. Saya berpandangan Malaysia sebagai sebuah negara Islam, namun komitmen kerajaan dalam membantu menggalakkan industri perfileman berunsur Islam masih jauh ketinggalan berbanding dengan negara-negara yang lain. Kita mengambil contoh bagaimana negara Iran boleh menerbitkan filem arahan Majid Majidi dan melabur sebanyak RM164 juta untuk menerbitkan filem ‘Muhammad’. Begitu juga filem ‘Omar The Movie’ juga menjadi contoh kepada kerajaan untuk menonjolkan imej dan kebaikan para sahabat Nabi *Radi Allahu Ta’ala Anhu Ajmain*. Jika Indonesia terkenal dengan filem ‘Wali Songo’. Saya mencadangkan membantu menerbitkan filem Sayyid Hussein Jumadil Kubro yang merupakan moyang kepada Wali Songo dan juga tokoh pengembang Islam di Nusantara ini, belum lagi difilemkan tajuk ini. Saya cadangkan filem ini paling kuat diberikan RM10 juta, lepas ini ramailah yang berminat, pengarah-pengarah filem untuk mendapat peruntukan ini.

Soalan saya apakah usaha terkini dan perancangan terbaru kerajaan dalam membantu industri perfileman Islam? Apakah usaha kerajaan dalam membendung fahaman radikal Daesh, daripada terus menular kepada masyarakat, seterusnya membantu mempromosikan Islam yang harmoni dan sejahtera kepada seluruh rakyat dalam negara kita supaya mereka boleh menjauhi unsur-unsur keganasan *terrorist* dan sebagainya. Sekian sahaja Tuan Pengerusi, terima kasih.

12.38 tgh.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Dua-dua pembangkang boleh ya? Tadi pembangkang ini pembangkang lagi boleh ya?

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tidak mengapa. Keadilan boleh diperbaiki selepas ini. Dua sini kita bagi dua sini kemudian.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Okey. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya tidak panjang Tuan Pengerusi. Saya hanya hendak menyentuh tentang berkaitan dengan Butiran 011600 – RTM dan juga Butiran 011900 – BERNAMA.

Tuan Pengerusi, dalam tahun ini, ketika berlakunya satu forum serantau berkaitan dengan Suruhanjaya Antara Negara ASEAN Mengenai Hak Asasi Manusia (AICHR). Saya memetik apa yang dikatakan oleh KSU ataupun Ketua Setiausaha Kementerian ini. Kementerian Komunikasi dan Multimedia yang mana antara lain beliau mengatakan *ini* saya ambil daripada *website* kementerian sendiri, “*Pengamal Media tempatan negara-negara ASEAN mempunyai tugas untuk melaporkan dengan tepat isu-isu berkaitan hak asasi manusia...*” dan beliau juga menyatakan “*...dalam usaha berpegang kepada etika selaras dengan kewajipan profesional kewartawanan,*

mereka seharusnya buat laporan yang bukan berat sebelah." Ini saya ambil daripada *website* Kementerian Komunikasi dan Multimedia sendiri.

■1240

Saya bersetuju 100 peratus dengan ucapan Ketua Setiausaha ini, cumanya saya ingin menyatakan bahawa kalau boleh setelah dinyatakan itu, dia juga kata orang putih kata, *walk the talk* lah. Maknanya *implement* dalam RTM sendiri dan juga dalam agensi-agensi yang terlibat dalam penyiaran melibatkan pihak kerajaan. Sebab kita lihat bahawa banyak kali berita-berita dilaporkan ini bersifat berat sebelah. Kalau ada berita yang menyentuh pembangkang, sepatutnya diberi juga ruang untuk pembangkang bercakap. Kalau adapun dia tunjuk gambar, tidak ada suara. Mulut terkumat-kamit tetapi tidak ada suara. Jadi ini jelas bertentangan dengan etika yang dikatakan KSU tadi.

Akan tetapi inilah yang berlaku. Jadi saya berharap selepas ini kalau boleh, saya setuju baru-baru ini dibuat satu forum dipanggil kedua-dua pihak, dipanggil Yang Berhormat Pandan, dipanggil Yang Berhormat daripada pihak sebelah sana. Ini bagus, kita mesti suburkan amalan ini. Sebab saya percaya kalau begitulah diamalkan, saya percaya RTM akan berlakunya peningkatan penonton. Akan tetapi sekarang ini orang bosan dengan RTM sebab orang rasa berita berat sebelah. Jadi RTM mempunyai peranan untuk terus bersikap tidak berat sebelah. Itu yang pertama.

Keduanya berkaitan dengan hak asasi manusia. Tadi saya dengar daripada sahabat saya daripada Yang Berhormat Kuala Nerus mengatakan FINAS perlu pantau tentang ateisme ini. Sekarang ini tengah agak hangat dibincangkan dalam negara kita mengenai hak untuk sama ada kamu boleh menganut ateisme ini. Saya baru sahaja menulis satu artikel dalam bahasa Inggeris yang saya minta maaf mengkritik jawapan daripada Timbalan Menteri yang dia mengatakan ateisme tidak dilindungi oleh Perlembagaan.

Saya berpendapat dengan penuh hormat, pendapat beliau tidak betul sebab hak asasi manusia dalam Artikel 11 berkaitan dengan hak kebebasan beragama itu, bagi saya merangkumi juga hak untuk orang itu mungkin menganut ateisme. Soal saya sebagai orang Islam, setuju tidak setuju itu hal lain. Akan tetapi isunya ialah isu *freedom of religion*. Apabila kita bercakap *freedom of religion* ini, ia melambangkan dengan izin, *level of tolerance* kita. Sebab itu dalam— kalau selalu baca ilmu yang ditulis oleh Imam Ghazali. Dia menulis bercerita tentang amalan *zindiq* tetapi dia mengatakan dalam buku itu, kata orang dia mempunyai sifat *tolerance* yang begitu tinggi. Inilah sepatutnya ada dalam sikap kita. Soal kita setuju atau tidak setuju, itu hal lain.

Saya hendak bacakan dalam surah Saba'. Surah Saba' ini surah 34, satu ayat al-Quran yang hendak menunjukkan bahawa al-Quran, inilah kehebatan, *the hallmark of Islam* berkaitan dengan hak kebebasan beragama. Apa ayat dia? [*Membaca sepotong ayat al-Quran*] Maknanya sama ada saya atau kamu, mungkin salah seorang daripada kita ini akan sama ada dalam petunjuk, dalam *guidance* ataupun dalam kesesatan.

Saya hendak bacakan apa yang dikatakan oleh Imam Al-Baydawi dalam tafsir dia. Dia kata, saya baca dalam bahasa Arab ya. [*Membaca dalam bahasa Arab*] Makna dia kata, salah seorang, ada dua golongan ini, salah satu mungkin berada dalam kesesatan dan juga salah satu dalam petunjuk. Maknanya kalau kita tidak bersetuju sekalipun dengan orang yang menganut ateisme, kita tidak boleh menafikan hak mereka untuk— sebab bagi saya, agama ini berkaitan

dengan– sekejap, sekejap ya Yang Berhormat Shah Alam. Berkaitan dengan dalam bahasa Inggeris, *inner believe*. Kita punya kepercayaan dalaman.

Jadi saya– bagi saya bukan soal saya menyokong ateisme, soalnya ialah mereka ada hak. Inilah dalam Islam. [*Menyebut dalam bahasa Arab*] Maknanya kebebasan beragama ini, kita tidak boleh paksa orang sebab apabila kita mula paksa dia akan menimbulkan satu yang tidak baik kepada agama itu sendiri. Ya, Yang Berhormat Shah Alam, jangan panjang sangat ya, saya ada sedikit lagi.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Terima kasih Yang Berhormat Sepang, terima kasih Tuan Pengerusi. Ini persoalan kepercayaan lah kan. Kalau orang tidak percaya, kita tidak boleh paksa dia percaya. Kalau orang tidak percaya Islam itu adalah agama yang sebenar, kita tidak boleh paksa dia percaya Islam itu agama sebenar. Dia percaya kepada Kristian kah, dia percaya kepada Hindu kah, dia percaya kepada Buddha kah. Itu kepercayaan, keyakinan.

Begitu juga apabila ada orang, dia tidak percaya wujudnya Tuhan ataupun kalau di barat dipanggil golongan agnostik. Apabila tanya dia, dia kata saya bukan ateis, saya agnostik, apa dia? Saya tidak tahu Tuhan ada ataupun tidak. Dia tidak kata ada, dia kata tidak ada. Itu keyakinan dia. Lalu apa yang kita hendak buat, kita kena tangani. Cara hendak tangani ini bukan hendak cuba hendak paksa dia orang supaya jangan jadi ateis, percaya pada Tuhan.

Akan tetapi kita kena berhujahlah. Kita kena berhujah dan kita tidak akan tahu wujudnya masalah ini selagi mana kita mengambil pendekatan keras. Apabila kita mengambil pendekatan keras, maka mereka menyembunyikan dan masalah itu tidak diselesaikan. Sedangkan kita hendak selamatkan mereka dan kita hendak supaya mereka percaya kepada Tuhan. Kita hendak supaya mereka datang kepada Islam. Lalu apabila mereka tidak bersuara, kita tidak tahu dia bermasalah. Biar dia bersuara dan kita akan perjelaskan, ini sepatunya.

Akan tetapi dalam soal ateisme ini memanglah orang Islam dia tidak boleh ateis. *There is a contradiction in term* lah. *You are Muslim and you are ateis, it cannot be*. Itu kita kena perjelaskan. Apakah pandangan Yang Berhormat Sepang?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Saya setuju dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Shah Alam dan selepas ini saya boleh dapat meramalkan memang puak-puak suci ini akan membantai saya dengan Yang Berhormat Shah Alam. Tengok ini Yang Berhormat Sepang dan Yang Berhormat Shah Alam sokong ateisme. Dia pergi dekat situ pula, dia bukan niat, *contempt* kita punya ucapan ini. Akan tetapi tidak apalah, kalau itu hendak cakap, cakaplah. *I have no problem with that*.

Saya hendak katakan bahawa ateisme ini isunya bukan isu kita percaya tidak percaya apa yang mereka anuti tetapi isunya ialah *level of tolerance* kita dalam *freedom of religion* berkaitan dengan *tolerance* kita terhadap fahaman yang mungkin berbeza dari kita. Itu maksudnya, jadi saya berharap pihak-pihak yang mungkin berpegang kepada agama ini, jangan terlalu cepat sangat menyatakan bahawa orang yang menganut ateisme ini, kita larang mereka daripada menganut fahaman tersebut.

Saya rasa Yang Berhormat Menteri tersilap ini, bila dia kata *there is freedom of religion but is no freedom from religion*. Saya rasa dia tidak faham Artikel 11 itu – saya tidak boleh marahkan dia sebab dia mungkin bukan seorang pengamal undang-undang, saya tidak kisah. Akan tetapi tafsirannya memang 100 peratus salah. Sekarang ini di media *online* memang beliau teruk

dihentam. Jadi saya rasa ateisme ini *is duly protected by Article 11 of Federal Constitution*. Jadi saya merasakan bahawa ini adalah sebahagian daripada hak asasi manusia. Jadi saya harap pihak media, janganlah kita mengetepikan hak mereka itu walaupun kita mungkin tidak bersetuju. Jadi saya rasa, itu sahaja saya hendak sentuh, Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Boleh lagilah.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *Last comment*, sudah habis kah?

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Masa sudah habis. Kita ada lebih kurang 12 minit. Saya bagi...

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: Tuan Pengerusi, boleh lanjutkan sedikit selepas makan tengah hari nanti.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Lipis. Sudah putuskan Yang Berhormat. *I cannot...*

12.48 tgh.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih kepada Tuan Pengerusi yang membenarkan saya turut berbahas dalam Kementerian Komunikasi dan Multimedia. Saya ingin pergi kepada Butiran 02014 - Sistem Penyiaran TV Digital Berdefinisi Tinggi.

Kita dapat tahu bahawa telah diumumkan oleh pihak kerajaan, kalau tidak silap dalam dua atau tiga tahun lepas Persidangan Parlimen kita ini bahawa kita akan terus pergi kepada yang lebih baik iaitu mengatasi Astro yang mana telah beberapa tempat telah kita dapat nikmati tetapi malangnya kita masih belum dapat menyeluruh dalam hal ini.

Jadi saya ingin bertanya kepada kerajaan, bahawa dalam hal ini adakah kerajaan akan melaksanakan seberapa segera bahawa dalam program tersebut memandangkan kalau kita melihat Astro ini memang kita akui banyak *channel* nya yang boleh kita pilih tetapi bayarannya sangat-sangat mahal dan sistem yang mereka gunakan masih tidak dapat menepati kepada para pengguna khususnya kalau kita melihat kepada musim hujan ataupun dalam keadaan-keadaan tertentu, kita tidak dapat melihat *channel* ini dan kadang-kadang *channel* ini *channel* yang kita minati tetapi malangnya telah diganggu oleh disebabkan perkara-perkara yang saya nyatakan tadi.

■1250

Jadi, saya melihat perkara ini, kerajaan kita sudah berbahas tak kira daripada sebelah sana pun, tak silap saya turut serta berbahas dalam isu Astro ini. Pihak sini pun berbahas tetapi penyelesaian yang kita katakan sedemikian rupa masih belum dibangkitkan oleh pihak kementerian kita, kenapa masih berlaku? Jadi, dengan yang dijawab oleh Menteri pada masa yang lalu, kita minta supaya program yang dinyatakan ini mestilah mendapat liputan yang lebih luas, memandangkan ini adalah permintaan daripada orang ramai. Kita melihat Astro ini juga, sebarang tambahan daripada *channel-channel* pun kita kena bayaran-bayaran tertentu.

Jadi, kita berharap supaya dapat diperluaskan dengan seberapa segera. Ini telah terbukti, kita kadang-kadang terpaksa, kalau Tuan Pengerusi minat *channel* golf, umpamanya. Kalau hendak tambah, kena bayar lagi. Kalau minatlah, kalau...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, saluran 835 Yang Berhormat.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Haa 835, 835 ada *live*. Maknanya, memang Tuan Pengerusi...

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Itu iklan itu.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: ...minat *channel* 835 itu. Tuan Pengerusi, saya ingin pergi kepada menetapkan hala tuju terus strategik dan penyediaan perancangan organisasi iaitu di bawah Butiran 011200 - Perancangan Strategik dan Penyelidikan, JAPEN. Saya melihat perkara ini, kalau dinyatakan pelan tindakan organisasi untuk mengawal sistem, kalau pada pendapat saya, sistem yang kita ada pada hari ini masih lagi kelihatan lemah. Ini kerana saya ingin nyatakan sedemikian rupa kerana terdapat lagi perkara-perkara yang kita lakukan, contoh dalam FB, contoh dalam WhatApps dan sebagainya. Kita meletakkan perkara-perkara yang banyak tidak baik, daripada yang lebih baik. Kalau kita kadang-kadang, termasuk menghina agama umpamanya, cukup-cukup ini boleh memecahbelahkan kepada rakyat di negara ini sendiri. Kita memecahkan antara pemimpin, sepatutnya kita meletakkan, kita mengawal keadaan ini supaya negara kita menjadi negara yang aman, negara yang tidak berlaku, mungkin suatu hari boleh berlaku huru-hara. Kalau kita melihat melalui aplikasi ini sahaja sebenarnya boleh merubah sesuatu perkara kepada sesuatu negara. Kita tengok baru-baru ini di Yaman umpamanya, di serang. Ini mungkin disebabkan oleh perkara-perkara hasutan.

Jadi, kalau kita dengan peruntukan yang ada ini, kita mengambil pelan tindakan organisasi serta melaksanakan sistem kawalan strategik, saya hendak bertanya kepada kerajaan. Apakah sistem kawalan strategik tentang perkara yang saya nyatakan sedemikian rupa? Kita di kalangan Ahli Parlimen pun saya tengok menghentam begitu teruk sekali, menghasut rakyat. Jadi, ini semua apakah tindakan yang dilakukan? Kita ada sudah peruntukan perundangan, kita sudah ada buat rang undang-undang, kita sudah bahas dalam ini tetapi kita masih tidak nampak berapakah kes-kes jumlah ini? Adakah di luar daripada Dewan ini kita benar-benar kebal?

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kuala Lipis. Boleh tak lima minit akhir ini bagi dengan Yang Berhormat Parit Sulong, Yang Berhormat ya?

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Boleh, boleh.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Habiskan ya.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Kalau itu hasrat yang hendak saya sampaikan. Jadi, saya minta supaya pihak kerajaan membantu dalam hal inilah sebenarnya.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Lipis, sudah habis masa sudah. Yang Berhormat Lipis habis masa sudah.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Sikit sahaja. Yang Berhormat Lipis habis sudah.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sudah habis masa Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Ingat hendak mencelah Yang Berhormat Lipis tadi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Lipis habis. Yang Berhormat Lipis, habiskan Yang Berhormat Lipis.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Saya benarkan laluan kepada Yang Berhormat Bagan Serai.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tak dibenarkan.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Oh, tak dibenarkan. Tuan Pengerusi, dalam hal ini saya pula pergi kepada...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sudah habis Yang Berhormat.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Pergi kepada Butiran 011400 - Gerak Saraf dan Pengurusan Isu. Ini sebenarnya gerak saraf yang perlu dimainkan sebenarnya. Gerak saraf yang dimainkan oleh pihak kementerian itu sendiri. Kita ada peruntukan dalam hal ini tetapi saya melihat bahawa- saya seorang yang peminat membaca juga sebenarnya, kadang sampai tengah malam juga. Kadang-kadang terasa sedih hati Tuan Pengerusi, apabila pemimpin-pemimpin kita seolah-olah dihina. Orang yang menghina kita kenal, kalau kita tak kenal tak apa. Akan tetapi saya tengok tak ada sebarang tindakan yang dilakukan, mungkin kes-kes yang kecil-kecil, yang kita tak tahu, boleh diambil tindakan. Akan tetapi kes-kes seolah-olah mereka ini ada satu kuasa yang tidak boleh melakukannya. Jadi Tuan Pengerusi, saya ingat ada beberapa minit ini, mungkin ada kawan-kawan hendak bercakap.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tak Yang Berhormat, habiskan Yang Berhormat. Habiskan.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Habiskan?

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Habiskan perbahasan.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Habiskan perbahasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sekian, terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Tuan Pengerusi, saya mohon menyokong bajet ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Parit Sulong.

12.55 tgh.

Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya terus kepada Butiran 34000 – MYNIC. Saya cuma hendak tahu daripada pihak kementerian, berapakah jumlah pengguna yang menggunakan domain '.my' yang telah mendaftar dengan MYNIC? Apakah yang telah digunakan untuk memasarkan domain '.my' ini yang *Malaysian own*? Jadinya, saya hendak tahu cara yang dibuat oleh pihak kementerian untuk memasarkan domain ini? Apakah yang menyebabkan kurangnya penggunaan domain tempatan ini kalau dibandingkan dengan penggunaan .com? Pada tahun 2012, kementerian di bawah MYNIC, ketika itu ianya di bawah MOSTI, ada melancarkan satu platform yang dinamakan *www.1nita.my*. Jadinya, platform itu digunakan untuk membantu wanita memasarkan perniagaan mereka di atas talian. Cumanya, saya hendak tahu apakah status platform tersebut? Apakah mekanisme yang dibuat oleh MYNIC dalam menyahut cabaran menjadikan tahun 2018 ini sebagai tahun memperkasakan wanita di dalam bidang keusahawanan terutamanya? Apakah ada cadangan yang mendorong perniagaan wanita yang *listed*, dengan izin, di dalam platform *www.1nita.my* ini untuk aktif di dalam *digital free trade zone*.

Seterusnya, kepada 020500 – Jabatan Perlindungan Data Peribadi (JPDP). Bajet 2018 ini memperuntukkan sejumlah RM4.8 juta untuk menjalankan tugas-tugas pemantauan dan penguatkuasaan bagi memastikan pematuhan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010. Saya menerima banyak aduan Tuan Pengerusi, mengenai bagaimana tadi juga disebut oleh Yang

Berhormat Sekijang dan juga Yang Berhormat Rasah, bagaimana orang memanggil menggunakan *handphone* kita. Ada juga yang menerima- ada kepunyaan akaun *email* yang mana telah digodam. Pagi tadi terjadi sendiri kepada diri saya, di mana rakan-rakan saya telah memaklumkan, mereka telah menerima *e-mail* daripada saya, seolah-olah daripada saya, untuk meminta dana dan sumbangan dan mengatakan bahawa saya sekarang ini berada di Turki. Jadi, soalan saya kepada pihak kementerian adalah apakah kaedah yang disediakan oleh pihak kementerian kepada pengguna bagi memastikan akaun maya pengguna di Malaysia ini dilindungi daripada aktiviti *scam*?

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: [Bangun]

Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Nanti saya habiskan dulu, sekejap. Apakah kementerian ada membangunkan satu sistem perlindungan data yang boleh diguna pakai oleh rakyat Malaysia? Apakah usaha-usaha penambahbaikan keselamatan siber untuk memastikan persekitaran capaian perkhidmatan yang selamat dan boleh dipercayai bagi melindungi data peribadi dan privasi maklumat? Apakah inisiatif dan pendekatan yang digunakan bagi menyedarkan masyarakat tentang kepentingan perlindungan data peribadi mereka? Yang Berhormat Kelana Jaya.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih kepada kawan baik saya, Yang Berhormat Parit Sulong. Butiran yang sama dan isu yang sama iaitu *data leak* 48 juta. Kita difahamkan bahawa *MalaysiaKini* mengeluarkan satu laporan khas, di mana mengatakan bahawa kemungkinan besar *data leak* ini berasal daripada sistem PCBS yang diamalkan oleh satu syarikat sendirian berhad, Numero Sdn. Bhd. Apakah tindakan Menteri tentang isu ini sekiranya benar wujudnya perkara ini berasal daripada situ? Kenapakah kebanyakan duit ini diberi, RM1.50 bagi setiap *active phone user* digunakan dan diberikan kepada Numero Sdn. Bhd? Apakah jumlah yang telah diberi sepanjang ini? Nampaknya jelas 48 juta nombor telefon sudah hilang.

Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Okey, terima kasih Yang Berhormat Kelana Jaya.

Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Yang Berhormat Parit Sulong, satu minit sahaja, satu minit.

Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Saya ada lagi satu Butiran, minta maaf. 040400 - MDeC. Kepada MDeC, saya hendak bertanya. Apakah usaha kementerian di bawah MDeC ini dalam memastikan keseimbangan antara kemajuan ekonomi digital ini di bandar dan juga di luar bandar serta keselamatan internet bagi menyokong pembangunan ekonomi dan dapat meyakinkan, terutamanya pelabur daripada luar negeri untuk melabur di Malaysia? Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat, jam 2.30 nanti Menteri akan mula menjawab.

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan ditangguhkan hingga jam 2.30 petang ini.

[Mesyuarat ditempokkan pada pukul 1.00 tengah hari]

■1430

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: Peraturan Mesyuarat 99— petua Tuan Yang di-Pertua. Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 43, Yang Berhormat Puchong memohon untuk menyemak semula keputusan Belah Bahagian semasa giliran kementerian di peringkat Jawatankuasa Rang Undang-undang Perbekalan 2018, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) B.25 pada 20 November 2017, Isnin di dalam Dewan Rakyat pada Mesyuarat Ketiga, Penggal Kelima, Parlimen Ke-13. Saya difahamkan bahawa tadi pagi Yang Berhormat Puchong ada berdiri untuk meminta sama ada keputusan sudah dibuat atau tidak.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Tuan Gobind Singh Deo, Ahli Parlimen Puchong, pada hari Khamis 23 November 2017 semasa sesi Mesyuarat Ketiga, Penggal Kelima, Parlimen Ke-13 telah mengemukakan suatu usul di bawah Peraturan Mesyuarat 43 berkenaan keputusan Belah Bahagian semasa giliran kementerian di peringkat Jawatankuasa Rang Undang-undang Perbekalan 2018 Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) B.25 pada 20 November 2017, Isnin di dalam Dewan Rakyat.

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah meneliti usul Yang Berhormat Puchong dan mempertimbangkan perkara yang dibangkitkan berhubung jumlah Ahli-ahli Parlimen pembangkang yang mengundi tidak menyokong seramai 52 orang. Setelah semakan dilakukan, didapati bahawa jumlah Ahli-ahli Parlimen pembangkang yang mengundi iaitu tidak bersetuju, tidak menyokong adalah seramai 51 orang sahaja dan bukannya seperti yang didakwa oleh Yang Berhormat Puchong. Ini kerana Yang Berhormat Tuan Manivannan a/l Gowindasamy, Ahli Parlimen Kapar, selaku ketua pengundi bagi blok E telah gagal untuk menandakan undian bagi Yang Berhormat Tuan Julian Tan Kok Ping, Ahli Parlimen Stampin. Beliau juga telah mengesahkan jumlah undian tersebut dengan menandatangani senarai undi Belah Bahagian bagi blok tersebut.

Bermakna, yang pengira undi di blok itu tidak memasukkan nama Yang Berhormat yang saya sebut tadi dan beliau juga telah menandatangani mengesahkan bahawa itulah yang mengundi dalam blok itu.

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Nanti dahulu, Yang Berhormat. Saya belum siap lagi. Berhubung dengan dakwaan Yang Berhormat Puchong bahawa Yang Berhormat Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan telah pergi ke meja Setiausaha semasa proses pengundian dan menyatakan tindakan tersebut adalah suatu kesalahan. Saya telah meneliti perkara ini dan mendapati bahawa semasa proses pengundian tersebut, Yang Berhormat Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli, Ahli Parlimen Kuala Krai, juga telah pergi ke meja Setiausaha. Ahli Yang Berhormat yang lain tolong senyap. Sehubungan dengan itu, saya memutuskan bahawa perkara ini tidak menjejaskan proses pengundian Belah Bahagian yang tersebut.

Merujuk kepada dakwaan Yang Berhormat Puchong berhubung dengan Ahli-ahli Dewan Rakyat yang masuk lewat dan dibenarkan mengundi, saya memutuskan bahawa Peraturan Mesyuarat 47(3) membenarkan tiap-tiap Ahli yang hadir untuk mengundi. Peraturan Mesyuarat 47(3) memperuntukkan— saya baca... [*Membaca petikan*]

“Apabila tiap-tiap Ahli yang hadir telah ditanya pihak mana hendak diundinya, maka Pengerusi hendaklah menyebutkan berapa bilangan yang bersetuju dan berapa bilangan yang tidak bersetuju dan setelah itu hendaklah dimasyhurnya keputusan undi itu dan, jika dikehendaki, Pengerusi hendaklah mengeluarkan undi pemutus.”

Makna kata, pada ketika itu, proses pengundian telah dijalankan mengikut peraturan mesyuarat kita di mana penghitung Ahli-ahli Yang Berhormat sendiri di setiap blok hendaklah menghitung Ahli-ahli Yang Berhormat yang hadir pada ketika itu. Jadi, yang hadir pada ketika itu adalah nama-nama yang telah pun disahkan oleh setiap pengira undi di blok masing-masing. Oleh yang demikian, saya memutuskan bahawa Belah Bahagian yang telah dijalankan pada Isnin 20 November 2017 adalah teratur mengikut Peraturan Mesyuarat 46 dan 47... [*Tepuk*]

Ahli-ahli Yang Berhormat, ini yang penting. Ahli-ahli Yang Berhormat, selain itu, saya ingin memaklumkan bahawa Yang di-Pertua mempunyai budi bicara, dalam bahasa Inggerisnya *discretion of the Speaker*, bagi memutuskan sama ada membenarkan atau tidak suatu permohonan meminta diadakan Belah Bahagian. Ini adalah untuk mengelakkan permintaan Belah Bahagian yang remeh daripada Ahli-ahli Dewan, atau dalam bahasa Inggerisnya, *frivolous request for division by the Members*.

Discretion of the Speaker not to allow division. The Speaker has to see that the division is not clean, unnecessarily frivolous request for the division has been disallowed by the Speaker. Ini adalah autoriti sebagai rujukan— kalau Ahli-ahli Yang Berhormat minat buat rujukan. Rujukan *Discretion of the Speaker not to Allow Division, Practice and Procedure of Parliament with Particulars Reference to the Lok Sabha sixth edition page 974.*

Makna kata, ambil perhatian iaitu walaupun ada Belah Bahagian yang diminta sama ada daripada sebelah kanan ataupun di sebelah kiri, Belah Bahagian yang diminta itu mesti bukan *frivolous*, bermakna mempunyai niat yang tidak baik. Jadi, apabila kita tengok senario yang terjadi di Parlimen ini selama saya menjadi Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang ada Belah Bahagian yang diminta pada ketika yang sesuai untuk diberi Belah Bahagian.

■1440

Akan tetapi ada ketika-ketika yang Belah Bahagian diminta tetapi diberi juga. Jadi di dalam contoh seperti apa yang berlaku pada hari itu, Belah Bahagian yang diminta ialah pada waktu ketika lain Ahli-ahli Yang Berhormat, saya selidiki bahawa pada ketika itu adalah mereka sembahyang, pada ketika itu adalah waktu malam, pada ketika itu semua Ahli-ahli Yang Berhormat penat oleh kerana telah berbahas pada hari kemudiannya sampai jam 9.00 – 10.30.

Jadi apa yang saya didapati apabila saya siasat benda itu, apabila Ahli-ahli Yang Berhormat nampak di sini, sebelah sini sudah lengang, maka semua datang berpusu-pusu, lepas itu minta Belah Bahagian. Jadi apabila saya menimbangkan ini semua, *there is nothing that you can describe it apart from the Belah Bahagian yang diminta itu adalah frivolous*. Kalau mahu benar-

benar, mahu *strength* bahawa bajet ini ditolak, maka tunggu pada ketika waktu nanti dibaca untuk kali yang ketiga, barulah minta Belah Bahagian.

Kesimpulan, saya memutuskan bahawa Belah Bahagian yang telah dijalankan pada Isnin 20 November 2017 adalah teratur mengikut Peraturan Mesyuarat 46 dan 47. Justeru, saya tidak membenarkan usul di bawah Peraturan Mesyuarat 43 oleh Yang Berhormat Puchong dimasukkan dalam Aturan Urusan Mesyuarat. Terima kasih.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Penjelasan. Tuan Yang di-Pertua, penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Saya hendak tanya sikit sebab pada hari Isnin apabila kita mengundi, apabila loceng telah berbunyi selama dua minit. Apabila pada penghujung undi itu selama lebih daripada 20 minit Tuan Yang di-Pertua.

Jadi pada pendapat kami adalah ia terlalu panjang sebab kalau kata loceng dua minit, lepas dua minit maka pengundian harus dilakukan dengan kadar yang segera. Di Parlimen-parlimen lain ia punya pintu akan dikunci dan Ahli-ahli Parlimen yang tidak masuk maksudnya mereka telah gagal masuk untuk mengundi. Itu adalah— takkan kita hendak tunggu lebih daripada 20 minit.

Saya difahamkan ada Ahli Yang Berhormat bukan pergi sembahyang, sebenarnya mereka berada di rumah dan daripada *apartment* dia datang ke sini, 20 minit boleh sampai dan mereka terus masuk untuk undi Tuan Yang di-Pertua.

Maka ini adalah satu yang tidak adil kerana kita tunggu terlalu lama dan kita nampak bahawa ada satu persatu masuk lepas undi telah dihantar kepada Setiausaha dipulangkan balik untuk ditambahkan undi tersebut. Ini adalah satu yang tidak adil Tuan Yang di-Pertua. Ini poin kami Tuan Yang di-Pertua. Minta penjelasan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Penjelasan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Poin yang sama?

Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Setiu.

Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Lebih kurang sama tetapi lain.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Apa yang disebut oleh Yang Berhormat Bayan Baru sama ada ada masuk kah tidak dalam usul. Sebab saya rasa tidak boleh di *consider* sudah sekarang. Yang penting sekarang ini dalam peraturan kita 47 memang jelas menyatakan tidak menyebut masa yang diperlukan untuk menghitung undi masa tidak ada langsung.

Jadi apa yang disebut oleh Yang Berhormat Bayan Baru dia kata kena buat masa terdekat, peruntukan tersebut tidak ada dalam di sini. Kalau adapun di UK, itu hanya dikira sebagai *persuasive authority* dan ia sehingga *Speaker* yang menyebut kunci pintu baru boleh dikira sebagai pintu dikunci dan tidak dibenarkan ahli-ahli masuk. Itu sebenarnya yang berlaku.

Akan tetapi, selagi *Speaker* tidak menyebut, maknanya masa pengiraan itu tidak dikira berapa lama. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua saya hanya— tadi poin kedua Tuan Yang di-Pertua menyatakan bahawa Ahli Parlimen Kuala Krai pun ada pergi ke meja Setiausaha. Ya, itu saya pun ada nampak, betul. Akan tetapi, saya rasa ada sedikit perbezaan dengan cara Menteri pergi ke meja Setiausaha kerana Menteri ada pegang itu *counting check*. Dia pegang bukan sahaja pergi ke meja Setiausaha, tetapi dia walaupun dia bukan penghitung tetapi dia pegang itu ada buat, kita boleh nampak dia *turn paper like that*.

Jadi berbeza dengan Ahli Parlimen Kuala Krai pergi ke sana tetapi sekejap sahaja beliau sudah dihalau untuk balik ke tempat kerusi dia.

Tuan Yang di-Pertua: Okey, terima kasih.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Jadi saya rasa, di sini kita tidak boleh guna Ahli Parlimen Kuala Krai untuk *justified* apa Menteri telah buat. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Saya akan membenarkan satu lagi berdiri. Saya sudah buat saya punya keputusan. Saya, orang lagi berdiri lepas itu saya respons lepas itu *it will end there*. Sila, Yang Berhormat Kapar.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya difahamkan tadi sebelum saya masuk Tuan Yang di-Pertua ada sebut nama saya.

Tuan Yang di-Pertua: Yes.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Saya akui ada kesilapan tempoh hari disebabkan pengiraan jumlah tidak mencerminkan blok ini. Saya mendapati baru tadi bila saya kira balik blok ini ada 55 orang tetapi. Akan tetapi, yang catat dalam kertas hari itu 54 orang, termasuk tertinggal satu.

Seorang Ahli: 51.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: *No, no*. Total 54 bermaksud yang tidak hadir. Saya sedang bercakap tentang blok. Jumlah blok adalah 54, bermaksud kurang seorang. Tempoh hari saya kira dengan bentara sekali dan sekiranya ada kekurangan boleh rujuk balik kepada saya.

Sebelum ini Tuan Yang di-Pertua, ada juga kekurangan yang telah berlaku apabila saya berikan kepada bentara mereka telah beri balik kepada saya untuk membetulkan. So, benda ini boleh diselaraskan pada hari tersebut atas dua dasar dan dua faktor.

Satu adalah kertas yang telah diberikan kepada bentara, ada dipulangkan balik kepada dua wakil daripada sebelah sana. Itu yang pertama.

Kedua, tempoh hari masa yang diambil terlalu lama. So, boleh diperbaiki. Saya nampak benda itu boleh diminta balik sebab ada satu kekosongan dekat sana kalau seperti yang Tuan Yang di-Pertua kata sedemikian, saya akui dan saya tidak mahu mencabar bahagian tersebut.

Akan tetapi, ada juga ruang untuk penyemakan dan maklumkan balik kepada saya sebab benda itu berkurangan. Sebab dari *totality* memang ada seorang kurang. Itu saya pasti sekarang bila saya mendapati blok ini ada 55 orang tetapi apa yang tertera di sana adalah daripada blok ini 24, 2, 18. So, 24, 2, 18 adalah 54 berkurangan seorang. Itu yang saya cuba hendak betulkan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dengar apa yang saya hujah. Yang Berhormat Puchong buat usul di bawah Peraturan Mesyuarat 43. Biasanya Peraturan Mesyuarat 43 apabila mengikut peraturan mesyuarat, kita masukkan dalam *order paper*. Yang sering kali disuarakan

dalam Dewan ini ialah usul 43, adalah Ahli-ahli Yang Berhormat mengatakan tidak ada faedah juga kalau mahu tidak *review* keputusan *Speaker* dan sedemikiannya kerana *it will never see the light of the day* pasal urusan kerajaan didahulukan, Peraturan 15.

Jadi pilihan saya ialah sama ada memasukkan usul Yang Berhormat Puchong di bawah Peraturan Mesyuarat 43, lepas itu tidak *doesn't see the light of the day* ataupun *I got to make a ruling on the things that's been said* daripada Yang Berhormat Kapar dan dua, tiga orang Ahli Yang Berhormat tadi. Itu sebab saya kasi penjelasan mengenai apa yang berlaku daripada penyiasatan saya termasuk segala gambar-gambar yang telah dikasi kepada saya, termasuk juga dengan segala kertas di mana dicatat siapa datang dan siapa yang tidak. Semua ada depan saya kerana terpaksa saya buat, satu tahu saya akan buat *ruling*.

Jadi apabila saya sebut apa yang saya sebut tadi itu. Saya setuju dengan apa Yang Berhormat disebut oleh Yang Berhormat Setiu kerana saya mengambil kira semua *precedence* daripada parlimen-parlimen lain.

Akan tetapi, pada akhirnya Ahli-ahli Yang Berhormat terpaksa saya ikut *Convention Malaysian Parliament* kerana sepanjang yang saya tahu daripada *Hansard* dan daripada *precedence* yang dibuat oleh *Speaker-speaker* dahulu, belum pernah berlaku bahawa selepas loceng berbunyi *Speaker* mengasi arahan *the door is locked*, tiada.

Yang saya terbaca juga daripada parlimen-parlimen lain bahawa loceng itu cuma *it's just an indication to give* Ahli-ahli Yang Berhormat *warning that you must come* dan sedemikiannya.

■1450

Kalau loceng itu tidak berbunyi pun, itu juga bukan indikasi bahawa tidak boleh ada Belah Bahagian. Pertama kali berlaku, saya difahamkan dan mengikut pengalaman saya, pertama kali berlaku seperti begitu itu.

Ahli-ahli Yang Berhormat, kalau Ahli-ahli Yang Berhormat— Saya tahu kebanyakan adalah peguam, suka sangat untuk memanggil peraturan mesyuarat. Baca, *Erskine May*. Di situ mengatakan bahawa ada sistem kalau di UK, *pairing*. *Pairing* bermaksud kalau satu Ahli Yang Berhormat daripada BN, daripada *government* tidak hadir, satu daripada pembangkang juga mesti tidak hadir kerana untuk mengelakkan nanti ada Belah Bahagian. Disebut sebagai *pairing*. Kita tidak praktis di sini. Itu menandakan bahawa Dewan Rakyat ini adalah tempat untuk orang-orang *gentlemen*. *Amended is been given by the government, provided you really feel that it must be challenged that it must be a division in order to beat the government on the particular issue, then you raise a division. Okay?*

Jadi saya sebut juga tadi bahawa ada *authority* saya dapat di India, Lok Sabha. *The biggest democracy in the world*, yang mengatakan bahawa *if the division that is being called by either side, if the Speaker thinks that call is frivolous, then the Speaker's discretion not to allow it*. Jadi apabila saya ambil senario yang berlaku di Parlimen Malaysia selama saya memegang tugas dalam selama hampir 10 tahun, *there are times that the division is called*, wajar kita beri *but whenever refused, when the division is called, we just give*.

Pada hari berkenaan, apabila saya siasat apa yang telah berlaku, walaupun saya tidak di depan tetapi saya di belakang, saya tahu, saya dengar. Pada ketika itu, bagi saya termasuk dalam ruang lingkup *what is been described in India is frivolous call for a division*. Jadi kalau *pairing*

itu, *the idea*, falsafah *pairing* pada ketika persidangan, *of course* ia sama *synchronized* dengan *frivolous call for a division*.

So, itu semua saya ambil kira kerana kalau pun umpamanya pada hari itu, ia *draw*. 52-52, 51-51, *the Deputy Speaker will still have to cast the vote. It is a decision. Still. The government will win*. Kalau umpamanya Ahli-ahli Yang Berhormat sebelah kiri pula memikirkan bahawa apabila kementerian tersebut kalah pada ketika itu, *I have so many authorities also to share that it does not necessarily mean that it is the amount to vote of no confidence* kerana ia cuma satu sahaja kementerian yang tidak dapat sokongan pun melalui prosedur *frivolous call for division*. Akan tetapi kalau Ahli-ahli Yang Berhormat mahu juga betul-betul *extinct the strength*, selepas dibahas mahu hampir sebulan bahawa bajet ini perlu ditolak, *that it will be that amount to vote of no confidence*. *Then you call your division* nanti pada ketika waktu dipanggil sudah bahawa rang undang-undang ini dibaca kali yang ketiga.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: *Then it will be fair for everybody because the government will be here, the opposition are all to be here. So,* itu saya punya keputusan, saya harap jangan lagi dipertikaikan.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: *We will take this as an example* bahawa ini adalah satu pengalaman baru bagi kita semua. *First time it is happened*.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Penjelasan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: *No, no* Ahli Yang Berhormat.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Sedikit sahaja penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, saya kata *I have made my decision. I have already talked about this*. Itu...

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Tidak. Penjelasan. Saya...

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat. Ahli Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Tidak, nanti. Soalan saya belum dijawab Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma hendak tanya satu soalan sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Kita tidak....

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat yang lain. Ahli Yang Berhormat yang lain. Saya mahu dengar ini soalan. Yes?

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Kita tidak pertikaikan kuasa Tuan Yang di-Pertua untuk buat keputusan, *ruling* dan sebagainya. Cuma kita hendak tanya Tuan Yang di-Pertua sebab kita pertikaikan adalah masa yang diberikan itu terlalu panjang. Itu *set a bad precedence*, Tuan Yang di-Pertua. Jadi kita minta Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Tuan Yang di-Pertua buat satu *ruling*? Katakan *convention* kita tidak *lock the door*, di British ada *lock the door*. Di British ada *pairing* dan sebagainya, okey. Di sini tidak ada. Jadi Tuan Yang di-Pertua, adakah kita punya *time limit* itu, 22 minit seperti yang pada hari Isnin lalu? Adakah 22 minit itu *the maximum* ataupun bolehkah Tuan Yang di-Pertua buat satu *ruling*, katakan selepas dua minit loceng, lima minit kita kena selesaikan ini, *lock the door*. Okey? Lima minit itu semua kena masuk, buat keputusan.

Kalau tidak Tuan Yang di-Pertua, 22 minit yang kita *experience* pada hari Isnin, mungkin satu hari nanti adalah 32 minit. Selepas itu *42 minutes*. Mungkin satu jam, Tuan Yang di-Pertua. Jadi kita hendak satu ketetapan kerana *this is a new experience, yeah*.

Tuan Yang di-Pertua: Okey, saya faham, Yang Berhormat. Saya faham, saya faham.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: *So we need a ruling from Tuan Yang di-Pertua. Is it 22 minutes?* Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Okey, saya faham Yang Berhormat. Saya faham, Yang Berhormat. Saya bukan tidak ada menjawab persoalan Yang Berhormat. Saya sudah jawab pun tetapi Yang Berhormat mungkin tidak berapa *clear*. Saya kata tadi, dalam di Parlimen lain, saya sudah juga baca mereka punya *ruling, bill* itu tidak semestinya melambangkan bahawa *that must be followed* kerana *reasoningnya* begini. Pada ketika waktu Belah Bahagian tekan loceng, apa kalau tidak ada *power*, tidak berbunyi itu loceng, bukan? Akan tetapi Belah Bahagian telah minta. Yang wajar harus diberi perhatian kepada sini ialah apa yang saya sebut tadi bahawa *when you call a division, it must not be frivolous. Meaning, what was the intention then, when you called a division? Was it not to embarrass the government?*

Beberapa Ahli: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat. *Was it not to embarrass the government? Now...*

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Tuan Yang di-Pertua, kita...

Tuan Yang di-Pertua: Nanti dulu, Yang Berhormat. Yang Berhormat. Yang Berhormat.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Tuan Yang di-Pertua, *we object to that yield*. Kita *object to that section*, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat. *Please, when I'm talking...*

Beberapa Ahli: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, tolong. *You see*, mungkin bagi Yang Berhormat benda ini tidak serius. Bagi saya adalah amat serius *because* apa sahaja *decision is being made by the Chair*, itu memberi gambaran *precedence*. *You are calling of a division*, walaupun dibenarkan begitu, *I have already said, if it is frivolous, why do it? It is not to embarrass the other side?*

Seorang Ahli: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Yang di-Pertua: *All of us are educated. Please. There's a reason*. Kalau saya *allow* Yang Berhormat Puchong di bawah 43, *if the government asked for under 43*, macam mana? *You said, we will ask also to review the decision in 43*. Dia ada majoriti. *At that time, all of them will be here*.

Seorang Ahli: Ha, dengar.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi macam mana?

Seorang Ahli: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Yang di-Pertua: Jadi jangan fikir sebelah sahaja. *Wide angle*. *So, when I sit here*, saya pakai *wide angle*. Bukan begini. Bukan saya tengok Yang Berhormat Arau sahaja ataupun Yang Berhormat Putrajaya sahaja. *I have to look at it this like this*.

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]: *Is it...*

Tuan Yang di-Pertua: *It's enough, enough* Yang Berhormat.

Beberapa Ahli: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]: *Just* hendak minta penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Saya minta maaf. *It just a sedikit...*

Tuan Yang di-Pertua: Okey, okey. Yang Berhormat lain, ini penghabisan. Sila. Sila.

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Berkenaan dengan *embarrassment*, Tuan Yang di-Pertua. Itu bukan tujuan kami. Tujuan kami meminta Belah Bahagian adalah sebab kita ada niat untuk membantah terhadap *bill* tersebut. *There's nothing to do with embarrassment* dan dalam peraturan, kita mempunyai hak untuk membangkitkan belah bahagi.

[Dewan riuh]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain. Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, tolong Yang Berhormat.

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]: *So*, untuk menyatakan *it is an embarrassment, surely that is unfair*. Saya dengan segala hormatnya kena...

Seorang Ahli: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]: *No, no hold on*. Ini dengan segala hormatnya perlu dinyatakan oleh kerana ia perlu direkodkan. Ini bukan satu perkara untuk *embarrass the other side. It never has been our position*. Itu perlu saya nyatakan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sudah, sudah. *I have already stated my reason*. Satu lagi, satu lagi yang disebut ialah pada ketika setiap kali bersidang, semua mesti ada. *That is an ideal kind of situation that I want*. Akan tetapi apabila sini tidak hadir, ada juga kalanya sini tidak hadir. Apabila hadir sini, sini pula tidak hadir. Hadir sini, sini tidak hadir. Bermakna, *there is no fast and fixed rule whereby your attendance is compulsory*, mengikut keadaan-keadaan tertentu. *So, this one, is a settled issue* apabila isu ini sudah berbangkit, fikiran saya sudah melayang, *maybe it's high time that we won't have a procedure*, pakai komputer kah dan sedemikiannya. *So, it's all process of what we should do*.

■1500

Baru-baru ini pun sudah kita buat bahawa ada soalan kepada Menteri dan sedemikiannya *we shorten the time. You see, bear with me, we will be there*. Akan tetapi jangan pada ketika seperti begini oleh kerana timbul sesuatu perkara *if I can say again, if I assuming that ada di antara kamu yang terasa, jangan terlampau politicking all the time. You can say whatever you want to say and we will listen. But then, jangan all the time* bahawa kita buat perkara seperti begini. *I think* Yang Berhormat Kapar, *you have made your point*.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Tuan Yang di-Pertua, saya *just* hendak maklumkan satu. Saya terima cadangan ataupun penjelasan Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi disebabkan ada kesilapan yang telah dilakukan, saya ada dua makluman yang perlu diberi. Satu, makluman. Satu, cadangan. Satu adalah apa-apa pun berlaku Yang Berhormat Stampin hadir pada hari itu. *That is clear*. Saya mohon maaf kepada beliau kerana berlaku kesilapan. Kedua adalah walaupun itu berlaku kita perlu baiki sistem ini. Oleh sebab Tuan Yang di-Pertua, saya nampak Tuan Yang di-Pertua gunakan perkataan *ambiguous* dan sebagainya.

Tempoh hari apabila saya cadangkan belah bahagi ini adalah sebab-sebab tertentu seperti saya, ada dalam *Hansard* saya, yang saya telah mengatakan kos barang, kos sara hidup, harga petrol, harga ubat dan sebagainya. *That is very clear from my side, from our side. That is number one. Number two, whatever it is*, Yang Berhormat Stampin hadir dan apa yang telah berlaku adalah kesilapan. So, oleh sebab itu saya cadangkan kita kena ada cara pengiraan yang baru sebab ini adalah *precedence*, inilah pertama kali telah berlaku. Saya sebagai orang yang terlibat, saya minta jasa baik Tuan Yang di-Pertua untuk cadangkan satu sistem yang baru supaya benda ini tidak berulang pada masa hadapan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, terima kasih.

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa]***

Tuan Pengerusi: Terima kasih. Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia, sila.

3.02 ptg.

Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia [Dato' Seri Jailani bin Johari]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera dan salam sehati sejiwa. Terima kasih Tuan Pengerusi. Pertamanya, sebelum saya menjawab persoalan yang dibahaskan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, ingin saya alu-alukan pelawat kita daripada Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak kerajaan yang telah mencadangkan peruntukan sebanyak RM1.77 bilion pada tahun 2018 kepada Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia dengan pengagihan sebanyak RM485,346,200 bagi perbelanjaan pembangunan dan RM1,293,333,200 bagi perbelanjaan mengurus. Peruntukan yang disalurkan ini adalah pertambahan sebanyak RM158,580,300 atau 9.79 peratus berbanding peruntukan tahun 2017.

Semasa membentangkan usul Rang Undang-undang Perbekalan tahun 2017, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan juga telah mengumumkan beberapa projek melibatkan kementerian ini iaitu membangunkan infrastruktur komunikasi serta kemudahan jalur lebar di Sabah dan Sarawak dengan peruntukan sebanyak RM1 bilion melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia dan peruntukan sebanyak RM100 juta untuk memperluaskan program eRezeki, eUsahawan dan eLadang di bawah *Malaysian Digital Economy Corporation* (MDEC) dengan izin.

Seterusnya, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dan memberikan pandangan dan saranan yang menyentuh bidang tugas kementerian ini sepanjang sesi perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan tahun 2018 peringkat Jawatankuasa sebentar tadi. Seramai 12 orang Ahli Yang Berhormat telah pun membahaskan perkara-perkara di bawah tanggungjawab kementerian ini. Penggulungan jawapan saya akan menyentuh kepada lima perkara utama iaitu berkaitan dengan:

- (i) komunikasi strategik,
- (ii) penambahbaikan kualiti perkhidmatan telekomunikasi,
- (iii) pelaksanaan projek jalur lebar,
- (iv) penyalahgunaan media sosial dan internet; dan

(v) pembangunan ekonomi digital.

Pada masa yang sama saya akan menyentuh beberapa agensi di bawah kementerian ini. Persoalan pertama yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Permatang Pauh, walaupun beliau tidak ada saya rasa saya akan cuba berkongsi Tuan Pengerusi. Berkaitan dengan kewajaran gaji KP JASA lebih daripada gaji Yang Berhormat Menteri.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah bajet JASA pada 2017 ialah sejumlah RM22,886,500 dan bagi tahun 2018 ialah sebanyak RM30,020,600. Perbezaan sebanyak RM7,134,100. Kenaikan sejumlah RM7,134,100 di bawah OA 10000 adalah disebabkan seramai 127 pegawai kontrak yang telah berkhidmat sekurang-kurangnya 15 tahun kontrak telah dilantik tetap mulai 1 Julai 2016 dan mengisi jawatan di bawah jawatan sementara kontrak tetap. Ini sebenarnya adalah selaras seperti mana pengumuman oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebelum ini bahawa penjawat awam bertaraf kontrak yang sudah berkhidmat selama 15 tahun dan ke atas layak diserap ke jawatan tetap.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, emolumen sebanyak RM7,134,100 tersebut telah pun dipindahkan daripada bajet program kursus di bawah KKMM ke bawah bajet JASA di bawah OA 10000.

Berkaitan dengan gaji KP, tangga gaji ditentukan oleh Kementerian Kewangan sebelum ia dilantik oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Di antara tugas-tugas beliau adalah untuk mengatur rancangan dan melaksanakan strategi program dan aktiviti bagi mendidik serta meyakinkan rakyat terhadap dasar-dasar kerajaan berdasarkan fakta yang tepat.

Kedua, menggerakkan pembaharuan pemikiran ummah bagi menghadapi gelombang globalisasi dan teknologi maklumat serta membuat analisa pola dan sikap rakyat terhadap dasar-dasar kerajaan. Di samping itu, JASA berperanan untuk memberi penjelasan berkaitan dasar-dasar kerajaan dan isu-isu semasa. Ini adalah selaras dengan tujuan penubuhan JASA iaitu untuk memelihara dan mempertahankan kestabilan politik negara dengan memberi kesedaran dan kefahaman yang berkualiti, tepat dan jelas kepada masyarakat.

Mengenai persoalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Rasah iaitu peluang pekerjaan di JASA untuk graduan selain daripada calon berlatarbelakangkan politik. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peluang pekerjaan adalah berdasarkan kekosongan yang ada dan dilantik oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Yang Berhormat Rasah juga menanyakan berapakah jumlah lantikan politik pegawai JASA? Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua pegawai JASA adalah dilantik oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam berdasarkan syarat-syarat kelayakan yang telah ditetapkan dalam Pekeliling Suruhanjaya Perkhidmatan Awam yang masih berkuat kuasa.

Mengenai persoalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Bachok berkaitan dengan tahap penerimaan rakyat terhadap dasar-dasar kerajaan di Bachok. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, JASA berperanan...

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Penjelasan sikit Yang Berhormat, berkaitan dengan pegawai JASA. Boleh?

Dato' Seri Jailani bin Johari: Beri saya habiskan dahulu Yang Berhormat Bachok ini ya. JASA berperanan untuk membuat penerangan kepada rakyat terhadap pelbagai dasar kerajaan melalui program dan aktiviti yang telah dilaksanakan secara komunikasi bersepadu iaitu

bersemuka, penyediaan bahan penerbitan dan cetakan, penulisan di akhbar media elektronik dan *online*.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Menteri. Saya ingin penjelasan Yang Berhormat berkaitan dengan bidang tugas JASA yang kita semua tahu apa program yang dibuat. Kalau di kawasan saya, semua program di bawah JASA dibuat bersama pimpinan UMNO dan Barisan Nasional. Sedangkan dia mendapat gaji daripada perkhidmatan awam sebagaimana yang disebut oleh pihak Yang Berhormat Menteri tadi.

Jadi kenapa perkara ini dipergunakan seolah-olah agensi ini menjadi tukun dan tanggungan bagi pihak UMNO dan Barisan Nasional sedangkan gaji yang dibayar menggunakan wang rakyat. Jadi ini adalah satu perkara yang tidak demokrasi dan penyalahgunaan kuasa. Minta penjelasan dari sini.

Dato' Seri Jailani bin Johari: Terima kasih Yang Berhormat Rantau Panjang. Seperti yang saya maklumkan tadi, setiap program yang dilakukan oleh pihak kementerian melalui JASA adalah seperti yang telah diperuntukkan di mana mereka ini akan membuat penerangan terhadap dasar kerajaan dan sebagainya. Saya percaya apa pernyataan yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Rantau Panjang adalah tidak berasas kerana ada juga beberapa perkara yang telah dilakukan, yang melibatkan di kawasan-kawasan yang di bawah pihak pembangkang. Saya percaya perkara ini kita ambil maklum dan *insya-Allah*, kita akan lihat juga perkara seterusnya. Terima kasih.

Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada persoalan yang kedua iaitu isu berkaitan dengan RTM. Yang Berhormat Permatang Pauh ada menanyakan persoalan berkaitan dengan beri peluang siaran saksama untuk semua parti politik. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, program Bual Bicara Bajet yang disiarkan oleh RTM dari 30 Oktober hingga 9 November 2017 telah memberi peluang kepada semua parti mengemukakan pandangan termasuklah daripada parti PKR, PAS, DAP dan Bebas.

■1510

RTM juga menjemput tiga wakil DAP, empat wakil PKR, satu wakil PAS dan juga satu wakil Bebas. Program bual bicara demokrasi sebelum ini turut memberikan peluang kepada parti-parti politik termasuk pembangkang untuk menjadi ahli panel dan ia disiarkan sekali sebulan liputan berita dari semasa ke semasa mengikut isu.

Yang Berhormat Pendang, ada menanyakan persoalan berkaitan dengan tiga perkara iaitu cara memberi salam, penggunaan bahasa baku dan juga penceramah agama. Persoalan berkaitan dengan cara memberi salam, pihak RTM mengambil maklum Yang Berhormat, ketika ini pengacara mengucapkan *assalamualaikum* dan salam 1Malaysia pada permulaan rancangan. Berkaitan dengan penggunaan bahasa baku, khusus kepada pengacara dan pembaca berita diadakan, maknanya 'khusus' ya. Kursus kepada pengacara dan pembaca berita diadakan dari semasa ke semasa. Salah satu daripada perkara yang difokuskan ialah penggunaan bahasa yang disampaikan oleh pakar bahasa daripada Dewan Bahasa dan Pustaka. Berkaitan dengan penceramah agama, RTM mengambil maklum cadangan Yang Berhormat Pendang. Penceramah yang berkenaan akan dijemput ke program yang bersesuaian di RTM melalui JAKIM.

Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]: Tuan Pengerusi, satu soalan sahaja. Apakah pihak RTM bercadang untuk membentuk satu panel penasihat mengenai program agama di RTM? Itu sahaja.

Dato' Seri Jailani bin Johari: Terima kasih, Yang Berhormat. Kita ambil maklum atas cadangan Yang Berhormat. Berkaitan dengan liputan RTM yang berat sebelah yang ditanyakan oleh Yang Berhormat Sepang, liputan berita RTM adalah berdasarkan nilai berita, masa siaran dan kaedah siaran termasuk penggunaan petikan suara juga adalah berasaskan nilai berita.

Berkaitan dengan persoalan yang ditanyakan oleh Yang Berhormat Rasah. Gaji kakitangan kontrak RTM akhir pada tahun 2016, bayaran perkhidmatan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Rasah melibatkan gaji petugas sementara. Mereka dibayar gaji secara harian, bayaran gaji lewat sedikit kerana penutupan akaun pada awal Disember. Tuntutan mereka tidak dapat diproses kerana perkhidmatan masih belum diberikan. Bagaimanapun, bayaran perkhidmatan dilunaskan apabila RTM menerima peruntukan pada pertengahan bulan Januari 2017 telah selesai Yang Berhormat.

Okey, Tuan Pengerusi saya akan meneruskan kepada isu yang ketiga yang ditimbulkan berkaitan dengan JAPEN, Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Permatang Pauh, walaupun tiada saya akan berkongsi lah ya. JAPEN sebagai medium propaganda bagi pihak BN sahaja seperti mana Yang Berhormat Rantau Panjang. Jabatan Penerangan Malaysia menterjemah dan memasarkan dasar dan agenda negara supaya difahami, disokong, dihayati dan dibudayakan oleh seluruh rakyat melalui program penerangan. Dasar dan agenda negara yang dipasarkan ialah dasar, program dan rancangan yang digubal oleh kerajaan yang memerintah.

Yang Berhormat Sepang, ada menanyakan berkaitan dengan etikaewartawanan. Tugas utama wartawan adalah melaporkan kebenaran dan menghormati hak orang ramai untuk mendapatkan maklumat sebenar. Dalam melaksanakan tugas ini, ia menghayati kebebasan memungut dan menyiarkan berita secara jujur serta berhak membuat ulasan dan kritikan yang saksama. Wartawan hendaklah menggunakan cara yang wajar untuk mendapatkan berita, gambar, filem dan dokumen. Sebarang maklumat yang tersiar yang didapati tidak benar hendaklah diperbetulkan.

Wartawan hendaklah menghormati kerahsiaan sumber berita, wartawan hendaklah berbudi pekerti ketika menjalankan tugas, mengelakkan diri daripada hasutan dan tuduhan yang tidak berasas seperti rasuah dalam apa bentuk sekalipun. Wartawan hendaklah menghindari siaran berita, rencana yang bersifat perkauman, melampau dan bertentangan dengan tatasusila masyarakat majmuk Malaysia. Akhirnya wartawan hendaklah memahami undang-undang dan peraturan negara berkaitan secara langsung dengan profesion mereka.

Yang Berhormat Lipis, ada menanyakan berkaitan tindakan membendung penghinaan terhadap pemimpin negara. Pihak Jabatan Penerangan Malaysia (JAPEN) tidak melaksanakan apa-apa penguatkuasaan undang-undang bagi tindakan penghinaan kepada pemimpin negara. JAPEN hanya menyebarkan maklumat yang sahih dan tepat serta nilai-nilai murni, cintakan pemimpin dan negara dalam program-program dan aktiviti JAPEN.

Persoalan yang keempat Tuan Pengerusi, berkaitan dengan Jabatan Perlindungan Data Peribadi (JPDP). Yang Berhormat Rasah, ada menanyakan berkaitan panggilan telefon palsu. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Akta PDP 2010 telah dikuatkuasakan pada bulan

November 2013. Panggilan-panggilan telefon seperti yang dinyatakan dikategorikan sebagai *scam* dengan izin, yang mempunyai unsur-unsur penipuan. Bagi kes seumpama ini, laporan polis boleh kita lakukan.

Apakah keberkesanan JPDP dalam melindungi data peribadi? JPDP dengan izin Tuan Pengerusi, telah melaksanakan langkah-langkah yang sewajarnya. Sejak akta ini dikuatkuasakan dan audit pematuhan telah mula dilaksanakan ke atas pengguna data syarikat untuk memastikan mereka mematuhi Akta Perlindungan Data Peribadi 2010.

Soalan ketiga yang ditanyakan oleh Yang Berhormat Rasah, apakah tindakan kepada syarikat yang menyalahgunakan data peribadi? Mulai tahun ini, tahun 2017 pihak JPDP telah mempertingkatkan aktiviti ataupun tindakan penguatkuasaan mahkamah dengan telah menjatuhkan hukuman ke atas pengguna data dalam tiga sektor iaitu pelancongan, pendidikan dan perkhidmatan iaitu agensi pekerjaan.

Mengenai persoalan yang ditanya oleh Yang Berhormat Sekijang. Pertama, sejauh mana penguatkuasaan yang dibuat oleh pihak kementerian? Pelbagai strategi telah diatur untuk memastikan pihak pengguna data iaitu syarikat bagi melindungi data peribadi pelanggan. Pertamanya, pemeriksaan melalui audit pematuhan. Kedua, melaksanakan Ops 336 kepada pengguna data syarikat yang tidak mempunyai perakuan pendaftaran. Ketiga, pendakwaan ke atas syarikat-syarikat yang melanggar peruntukan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010.

Persoalan yang kedua, apakah pihak kementerian telah meletakkan tindakan dan hukuman yang setimpal kepada pihak-pihak yang menceroboh data peribadi? Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pengguna data ataupun syarikat yang tidak mematuhi peruntukan di bawah APDP 2010 khususnya tujuh prinsip PDP, telah pun dikenakan hukuman oleh mahkamah khususnya tiga sektor yang saya nyatakan tadi iaitu pelancongan, pendidikan dan perkhidmatan.

Mengenai persoalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Parit Sulong...

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Yang Berhormat Menteri, Sekijang hendak tanya. Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya ingin bertanya dengan Yang Berhormat Menteri, berkenaan dengan tindakan dan hukuman yang telah dikenakan kepada syarikat dan individu yang terlibat ini, adakah individu yang terkena dengan permasalahan yang berkaitan dengan kehilangan data ataupun kecurian data ini pun mendapat pampasan hasil daripada hukuman atau denda yang telah dikenakan kepada syarikat atau individu terbabit? Terima kasih.

Dato' Seri Jailani bin Johari: Terima kasih, Yang Berhormat Sekijang. Setakat ini saya tidak ada maklumat berkaitan tersebut tetapi seperti yang saya nyatakan mana-mana mangsa yang terlibat tindakan pendakwaan telah pun diambil. Saya akan kembali kepada Yang Berhormat Sekijang sekiranya terdapat maklumat terkini berkaitan tersebut.

Berkaitan dengan persoalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Parit Sulong, inisiatif bagi menyedarkan masyarakat. Pihak JPDP telah melaksanakan pelbagai inisiatif secara berterusan bagi mempromosi dan menyedarkan masyarakat berkenaan dengan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 antaranya melalui video, pesanan khidmat awam di media massa dan juga media sosial, temu bual TV dan radio, penerbitan risalah dan buletin, persidangan di seluruh negara, pameran mengikut zon, kolaborasi dengan pelbagai agensi, dan membudayakan keselamatan data peribadi melalui latihan berterusan.

Namun demikian, seperti yang saya nyatakan sebelum ini, masyarakat juga disarankan untuk mengikut *hashtag* yang diuruskan oleh pihak JPDP iaitu *#ambilpeduli* dan tidak sewenang-wenangnya berkongsi data dengan sesiapa sahaja. Sebarang perkongsian data perlulah mengambil kira implikasinya kerana ia boleh disalahgunakan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

Yang Berhormat Parit Sulong juga menanyakan apakah kaedah yang disediakan oleh pihak kementerian untuk menangani panggilan telefon dan e-mel yang digodam?

Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Okey, hendak jawab dulu mengenai e-mel digodam kah? Okey, Tuan Pengerusi. Mengenai e-mel yang digodam mungkin nanti Yang Berhormat Menteri boleh menjawab sekali. Ramai yang telah menerima ia terjadi kepada saya sendiri. E-mel saya pagi tadi dan saya menerima banyak maklum balas melalui *WhatsApp* yang mengatakan bahawa e-mel ini telah dihantar kepada mereka. Ada seorang yang telah melayan e-mel tersebut dan terdapat juga maklum balas yang memberikan data dan menunjukkan data ini *the name of the bank* ini dengan izin adalah daripada Turki. Jadi ia bukan berada dalam negara sahaja, tetapi di luar.

■1520

Jadi itu yang kita kluatir ianya ramai yang akan terpedaya dan mula memberikan bantuan dengan memasukkan kewangan kepada e-mel-e-mel yang diterima sebegini. Minta panduan daripada Yang Berhormat Menteri dan apa langkah pihak kementerian untuk kami termasuk sayalah dan juga orang yang di luar sana menghadapi masalah seperti ini. Terima kasih.

Dato' Seri Jailani bin Johari: Terima kasih Yang Berhormat Parit Sulong. Sebenarnya pihak kementerian melalui JPDP, kita telah mengeluarkan buku ini, [*Menunjukkan sebuah buku*] Standard Perlindungan Data Peribadi 2015. Mungkin nanti saya boleh berkongsi dengan Yang Berhormat Parit Sulong dan sebagai rujukan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Kita sebagai pengguna misalannya, kita boleh— ia dua perkara. Berkaitan dengan bidang kuasa, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengenai dua agensi di bawah pihak kementerian iaitu SKMM, lebih berkaitan dengan perkara-perkara yang di bawah komunikasi dan multimedia supaya penyelia perkhidmatan hendaklah menjaga keselamatan data peribadi pelanggan. Manakala berkaitan dengan aspek keselamatan data peribadi, lebih menjurus kepada pihak JPDP.

Walau bagaimanapun sekiranya Yang Berhormat ingin membuat laporan ataupun membuat aduan, kita alu-alukanlah kepada kedua-dua pihak tadi.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: [*Bangun*]

Dato' Seri Jailani bin Johari: Nanti saya jawab yang ini dulu Yang Berhormat Lenggong. Sekejap, sekejap. Sama? Sama?

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Tak, tak. Nak sambung sikit.

Dato' Seri Jailani bin Johari: Okey.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak mungkin menyambung sedikit apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Parit Sulong. Dia ini sejak pagi tadi lagi dok mengurus tentang e-mel peribadi beliau sendiri yang telah diguna pakai oleh seseorang memungut derma bukan sahaja di Malaysia tetapi di seluruh dunia menggunakan akaun dan nama beliau untuk memungut derma dan malah ada dari Turki dan sebagainya respons nak bagi wang dan sebagainya. So, kes-kes seumpama ini, dia nak baca buku

itu tak sempat kot, tak dan, lambat nak habis baca buku. Apa tindakan segera kalau macam ini? Mungkin SKMM boleh *block* terus kah? Aduan serta-merta dibuat kerana perkara ini telah pun tersebar, kes-kes macam ini tersebar seluruh dunia. Ada pihak yang memungut wang dan sebagainya menggunakan nama beliau.

Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: E-mel.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: E-mel. So, apa tindakan segera yang boleh diambil sebab nak baca buku itu kita tak sempat, tak dan. Dia nak cepat bertindak. Terima kasih.

Dato' Seri Jailani bin Johari: Terima kasih sahabat saya. Mungkin saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Parit Sulong, mungkin Yang Berhormat Parit Sulong boleh buat aduanlah. Saya tak pasti Yang Berhormat Parit Sulong dah buat aduan atau belum bagi tujuan siasatan. Jadi saya cadangkan kepada Yang Berhormat Parit Sulong ataupun sahabat-sahabat lain, buat aduan kepada pihak SKMM dan kita akan siasat. Daripada proses, kita kena tahu *detail* dia dahulu bagi memudahkan proses siasatan kita kerana kalau tidak, sukar. *Then* kalau benda itu terjatuh di bawah bidang kuasa kita, ataupun di luar bidang kuasa kita, kita akan bekerjasama dengan pihak-pihak agensi berkaitan seperti PDRM dan lain-lain agensi. Terima kasih kepada Yang Berhormat Lenggong.

Berbalik kepada kaedah yang disediakan oleh pihak kementerian, Akta Perlindungan Data Peribadi melindungi data peribadi individu daripada disalahgunakan oleh pengguna data syarikat, *unsolicited messages* sama ada melalui telefon atau e-mel adalah merupakan *scam*. Seperti yang saya nyatakan tadi, Yang Berhormat Parit Sulong boleh buat laporan sama ada kepada kita ataupun kepada pihak polis oleh individu yang terlibat, dalam hal ini Yang Berhormat Parit Sulong.

Apakah kementerian ada membangunkan sistem perlindungan data. Hal ini persoalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Parit Sulong. Di bawah Akta PDP 2010, pengguna data perlu mematuhi tujuh prinsip perlindungan data peribadi bagi melindungi data peribadi individu pelanggan iaitu di mana pengguna data melalui forum pengguna data perlu menyediakan tata amalan yang merupakan satu dokumen perundangan yang boleh dirujuk bukan sahaja oleh pengguna data. Pengguna data di sini yakni kita merujuk kepada syarikat, malahan juga oleh individu bagi memastikan pemantauan sistem tadbir urus pengendalian data peribadi. Ketidakpatuhan kepada tata amalan ini sekiranya disabitkan kesalahan, boleh dikenakan hukuman denda dan penjara.

Tuan Pengerusi, berbalik kepada persoalan sahabat saya daripada Yang Berhormat Sekijang tadi ya, saya dapat maklumat daripada pegawai berkaitan dengan apakah individu yang terkena mendapat pampasan. Setakat ini tidak ada peruntukan di bawah akta. Hukuman hanya dikenakan ke atas pengguna data iaitu syarikat. Terima kasih.

Tuan Pengerusi, saya terus kepada persoalan yang seterusnya berkaitan dengan MERS999 yang ditanya oleh Yang Berhormat Bachok. Persoalan yang ditimbulkan ialah peningkatan kos.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Yang Berhormat Menteri. Minta maaf, Menteri. Boleh Tuan Pengerusi? Ya lah, tentang data ini saya ada soalan tadi, selepas Yang Berhormat Parit Sulong. Menteri belum jawab lagi tentang PCBS di mana syarikat Numero Sdn. Bhd ini menerima RM1.50 daripada setiap pengguna telefon. Sekarang kadar itu turun ke 50 sen. Akan tetapi kita

ada lebih kurang 40 juta pengguna telefon. Maknanya setiap tahun sekarang, dia dapat RM20 juta. Kita tahu bahawa *data leak* 48 juta pengguna telefon kemungkinan besar adalah daripada Numero sendiri sebab dia mengamalkan sistem *proprietary collection of data* daripada semua syarikat telefon. Saya nak tahu, apakah tindakan menteri sebenarnya tentang perkara ini dan kalaulah terdapat Numero itu memang bersalah, kita akan *cancel* atau tidak program PCBS ini daripada Numero dan cari sistem yang lebih baik. Tolong jawab.

Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Menteri, saya nak tumpang sekaki. Jelutong. Tentang Akta PDPA itu, saya rasa kita telah terbaca satu lidah pengarang daripada *The Star* yang seakan-akan membidas bahawa kementerian dan juga SKMM tidak mengeluarkan sebarang pendirian tentang isu yang dibawa ke depan tentang kecurian data bersangkutan dengan syarikat Numero yang dikatakan daripada kalangan *expert* dalam bidang ini.

Apa yang kita risau sama ada kementerian itu kesuntukan peruntukan supaya dapat menjalankan kerja-kerja kawal selia itu dengan secara lebih terperinci. Jadi, kecurian data sebegini yang telah dibawakan oleh "*sayakenahack*" ataupun oleh Keith Rozario itu kenapa sampai sekarang SKMM belum sempat memberikan satu penjelasan yang tepat dan juga pendirian yang tegas mengenai perkara ini. Ini amat merunsingkan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Dato' Seri Jailani bin Johari: Terima kasih Tuan Pengerusi. Sebenarnya pihak Yang Berhormat Kelana Jaya tadi mencelah dan Yang Berhormat Jelutong pun tidak ada berbahas, tetapi saya boleh kongsi. Sebenarnya persoalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Kelana Jaya tadi ketika mencelah oleh Yang Berhormat Parit Sulong, siasatan ini masih berjalan. Saya rasa *a bit premature* dengan izin, masih terlalu awal untuk kita menyimpulkan dalang di sebalik insiden yang berlaku dan saya percaya pihak PDRM akan memanggil saksi-saksi yang dikenal pasti untuk diambil keterangan. Akan tetapi bagi pihak kita, melalui pihak *telco*, kita telah pun berhubung. Bermakna pihak MCMC telah berhubung dengan setiap *telco* untuk mendapatkan maklumat berkaitan dengan insiden tersebut. Jadi pada masa yang sama, kita juga telah arahkan pihak *telco* untuk memastikan setiap transaksi sistem bagi memastikan tiada penggodaman ataupun kebocoran berlaku di pihak mereka.

Sering saya tekankan di sini iaitu bahawa kitalah sebagai pengguna data haruslah hati-hati walaupun pihak kerajaan telah mengadakan beberapa langkah keselamatan tetapi pada masa yang sama, kita haruslah sebagai pengguna jangan *simply* paut mana-mana laman ataupun pautan yang tidak bersesuaian. Saya ingin terus kepada...

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Menteri, Menteri. Minta maaf.

Dato' Seri Jailani bin Johari: Saya ingat saya dah jawab dah tadi itu.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Boleh tak? Terima kasih. Terima kasih Tuan Pengerusi. Soalan saya sebenarnya dua isu. Yang tadi itu saya faham bahawa Menteri kata dia masih dalam *investigation*, *I fully respect that* isu. Akan tetapi yang lebih penting ialah secara dasarnya kita lihat bila kita swastakan kepada Numero Sdn Bhd, kemungkinan besar *that's the point of leak*. Ini menunjukkan bahawa swasta ini tidak boleh kita *trust 100 percent*, *human error can happen*, *the leakage can happen*.

Jadi, saya nak tanya secara dasarnya, tidakkah baiknya kalau kita balik kuasa ini untuk memantau ini, balik kepada kerajaan sendiri. Jangan bagi lagi kepada swasta sebab terlalu lumayan, *lucrative* sangat kontrak ini. RM20 juta. Dulu lebih kurang kalau tiga kali ganda, RM60

juta setahun *this company has been receiving, if I'm not wrong* lah. Menteri boleh semak balik berapa yang kita bayar selama 10 tahun ini, lima tahun ini. *So, do you agree* atau tidak, setuju atau tidak bahawa dasarnya kena balik kepada awam. Jangan lagi diswastakan. Terima kasih.

Dato' Seri Jailani bin Johari: Terima kasih Tuan Pengerusi. Sebenarnya untuk makluman Yang Berhormat Kelana Jaya, setiap pengguna data seperti mana yang diperuntukkan di bawah Akta PDP *especially* di bawah peruntukan 9 di bawah konsep prinsip keselamatan, seorang pengguna data hendaklah apabila memproses data peribadi mengambil langkah-langkah praktikal melindungi data peribadi itu daripada apa-apa kehilangan, salah guna, ubah suai dan sebagainya.

■1530

Dalam contoh, misalannya contoh kes yang baru-baru ini iaitu kes CIMB. Apabila mereka gagal, kita telah mengeluarkan notis di bawah seksyen 108. Jadi, persoalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat tadi sebenarnya memang ada mekanisme yang telah kita luluskan kepada setiap pengguna data, termasuklah pihak Numero Sdn. Bhd. yang dikatakan oleh pihak Yang Berhormat Kelana Jaya. Terima kasih ya. Tuan Pengerusi, saya meneruskan kepada persoalan berkaitan dengan MERS 999. Yang Berhormat Bachok ada menanyakan soalan berkaitan dengan peningkatan kos. Terdapat peningkatan kos kerana RM110 juta digunakan, pertamanya untuk penyelenggaraan bagi 135 lokasi agensi kecemasan dan 3 pusat panggilan kecemasan 999 yang meliputi:

- (i) penyelenggaraan dan pembaharuan sistem MERS 999 dan penyelenggaraan *hardware* ataupun perkakasan MERS 999. Peningkatan ini merupakan bayaran pembaharuan lesen yang telah tamat waranti dan juga peningkatan penyelenggaraan bagi perkakasan yang *end of life*, dengan izin;
- (ii) perkhidmatan menjawab panggilan kecemasan ataupun, dengan izin, *call management outsourcing*;
- (iii) penyelenggaraan perkhidmatan komunikasi bagi 135 lokasi agensi kecemasan dan 3 pusat panggilan kecemasan; dan
- (iv) penyelenggaraan mekanikal dan *electrical* di 135 lokasi agensi kecemasan dan 3 pusat panggilan.

Berkaitan dengan soalan-soalan yang ditanya oleh pihak operator, yang ditanya oleh Yang Berhormat Bachok juga, antara sebab-sebab boleh berlakunya pertanyaan berulang oleh pihak operator adalah:

- (i) pusat panggilan kecemasan mendapat laporan ataupun panggilan dari pelbagai pihak apabila berlaku insiden kecemasan;
- (ii) operator perlu membuat verifikasi ke atas kesahihan panggilan dari segi lokasi dan jenis kecelaruan;
- (iii) operator perlu bertanyakan soalan-soalan tertentu, *Standard Protocol International Academy of Emergency Despatch (IAED)*, dengan izin, bagi menentu sahkan panggilan yang dibuat adalah panggilan benar dan bukan palsu.

Persoalan berkaitan dengan kesilapan operator menghantar panggilan kecemasan yang ditanya oleh Yang Berhormat Bachok. Pusat panggilan kecemasan mendapat maklumat

kecemasan dari orang ramai yang menyebabkan ada maklumat-maklumat yang disampaikan tidak tepat seperti maklumat lokasi dan jenis insiden kecemasan. Setakat ini, sebanyak 22 kes kesilapan penghantaran panggilan yang melibatkan agensi PDRM sahaja. Ini kerana terdapat isu persempadanan semula kawasan bidang kuasa PDRM. Walau bagaimanapun, agensi tersebut akan membuat panggilan susulan kepada pemanggil dan membuat sambungan ke lokasi yang sebenar.

Berkaitan dengan latar belakang aplikasi SaveME 999, merupakan aplikasi telefon pintar yang dibangunkan sebagai medium alternatif untuk masyarakat menyampaikan maklumat kecemasan kepada pusat panggilan kecemasan. Terbahagi kepada tiga jenis:

- (i) SaveME 999 Deaf, dengan izin, untuk OKU pendengaran dan pertuturan;
- (ii) SaveME 999 Blind, dengan izin, untuk OKU penglihatan; dan
- (iii) SaveME 999 Polis sebagai *panic button* bagi orang ramai menghubungi pihak polis.

Soalan yang ditanya oleh Yang Berhormat Bachok berkaitan dengan statistik penggunaan...

Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]: Sebelum pergi Yang Berhormat Timbalan Menteri, Tuan Pengerusi. Kalau dahulu kita lihat orang kampung ini, kawasan sekitar balai polis, balai bomba, dia simpan nombor balai itu. Apakah masih lagi *direct call* kepada balai-balai bomba itu diamalkan dalam hal-hal kecemasan? Kalau saya perhatikan balai-balai ini, kadangkala nombor telefon terlalu kecil sangat. Balai polis kadang-kadang tidak ada nombor telefon. Ini saya rasa perlu penjelasan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Jailani bin Johari: Terima kasih Yang Berhormat Bachok. Saya percaya nombor-nombor yang kita nyatakan, nombor kecemasan masih terpakai. Cuma yang saya sentuh pada hari ini adalah berkaitan aplikasi-aplikasi tambahan untuk Yang Berhormat Bachok.

Berkaitan dengan statistik penggunaan, setakat Oktober 2017, SaveMe 999 Deaf dilancarkan pada 2013, sebanyak 711 penggunaan. Berkaitan dengan SaveMe 999 Blind yang dilancarkan pada Februari tahun ini Yang Berhormat, 184 penggunaan dan SaveMe 999 Polis yang dilancarkan pada Februari tahun ini juga sebanyak- ini saya minta maaf Yang Berhormat, sama ada 241 ataupun 271, tulisan ini. Nanti saya *comeback to* Yang Berhormat, saya takut saya *misquoted* ini. Saya minta pegawai ini tolong *check* balik ini, *verify* balik untuk saya.

Berkaitan dengan penggunaan juga, sebagaimana yang dimaklumkan, aplikasi ini adalah sebagai alternatif kepada panggilan yang biasa, 999 kepada pusat panggilan. Oleh itu, kes kecemasan untuk OKU selalunya dibantu oleh orang lain yang normal melalui panggilan biasa dan untuk SaveMe 999 Polis, pemanggil lebih cenderung untuk bercakap sendiri dengan panggilan kecemasan. Terima kasih, Yang Berhormat. Berkaitan dengan ekonomi digital, Tuan Pengerusi. Ini banyak persoalan yang ditimbulkan oleh rakan-rakan Yang Berhormat, Yang Berhormat Lenggong, Yang Berhormat Sekijang dan juga Yang Berhormat Parit Sulong.

Jadi, mungkin persoalannya sama iaitu berkaitan peranan kerajaan dalam membangunkan ekonomi digital, khususnya inisiatif menggalakkan eksport PKS melalui DFTZ. Saya akan menjawab sekalilah ketiga-tiga. Bagi memacu pertumbuhan sektor *digital economy*, pihak kerajaan

telah memperkenalkan inisiatif, dengan izin, *Digital Free Trade Zone* (DFTZ) yang bertujuan untuk menggalakkan dan memudah cara syarikat PKS tempatan untuk memasarkan dan mengeksport produk ke pasaran antarabangsa melalui platform DFTZ.

Inisiatif yang baru dilancarkan ini oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memberi impak kepada lebih 1,500 PKS tempatan dengan menyediakan peluang eksport melalui Program DFTZ. Inisiatif ini juga dijangka akan mewujudkan peluang pekerjaan yang dianggarkan sebanyak lebih 60,000 menjelang tahun 2025. DFTZ turut dijangka akan menggandakan kadar pertumbuhan eksport barangan dan produk PKS kepada sebanyak USD38 bilion menjelang tahun 2025.

Berkaitan dengan apakah manfaat *digital economy* pada golongan sasaran, termasuk rakyat luar bandar, wanita, belia, suri rumah untuk mendapat manfaat *digital economy*? Sejajar dengan usaha membangunkan *digital economy* ini, pihak kerajaan telah melaksanakan inisiatif eRezeki dan eUsahawan yang bertujuan untuk merakyatkan *economy digital* kepada golongan sasaran. Termasuk golongan berpendapatan rendah, penduduk luar bandar, golongan belia dan usahawan kecil yang termasuk di bawah kumpulan B40 dan M40.

Program eUsahawan menyediakan latihan kepada usahawan untuk menimba ilmu dan kemahiran menggunakan platform digital dan media sosial sebagai medium meluaskan pasaran serta meningkatkan jualan. Dari segi pencapaian, sejak Januari 2016 sehingga September 2017, sejumlah 92,926 usahawan muda dan desa telah mengikut latihan dan kursus eUsahawan. Daripada jumlah ini, sebanyak 27,170 ataupun 29 peratus daripada peserta telah mula melaporkan jualan tambahan keseluruhan yang berjumlah sebanyak lebih daripada RM112 juta.

Berdasarkan peserta yang telah melaporkan jualan tambahan, sebanyak lebih 59 peratus adalah daripada golongan wanita. Untuk tempoh yang sama, dari segi pencapaian Program eRezeki, sebanyak 101,693 individu telah pun dilatih melalui pusat dan wakil eRezeki di seluruh negara. Daripada jumlah ini, sebanyak 57,572 ataupun 57 peratus telah pun berjaya menjana pendapatan dengan nilai terkumpul keseluruhan yang berjumlah sebanyak lebih RM81 juta. Jumlah penglibatan golongan wanita daripada jumlah ini adalah sebanyak 52 peratus.

■1540

Bagi mewujudkan minat dan kesedaran kepada golongan sasaran terhadap manfaat dan faedah yang dapat diraih melalui program eUsahawan dan eRezeki, MDEC turut melaksanakan program komunikasi *YouCanDuit* ini dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan yang terlibat. Program dan aktiviti yang dilaksanakan termasuk seperti hebahan melalui radio dan TV, laman web, media sosial serta program turun padang dan *boot camp* yang diadakan di seluruh negara.

Berkaitan dengan persoalan pembangunan IR industri 4.0 dan IoT kepada rakyat. Di bawah pihak kementerian, kerajaan turut mengambil peranan membangunkan ekosistem ekonomi digital bagi persediaan menghadapi industri 4.0 khususnya dari aspek pertumbuhan dan penggunaan *adoption technology*, dengan izin dan bidang baru digital ekonomi seperti *big data analytics* (BDA), *internet of things* (IoT) dengan izin, pusat data, *cloud computing* dan eDagang.

Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Minta maaf, Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Menteri, saya minta maaf, lambat. Saya hendak tanya sebab jawapan tadi kata tentang JASA itu boleh saya... [Disampuk] Oh! Sudah jawab. Akan tetapi yang saya hendak mohon, dalam RTM itu, kita tidak ada liputan untuk pembangkang. Kalau boleh diadakan

seadil mungkin, Tuan Pengerusi. Kalau boleh dijawab sebab saya ikuti tidak ada jawapan daripada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Dato' Seri Jailani bin Johari: Sebenarnya, Yang Berhormat Permatang Pauh, saya dah jawab tetapi tidak apalah, saya boleh rujuk ya. JASA saya dah jawab tadi.

Berkaitan dengan untuk pembangkang, sebenarnya kita dah ada beberapa yang kita jemput. Sebagai contoh— saya bagi contoh ya. Seperti pada 25 Januari awal tahun, *Perpaduan Ummah*, kita ada jemput daripada Yang Berhormat Dato' Dr. Ustaz Mohd. Khairuddin Aman Razali At-Takiri daripada AJK PAS Pusat. Pada 22 Februari, *Negaraku*, Yang Berhormat Dr. Tan Seng Giaw ada kita jemput. Jenayah seksual pun kita ada jemput daripada Yang Berhormat Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff daripada Ahli Parlimen Rantau Panjang. Jadi saya rasa saya dah menjawab Yang Berhormat Permatang Pauh ya.

Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan terima kasih Tuan Pengerusi. Memang itu bagus dan saya berterima kasih dan memberi penghargaan. Akan tetapi, liputan kalau ada program-program yang lain yang merangkumi pembangkang juga. Itu adalah panggilan dan juga sebagai jemputan tetapi untuk liputan program-program pembangkang. Sekurang-kurangnya RTM ini nampak sebagai satu yang adil meliputi semua. Dalam erti kata politik memberikan...

Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]: Pembangkang halau.

Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: ...Memberikan pengundi...

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Lenggong pun tidak panggil.

Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: ...Dengan *information*, data dan *information*. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Dato' Seri Jailani bin Johari: Terima kasih Yang Berhormat Permatang Pauh. Saya ambil maklum. Untuk makluman Yang Berhormat Permatang Pauh, sebelum ini program *Bicara Bajet* pun ada kita jemput Ahli-ahli Yang Berhormat dari sebelah sana. Saya ambil maklum.

Berkaitan dengan persoalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Kanowit. Masih isu berkaitan...

Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Yang Berhormat, ada lagi saya hendak tanya. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya mendengar dengan tekun jawapan daripada Yang Berhormat Menteri tadi mengenai program-program dilaksanakan di bawah kementerian mengenai perniagaan atas talian. Kita ada eRezeki, kita ada eUsahawan— banyaklah program tersebut. Cuma saya hendak tanya dengan pihak kementerian, oleh sebab terlampau banyak sangat program, sampaikan kadang-kadang orang yang sama yang masuk dalam program ini. Dulu ada JIMBO, ada *wanita.my*. Jadi, pelbagai sangat program ini.

Mengapa tidak— Yang Berhormat, boleh tak nyatakan di sini komitmen pihak kementerian untuk bila buat satu program, biar dia bagi impak besar tetapi menyeluruh kepada semua termasuk kepada wanita? Tetapi, saya berterima kasih sebab ada juga dimaklumkan kepada wanita. Cuma, terlampau banyak sangat program sampai orang tidak tahu program mana yang ada. Saya minta penjelasan Yang Berhormat mengenai perkara ini.

Dato' Seri Jailani bin Johari: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya kita pun apabila kita melaksanakan program yang dinamakan 'Menghubung Menyatu', ini adalah satu program di

bawah konsep NBOS di mana kita letakkan kesemua agensi-agensi di bawah kementerian bergerak bersama untuk melaksanakan program. Sebenarnya saya akan menjawab persoalan yang akan ditimbulkan oleh Yang Berhormat berkaitan dengan pelaksanaan portal 1nita.my.

Pada tahun berapakah program 1Nita diletakkan di bawah seliaan MYNIC? Ini persoalan yang ditanyakan oleh Yang Berhormat. Program 1Nita adalah satu inisiatif Kerajaan Malaysia di bawah Pakej Rancangan Ekonomi Kedua RMKe-10. Program ini telah mula diperkenalkan oleh MYNIC pada tahun 2010. Objektif utama 1Nita adalah untuk menyediakan satu platform dalam talian untuk usahawan wanita membina kapasiti perniagaan untuk masa depan yang mampan.

Persoalan yang kedua, apakah program 1Nita masih lagi dilaksanakan dan apakah kejayaan setakat ini? Inisiatif 1Nita ini juga adalah satu pendekatan berinovasi untuk usahawan wanita bukan sahaja berniaga secara dalam talian malah dapat memperluaskan jangkauan pasaran produk dan perkhidmatan mereka. Sehingga tahun 2013, program ini telah berjaya melatih 3,248 orang usahawan wanita. Nilai jualan yang berjaya dicatatkan bagi tahun 2013 dan 2014 bagi program ini menjangkau RM1.3 juta. Selain itu juga, sejumlah lebih 10,000 pengikut akaun media sosial berjaya dikumpulkan melalui program ini.

Selain daripada itu, pelbagai program usahawan telah diperkenalkan oleh MYNIC bagi melatih usahawan-usahawan dalam bidang *online* seperti program *Fiesta Blogshop*, dengan izin, yang telah berjaya melatih hampir 500 orang usahawan sepanjang penganjurannya yang bermula dari tahun 2013 sehingga 2016. Program perniagaan 1Nita ini, untuk makluman Yang Berhormat, masih lagi aktif sehingga kini dan boleh dicapai oleh semua di laman sesawang www.1nita.my. Terima kasih Yang Berhormat ya.

Saya ingin menjawab persoalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Kanowit mengenai status pencapaian program *SchoolNet*. Untuk makluman Yang Berhormat, program *SchoolNet* ini adalah di bawah kawal selia Kementerian Pelajaran Malaysia. Kod 32000 adalah sebenarnya merujuk kepada program MDEC iaitu Insentif Galakan Syarikat Pelabur ICT MSC Malaysia.

Tuan Pengerusi, berbalik kepada persoalan yang ditanya oleh Yang Berhormat Bachok tadi. Saya dah dapat angka yang betul. SaveME 999 Polis yang dilancarkan pada Februari 2017—*confirm* 241 penggunaan. Nanti saya akan mintalah pegawai-pegawai saya untuk buat jawapan yang lebih jelas.

Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit]: Menteri, satu lagi tadi Kanowit. Projek jalur lebar di Sarawak.

Dato' Seri Jailani bin Johari: Saya cuba menjawab berdasarkan kepada isu-isu ya. Berkaitan dengan persoalan yang ditanya oleh Yang Berhormat Permatang Pauh iaitu jalur lebar. Saya akan menjawab kesemua secara di bawah topik yang khusus. Jalur lebar di IPTA.

Untuk makluman Yang Berhormat Permatang Pauh, jalur lebar di IPTA, ia adalah di bawah seliaan Kementerian Pengajian Tinggi di bawah inisiatif MYREN-X iaitu 100 *gigabyte per second* yang dilancarkan pada Oktober 2017.

Berkaitan dengan pemantauan harga jalur lebar. Pemantauan harga jalur lebar sebenarnya ialah mengikut prinsip yang ditetapkan di bawah peruntukan seksyen 197 Akta Komunikasi dan Multimedia di mana membolehkan pemberi perkhidmatan menetapkan kadar menurut kadar pasaran. Walau bagaimanapun, kadar tersebut perlu mematuhi peruntukan seksyen 198 Akta Komunikasi dan Multimedia iaitu penetapan kadar hendaklah berasaskan prinsip-prinsip berikut.

Pertama, kadar mestilah adil dan bagi orang dalam keadaan yang sama, tidak secara yang munasabah dan tidak adil.

Kedua, kadar hendaklah ditetapkan mengikut kos dan secara amnya subsidi silang atau, dengan izin, *cross subsidization* hendaklah dihapuskan. Kadar tidak sepatutnya mengandungi diskaun yang secara yang tidak munasabah memudaratkan peluang persaingan pemberi lain. Kadar hendaklah mengambil kira peraturan-peraturan dan syor organisasi antarabangsa yang dianggotai oleh Malaysia. Kadar hendaklah distrukturkan dan di peringkat ditetapkan untuk menarik pelabur RAN kepada industri komunikasi dan multimedia.

Ketiga, bagi mengatasi masalah kawalan harga, pihak MCMC atau SKMM menjalankan aktiviti pemantauan dan pematuhan dengan mengawal selia kadar perkhidmatan melalui prinsip penetapan kadar di bawah seksyen 198 AKM. Kegagalan pemegang lesen untuk patuh boleh dikenakan tindakan undang-undang dan berdepan dengan risiko penggantungan lesen. Pemantauan oleh pihak MCMC menunjukkan bahawa kadar perkhidmatan jalur lebar di Malaysia adalah pada kadar berpatutan dan kompetitif berbanding dengan negara lain di rantau ini.

■1550

Perbandingan ini adalah berdasarkan petunjuk-petunjuk yang ditetapkan oleh dengan izin, *International Telecommunication Union* (ITU). Berkaitan dengan Akamai *report* yang dipersoalkan oleh Yang Berhormat Permatang Pauh, laporan oleh Akamai Technologies Inc. menyatakan bahawa Malaysia adalah negara kelima dunia paling perlahan kadar had laju internet nya manakala kelajuan *broadband* Malaysia pula berada di bawah negara-negara seperti Kemboja, Vietnam dan Thailand.

Untuk makluman Yang Berhormat, Akamai Technologies Inc. adalah penyedia rangkaian penghantaran kandungan ataupun dengan izin *content delivery network* dan perkhidmatan awan dengan izin, *Cloud Services*. *The Akamai Intelligent Platform* adalah platform adalah pengkomputeran awan yang operasi di seluruh dunia. Ia sebuah rangkaian yang mengandungi 216,000 server yang ditempatkan di lebih daripada 120 negara dan ditetapkan di lebih dari 1,500 rangkaian dunia yang mengumpulkan maklumat masa nyata mengenai trafik, kesesakan dan lokasi kesulitan.

Setiap server Akamai dilengkapi dengan *proprietary software* dengan izin yang menggunakan *complex algorithms* untuk memproses permintaan dari pengguna berdekatan dan kemudian menyampaikan kandungan yang diminta. Laporan *State of the Internet* pula adalah laporan suku tahunan Akamai yang dilancarkan dasarkan data yang dikumpulkan dari *Akamai Intelligent Platform* dengan izin yang menyediakan statistik internet global seperti kelajuan internet, penerimaan jalur lebar, serangan lalu lintas, sambungan rangkaian dan sambungan mudah alih.

Laporan berkenaan adalah kurang tepat. Pertama, kerana kaedah pengiraan mengambil kira purata kelajuan di setiap bandar dan bukanlah mengambil kira kadar keseluruhan penembusan jalur lebar untuk sebuah negara. Jumlah sampel bandar yang digunakan untuk Kemboja–Phnom Penh, Vietnam–Ho Chi Minh dan Thailand–Bangkok merupakan satu bandar besar. Bagi Malaysia kita melibatkan 50 buah bandar di seluruh negara dengan kadar kelajuan yang berbeza-bebeza bermula dari 4 Mbps ke 30 Mbps. Sekiranya perbandingan secara terus di buat dengan membandingkan sebuah bandar sahaja misalannya Kuala Lumpur, kelajuan ataupun di Selangor

adalah pada kadar 15 Mbps yang melebihi kelajuan di Phnom Penh pada kadar 10 Mbps dengan izin.

Selain daripada itu, tiga-tiga negara tersebut lebih tertumpu pada pembangunan jalur lebar di kawasan bandar raya ataupun satu bandar sahaja seperti di Phnom Penh bagi Kemboja, Ho Chi Minh bagi Vietnam dan Bangkok bagi Thailand. Manakala negara Malaysia mempunyai pencapaian jalur lebar di seluruh negara termasuklah di kawasan luar bandar. Laporan oleh Akamai Technologies Inc. boleh dipertikaikan kerana kaedah atau mekanisme pengumpulan data tidak jelas. Ia bukanlah satu badan ataupun organisasi antarabangsa seperti Kesatuan Telekomunikasi Antarabangsa.

Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Yang Berhormat Menteri, Tuan Pengerusi, saya hendak tanya sebab apa kalau pun dibandingkan, apakah kita tidak lebih berbanding dengan Singapura, negara jiran, kalau kita bandingkan Cambodia memang dia membangun dan dia ada kalau kadarnya lain-lain daripada segi bandar dan desa. Tetapi kalau kita bandingkan dengan negara jiran kita Singapura, lebih laju dan lebih pantas daripada kita, apakah kita tidak boleh meningkatkan *rather than* kita bandingkan dengan negara yang lebih mundur daripada kita? Terima kasih.

Dato' Seri Jailani bin Johari: Ya, Yang Berhormat permatang pauh. Sebenarnya saya baru hendak menjawab ini. Sebenarnya kedudukan Malaysia dalam Indeks Pembangunan ICT dunia, pasal kita berdasarkan pada ITU. Menerusi kajian yang dilaksanakan Kesatuan Telekomunikasi Antarabangsa (ITU) adalah jauh lebih baik di mana Malaysia berada dalam kedudukan ketiga terbaik ASEAN selepas Singapura dan Brunei. Di ikuti oleh Thailand, Vietnam, Filipina, Indonesia, Kemboja, Myanmar dan Laos.

Di peringkat rantau Asia Pasifik pula Yang Berhormat, Malaysia berada dalam kedudukan nombor sembilan daripada 34 buah anggota negara selepas Korea Selatan, Hong Kong, Jepun, New Zealand, Australia, Singapura, Brunei dan Macau, China. Di peringkat global Malaysia berada di kedudukan ke-63 daripada 176 buah negara ITU. Indeks *score* ITU untuk makluman Yang Berhormat ini diukur berdasarkan 3 kriteria utama iaitu akses kepada ICT, penggunaan ICT dan kemahiran ICT. Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga kini 93.4 peratus kadar liputan jalur lebar penduduk dan disasarkan mencapai 95 peratus menjelang tahun 2020.

Bagi menjawab persoalan yang timbulkan oleh Yang Berhormat Penampang, dia tidak ada tidak mengapa, saya hendak kongsi kan juga, perkhidmatan jalur lebar yang tidak memuaskan di Penampang Tuan Pengerusi iaitu UniFi. Pihak kementerian melalui SKMM sedang melaksanakan projek jalur lebar berkelajuan tinggi fasa dua yang menyediakan jalur lebar dengan kelajuan sehingga 100 Mbps dengan izin untuk bandar-bandar utama, ibu-ibu negeri dan kawasan perindustrian di seluruh negara termasuklah di Sarawak dan juga Parlimen Penampang. Sebanyak 344 sambungan telah tersedia melibatkan ibu pesawat di Parlimen Penampang manakala sebanyak 9,986 sambungan masih di peringkat pelaksanaan yang dijangka siap sepenuhnya pada suku keempat 2017.

Selain daripada itu, pihak kementerian juga turut melaksanakan projek jalur lebar luar bandar yang menyediakan kemudahan jalur lebar dengan kelajuan sehingga 20 Mbps di kawasan pinggir dan luar bandar sehingga kini sebanyak 384 sambungan telah tersedia melibatkan dua ibu sawat di Parlimen Penampang. Berkaitan dengan persoalan yang ditimbulkan oleh Yang

Berhormat Kuala Nerus, tidak ada ya, tidak mengapa. Sehingga kini terdapat 2,752 *WiFi hotspot* yang masih beroperasi di seluruh negara di bawah inisiatif WiFi Komuniti yang dahulunya dikenali Kampung Tanpa Wayar 1Malaysia.

Pihak kerajaan tidak berhasrat untuk menambah bilangan wilayah WiFi Komuniti yang sedia ada kerana inisiatif ini adalah bersifat sementara. Ini juga menjawab persoalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat rakan saya daripada Pendang.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Boleh Yang Berhormat Menteri?

Dato' Seri Jailani bin Johari: Sekejap, bagi saya jawab dulu, sedikit sahaja. WiFi Komuniti ini sebenarnya bertujuan membantu rakyat mendapatkan akses kepada internet cara kolektif. Ini pada awalnya, jadi kita hendak mendedahkan rakyat kepada penggunaan internet sementara pembangunan komunikasi infrastruktur yang membolehkan internet diakses secara menyeluruh dibina. Projek ini akan ditamatkan sebaik sahaja akses internet dapat dicapai dengan lebih baik dan menyeluruh oleh penduduk setempat.

Perkhidmatan WiFi Komuniti ini disediakan kepada penduduk setempat sehingga tamat kontrak. Tumpuan diberikan kepada pembangunan komunikasi infrastruktur yang menyediakan liputan jalur lebar talian tetap dan mudah alih yang memberi perkhidmatan komunikasi yang lebih menyeluruh. Untuk sahabat saya Yang Berhormat Pendang, kita sedang melihat persoalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Pendang, saya akan menjawab kembali secara bertulis kepada Yang Berhormat Pendang.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian berkenaan dengan infra jalur lebar yang telah diletakkan di beberapa tempat di kawasan dan perkampungan dan juga bandar yang tidak lagi aktif dan dianggap sebagai *nonfunctional*. Apakah perancangan kementerian? Adakah kementerian meng^ugradekan *structure* yang sama atau digantikan dengan benda-benda yang baru selain daripada yang ada pada setakat ini langsung tidak boleh dipakai. Itulah *complaint* daripada penduduk kampung di mana jalur lebar ini tidak *functioning*, tidak aktif dan sebagainya.

Dato' Seri Jailani bin Johari: Terima kasih Yang Berhormat Putatan. Ia berbalik kepada persoalan yang timbulkan oleh Yang Berhormat Pendang. Soalan Yang Berhormat ditimbulkan oleh Yang Berhormat Putatan kalau tidak silap saya ialah berkaitan dengan WiFi Komuniti. Maknanya WiFi Komuniti ini merupakan pengenalan pertama oleh pihak kementerian kepada masyarakat di luar bandar. Proses penambahbaikan sama ada kita akan mewujudkan Pusat Internet 1Malaysia dan kita mungkin akan menambahkan pembinaan menara komunikasi baru.

Di sini suka saya nyatakan bahawa ini akan menjawab juga persoalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Kanowit iaitu inisiatif pembangunan infrastruktur telekomunikasi terutamanya di mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan bajet baru-baru ini RM1 bilion di negeri Sabah dan Sarawak. Antaranya pertama, pembinaan menara komunikasi baru di mana kita akan membina lebih kurang 200 menara baru di Sabah dan Sarawak. Pecahannya saya tidak ada nanti saya boleh kongsi di mana setakat ini kita telah siap 749 yang sedia ada. Ini mungkin menjawab soalan...

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Ya, soalan saya tadi apa tindakan atau jalan kerja untuk memindahkan infrastruktur yang baru? Yang lama itu apa kita mahu buat? Harus tinggal begitu sahaja ataupun dibuat untuk sesuatu? Itu pertanyaan saya tadi.

■1600

Dato' Seri Jailani bin Johari: Dia begini Yang Berhormat, dia ada dua kesalahan. Pertama, mungkin struktur yang ada itu kita akan berbincang dengan pihak *local council*. Sama ada kawasan tersebut tidak memerlukan liputan atau mungkin kawasan tersebut telah dilitupi oleh menara yang baru. Jadi kalau mungkin Yang Berhormat boleh bagi kepada saya spesifik di mana kawasan tersebut dan mungkin Yang Berhormat-Yang Berhormat, rakan-rakan Ahli Dewan ini boleh memberi maklumat spesifik kepada kita dan kita akan turun ke bawah. Kita akan berbincang dengan pihak *local council* sama ada untuk menurunkan ataupun membina satu menara yang lebih tinggi bagi menambahkan rangkaian ataupun perluasan liputan selular dan juga jalur lebar di kawasan berkaitan.

Datuk Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]: Hulu Rajang, mengenai menara tadi. Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri, kita ada menara yang menggunakan *genset*. *Genset* kadang-kadang rosak dan juga pembekal kadang-kadang tidak datang. Jadi saya minta kementerian kalau adanya berdekatan dengan sekolah yang menggunakan elektrik 24 jam ataupun solar di setiap rumah panjang yang ada sekarang. Boleh tidak kita menggantikan *genset* itu kepada *connect tower* itu kepada solar yang berdekatan. Jangan banyak SOP. SOP itu dengan kementerian, dengan pihak berkuasa itu di negeri supaya dapat memberi manfaat yang lebih bermakna kepada penggunaan telekomunikasi kita.

Dato' Seri Jailani bin Johari: Terima kasih Yang Berhormat sahabat saya. Kita ambil maklum. Mungkin kita boleh bincang Yang Berhormat Hulu Rajang sama ada dari segi penggunaan solar. Seingat saya sewaktu lawatan saya di beberapa kawasan di Sarawak, kita bekerja sama dengan pihak SESCO Sarawak kerana kita tahu di Sarawak kita memerlukan kerjasama yang erat daripada pihak SESCO kerana kos untuk menyediakan bekalan *power* punca kuasanya agak tinggi. Jadi kita memerlukan *win-win* antara pihak Kerajaan Pusat dan juga pihak kerajaan negeri.

Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit]: Yang Berhormat Menteri, sedikit lagi. Berkenaan dengan infrastruktur internet ini. Siapa yang *decide where to put*? Adakah kita perlu membuat permohonan kepada kementerian ataupun kerajaan negeri? Ini kerana kawasan pedalaman macam kawasan saya ini memang banyak tempat yang ramai penduduk, tempat penempatan tetapi belum ada perkhidmatan internet yang stabil. Jadi adakah kita pohon ataupun kerajaan negeri yang menentukan ataupun kementerian yang menentukan. Terima kasih.

Dato' Seri Jailani bin Johari: Terima kasih Yang Berhormat Kanowit. Seperti yang saya nyatakan tadi, kita dalam rangka untuk menyediakan dengan peruntukan RM1 bilion. Saya boleh unjurkan bahawa pihak Yang Berhormat Ahli Parlimen dan juga Yang Berhormat kawasan boleh berbincang dengan pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia kerana kebanyakan negeri ataupun mungkin kita bergerak secara ikut wilayah. Di Sarawak kita ada pejabat Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia yang boleh berhubung terus dengan pihak Yang Berhormat dan biasanya kita akan berhubung juga dengan pihak kerajaan negeri untuk dari segi lokasi. Ini kerana kita tidak mahu apabila kita menyediakan sesuatu menara tersebut akan menjadi rungutan terutamanya dari segi radiasi dan sebagainya.

Jadi mungkin Yang Berhormat boleh ambil peluang seperti yang saya ingin umumkan ya. Pertama, dari segi pembinaan menara komunikasi baru lebih kurang 200 menara baru yang akan dibina di Sabah dan Sarawak. Kedua, penaiktarafan perkhidmatan jalur lebar mudah alih 3G di

menara komunikasi yang sedia ada kerana kita sudah ada lebih kurang 600 menara sedia ada dan kita akan naik tarafkan di Sabah dan Sarawak.

Berkaitan dengan jalur lebar pinggir bandar dan luar bandar, lebih kurang 20 ribu sambungan akan dibuat pada tahun 2018 lebih kepada Sabah dan Sarawak dan Pusat Internet 1Malaysia lebih kurang 20 buah Pusat Internet 1Malaysia di Sabah dan Sarawak akan disediakan. Ya.

Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]: Tuan Pengerusi, sedikit sahaja. Boleh tidak kementerian memaklumkan kepada pemimpin tempatan tempat-tempat yang akan didirikan menara kerana saya tidak pernah diberitahu pun hendak didirikan menara itu. Saya agak semua Ahli-ahli Parlimen, kawan-kawan tidak pernah tahu pun menara itu akan dibina tempat di mana. Tahu-tahu kita tengok ada satu sedangkan mungkin tempat itu tidak diperlukan. Kami pemimpin tempatan ini lebih tahu tempat di mana yang hendak didirikan. Itu kalau boleh dimaklumkan atau berunding dengan pemimpin tempatan. Itu lebih baik.

Dato' Seri Jailani bin Johari: Okey Yang Berhormat Pendang. Saya ambil maklum dan saya akan nasihatkan kepada pegawai-pegawai saya di lapangan supaya berhubung, sentiasa berhubung dengan pihak Yang Berhormat Ahli Parlimen ataupun Yang Berhormat kawasan kerana bagi memudahkan. Ini kerana sebenarnya apabila kita hendak membina menara ini, kita pun memerlukan sokongan terutamanya dari segi kelulusan, tanah dan sebagainya. *Insyallah* kita ambil maklum. Kita akan ambil susulan daripada cadangan Yang Berhormat Pendang.

Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, Tuan Pengerusi. Saya hendak tanya tentang kos tadi. Apabila infrastruktur telah diletakkan, servis itu. Kos servis yang dikatakan berpatutan tetapi kalau dibandingkan dengan Korea Selatan, apakah kita lebih mahal walaupun kelajuannya memang tidak lah memuaskan. Saya hendak tanya kenapa dan bagaimana pemantauan kepada syarikat-syarikat yang memberikan servis kepada internet jalur lebar ini. Terima kasih.

Dato' Seri Jailani bin Johari: Terima kasih Yang Berhormat Permatang Pauh. Saya tidak ada spesifik dari segi *detail* jadual berapa kos. Akan tetapi kalau kita ikut rekod, saya pernah menjawab di Dewan ini sebelum ini bahawa kita antara negara yang termurah. *Even* minta maaf dengan izin di universiti, kita ada *special scheme* yang disediakan oleh pihak pemberi perkhidmatan seperti Celcom dari segi kadar yang disediakan untuk penuntut dan juga kaum ibu. Nanti saya akan bagi secara berasingan kepada Yang Berhormat Permatang Pauh.

Izinkan Tuan Pengerusi untuk saya menjawab soalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Kuala Nerus berkaitan dengan pemantauan pemasaran terutamanya caj tersembunyi, berapakah aduan dan tindakan yang diambil. Pemantauan berkala dilakukan oleh pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia. Pemantauan juga turut dilakukan oleh pihak forum pengguna komunikasi. Pada tahun 2015, sejumlah 321 yang telah diambil tindakan. Tahun 2016, 205 telah diambil tindakan. Tahun 2017, sebanyak 567 telah diambil tindakan. Sebanyak tujuh notis ketidakpatuhan dikeluarkan kepada syarikat telekomunikasi.

Pihak SKMM juga menganjurkan program kesedaran dan dialog bersama pengguna bagi mengupayakan pengguna di samping menyalurkan aduan kepada pembekal perkhidmatan secara bersemuka. Kebanjiran media *social live*, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dunia internet adalah dunia tanpa sempadan. Sebarang bentuk kemudahan atau servis sekiranya tidak

digunakan dengan baik boleh membawa keburukan atau masalah kepada masyarakat. Permasalahan seperti kes-kes penculikan remaja di bawah umur, seks bebas, pelacuran, dadah dan sebagainya boleh berlaku melalui pelbagai medium dan tidak semestinya berpunca daripada penggunaan aplikasi sosial semata.

Oleh yang demikian adalah penting untuk masyarakat menggunakan apa jua perkhidmatan dan servis internet secara berhemah dan positif bagi mengelak berlakunya perkara yang tidak diinginkan. Menyedari hakikat ini, pihak kerajaan mengambil tindakan berbentuk serampang dua mata melalui tindakan penguatkuasaan undang-undang sedia ada serta melalui pelaksanaan aktiviti pendidikan dan kesedaran. Program-program kesedaran dan pendidikan bagi memupuk budaya penggunaan aplikasi sosial termasuklah media *social live* secara bijaksana yang dilihat dapat membantu dalam usaha pembangunan rohaniah, pembangunan individu serta pembangunan negara yang lebih positif.

Berkaitan dengan Yang Berhormat Kanowit tadi, saya jawab balik lah. Kementerian sedang melaksanakan pelbagai inisiatif di bawah inisiatif Perluasan Liputan Selular dan Jalur Lebar Mudah Alih yang melibatkan pembinaan menara komunikasi baru dan penaiktarafan menara komunikasi sedia ada.

Sehingga kini sebanyak 410 menara komunikasi ya Yang Berhormat Kanowit telah siap dan diaktifkan manakala dua menara sedang dalam peringkat pelaksanaan di Sarawak. Selain daripada itu, sebanyak 831 menara sedia ada telah di naik taraf kepada perkhidmatan 3G manakala 102 menara sedia ada masih dalam peringkat penaiktarafan di Sarawak. Di samping itu, projek jalur lebar pinggir bandar dan jalur lebar luar bandar turut dilaksanakan di bawah inisiatif Perluasan Jalur Lebar Talian Tetap yang melibatkan kelajuan sehingga 20 mbps di kawasan pinggir dan luar bandar yang melibatkan penaiktarafan 53 ibu sawat di Sarawak.

Kita harapkan dengan inisiatif ini dapat meningkatkan perkhidmatan telekomunikasi di luar bandar Sarawak sekali gus membantu dalam membangunkan ekonomi negeri di Sarawak.

Berkaitan dengan persoalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Rasah, berkaitan dengan pencawang haram dan tindakan kerajaan melalui proses pemutihan...

Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri sedikit. Sini, Kanowit. Berkenaan dengan naik taraf kepada 3G ini, tetapi kita difahamkan laporan daripada *on the ground* liputan ataupun *coverage* ataupun *reception* itu makin teruk. Apa sebabnya? Mohon penjelasan. Benar atau tidak?

Dato' Seri Jailani bin Johari: Boleh Yang Berhormat berikan saya spesifik kawasan mana. Kita akan siasat Yang Berhormat ya.

Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit]: Terutama di luar bandar. Apabila sudah naik taraf pun dia punya *reception* itu makin teruk. *I don't know* mungkin tidak tahu apa sebab.

■1610

Dato' Seri Jailani bin Johari: Biasanya dia akan terganggu Yang Berhormat Tuan Pengerusi, apabila proses penaiktarafan. Sekiranya ia masih berkurangan selepas penaiktarafan, Yang Berhormat maklumkan saya di kawasan mana, saya akan minta pegawai turun padang. Terima kasih Yang Berhormat.

Berkaitan dengan Yang Berhormat Rasah ya. Saya cuba habiskan sebelum 4.30 petang Tuan Pengerusi. Pencawang haram. Isu bagi menangani kewujudan menara komunikasi haram

adalah terletak di bawah bidang kuasa kerajaan negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan selaku pihak yang bertanggungjawab dalam meluluskan permit struktur komunikasi. Salah satu pendekatan yang boleh diambil adalah dengan mengadakan proses pemutihan secara menyeluruh ke atas kesemua menara yang masih tidak mempunyai permit.

Bagi pembinaan menara komunikasi pula sama ada di kawasan bandar, luar bandar ataupun taman perumahan, pembinaan hendaklah berpandukan kepada garis panduan pembinaan menara dan struktur pemancar komunikasi yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan ataupun KPKT. Garis panduan tersebut menyatakan keperluan jarak anjakan dengan had ketinggian tertentu, keperluan keselamatan seperti pagar dan langkah penstabilan cerun serta aspek-aspek lain yang perlu dipatuhi oleh syarikat penyedia perkhidmatan. Maklumat daripada penduduk atau orang awam berhubung tahap liputan perkhidmatan amat berguna dalam membantu pihak syarikat penyedia perkhidmatan membuat perancangan bagi menambah baik liputan dan kualiti perkhidmatan yang ditawarkan.

Manakala peranan PBT pula Yang Berhormat, dalam menerima permohonan baru sesuatu pembangunan infrastruktur komunikasi dalam kawasan pentadbiran mereka. Kita ada jawatankuasa setempat dengan izin, OSC (*one stop centre*) di peringkat PBT turut diwakili oleh agensi teknikal yang berkepakaran dalam bidang tugas masing-masing seperti MCMC sendiri, TNB, DCA dan bomba bagi menilai dan mengulas sesuatu permohonan tersebut. Persatuan penduduk dan PBT berperanan dengan maklumat berkenaan kawasan yang belum mendapat liputan ataupun yang mempunyai isu kualiti perkhidmatan boleh disalurkan terus kepada pihak MCMC bagi perancangan perluasan dan penambahbaikan liputan komunikasi.

Walau bagaimanapun, ini menjawab juga persoalan rakan-rakan tadi, lokasi sebenar menara yang akan dibina adalah pertama, bergantung kepada faktor teknikal seperti ketersediaan *line offside* dengan izin, rangkaian sedia ada dan bekalan elektrik dan kelulusan muktamad bagi pembinaan sesuatu menara akan ditentukan oleh pihak PBT yang berkaitan.

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang Berhormat Timbalan Menteri, boleh tidak berkongsi dengan kita semua di dalam Dewan yang mulia ini bahawa sebenarnya apakah *buffer zone* ataupun apakah jarak yang didefinisikan jarak yang selamat. Saya rasa kebanyakan daripada kita pun keliru mengenai perkara ini dan apa yang saya sedia maklum, saya lihat ada banyak kontraktor, mereka seolah-olahnya cuba membina pencawang ini tanpa pengetahuan PBT ataupun orang ramai. Mereka bina dulu, lepas itu mereka baru minta kelulusan daripada PBT. Itu pengalaman saya. Selepas kita membuat bantahan, akhirnya PBT dia mengarahkan supaya pencawang itu diturunkan. Saya cuma hendak tanya kepada pendapat Yang Berhormat Timbalan Menteri, kalau dalam perkara ini, bagaimanakah kita boleh memastikan sebelum sesuatu pencawang itu dipasang, adakah itu adalah mendapat kelulusan daripada pihak kementerian ataupun tidak. Terima kasih.

Dato' Seri Jailani bin Johari: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya seperti yang saya nyatakan, setiap pemasangan ataupun pembinaan menara telekomunikasi baru harus mengikuti garis panduan yang disediakan oleh pihak KPKT. Sekiranya mana-mana perancangan, ia akan dihadiri dan dibincang oleh agensi-agensi seperti yang saya nyatakan tadi dan sekiranya

tidak mematuhi peraturan tersebut, tindakan penguatkuasaan boleh dilakukan oleh pihak berkaitan. Saya tidak ingat spesifik, tidak silap saya dalam 100 meter jarak daripada jalan utama. Nanti saya kembali kepada Yang Berhormat ya.

Persoalan Tuan Pengerusi, berkaitan dengan beberapa sahabat yang bertanyakan berkaitan dengan projek pendigitalan. Ia ditanya oleh Yang Berhormat Lipis dan juga Yang Berhormat Sekijang. Soalan yang ditanya, apakah kerajaan akan melaksanakan Projek Pendigitalan Penyiaran Nasional dengan seberapa segera. Ketika ini, liputan TV digital adalah pada 91.2 peratus di kawasan penduduk daripada 29 stesen pemancar di seluruh negara.

Sebanyak lima lagi stesen pemancar bakal ditambah pada bulan Disember 2017, yang meningkatkan liputan kepada 93 peratus. Baki 26 stesen pemancar akan disiapkan menjelang Jun 2018 yang bakal memberikan liputan sebanyak 98 peratus. Berkaitan dengan penerimaan *decoder*, rata-rata penerima *decoder* percuma berpuas hati dengan kualiti siaran yang lebih jelas dan tiada gangguan siaran semasa hujan. Sebanyak 440,000 *decoder* percuma telah pun diedarkan diedarkan di sembilan negeri di Semenanjung Malaysia manakala sebanyak 8,000 *decoder* komersial telah dijual di seluruh negara. Sehingga kini, Projek Pendigitalan Penyiaran Nasional masih mengikut jadual dan akan disiapkan secara berperingkat sehingga penutupan siaran analog yang disasarkan pada Jun 2018.

Berkaitan dengan persoalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Bachok berkaitan dengan pembangunan infrastruktur di luar bandar, Yang Berhormat Bachok ya. Kerajaan sentiasa berusaha menambah baik perkhidmatan jalur lebar di seluruh negara termasuk di luar bandar. Antara inisiatif yang sedang dilaksanakan di seluruh negara adalah:

- (i) projek jalur lebar berkelajuan tinggi dengan izin, *high speed broadband*, penyediaan infrastruktur jalur lebar dengan kelajuan sehingga 100 *megabits per second* di ibu negeri dan bandar-bandar utama;
- (ii) projek jalur lebar pinggir bandar dan luar bandar. Penyediaan infrastruktur jalur lebar dengan kelajuan sehingga 20 *megabits* di kawasan pinggir bandar dan luar bandar; dan
- (iii) inisiatif perluasan liputan selular dan jalur lebar mudah alih di mana pembinaan menara komunikasi baru dan penaiktarafan kepada perkhidmatan 3G di menara sedia ada.

Saya ingin menjawab persoalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Pendang dan Yang Berhormat Lipis berkaitan dengan saluran Astro kerap terganggu, apakah tindakan kerajaan. Pihak kementerian melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia bersama-sama dengan pihak pemberi perkhidmatan sentiasa berusaha mencari pendekatan yang terbaik dalam meningkatkan mutu siaran kepada seluruh rakyat Malaysia. Namun begitu, kita tahu isu gangguan perkhidmatan penyiaran satelit semasa hujan tidak dapat diatasi sepenuhnya memandangkan siaran satelit Astro adalah dipancarkan dengan gelombang di dalam jalur frekuensi KU Band dengan izin. Fenomena ini adalah dikenali sebagai *rain faint*.

Ia berlaku kerana titisan hujan meresap dan melemahkan isyarat yang dipancarkan daripada satelit ke muka bumi dan akhirnya menyebabkan gangguan penerimaan perkhidmatan penyiaran Astro di premis pelanggan. Pendekatan yang telah diambil Yang Berhormat ialah bagi mengurangkan masalah gangguan hujan iaitu pusat penyiaran kedua di Cyberjaya telah pun dibina

yang bertindak sebagai pusat sokongan kepada pusat penyiaran utama Astro di Bukit Jalil. Setiap kali berlaku kegagalan untuk menghantar siaran daripada Bukit Jalil ke satelit dengan izin *satellite uplink*, maka pusat penyiaran di Cyberjaya akan membantu menghantar isyarat ke satelit dan sebaliknya. Saya tahu ini jawapan secara teknikal ya Yang Berhormat.

Usaha ini telah dapat membantu sebahagian daripada faktor gangguan hujan. Namun, gangguan penerimaan siaran di premis pelanggan adalah sukar untuk diatasi sepenuhnya walaupun pepiring satelit ataupun dengan *satellite disc* dan *decoder beyond* telah dapat meningkatkan kualiti penerimaan siaran sebanyak 30 peratus berbanding dengan *decoder* yang lama. Kita telah mengarahkan MEASAT Broadcast Network Systems Sdn. Bhd. iaitu antara syarikat yang menyediakan perkhidmatan penyiaran televisyen berbayar melalui jenama Astro berasaskan prinsip kedudukan *no worse off* semasa penghijrahan lesen penyiaran kepada lesen individu pemberi perkhidmatan aplikasi kandungan. Segala syarat lesen yang telah diberikan di bawah Lesen Penyiaran MBNS dikekalkan termasuk syarat kebenaran menyiarkan iklan selama 10 minit bagi setiap satu jam siaran. Walau bagaimanapun, hak eksklusif Astro ini telah pun tamat pada 28 Februari tahun 2017.

Berkaitan dengan persoalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Kuala Nerus, FINAS. Akan tetapi beliau tidak ada.

Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]: Yang Berhormat, sikit.

Dato' Seri Jailani bin Johari: Ya.

Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]: Yang tadi gangguan itu okeylah, Yang Berhormat kata susah. Apa yang mudah ada ini, yang mudah. Apa yang mudah misalnya saya sebutkan tadi filem yang berulang-ulang, *National Geographic* yang saya minat pun berulang-ulang sampai berbulan. Bukan kata setakat 1 bulan, berbulan. Jadi kita tengok filem yang sama sedangkan kita bayar. *We have to pay*. Jadi ini mudah dibuat dengan arahan sahaja.

Dato' Seri Jailani bin Johari: Ya, saya ambil maklum Yang Berhormat, berkaitan perkara ini. Akan tetapi ada kala, kadangkala Yang Berhormat, ada orang dia minta *request* kadang-kadang. Pengguna juga dia minta *request*, permohonan supaya siaran itu diulang kerana beliau tidak sempat tengok. Akan tetapi tidak apa, saya ambil maklum pertanyaan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Menteri, boleh sikit? Fasal Astro tadi. Boleh ya. Tidak, saya...

Dato' Seri Jailani bin Johari: Yang Berhormat tadi tanya sudah tadi...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Saya tahu, tetapi saya hendak bangkitkan sebab ada soalan daripada Yang Berhormat Pendang tertarik, saya hendak tambah. Boleh ya? Sikit saja Yang Berhormat Menteri, jangan takut.

■1620

Yang Berhormat Menteri, tentang jawapan tadi Yang Berhormat Menteri kata kalau hujan memang tergendala susah nak ini, saya rasa Yang Berhormat Menteri dengan penuh hormatlah, saya rasa Yang Berhormat Menteri, sepatutnya tidak timbul lagi Astro tidak boleh *settlekan* benda itu, sebab apa Astro ini semuanya *paid subscribers*. Maknanya mereka tidak mahu tahu masalah Astro, apa yang mereka tahu mereka bayar dan mereka nak dapatkan servis terbaik. Jadi Yang

Berhormat Menteri tolonglah beri jawapan yang memihak kepada pelanggan bukan menjawab memihak kepada Astro.

Astro buat duit tiba-tiba pelanggan pula yang hendak disalahkan mengapa? Jadi saya harap Yang Berhormat Menteri dari hal ini Yang Berhormat Menteri kena pastikan Astro, kalau tidak dapat memberi perkhidmatan baik, dia kena sama ada kurangkan dia punya jumlah kos bayaran bulanan ataupun macam mana pun dia kena fikir. Jangan sesekali kita kata Astro ini ada masalah. *We don't want to know about your problem, we want to know our problem, thank you.*

Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]: Saya setuju itu, itu baru ada kualiti sikit, itu baru standard.

Dato' Seri Jailani bin Johari: Tidak apa, terima kasih Yang Berhormat Sepang. Seperti mana yang saya nyatakan syarat-syarat lesen ada, kita akan tengok syarat-syarat lesen untuk ambil tindakan sewajarnya.

Berkaitan dengan persoalan saya nak jawab tadi fasal Yang Berhormat Rasah tadi, jarak selamat ya. Setinggi 30 meter jarak selamat bergantung kepada ketinggian menara. Kedua ketinggian menara yang di bawah daripada 45 meter jarak selamat adalah 20 meter, manakala ketinggian menara 45 meter dan lebih jarak selamat adalah 30 meter. Terima kasih Yang Berhormat ya.

Berkaitan dengan IPPTAR ini persoalan ditimbulkan oleh Yang Berhormat Sekijang. Program ataupun kursus latihan yang ditawarkan untuk menjamin kualiti penyampaian perkhidmatan kerajaan dalam sidang komunikasi dan multimedia. Pihak IPPTAR merupakan salah satu agensi di bawah kementerian, melaksanakan 63 kursus daripada 83 kursus yang telah dirancang pada tahun 2017 demi menjamin kualiti penyampaian perkhidmatan kerajaan dalam bidang komunikasi dan multimedia. Antara kursus yang ditawarkan yang melibatkan kenegaraan, penyampaian maklumat secara berkesan, TV dan radio dan menggunakan aplikasi digital dan multimedia.

Contohnya, Seminar Teknologi Era Digital, Kursus Mendepani Media Komunikasi Berkesan, Kursus Penyampaian Memahami Perlembagaan dan Sistem Beraja dan Kursus Penerbitan Berita TV dan Radio. Terakhirnya berkaitan dengan isu dan cabaran MYNIC yang ditanya oleh Yang Berhormat Parit Sulong. Isu dan cabaran MYNIC itu saingan daripada nama domain, kategori lain yang bukan dari *.my* seperti *.com* ditambah pula dengan kewujudan kategori TLD baru seperti *.travel*, *.hotel*, *.ceo*, *.cloud*, *.cafe* dan lain-lain.

Kedua proses pembelian *.my* memerlukan dokumen sokongan dibandingkan pembelian domain lain seperti *.com* yang tidak memerlukan dokumen sokongan. Ini menggalakkan pembelian domain tersebut. Ketiga pemahaman kurang tepat terhadap penggunaan *.my* domain yang dianggap untuk penggunaan dalam Malaysia sahaja, manakala *.com* dianggap sebagai penggunaan lebih global. Jumlah pengguna domain *.my* ya. Jumlah pengguna domain *.my* Yang Berhormat Parit Sulong setakat ini sehingga 31 Oktober 2017 ialah 327, 371.

Cara memasarkan domain MYNIC itu agensi memasarkan domain melalui pameran, kedua latihan kepada kumpulan-kumpulan sasaran, pengiklanan melalui saluran sosial media, promosi melalui program rakan niaga, kolaborasi dengan rakan niaga dalam industri internet lain seperti MDEC, AVANA, Koperasi 1Malaysia dan melalui rangkaian 60 wakil jualan sah MYNIC di

seluruh negara. Akhirnya Yang Berhormat Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Kuala Nerus tidak ada ini, saya ingat saya jawab bertulislah.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Yang Berhormat Tuan Pengerusi, boleh saya tanya sikit? Saya *dok* tunggu jawapan walaupun Yang Berhormat Kuala Nerus tidak ada, saya nak tanya berkaitan dengan FINAS itu. Setakat ini berapa orang di kalangan ahli agama yang berada dalam Lembaga Pengarah FINAS untuk memastikan tidak ada filem-filem yang bercanggah dengan akidah ataupun yang bercanggah dengan nilai syarak yang ditayangkan dalam negara kita, minta penjelasan.

Dato' Seri Jailani bin Johari: Minta izin Tuan Pengerusi. Walaupun tadi untuk Yang Berhormat Kuala Nerus tidak ada mungkin soalan itu lebih kurang sama yang ditanya oleh pihak Yang Berhormat Rantau Panjang saya minta izin untuk saya menjawab secara lisan Tuan Pengerusi.

Sebenarnya mungkin tadi ada kekeliruan dari segi peranan yang dijalankan oleh pihak FINAS. Pihak FINAS bukan satu agensi yang membuat penapisan. Penapisan filem adalah di bawah bidang kuasa Lembaga Penapisan Filem, di bawah KDN yang mana tertakluk kepada Akta Penapisan Filem (Akta 620) dan Garis Panduan Penapisan Filem. Berkaitan dengan filem-filem yang bercirikan Islam, *insya-Allah* kita melalui FINAS telah menyediakan dana di bawah Dana Industri Kandungan Digital bagi membantu penerbit-penerbit dari segi kewangan bagi penerbitan filem-filem tempatan.

Kita ada tujuh Yang Berhormat Rantau Panjang ya. Pertamanya dana mikro, dana pembangunan, dana produksi, dana co-produksi, dana pemasaran, dana pesanan khidmat masyarakat dengan izin *public service announcement (PSA)* dan dana *creative performance industry (CPI)*. Pihak penerbit filem boleh memohon dana-dana tersebut bagi penerbitan filem-filem mereka. Ada juga persoalan sebelum ini tanya berkaitan dengan filem yang gagal mendapat kutipan dan sambutan di pawagam.

FINAS menyediakan insentif kepada penerbit filem tempatan yang dinamakan Insentif Tayangan Filem Cereka (ITFC) bagi filem yang ditayangkan di pawagam tempatan melalui skim wajib tayang. Insentif yang dibayar bergantung kepada jumlah kutipan filem kasar di pawagam pada kadar maksimum RM500,000, bagi kutipan kasar RM2 juta dan ke bawah insentif diberikan adalah sebanyak 10 peratus daripada kutipan kasar jualan tiket.

Bagi Januari hingga Oktober 2017, sejumlah RM1.956 juta insentif di bawah ITFC telah diberikan kepada penerbit filem di bawah skim wajib tayang. FINAS juga menyediakan kursus dan bengkel perfileman kepada penggiat industri di bawah Program Memperkasa Modal Insan Industri Kreatif yang boleh disertai sepanjang tahun bagi Januari hingga Oktober. Sebanyak 22 buah bengkel ataupun kursus telah diadakan dengan penyertaan seramai 773 orang peserta.

Berkaitan dengan persoalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Rantau Panjang dari segi lembaga dan sebagainya, saya akan boleh berkongsi secara terperinci siapa lembaga dan sebagainya. Akan tetapi pihak kementerian melalui FINAS kita sentiasa menyokong kepada pengeluaran baru kandungan unsur patriotik dan bercirikan kenegaraan melalui bantuan di bawah dana Industri Kandungan Digital. Seperti contoh filem Kanang Anak Langkau yang ditayangkan pada tahun ini.

Terakhirnya yang disentuh oleh Yang Berhormat Sekijang berkaitan dengan isu bayaran royalti kepada artis tempatan. Bayaran royalti bergantung kepada kontrak di antara pekerja dan penerbit. Pihak FINAS telah mengadakan pertemuan dengan pihak Persatuan Perfileman dengan membawa isu royalti ketika pertemuan dengan stesen penyiar, namun ia nya tertakluk kepada bidang kuasa penerbit dan jumlah bayaran diterima daripada pihak penyiar. Pembayaran royalti muzik adalah untuk tujuan penyiaran dan pertunjukan awam. Buat masa ini ia dibayar terus kepada dengan izin, Music Rights Malaysia Berhad (MRM). Isu pembayaran kepada penyanyi, pencipta lagu, penulis lagu dan penerbit adalah di bawah tanggungjawab Music Rights Malaysia Berhad.

Tuan Pengerusi, pihak kementerian mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan Rang Undang-undang Perbekalan Tahun 2017 peringkat Jawatankuasa yang menyentuh mengenai peranan Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia. Pihak kementerian mengambil perhatian dan akan mengambil tindakan susulan di antara isu-isu yang dibangkitkan bagi menambah baik perkhidmatan di bawah bidang kuasa kementerian. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM1,293,333,200 untuk Maksud B.47 di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM1,293,333,200 untuk Maksud B.47 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM485,346,200 untuk Maksud P.47 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2018 hendaklah diluluskan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM485,346,200 untuk Maksud P.47 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2018]

**Maksud B.48 [Jadual] –
Maksud P.48 [Anggaran Pembangunan 2018] –**

Tuan Pengerusi: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Kepala Bekalan 48 dan Kepala Pembangunan B48 di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat terbuka untuk di bahas. Sila Yang Berhormat Parit Sulong, selepas Yang Berhormat Parit Sulong, Yang Berhormat Rantau Panjang. Sila.

4.30 ptg.

Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Keutamaan kepada wanita.

Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Okey saya terus ke Butiran 010900 – Warga Emas, JKM dan juga Butiran 031500 - Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE).

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said)
mempengerusikan Jawatankuasa]

■1630

Berdasarkan pada bancian penduduk Malaysia, Malaysia akan menghadapi fenomena penuaan penduduk menjelang tahun 2030 apabila penduduk yang berusia 60 tahun ke atas akan mencapai tahap 15 peratus daripada jumlah penduduk di Malaysia. Jadinya menyedari hakikat ini serta keperluan cabaran masa hadapan, saya hendak mengucapkan tahniah kepada pihak kementerian yang mengambil satu inisiatif untuk mengkaji semula dasar warga tua negara yang telah digubal pada tahun 1995 dan juga pelan tindakan dasar warga tua negara yang dirangka pada tahun 1998.

Susulan kajian semula ini dasar warga emas negara dan pelan tindakan warga emas negara telah diluluskan oleh kerajaan pada 5 Januari 2011 dan ada lagi satu programnya iaitu inisiatif *Beautiful Life for Seniors* yang bertujuan untuk memastikan warga emas di Malaysia menjalani kehidupan yang sejahtera dan bermakna melalui lima fokus bidang utama termasuklah kesejahteraan pesara, advokasi kesihatan dan kecergasan, sukarelawan, pengurusan kewangan dan pembangunan usahawanan serta bimbingan pekerjaan baru ataupun bekerja semula yang diperkenalkan pada Mac 2017 dan melalui yang dinamakan juga NBOS *Summit*. Melalui pendekatan NBOS ini juga inisiatif yang dilaksanakan dengan komitmen dan penglibatan semua pihak, akan *insya-Allah* akan memberi faedah kepada 3.1 juta warga emas ataupun 9.6 peratus daripada 32 juta rakyat Malaysia.

Sehubungan dengan itu, ada beberapa perkara yang saya hendak tanyakan kepada pihak kementerian. Saya mendapat makluman bahawa Bantuan Warga Emas ataupun BOT yang dikendalikan di bawah JKM untuk kawasan Daerah Batu Pahat ini, jumlah yang tertingginya, penerima tertingginya adalah daripada kawasan Parlimen Parti Sulong. Jadinya sehubungan dengan itu, sebab kita maklum juga bahawa kementerian ada juga satu yang dinamakan Pusat Aktiviti Warga Emas ataupun PAWE. Sehubungan dengan itu saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, saya faham ada satu yang digunakan untuk Daerah Batu Pahat dan pernah juga saya mendengar makluman daripada pihak kementerian bahawa sasarannya adalah 1Parlimen, 1PAWE.

Jadinya sehubungan dengan itu saya hendak bertanya kepada pihak kementerian adakah pihak kementerian ada cadangan untuk melaksanakan pusat PAWE ini di kawasan Parlimen Parit Sulong berdasarkan kepada fakta-fakta yang tadi saya nyatakan bahawa penerima paling ramai untuk warga emas ini adalah kawasan saya sendiri. Bolehkah juga kementerian nyatakan jenis-jenis aktiviti yang dijalankan oleh ahli PAWE, sebab saya tahu mereka ada aktiviti seperti pertandingan nasyid dan juga yang lain-lain. Akan tetapi apakah jenis aktiviti lain dan berapakah peruntukan yang diberikan oleh kementerian kepada setiap pusat PAWE ini?

Walau bagaimanapun, saya melihat paling kurang pun, bila ada program ataupun aktiviti seperti ini ianya secara tidak langsung akan merapatkan lagi silaturahim dan paling kurang pun akan menghindari kesunyian warga emas itu apabila tiada lagi ahli keluarga di rumah. Jadinya dia dapat meneruskan kelangsungan hidup mereka secara aktif dan juga produktif.

Seterusnya juga, mengenai inisiatif *Beautiful Life for Seniors*, apakah langkah berterusan kementerian untuk memperkasakan hebahan mengenai inisiatif ini agar ia nya turut sampai dan

dinikmati sama oleh warga emas daripada luar bandar? Berkaitan kepada tajuk yang sama mengenai satu Pusat Jagaan Warga Emas, ianya lain daripada PAWE - Pusat Jagaan Warga Emas. Dekat Batu Pahat, dia ada satu tempat tetapi itu adalah di bawah kelolaan swasta. bermaksud saya percaya JKM pun tidak akan ada pemantauan secara *direct* kepada Pusat Jagaan Warga Emas swasta ini.

Jadinya bolehkah tidak berdasarkan ini saya hendak minta juga supaya satu di bawah JKM itu sendiri boleh dibina di kawasan Parlimen saya. Di Johor dia cuma ada satu sahaja di Johor Bahru dan dia menyukarkan warga emas ini disebabkan kekangan dia jauh daripada tempat kami terutamanya Johor Utara ini dan jumlah penghuninya adalah *limited*, dengan izin. Jadinya itulah memerlukan keperluan terutamanya di Daerah Batu Pahat dan mungkin boleh diletakkan di kawasan Parlimen Parit Sulong.

Seterusnya, Butiran 011600 berkaitan dengan JPW. Di bawah JPW ini ada satu program latihan penjagaan selepas bersalin ataupun MamaCare yang diperkenalkan pada penghujung tahun 2012. Saya hendak memuji apa yang di buat di bawah MamaCare ini Tuan Pengerusi kerana pendapatan mereka, bila dimaklumkan ada kajian dibuat, pendapatan bulanan para pengamal MamaCare ini sejak tahun 2013 ini ada yang mencapai yang tinggi dia boleh mencapai sampai 12 ribu satu bulan dan potensi pasaran pun bertambah sebabnya kelahiran setiap tahun. Jadinya para pengamal MamaCare ini akan dapat memberikan perkhidmatan mereka kepada semua tidak kira bangsa. Tahniah saya ucapkan kepada pihak kementerian.

Soalan saya kepada berkaitan perkara ini ataupun butiran ini adalah apakah lagi inisiatif berterusan kementerian untuk menarik dan juga menyuntik semangat wanita-wanita kumpulan *low income household* (LIH) yang lain untuk turut sama menyertai MamaCare di bawah pemerkasaan ekonomi golongan ini. Seterusnya selari dengan rancangan pembangunan negara yang turut memberi perhatian kepada golongan B40, bagaimana pula kementerian dapat melibatkan penyertaan wanita dalam kalangan isi rumah B40 dalam bidang MamaCare ini bagi tahun-tahun yang akan datang. Bagi memastikan kelestarian program MamaCare ini agar ia nya terus dapat sambutan daripada kumpulan sasaran dan *client*, apakah usaha kementerian ke arah pengukuhan dan penjenamaan produk MamaCare ini?

Seterusnya soalan saya adalah apakah bentuk penambah baikkan yang akan dilakukan oleh kementerian terhadap program MamaCare 2.0? Apakah jenis modul latihan kemahiran yang turut mengambil kira adakah ia nya mengambil kira elemen pengurusan rumah tangga bagi mungkin mengekang pengambilan mungkin boleh membantu mengekang pengambilan pembantu warga asing yang begitu menekan masyarakat kerana rata-rata warga asing ini pun dia sudah letak gaji minimum mereka dan ia nya pun sangat tinggi dan boleh membebankan sesetengah keluarga.

Seterusnya Butiran 012100 – LPPKN. Saya terus sahaja kepada soalnya. Apakah langkah menyeluruh dan berterusan yang diambil oleh kementerian untuk mempertingkatkan lagi pencapaian ke atas setiap domain dan indikator dalam IKK supaya pencapaian indeks pada masa akan datang akan dapat dipertingkatkan ke tahap yang lebih baik seperti yang digariskan dalam Rancangan Malaysia Ke-11 yang menyasarkan sektor ataupun skor Indeks Kesejahteraan Keluarga mencapai skor 8 daripada 10 menjelang tahun 2020. Berdasarkan perkhidmatan cemerlang LPPKN melalui pelbagai anugerah yang diterima, apakah kementerian ada cadangan untuk membuat penambahbaikan terhadap perkhidmatan LPPKN seperti menambah bilangan bas

yang sedia ada bagi memudahkan lagi aktiviti berkaitan kemasyarakatan dan kependudukan ini dapat dilaksanakan.

Lagi satu lagi ini Butiran 012000 – NIEW satu sahaja lagi. Jadinya untuk bawah Butiran ini saya hendak tahu pihak kementerian menerusi NIEW ini, bagaimanakah ia boleh membantu pembangunan keupayaan wanita dalam bidang politik dan juga ekonomi dari peringkat luar bandar sehingga lah ke peringkat antarabangsa dan sejauh manakah pihak NIEW ini boleh merangka pelan pembangunan yang lebih menyeluruh menerusi *Women Directors Mentoring Programme*, dengan izin bagi memastikan lebih ramai lagi Pengarah dapat dihasilkan dan diperkasakan pada masa yang akan datang.

■1640

Apakah perancangan pihak kementerian dalam meningkatkan lagi keupayaan dan pembangunan wanita dalam menghadapi tahun 2050? Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Rantau Panjang.

4.40 ptg.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih Tuan Pengerusi, memberi peluang kepada saya untuk berbahas peringkat Jawatankuasa Kementerian Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Menyentuh Butiran 01900 – Depoh Simpanan Keperluan Mangsa Bencana. Sebagaimana kita tahu sekarang musim banjir, saya ingin tahu berapakah jumlah keperluan makanan yang telah disediakan dengan peruntukan RM13 juta mengikut negeri? Saya juga ingin tahu, apakah program yang telah disediakan oleh kerajaan, selain daripada mangsa banjir yang tinggal di penempatan banjir? Begitu juga mereka yang terkepung dengan banjir. Oleh sebab di musim tengkujuh, hampir berbulan mereka putus pendapatan, terutama yang menoreh getah, mereka memerlukan bantuan makanan.

Jadi, kalau hendak menunggu duit daripada imbuhan banjir, selepas kering air baru terima, ini adalah satu beban bagi mereka, keluarga yang miskin. Jadi, saya ingin tahu, apakah kerajaan bercadang untuk bantuan makanan banjir ini, diberi juga selain daripada mereka yang berada di pusat perpindahan banjir tetapi diberi juga kepada mereka yang terkepung air banjir, yang tidak dapat keluar daripada rumah mereka walaupun rumah mereka masih boleh diduduki. Mungkin berada di kawasan tinggi tetapi di sekeliling kampung mereka sudah digenangi air, mereka tidak boleh keluar daripada kampung mereka. Jadi, saya ingin penjelasan daripada pihak kementerian.

Menyentuh Butiran 010100 - Pengurusan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan juga 010400 – Pentadbiran Negeri dan Daerah, JKM. Makluman yang kita terima, jumlah kakitangan seluruh Malaysia JKM adalah seramai 3,269 orang dengan kes yang perlu dikendalikan 462,198 kes. Ini laporan daripada Ketua Audit Negara, belum lagi di campur dengan 118,274 kes yang baru yang perlu diselesaikan. Jadi, kalau kita lihat daripada nisbah purata, satu pegawai kena menyelesaikan 171 kes.

Jadi, saya ingin tahu, apakah tindakan kerajaan dengan beban yang begitu besar yang telah diberi kepada pegawai dan kakitangan JKM? Sedangkan standard internasional kita tidak tahu, sekurang-kurangnya satu nisbah 35 bilangan penduduk, berbanding dengan apa yang berlaku dalam negara kita, berpuluh kali ganda beban yang ditanggung oleh pegawai JKM dalam

mengendalikan, terutama kes-kes yang melibatkan pengurusan kebajikan. Jadi, saya ingin tahu setakat ini, berapakah nisbah yang ada mengikut negeri, mengikut pegawai dan keperluan yang ada pada hari ini dan apakah tindakan kerajaan untuk mengatasi isu ini?

Saya ingin tahu juga, berapa kes permohonan yang telah dimohon setiap bulan mengikut negeri dan berapakah kes yang telah ditolak? Oleh sebab, selagi perkara ini tidak diselesaikan, selagi itulah kita akan berdepan dengan pelbagai aduan. Termasuk masalah kelewatan bayaran, bantuan, termasuk pemantauan, termasuk mengendalikan kes-kes yang penting kerana terlalu banyak beban yang ditanggung oleh kakitangan kerajaan. Jadi, sepatutnya kerajaan kena menambah kakitangan untuk memastikan supaya perkhidmatan lebih berkesan lagi.

Saya ingin menyentuh berkaitan dengan Butiran 030300 – Institusi Kanak-kanak, yang mana kita lihat dalam peruntukan 2018 mendapat peruntukan yang semakin sedikit berbanding dengan peruntukan 2017. Jadi, saya ingin tahu, kenapa peruntukan dikurangkan? Apakah program yang telah dijalankan oleh kerajaan untuk memastikan kebajikan rumah kanak-kanak, termasuk Sekolah Tunas Bakti, Sekolah Seri Puteri dan sebagainya, mereka mendapatkan perkhidmatan yang terbaik?

Saya melihat daripada Butiran 00602 – Taman Sinar Harapan. Begitu juga 00701 – Sekolah Tunas Bakti, di mana tahun lepas mendapat peruntukan masing-masing RM8 juta dan RM15 juta tetapi untuk Bajet 2018 hanya mendapat RM100. Apakah pusat ini telah ditutup perkhidmatannya? Jadi, saya ingin tahu kenapa berlaku pengurangan ataupun penghapusan bajet yang telah diberi kepada kedua-dua institusi ini? Jadi, saya ingin penjelasan supaya kita tidak mahu kebajikan kanak-kanak ini terabai dan ia adalah penting untuk masa depan anak-anak ini sendiri.

Begitu juga saya ingin menyentuh Butiran 031000 – Sosioekonomi Warga Emas, yang mendapat bajet pada tahun ini RM517,129,000. Saya ingin tahu, apakah program yang telah dijalankan untuk meningkatkan sosioekonomi warga emas? Berapakah jumlah dalam daftar kementerian, warga emas yang berada di bawah tahap paras kemiskinan? Apakah pembaharuan dan penambahbaikan yang telah dilaksanakan oleh kerajaan dalam program yang telah dilaksanakan pada tahun 2017 yang lalu supaya dapat ditambahbaikkan lagi pada tahun 2018 ini?

Adakah kerajaan bercadang untuk melaksanakan program merai, sekurang-kurangnya satu hari merai warga emas untuk menggalakkan masyarakat kita mencintai warga emas. Terutama kaum kerabat mereka, anak-anak mereka supaya mereka merai ibu bapa, jangan bergantung kepada kerajaan untuk membela ibu bapa yang dalam keadaan usia tua. Jadi, saya ingin tahu, daripada 51 buah pusat penempatan warga emas di seluruh negara setakat ini, berapakah kes yang didapati? Di mana kita melihat pengabaian, di mana anak-anak langsung tidak menziarahi ataupun tidak mengambil berat tentang warga emas ini. Berapakah kos yang terlibat dalam mengendalikan kes-kes pusat penempatan warga emas ini?

Saya ingin tahu juga berkaitan dengan cadangan kerajaan menjelang 2030 apabila Malaysia menuju negara tua. Jadi, apakah penambahbaikan yang telah dicadangkan oleh kerajaan, terutama dari segi polisi awam, kemudahan-kemudahan awam supaya membolehkan warga emas ini dapat hidup dengan selesa. Termasuk dari sudut *parking*-nya ataupun jangka masa lampu *traffic light* untuk melintas jalan. Banyak lagi isu-isu lain yang berkaitan dengan kemudahan awam sesuai dengan usia warga Malaysia menuju negara tua. Jadi, saya ingin tahu, apakah program yang telah dicadangkan oleh kerajaan?

Begitu juga saya ingin tahu tentang keberkesanan Program Anjung Singgah yang telah dibuat di bawah kementerian. Apakah penyelesaiannya dan sejauh mana isu gelandangan yang setakat ini dapat kita selesaikan dari segi jangka pendek dan jangka panjang? Apakah program-program khusus yang telah dibuat, sebagaimana kita tengok, apa yang berlaku di negara maju lain. Termasuk di Manila, kita tengok di antara negara yang paling tinggi golongan gelandangan di dunia, di mana mereka menggunakan gelandangan ini untuk melatih mereka, untuk menghasilkan kraf tangan dan sebagainya, untuk membawa mereka kepada kehidupan sebagaimana masyarakat luar yang biasa. Jadi, kita ingin tahu, sejauh mana usaha kerajaan untuk menangani isu pengangguran gelandangan ini, sekali gus membawa keluar mereka daripada dunia gelandangan.

Begitu juga saya ingin tahu juga berkaitan dengan program-program penempatan anak-anak gelandangan. Sejauh mana keberkesanan anak-anak ini di rumah-rumah kebajikan, program yang kita telah laksanakan dan selepas mereka keluar daripada rumah kebajikan, apa hala tuju mereka? Saya ingin tahu adakah statistik yang telah dibuat oleh kerajaan untuk memastikan anak-anak ini tidak terjebak sebagaimana ibu bapa mereka? Apakah kerajaan akan melaksanakan sistem *zero* terhadap gelandangan yang ada di sekitar bandar? Oleh sebab kita tahu, ia bukan sahaja boleh merosakkan pemandangan, terutama kepada pelancong-pelancong tetapi juga boleh membawa masalah kebersihan dan sebagainya. Jadi, apakah penyelesaian kerajaan dalam menghadapi isu gelandangan ini?

Saya ingin menyentuh juga berkaitan dengan Butiran 01800 – Pusat Khidmat Setempat OKU. Saya ingin tahu daripada jumlah RM800,000 yang telah diperuntukkan, berapa banyak yang telah dapat dimanfaatkan? Berapa ramai yang telah terlibat di Pusat Khidmat Setempat OKU ini? Apakah program-program yang telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan?

Begitu juga, saya ingin tahu tentang Rumah Perlindungan Khas. Setakat ini daripada seluruh negara, berapa buah rumah perlindungan khas yang telah dikendalikan? Berapa ramai kah penghuni-penghuni yang telah terlibat di bawah rumah perlindungan ini? Berapakah mereka yang telah berjaya kita selamatkan daripada program pemulihan di bawah rumah khas ini?

■1650

Begitu juga saya ingin tahu tentang Butiran 00300 – Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara dengan peruntukan RM8.6 juta. Saya ingin tahu apakah program-program yang telah dilaksanakan? Sejauh mana kejayaan kerajaan untuk mengembalikan negara kita supaya negara kita mempunyai penduduk yang lebih ramai? Setakat ini, apakah isu-isu ataupun cabaran yang telah dihadapi oleh kerajaan dalam mencapai objektif di bawah Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara?

Oleh sebab masa tidak mengizinkan, setakat itu, Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, ramai lagi yang berminat. Ya, Yang Berhormat Lenggong.

4.50 ptg.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: *Bismillahir Rahmanir Rahim.* Terima kasih Tuan Pengerusi kerana beri peluang kepada saya untuk berbahas peringkat Jawatankuasa bagi anggaran perbelanjaan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Saya ingin menyentuh Butiran 010000 dan Butiran 030000. Apa pun, saya hendak ucapkan tahniah dan syabas kepada pihak kementerian di atas pelbagai program dan pendekatan yang dibuat untuk menangani pelbagai isu dan masalah masyarakat ketika ini.

Sementelah juga dalam keadaan fenomena perubahan iklim dan cuaca yang tidak menentu ini, tugas dan tanggungjawab kementerian lebih besar untuk berhadapan dengan keadaan membantu rakyat terutama sekali di barisan hadapan jentera kerajaan bagi membantu rakyat ketika menghadapi masalah dan musibah bencana. Untuk itu juga, apa pun, saya hendak mengucapkan tahniah kerana jentera JKM benar-benar bertugas di semua tempat tidak kira waktu dan masa. Ini memberikan satu perkara yang cukup baik kepada rakyat.

Namun demikian, saya ingin juga mendapat pandangan dan penjelasan kementerian, apakah kita boleh juga fleksibel sikit dari segi peraturan yang kita ada? Saya ingat ini isu biasa yang dihadapi oleh mangsa bencana ini iaitu apabila mereka tidak berada di pusat-pusat penempatan. Ini perkara yang sering kali menjadi rungutan. Kalau tidak berada di pusat penempatan, mereka tidak mendapat bantuan daripada JKM. Akan tetapi, ada juga yang kadang-kadang yang pergi daftar, kemudian balik ke rumah untuk mendapat bantuan dan sebagainya. Ini situasi-situasi yang memang berlaku dan saya percaya Yang Berhormat Menteri faham dengan keadaan ini.

Cuma, boleh atau tidak ada kuasa-kuasa tertentu yang ada diperuntukkan kepada kementerian untuk membuat keputusan-keputusan tertentu dalam keadaan tertentu? Apatah lagi, di waktu krisis ini, dia situasi tidak menentu. Ada ketikanya memang mangsa bencana tidak boleh langsung pindah, tidak boleh pergi ke pusat penempatan dan perlu dibantu. Kes-kes seumpama ini banyak berlaku sebenarnya. Jadi, apakah tidak boleh pihak kementerian untuk mengkaji perkara ini supaya, misalnya, diperturunkan kuasa kepada pengerusi jawatankuasa bencana di peringkat negeri atau daerah untuk memperakukan mangsa-mangsa ini, walaupun tidak berada di pusat penempatan, untuk diberi bantuan misalnya? Ini satu.

Kemudian, ada juga kes-kes yang berlaku, misalnya kita gazetkan beberapa pusat-pusat penempatan bencana misalnya, katakanlah di suatu kawasan itu kita jangkakan akan berlaku, mungkin kita wartakan dalam empat atau lima, tiba-tiba dengan keadaan cuaca yang tidak menentu ini, kawasan yang kita wartakan itu tidak pun mengalami masalah, tetapi ia berlaku di kawasan yang lain, kawasan yang tidak diwartakan. Ini juga berlaku misalnya di Pulau Pinang dan beberapa tempat yang lain dan sekarang sedang berlaku, walaupun belum lagi pada tahap yang betul-betul sebagaimana yang kita jangkakan, di Pantai Timur. Apakah ada atau tidak kuasa-kuasa itu yang membolehkan kementerian memperakukan? Supaya kita boleh membantu rakyat dalam keadaan apa sekali pun.

Saya bawa perkara ini untuk perhatian kementerian kerana saya tahu bila saya turun ke bawah dan saya nampak ini isu-isu yang biasa yang memang telah begitu lama dan saya harap perkara ini dikaji sehalusnya oleh pihak kementerian untuk membolehkan bantuan juga diberikan kepada mereka-mereka yang tidak berada di pusat penempatan ataupun berada di pusat penempatan yang tidak diperakukan oleh pihak berwajib sebagai pusat penempatan. Ini saya harap dikaji oleh pihak kementerian.

Satu lagi, Yang Berhormat, saya hendak tahulah, kalau dari segi dasar dan polisi kementerian, berapa lama tempoh bila mangsa sudah berada di pusat penempatan— jikalau ikut

SOPnya, berapa lama tempoh sepatutnya barang atau makanan sampai ke tempat atau pusat penempatan itu? Saya faham dengan kekangan yang ada, situasi yang tidak menentu, tetapi tentu pihak kementerian punyai SOP tertentu yang meminta supaya pihak-pihak berwajib untuk mengambil tindakan dengan segera.

Ini kerana ia bukan sebagaimana isu lain, isu-isu biasa kalau orang gelandangan, kalau kes orang terlantar dan sebagainya. Itu isu lain. Tetapi isu ini ketika bencana. Situasinya berbeza, keadaannya tidak menentu. Ada ketikanya peraturan yang kita ada itu tidak boleh diguna pakai waktu itu, perlu ada perubahan atau tindakan-tindakan di luar daripada kebiasaan. Saya hendak tahu, apakah ia ada pada pihak kementerian? Kalau tidak ada, apakah langkah-langkah yang hendak dibuat? Ini kerana saya percaya tidak boleh kita terus berpegang kepada peraturan sedia ada dan dengan peraturan itu ia tidak boleh membantu pihak. Saya faham kalau SOPnya, peraturannya tidak boleh membantu mangsa yang tidak berada di pusat penempatan, memang tak boleh nak buat, tapi takkanlah kita nak tengok begitu saja walaupun dia berada di sebelah?

Ini perkara-perkara yang saya harap— ini adalah rungutan-rungutan yang ada. Sebab itu saya percaya antara komen-komen yang dibuat dalam media sosial tentang kononnya ketidakcekapan memberi bantuan, inilah sebenarnya. Ia komen-komen daripada mangsa-mangsa yang tidak berada di pusat penempatan. Kalau yang berada di pusat penempatan itu, saya percaya ia diurus dengan baik oleh pihak kementerian. Saya percaya, ia biasa dilakukan. Cuma, saya harap mana-mana yang kurang itu kita sama-sama pertingkatkan.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin bercakap berkaitan dengan satu lagi perkara iaitu berhubung kait dengan remaja. Kita lihat hari ini kes-kes remaja lari dari rumah, remaja yang mengandung di luar nikah yang tidak sah taraf terjebak dengan jenayah juvana. Ini juga satu lagi isu yang saya percaya dalam pengetahuan kementerian. Namun demikian, dengan keadaan-keadaan yang hari ini sudah begitu berubah, barangkali ada juga perkara-perkara ini berlaku akibat daripada terpengaruhnya remaja dengan begitu mudah mendapat atau mengakses perkara-perkara yang tidak baik ini. Dulu kita selalu bercakap kepada anak-anak kita jangan tengok TV cerita-cerita tidak baik tapi hari ini bukan sahaja TV, tutup TV pun dia boleh tengok dalam *handphone* dan sebagainya. Jadi, cabaran sudah berbeza.

Dengan keadaan yang sudah berubah ini, apa pendekatan yang kementerian buat? Apakah ada langkah-langkah tertentu— saya yakin antara kes-kes yang berlaku yang melibatkan remaja hari ini, ia juga tentunya dipengaruhi oleh perkara-perkara seumpama ini. Jadi, apakah pendekatan yang kerajaan buat dalam perkara ini? Saya juga ingin mengetahui, kes-kes seumpama ini, setakat hari ini, berapakah bilangan kes yang berlaku dan berapakah yang telah selesai dan sebagainya?

Saya juga tahu bahawa kementerian juga menggalakkan masyarakat jika terlibat dalam kes-kes misalnya berlaku anak yang ditanggalkan, kes perceraian dan sebagainya. Ia juga berpunca daripada ibu bapa. Jadi, apakah perancangan kementerian dalam menggalakkan masyarakat untuk mendapatkan khidmat kaunseling terhadap masalah yang dialami oleh mereka? Juga, sejauh mana pendekatan dan kaunseling oleh kementerian ini benar-benar memberi kesan yang baik?

Sebab, kalau kita tengok data yang ada, kes-kes memang agak membimbangkan terutama yang melibatkan keganasan terhadap wanita misalnya. Sehingga Mac 2017, angka yang saya ada,

saya lihat statistik daripada PDRM melibatkan 57,519 kes keganasan yang melibatkan wanita dan sebagainya. Ini satu perkara yang memang agak membimbangkan. Namun, saya percaya kementerian ada mekanismenya. Jadi, mungkinkah boleh dimaklumkan dalam Dewan yang mulia ini untuk pengetahuan kita bersama bagaimana pendekatan kementerian buat?

■1700

Apakah langkah yang ada dilaksanakan oleh kementerian hari ini benar-benar berkesan? Kalau tidak berkesan, apakah tindakan susulannya? Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kota Raja.

5.00 ptg.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya juga ingin turut membahaskan maksud Bekalan 48, B.48 ini. Saya akan mulakan dulu dengan Butiran 020100 – Khidmat Pengurusan. Sebelum saya masuk ke butiran lain, saya ingin menyampaikan kepada Menteri, saya merasakan pegawai-pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat adalah *one of the best* selain daripada Kementerian Kesihatan kerana saya rasa ini berjaya mungkin Menteri dan pimpinan daripada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ini telah berjaya menerapkan prasyarat kepada kerja dalam JKM ialah kasih sayang. Jadi bila ada kasih sayang itu, maka mereka kerja dengan ikhlas walaupun tidak mengira masa dan mereka memberikan kerjasama kepada semua pihak untuk sama-sama membantu rakyat yang memerlukan.

Tuan Pengerusi, saya ingin ke Butiran 010800 – Kanak-kanak. Ada pihak kementerian telah menjalankan ataupun melaksanakan satu persidangan yang bertemakan daripada konsep kepada tindakan bersama dengan Yayasan OrphanCARE. Saya ingat di dalam perbincangan-perbincangan itu mungkin saya tidak tahu sama ada ini satu resolusi tetapi telah diterima, makna sebagai hakikatnya, membesarkan anak-anak di dalam rumah jagaan ataupun rumah anak yatim bukanlah satu solusi yang terbaik untuk kanak-kanak ini kerana suasana di dalam rumah anak-anak yatim ini tidak serupa dengan suasana di rumah di mana ada kasih sayang, ada interaksi keluarga dan sebagainya.

Jadi kita harap kerajaan ada perancangan untuk bergerak ke arah *deinstitutionalization*, hendak sebutnya. Kita tidak mahu lagi menginstitutionkan anak-anak yatim ini. Namun saya kira kita mungkin tidak mampu melakukannya 100 peratus tetapi kalau kita tidak melakukan sesuatu maka rumah anak yatim dan rumah jagaan anak-anak yang tidak ada ibu bapa semakin ramai. Ia bukan semakin sedikit. Jadi kerajaan tentulah. Kerajaan mana pun tidak akan mampu untuk menyediakan prasarana ini.

Jadi saya ingin bertanya kepada Menteri, apakah persediaan kita dan apakah KPI kita, sasaran untuk satu hari, untuk membesarkan anak-anak ini di rumah-rumah ibu bapa angkat? Ini kerana ramai orang yang hendak anak sebenarnya, yang tidak ada anak dan mereka hendak anak. Ada orang yang anak ramai tetapi masih sanggup mengambil anak. Saya rasa kita perlu ada satu sistem di mana satu ibu bapa atau satu keluarga sanggup mengambil beberapa orang anak dan kerajaan membantu dengan mungkin daripada segi kewangan dan juga mungkin di dalam khidmat nasihat dan sebagainya.

Jadi saya ingin tahu, apakah langkah-langkah yang diadakan dan apakah perancangan kementerian sebenarnya untuk kita kurangkan institusi penjagaan anak-anak yatim ini? Saya juga dapat tahu di rumah-rumah kebajikan, tidak semua anak yang dihantar di situ adalah anak-anak yatim. Sesetengahnya mempunyai ibu bapa yang miskin. Jadi bagaimana kita boleh membantu ibu bapa mereka ini untuk membesarkan anak-anak dengan bantuan daripada kerajaan? Mungkin tidak kesemuanya tetapi adalah lebih baik mereka membesar dalam keluarga daripada membesar di dalam satu institusi.

Seterusnya saya ingin ke Butiran 010900 – Warga Emas, JKM. Ini lagi satu cabaran mendatang kita dalam tahun-tahun akan datang bila negara kita menjadi semakin negara tua. Jadi apakah langkah kita sebenarnya untuk mendidik anak-anak supaya tanggungjawab ibu bapa ini adalah tanggungjawab anak-anak? Apakah insentif yang kita hendak berikan kepada anak-anak ini supaya mereka mengambil berat tentang ibu bapa mereka? Saya terfikir juga kadang-kadang kita kata kita tidak boleh *trace* siapa anak-anak mereka sedangkan mereka ada anak-anak.

Jadi mungkin daripada ini saya rasa boleh kita anjurkan, sebenarnya JPN sudah ada maklumat ini tetapi sama ada maklumat ini boleh di-*link*, anak-ibu bapa. Kemudian misalnya kalau kita jumpa ibu bapanya, ibu atau bapanya, kita boleh tengok siapa anak-anak dia. Ini mestilah JPN itu mesti *upgrade* dia punya sistem analisis. Saya kadang-kadang suka menengok cerita-cerita Barat yang menunjukkan bagaimana keluarga – ada maklumat keluarga itu *archives*, dia boleh *trace* balik ahli keluarga dia. Jadi kalau kita dapat melakukannya mulai daripada sekarang, mungkin satu dekad atau dua dekad akan datang, kita akan ada kekurangan masalah ini.

Sikap ibu bapa juga perlu dibetulkan, apabila mereka membesarkan anak-anak, mereka selalu melafazkan perkataan “*Esok, kalau kamu lepas itu, tidak apa sudah. I am happy for you*”. Jadi dia tidak menanamkan sikap bahawa tanggungjawab menjaga ibu bapa semasa tua ke atas anak-anak itu sendiri. Jadi sistem pendidikan kita juga mesti boleh mengintegrasikannya ke dalam sistem pendidikan kita. Jadi banyak isu pendidikan, nilai, moral dan sebagainya yang perlu datang daripada LPPKN ini ke dalam sistem pendidikan sekolah kita sama ada Moral atau Agama. Jadi saya harap itu ada NBOS nya di situ di mana perkara ini perlu dimasukkan awal.

Seterusnya, saya ingin menyebut tentang LPPKN - 012100 iaitu mengenai kelahiran anak tidak sah taraf ini. Saya ingin bertanya kepada Menteri, sama ada kita buat kajian latar belakang, kalau kita dapatlah sebab kita ada banyak sebenarnya rumah-rumah perlindungan yang didirikan oleh NCI-NCI, orang-orang yang sukarela ini. Dia ambil anak-anak ini sebab bagi mereka lebih baik dibela ataupun dijaga anak-anak yang telah menjadi mangsa kenafian mereka atau kenakalan mereka ini. Akan tetapi data dengan mereka itu kita tidak kumpulkan. Saya faham tidak semua rumah perlindungan ini mungkin berdaftar dengan kementerian tetapi saya rasa perlu didaftarkan dan kita perlu *keep track* dengan mereka ini kerana kita hendak tengok, kita perlu kaji apa latar belakang mereka. *Is it true*, adakah benar yang mereka ini datang daripada *low social economic group*?

Kalau kita pergi ke rumah-rumah perlindungan itu kita tanya, tidak semestinya. Sesetengahnya datang daripada keluarga yang agak berada dan ibu bapa hanya menghantar mereka di situ bukanlah sangat untuk membantu anak tetapi untuk menutup malu mereka kepada masyarakat bila anak-anak mengandung di luar nikah. Anak-anak ini sangat naif tentang hubungan dengan kaum berasingan jantina ini.

Jadi saya hendak tanya, kita kata kita sudah melakukan pendidikan seksual ataupun pendidikan kesihatan reproduktif di peringkat sekolah? Jadi saya ingin tahu, apakah kajian yang menunjukkan bahawa ia berkesan? Kalau kita sudah melaksanakan satu dekad yang sudah, tetapi kita masih ada masalah-masalah ini, ada budak-budak perempuan, anak-anak lelaki tidak tahu bahawa apabila mereka berhubungan, mereka boleh mengandung. Biasanya yang kena adalah anak-anak perempuan. Anak-anak lelaki *go scot-free*. Jadi kita perlu juga tanam kepada anak lelaki tentang tanggungjawab mereka. Jadi saya tidak tahu sama ada keberkesanan pendidikan kesihatan reproduktif ini sudah dikaji ataupun tidak. *Are we teaching them the right things? Are we telling them the right messages, giving them the right messages?* Sebab mustahil kalau dia kata tidak tahu, dia bersama dengan budak lelaki, dia boleh mengandung. Jadi di mana silapnya sistem pendidikan kita ini?

Mengenai PAWE, yang *last* sekali saya hendak sentuh tentang PAWE, Butiran 031500. Tadi banyak disebut tentang program-program yang disediakan untuk mereka tetapi saya tidak nampak program persiapan untuk ke dunia lagi satu. Kita sudah sampai ke satu tahap umur yang kita tahu kita akan menghadap Illahi. Jadi kasihan kepada orang-orang tua ini kalau mereka duduk di PAWE ataupun dijaga oleh PAWE dan sebagainya tetapi persediaan ini tidak diajak bersama. Saya tidak tahu mungkin ada tetapi nampak saya macam masih lagi *ignorant*, tidak tahu lagi yang mereka ini sebenarnya dalam perjalanan ke satu alam yang kekal, yang *what matters is the next world not this world*. Jadi itulah, saya harap perkara ini diambil kira. Kita boleh beri makan, kita boleh beri perlindungan tetapi apakah bekalan rohaniah mereka untuk menghadap Illahi? Sekian, terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kuala Selangor.

■1710

Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam Malaysia Negaraku.

Saya ingin merujuk kepada Butiran 010600 - Perundangan dan Penguatkuasaan, JKM. Jenayah buli bukanlah satu isu yang asing serta jarang didengar. Hampir setiap tahun ada sahaja kes yang pada hemat saya mendapat perhatian umum melalui laporan media massa. Ini dilihat apabila tingkah laku agresif buli sama ada di dalam bentuk fizikal atau verbal menghasilkan kesan yang amat tidak baik sama ada terhadap individu dan suasana perkembangan minda dan juga emosi. Sebagai contoh Tuan Pengerusi, kes kematian Pegawai Kadet Laut, Zulfarhan Osman Zulkarnain dan seorang remaja lelaki T. Nhaveen akibat dibuli telah mencetuskan pelbagai reaksi khusus dalam kalangan masyarakat negara ini.

Sehubungan dengan itu, saya ingin bertanya dan mungkin saya ingin mencadangkan kepada pihak kementerian mungkin satu Jawatankuasa Khas Anti Buli Kebangsaan dapat diwujudkan sebagai satu mekanisme untuk membendung gejala buli di kalangan masyarakat terutamanya di peringkat sekolah. Saya mencadangkan jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Saya lihat mungkin jawatankuasa ini boleh mengambil citra warna kerjasama Strategi Lautan Biru Kebangsaan

(NBOS) dengan pelbagai kementerian dan agensi lain seperti pihak Kementerian Pendidikan, Kementerian Pendidikan Tinggi, pihak Polis Diraja Malaysia terutama sekali dalam mengumpul data dan maklumat gejala buli di samping melakukan pelbagai langkah intervensi menerusi pelbagai kaedah advokasi kepada mangsa dan pelaku termasuk juga memberi kaunseling dan kepada ibu bapa tentang gejala buli dan peranan mereka dalam membendung masalah ini.

Selain daripada itu, saya juga melihat dalam membendung gejala yang tidak sihat ini terutama sekali di kalangan para pelajar seperti masalah disiplin, gejala sosial, tercicir dalam pelajaran dan sebagainya tidak disabitkan di bawah Akta Mahkamah Juvana 1947. Ini juga saya lihat mungkin sudah sampai masanya mungkin kementerian boleh merujuk dari segi butiran yang saya nyatakan, mungkin diwujudkan sekolah khas ataupun institusi khas sebagai langkah pencegahan terhadap perlakuan gejala negatif di kalangan generasi muda. Mungkin tempoh pemulihan ini boleh diwujudkan selama setahun sebagai satu kaedah penyelenggaraan disiplin yang ketat oleh pihak berkuasa.

Seterusnya, Tuan Pengerusi kepada Butiran 011100 - Kebajikan Produktif, JKM. Umum mengetahui bahawa tempoh selepas bersalin adalah satu tempoh yang sangat tegang yang mana pada hemat saya ibu bapa memerlukan masa yang cukup untuk menyesuaikan diri dengan kekurangan masa tidur, proses penyembuhan selepas bersalin dan sibuk dengan pengurusan anak yang sedia ada.

Pada masa kini saya mendapat maklumat cuti bersalin untuk bapa adalah satu minggu bagi sektor kerajaan. Manakala, bagi sektor swasta pula bergantung kepada syarikat masing-masing. Sehubungan dengan itu, saya secara peribadi menyokong inisiatif pihak kementerian dalam memperjuangkan penambahan cuti bersalin terutamanya kepada golongan bapa. Ya, mungkin dua minggu, mungkin tiga minggu supaya setidaknya pada hemat saya penambahan cuti bersalin ini jangan dilihat sebagai satu keperluan dan bukan berhasrat untuk merugikan organisasi tetapi sebagai satu inisiatif yang berterusan dalam menyumbang kepada peningkatan skor Indeks Kebahagiaan Dunia bagi negara kita.

Ini kerana bila saya melihat kepada indeks ini sebagai contoh, Indeks Kebahagiaan Dunia telah meletakkan Malaysia dalam skor indeks 6.084 sebagai negara ketiga paling bahagia selepas Singapura dan Thailand dan peringkat dunia pula Malaysia tersenarai di tangga ke-42 daripada 155 buah negara yang terlibat. Bayangkan Tuan Pengerusi, kalau bapa diberikan tempoh cuti – bukan cuti bersalin, cuti untuk tempoh yang panjang, cuti bersalin kepada bapa, saya lihat ini akan menambahkan lagi indeks kebahagiaan bagi kaum bapa yang ada di negara kita.

Seterusnya, bagi Butiran 010800 - Kanak-kanak, JKM. Selain daripada itu antara perkara yang membimbangkan saya adalah berkaitan dengan jumlah pembuangan bayi yang dikesan semakin meningkat saban tahun dengan jumlah keseluruhan pada tahun 2013 hingga Jun 2015 adalah 478 kes ditambah pula sehingga bulan Jun tahun ini saya mendapati 59 kes buang bayi telah dilaporkan. Dalam tempoh Januari hingga September yang lalu, sebanyak 11 bayi telah berjaya diselamatkan. Oleh itu, untuk tempoh keseluruhan daripada tahun 2010 hingga bulan September 2017 sebanyak 43 bayi juga telah diselamatkan.

Sejajar dengan itu, saya menyokong usaha pihak kementerian dalam menyediakan *baby hatch* sebagai tempat perlindungan bayi yang rata-ratanya merupakan anak tidak sah taraf. Masyarakat harus sedar bahawa meletakkan bayi di *baby hatch* bukanlah satu perbuatan yang

jenayah sebaliknya ia pada hemat saya merupakan satu kaedah alternatif kepada satu kaedah menyelamatkan bayi tersebut. Penempatan bayi di tempat perlindungan tersebut dapat membolehkan bayi yang dilahirkan dijaga dan dapat diserahkan kepada keluarga angkat yang bersesuaian.

Penyediaan tempat ini tidak bermaksud untuk menggalakkan mereka melakukan perlakuan yang bercanggah dengan tatasusila, moral tetapi bertujuan menyelesaikan masalah sosial yang berat seperti pembuangan bayi yang seterusnya boleh mengakibatkan gejala pembunuhan. Sehubungan dengan itu, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian sehingga hari ini berapa ramai kah anak yang dilindungi di *baby hatch* ini yang telah berjaya diserahkan kepada keluarga angkat?

Tuan Pengerusi, begitu juga sekiranya bayi ini tidak mempunyai keluarga angkat di manakah mereka ditempatkan dan sehingga hari ini usia berapakah pihak kementerian yang akan bertanggungjawab ke atas bayi-bayi ini?

Tuan Pengerusi, seterusnya kepada Butiran 020200 - Penggubalan dan Analisa Dasar dan Penilaian Program. Menyedari hakikat bahawa usaha membentuk emosi dan disiplin pelajar ini harus bermula di peringkat sekolah rendah. Bak kata pepatah, '*melentur buluh biarlah dari rebungnya*'. Saya melihat antara subjek yang penting namun dipandang sepi oleh masyarakat ialah pendidikan sivik dan moral. Saya melihat bahawa pendidikan sivik dan moral merupakan satu medium yang sangat terbaik untuk memupuk keperibadian pelajar yang selama ini merupakan subjek alternatif untuk golongan pelajar bukan Islam, manakala pelajar Islam diajar dengan subjek Pendidikan Islam.

Justeru itu, saya ingin mencadangkan agar subjek Pendidikan Sivik dan Moral mungkin dapat diperkasakan dengan pihak kementerian Yang Berhormat Menteri supaya dengan ada kerjasama NBOS ini kita dapat melahirkan satu silibus pendidikan yang terbaik dalam melahirkan generasi yang sifar gejala sosial.

Seterusnya Tuan Pengerusi, Butiran 031300 – Komuniti. Saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan syabas dan tahniah pada inisiatif Yang Berhormat Menteri melalui sukarelawan *Home Help* yang mana sukarelawan *Home Help* Parlimen Kuala Selangor begitu berdedikasi serta bersemangat dalam menjayakan segala agenda khususnya agenda di peringkat akar umbi iaitu sama ada berkaitan dengan klien yang tertentu tetapi juga kepada masyarakat yang memerlukan bantuan dan juga bimbingan.

Saya juga melihat agar sebagaimana saya telah nyatakan apakah kemungkinan supaya sukarelawan *Home Help* di Parlimen Kuala Selangor ini dapat ditambah lagi kerana begitu banyak permintaan khususnya di peringkat akar umbi khususnya bagi generasi muda dan terutama sekali ibu tunggal yang mereka menyatakan kepada saya mereka hendak menjadi sukarelawan *Home Help*. Saya rasa terharu sangat kerana ibu tunggal di Parlimen saya mereka rata-rata hendak menjadi sukarelawan *Home Help*. Saya fikir tidak boleh ditolak permintaan mereka ini.

Oleh sebab itu saya juga amat berharap agar kadar elaun mereka juga kalau ada keizinan dapat dipertingkatkan kerana pada hemat saya ada kalanya mereka mengorbankan masa, wang dan tenaga dalam merealisasikan hasrat kerajaan terutamanya sebagai mata dan telinga khususnya bagi diri saya sebagai seorang Ahli Parlimen agar tidak ada golongan dipinggirkan daripada menerima bantuan daripada pihak kerajaan.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini bertanyakan tentang status Rumah Warga Emas dalam Parlimen Kuala Selangor semoga amatlah saya harapkan dapat disegerakan. Akhir kata, Kuala Selangor menyokong. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Batu Kawan. Saya ingin mendapat kepastian ramai lagi yang - ya, tujuh minit. Sila

Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: [Bangun]

■1720

5.20 ptg.

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin membangkitkan Butiran 020500 iaitu Pelaksanaan Dasar Sosial Negara. Ini berkaitan dengan beberapa keperluan penggubalan rang undang-undang di sini dan *introduction* (pengenalan) rang undang-undang yang baharu yang berkaitan dengan perlindungan bagi wanita, perlindungan bagi keluarga dan juga untuk kanak-kanak. Tuan Pengerusi, tahun lepas bulan Oktober, kami berasa sangat gembira dengan satu pemberitahuan oleh kementerian bahawa *stalking* dengan izin, akan dimasukkan dalam pindaan kepada *Domestic Violence Act*. Akan tetapi, setakat ini saya tidak nampak lagi *stalking* itu dilabelkan sebagai suatu jenayah di bawah Kanun Keseksaan mahupun di bawah pindaan kepada Akta Keganasan Rumah Tangga.

Buat masa ini, kita lihat banyak kes-kes atau isu-isu yang berkaitan dengan keganasan rumah tangga atau di antara pasangan yang sudah bertunang berpunca daripada gejala *stalking* ini, apabila salah seorang pasangan tidak dapat melepaskan pasangan yang lagi satu. Contoh, mungkin di antara dua pasangan suami isteri yang mengalami masalah rumah tangga, jadi si isteri mohon untuk *emergency protection order*. Akan tetapi walaupun berjauhan dengan suami, tetapi suami sering mengikut si isteri itu di luar tempat beliau bekerja, mengikuti beliau di atas motosikal atau dalam kes-kes yang lebih teruk, menggugat keselamatan dan menyerang mangsa tersebut.

Kita telah lihat banyak kes serangan oleh salah seorang pasangan dalam rumah tangga yang bermasalah ini berpunca daripada perasaan *proprietyship*. Mereka menganggap pasangan itu kepunyaan mereka, harta benda mereka. *So, they start to stalk their victims and as we can see* dalam *Facebook*, media sosial juga kita lihat *stalking is very popular* Tuan Pengerusi. Anak muda remaja yang sedang *the experimenting stage of sexuality*, mereka *stalk* orang-orang yang mereka suka atau mereka *they admire somebody*.

As we, as seen also dengan izin, *so many movies, serial* dan kita lihat *even Malaysian locally produce Malaysian programs* menggalakkan seolah-olah menggalakkan budaya *stalking* ini. Lelaki itu, remaja itu suka dengan budak perempuan, dia akan ikut dia selepas dia balik dari sekolah, tunggu depan rumah dia dengan kawan-kawan, pergi tengok dia main bola jaring atau hoki atau *something*. *Now, this is some form of stalking and it is developed this way. Its start this way and it is normally ends very badly*. Jadi saya harap dalam pelaksanaan Dasar Sosial Negara ini, *stalking* ini akan dijadikan, dianggap sebagai satu jenayah di bawah Kanun Keseksaan ataupun di bawah pindaan kepada Akta Keganasan Rumah Tangga.

Pada masa yang sama, kita lihat sudah masuk 2017, di negara kita masih tiada lagi apa-apa undang-undang yang melindungi mangsa gangguan seksual, dengan izin *sexual harassment* sama ada di tempat kerja ataupun di luar. Kita ada rang undang-undang yang boleh digunakan di

bawah Kanun Keseksaan, tetapi ia tidak khas atau khusus untuk gangguan seksual or *sexual harassment* di tempat kerja.

Saya pasti Tuan Pengerusi pun tahu, ramai daripada Ahli Parlimen juga di sini menjadi mangsa gangguan seksual melalui kata-kata yang tidak sopan atau kurang sopan yang dikeluarkan oleh sesetengah Ahli Parlimen walaupun ada pindaan dalam Peraturan Mesyuarat. Jadi, ini adalah satu budaya yang kita perlu bersama-sama meletakkan pandangan peribadi, pandangan politik ke tepi dan bersama-sama menjenayahkan iaitu *criminalize sexual harassment starting from here in the Dewan Rakyat* supaya kita boleh menjadi contoh untuk wanita dan lelaki yang menjadi mangsa *sexual harassment* ini di luar.

Ketiga, saya ingin bangkitkan di sini adalah pendidikan seks. Setakat ini, kami tidak lihat semua sekolah di Malaysia mempunyai *syllabus* pendidikan seks ini. Jadi, saya harap Yang Berhormat Menteri dapat bersama-sama dengan Kementerian Pendidikan memastikan *syllabus* tersebut mungkin diberikan *cosmetic change*, mungkin tidak digunakan perkataan pendidikan seks. Oleh sebab mungkin orang berpendapat pendidikan seks itu macam mana hendak melahirkan *you know, the whole process of having sex and having children. So, let's talk about like what* Yang Berhormat Kota Raja kata adalah *on your sexual health, on respecting boundaries, on STD and on HIV. So this are important points*, dengan izin Tuan Pengerusi.

Butiran kedua, saya ingin menyentuh Butiran 030900 iaitu Sosioekonomi Kurang Upaya. Walaupun ada peningkatan RM127 juta, tetapi saya ingin tahu bagaimanakah amaun ini disalurkan? Apakah bantuan yang diberikan untuk golongan OKU ini untuk mereka menjalankan perniagaan supaya mereka boleh berdiri atas kaki sendiri? Juga, berapakah pemohon-pemohon bantuan ini daripada Pulau Pinang terutama sekali dari kawasan Parlimen Batu Kawan yang telah mendapat manfaat daripada peruntukan yang akan meningkat ini tahun depan?

Saya juga ingin bangkitkan Butiran 010800 - Kanak-kanak, JKM iaitu mengenai proses mengambil anak angkat. Satu soalan yang saya sering kali ditanya adalah sekiranya bayi yang dihantar atau dihantar kepada *baby hatch* atau *orphan care* ini tidak ada maklumat peribadi ataupun *birth certificate* atau apa-apa nota oleh si ibu atau sesiapa yang menghantar, bagaimana anak ini, bayi ini *determine to be whether the babies is Muslim or non-Muslim*. Ini sebab *logically the identity, the religion of the baby cannot be determine by orphan care*.

You cannot just accept all babies that is coming as Muslim babies. Ini sebab dengan izin Tuan Pengerusi, *there are many adoptive parents which is Chinese adoptive parents out there who come and they disappointed, also India adoptive parent are disappointed because the babies are said to be Muslim and they cannot adopt this babies*. Jadi saya rasa dalam isu seperti ini, agama bayi tersebut janganlah ditetapkan dahulu sekiranya ada dokumen-dokumen yang sah oleh ibu yang menyatakan anak saya ini *is a Muslim baby, I'm a Muslim mother* atau ada salinan sijil kelahiran.

Saya juga ingin membawa mungkin Butiran 01900 iaitu Depoh Simpanan Keperluan Mangsa Bencana. Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Pulau Pinang telah membantu Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan mangsa-mangsa banjir dalam banjir baru-baru ini. Namun, ada sedikit kekurangan yang saya pasti boleh ditambah baik ataupun *to improve the services*. Satu, adalah kami dapat laporan *there is no immediate aid*, Yang Berhormat Menteri. Kami diberitahu bahawa nombor satu, tiada makanan

yang mencukupi untuk mangsa banjir. Kedua, tiada kenderaan atau *there is no access* untuk masuk sebab paras air begitu tinggi.

Jadi, saya harap depoh-depoh simpanan keperluan mangsa bencana seumpama dengan tilam, bantal, tikar atau mungkin makanan juga dibekalkan dengan bot ataupun *some other form of access*. Ini sebab dalam situasi seperti ini walaupun ada makanan, tetapi tiada bot untuk membawa makanan itu keluar. Jadi, saya harap mungkin *there can be a better collaboration* atau tenaga kerja sama bersama dengan semua agensi kerajaan negeri dan Kerajaan Pusat untuk memastikan bahawa bantuan ini sampai kepada mangsa secepat mungkin. Dengan ini, saya ucapkan terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kuala Kangsar.

5.28 ptg.

Datin Mastura binti Tan Sri Dato' Mohd Yazid [Kuala Kangsar]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, saya terus ke Butiran 020200 iaitu Penggubalan dan Analisa Dasar dan Penilaian Program. Saya pertamanya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Berhormat Menteri kerana menghargai banyak aspek untuk wanita di dalam Bajet 2018 ini. Terima kasih juga kerana mengisytiharkan 2018 sebagai tahun memperkasakan wanita. Saya percaya dengan pengumuman ini, ia membuktikan suara wanita Malaysia di dalam semua aspek pembangunan fizikal dan sosial serta rohani ternyata diambil berat oleh kerajaan dan kami wanita Malaysia akan menyambutnya dengan segala tindakan usaha dan kerja kuat dan sokongan untuk negara.

Saya ingin membawa satu usaha dan pendekatan. Pertama, saya ingin menyatakan adakah tepat sekiranya saya katakan kesaksamaan gender adalah diberi kepada lelaki dan wanita supaya diberi peluang sama rata untuk mendapat sumber-sumber negara yang mempunyai nilai-nilai yang sama, mengambil kira perasaan dan sensitiviti tempatan yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan. Saya berpendapat kalau usaha memperkasa ini mahu berjaya, semestinya golongan lelaki adalah pihak rakan kongsi atau rakan bersekutu di dalam perjuangan ini.

■1730

Harus ada pada tahap yang tinggi dan golongan lelaki sama ada di peringkat akar umbi sampai ke peringkat penggubal dasar dan undang-undang supaya struktur budaya dan sosial baru ini dapat kita terjemahkan demi usaha yang murni ini. Ini supaya ia berjaya buat masa ini kesamaan gender hanya tercapai di dalam bidang pendidikan dan kesihatan, tetapi dari segi ekonomi dan politik wanita masih jelas ketinggalan. Memandangkan faktor-faktor ini Tuan Pengerusi, saya mencadangkan usaha memberi kesedaran kepada kedua-dua golongan lelaki baik pun wanita dari alam persekolahan lagi dan di peringkat keluarga perlu dibuat secara agresif dan tersusun.

Golongan lelaki sebagai ketua keluarga harus memahami dan menghayati perkara ini secara total. Semua bentuk media harus diberikan kekuatan ke arah ini dan manfaat-manfaat kesaksamaan gender dan perkongsian harus dijelaskan dan pandangan serta aspirasi-aspirasi TN50 mengenai perkara ini memberi indikasi yang berbeza-beza ketika ini. Saya harap kementerian wajib melibatkan kaum lelaki dalam usaha-usaha dan program-program yang

melibatkan Tahun Memperkasakan Wanita supaya kerjasama ini kelihatan berhasil dari awal demi membantu wanita.

Saya harap juga usaha mengurangkan lagi diskriminasi gender dan memperkasakan wanita dapat menghasilkan tiga perkara secara serentak iaitu:

- (i) pertama ia dilihat melindungi hak asasi manusia golongan wanita;
- (ii) merealisasikan hak kanak-kanak secara serentak; dan
- (iii) lonjakan atau lompatan yang besar harus dibuat merangkumi sikap kita, kelakuan kita, adat kita, undang-undang dan apa sahaja institusi dan amalan dalam masyarakat yang mendiskriminasikan.

Butiran 030800 – Sosioekonomi Keluarga Miskin. Tuan Pengerusi, saya berpendapat pegangan kuat kepada cara hidup lama, kekurangan keyakinan dan kerjasama di antara penduduk miskin dengan agensi-agensi dan taraf pendidikan yang rendah tidak membantu.

Saya mohon kepada kementerian selain dari mengguna Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) semasa untuk menentukan kelayakan, saya mohon supaya kajian dan penambahbaikan ke atas kekurangan, keyakinan dan kerjasama di antara golongan miskin dengan agensi-agensi dibuat. Mungkin berbeza-beza mengikut tempat Tuan Pengerusi. Saya ingin bertanya kepada kementerian, berapa kali setahunkah senarai atau sistem eKasih ini dikaji semula? Dan bagaimanakah kes-kes keciciran ini dihalang daripada berlaku? Saya mohon kementerian juga nyatakan apakah *success rate* pendaftaran terbuka yang dijalankan oleh JKM di mana orang awam boleh melaporkan dan mendaftarkan warga yang dirasakan miskin.

Saya perhatikan eKasih ini tidak 100 peratus sempurna kerana ada ramai lagi warga yang jelas miskin tetapi dianggap tidak layak disenaraikan di dalam eKasih. Contohnya seorang warga tua yang mempunyai anak lelaki yang berjaya tetapi anaknya langsung tidak membantu atau meninggalkan ibunya begitu sahaja tanpa di endah sepanjang tahun. Jelas ibu ini tidak mampu, warga tua yang jelas miskin. Saya mohon kepada Menteri supaya mengkaji syarat-syarat ini supaya kes-kes ini harus dilihat secara subjektif dan diambil kira semua keadaan dan keperluan dan ditimbang tara oleh pegawai JKM supaya siapa yang perlu dibantu wajib dibantu.

Butiran seterusnya 011600 – Perancangan Pembangunan Wanita, JPW. Saya ingin mencadangkan supaya mungkin di Kuala Kangsar boleh dijadikan satu program perintis iaitu mengadakan kontena-kontena yang diubahsuai menjadi tempat aktiviti wanita Yang Berhormat Menteri dan ada satu tempat pengumpulan di sebelah bandar. Saya rasa kalau kaedah ini dibuat ia murah dan cepat dan kita boleh panggil nama ini Tempat Kami yang ada *connotation* kebanggaan *and sense of belonging* dengan izin. Wanita seperti kita sedia tahu daya kerja sebagai satu kumpulan adalah satu kaedah yang amat membantu kaum wanita melaksanakan apa sahaja tugas.

Akhir sekali Butiran 040500 – Program Pengarah Wanita (NIEW). Saya mohon supaya kementerian nyatakan apakah kriteria-kriteria melantik wanita-wanita sebagai Ahli Lembaga Pengarah ke GLC dan GLIC sempena Tahun Memperkasakan Wanita 2018 ini. Saya mohon juga kementerian adakah kementerian bercadang mengembangkan wanita-wanita sebagai pengerusi-pengerusi GLC dan juga CEO-CEO syarikat yang telah disenaraikan dan juga GLC-GLC. Saya mohon pemantauan yang ketat juga harus dibuat supaya jangan ada pelanggaran kepada usaha ini dan apa pandangan kementerian supaya syarikat-syarikat ini diberikan insentif-insentif

percukaian dan insentif-insentif peluang dari kerajaan sekiranya syarikat-syarikat ini akur dengan usaha kerajaan dengan cemerlang. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kapar.

5.35 ptg.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya masuk terus kepada Butiran pertama 010800 – Kanak-kanak, JKM. Saya ingin mendapat maklum balas daripada Yang Berhormat Menteri mengenai statistik pelajar-pelajar di sekolah yang terlibat dalam jenayah dan juga gengsterisme. Selain itu kita juga ambil maklum bahawa ramai juga kanak-kanak yang sekarang ini terpinggir daripada meneruskan pendidikan mereka di sekolah. So, saya ingin mendapatkan statistik sekiranya Yang Berhormat Menteri dan kementerian mempunyai untuk tahun ini.

Selaras dengan itu apakah juga dana yang diperuntukkan untuk butiran ini akan digunakan untuk kanak-kanak khususnya kepada yang terpinggir, khususnya yang mempunyai masalah-masalah sosial dan sebagainya. Kedua, butiran seterusnya adalah Butiran 010900 – Warga Emas, JKM. Saya juga menyahut keterbukaan Yang Berhormat Menteri untuk membawa akta baru di dalam Dewan ini yang kita masih sedang bahas. Terima kasih kerana memberi perhatian khusus kepada warga tua. Namun begitu, selain daripada akta yang kita akan gubal dan luluskan tak lama lagi, untuk jangka masa panjang apakah pendekatan kementerian untuk melahirkan warga emas yang mempunyai jiwa *independent*, berdikari.

Saya selalu bawa contoh dan saya selalu bandingkan dengan negara Singapura di mana kita dapati warga emas di Singapura sentiasa dibekalkan dengan satu cara hidup yang *independent*. Selepas 60 tahun daripada rumah keluar pergi *shopping* balik ke rumah, mereka lakukan secara *independent*. Mereka tidak bergantung kepada anak-anak mereka kerana anak-anak mereka sudah mempunyai rumah tangga masing-masing. So, apakah hasrat dalam jangka masa yang panjang perancangan kementerian untuk melahirkan satu generasi warga tua yang sedemikian. Seterusnya Butiran 011000 – Kurang Upaya, JKM. Ini sama juga Yang Berhormat Menteri saya boleh gabungkan dengan apa yang saya hujah untuk warga emas.

Untuk yang kurang upaya ini pun di negara-negara yang lebih maju kita dapati mereka hidup secara *independent*. Mereka tidak bergantung mereka boleh melakukan kegiatan mereka secara sendiri, mereka diberi keutamaan dalam ruang perniagaan dan juga pengusahaan. Apakah dana-dana yang diperuntukkan ini, ada tak kita juga salurkan kepada mereka atau memberi mereka satu ruang dan peluang untuk mereka hidup secara berdikari.

Seterusnya Yang Berhormat Menteri dan Tuan Pengerusi, saya masuk kepada Butiran 011600 – Perancangan Pembangunan Wanita, JPW. Saya ada tiga soalan kecil di bahagian ini. Pertama ialah mengenai MANIS yang baru diperkenalkan oleh Yang Berhormat Menteri iaitu Sistem Maklumat Nasional Isu-isu Sosial. Ini adalah satu portal dan wanita sekarang sedang menggunakan pembangunan portal untuk membawa isu-isu masalah sosial kepada kumpulan sasaran dan masyarakat luar bandar.

Akan tetapi bagaimana portal ini ataupun MANIS ini boleh membantu membawa satu perangkaan statistik data kepada kementerian terutamanya dari kumpulan-kumpulan sasaran yang

menetap di luar bandar, khususnya kampung dan estet. Sebab portal ini boleh untuk masyarakat bandar tetapi dari sudut kampung dan estet kerana kita masih ada lagi masalah-masalah sosial di kampung dan estet di kawasan-kawasan luar bandar dan sebagainya.

■1740

Bagaimana MANIS ini akan membantu. Kedua ialah berkenaan dengan ibu bapa tunggal, ibu atau ayah tunggal, tidak ada apa-apa bantuan ataupun dasar di kementerian untuk membantu mereka secara khusus. Kita ada bantuan-bantuan sampingan, akan tetapi tiada butiran secara khusus kepada ibu atau ayah tunggal, khususnya selepas suami atau isteri telah meninggalkan anak ini, salah satu ibu bapa menjaga khususnya kita perlu berikan bantuan untuk enam bulan yang pertama, setahun yang pertama. Sekurang-kurangnya untuk ibu dan ayah tunggal tersebut *settle down*. So, apakah ada apa-apa perancangan di peringkat kementerian. Ketiga adalah berkenaan dengan kes keganasan rumah tangga. Kita mendapati kes keganasan rumah tangga masih berleluasa walaupun banyak pendekatan telah dibawa oleh Yang Berhormat Menteri dan Timbalan Menteri. Yang Berhormat Menteri sendiri telah mengakui bahawa kes-kes keganasan masih berlaku dalam masyarakat dan harus ada kempen yang lebih agresif.

Adakah Yang Berhormat Menteri telah merancang apakah kempen-kempen yang agresif yang telah dibawa untuk membantu menyelesaikan atau mengurangkan kes-kes masalah keganasan rumah tangga ini? Selain daripada itu, saya juga ingin mendapatkan statistik daripada Yang Berhormat Menteri berkenaan keganasan rumah tangga ini untuk tahun 2015, tahun 2016 dan tahun 2017 sehingga bulan November untuk kita membuat perbandingan.

Seterusnya Butiran 020400 – Hubungan Antarabangsa. Saya mendapati untuk kod 20000, berlaku satu pengurangan yang drastik iaitu RM2.8 juta kepada RM67,000 sahaja daripada tahun lepas kepada tahun ini. Bagaimanakah ini boleh berlaku dan apakah yang menyebabkan berlaku satu pengurangan yang drastik?

Seterusnya berkenaan dengan Butiran 030300 dan Butiran 030500 – ini adalah Institusi Kanak-kanak dan Wang Saku Institusi Kanak-kanak. Saya hendak gabungkan dua-dua dan saya ingin tahu berapa ramai kanak-kanak yang menjadi ataupun manfaat daripada butiran ini dan bagaimana kita – Faktor-faktor yang meluluskan mereka menjadi kanak-kanak yang menerima bantuan ini? Bilangan dan juga faktor-faktornya.

Terakhir sekali, Tuan Pengerusi, Butiran 031400 – Membanteras Perdagangan Orang. Di sini kita ada perkhidmatan dan perbekalan kod objek 2000 ini meningkat daripada RM2.7 juta kepada RM4.1 juta. Saya menghargai bahagian ini sebab ini adalah salah satu isu yang selalunya kita terlepas pandang. Apakah cadangan dan perancangan Yang Berhormat Menteri untuk membanteras pemerdagangan orang? Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Tasek Gelugor.

5.43 ptg.

Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Butiran 010100 – di mana dalam hal ini saya ingin bincangkan sedikit tentang isu pengurusan banjir yang berlaku di Pulau Pinang baru-baru ini. Jadi saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, apakah semua pusat-pusat banjir yang diwujudkan pada ketika

banjir tersebut telah diwartakan? Hal ini disebabkan ada pusat-pusat banjir yang dibuka secara kecil-kecilan, contohnya, seperti di surau ataupun di tempat-tempat tertentu yang ia bukan merupakan bangunan sekolah ataupun pusat penempatan banjir dan sebagainya.

Jadi kalau pendaftaran ataupun pewartaan itu hanya dibuat di tempat-tempat tertentu yang *official* jadi mungkin kita ada sedikit masalah di mana pusat-pusat pemindahan yang kecil-kecil seperti surau dan sebagainya. Mangsa-mangsa yang ditempatkan di situ mungkin terkecuali daripada pembelaan. Jadi mohon Yang Berhormat Menteri memberikan penjelasan. Kedua, berkenaan dengan pembekalan barangan-barangan apabila berlakunya malapetaka ataupun banjir, biasanya Jabatan Kebajikan Masyarakat akan menghantar bantuan bekalan, baik makanan bermasak ataupun makanan barang-barang keperluan harian melalui ejen-ejen yang dilantik oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat. Cuma, saya hendak tahu di sini, bagaimanakah proses ejen-ejen itu dilantik dan adakah mereka daripada kalangan yang berkeupayaan untuk melaksanakan tugas tersebut?

Ini memandangkan semasa banjir tersebut, saya difahamkan di kawasan saya, ejen itu adalah terdiri daripada Ahli-ahli Politik juga daripada penyelaras DUN di negeri dan sebagainya. Kalau kita melihat dari segi latar belakang mereka tidak ada pengalaman pun untuk membekalkan makanan bermasak dan sebagainya, menyebabkan bekalan pada masa tersebut sebagai mana kata Yang Berhormat Batu Kawan tadi ada yang tidak sampai pada masanya, ataupun tidak mencukupi dan sebagainya.

Jadi saya mengharapkan kalaulah benar pelantikan ejen-ejen ini tidak berimbang ataupun tidak mengikut peraturan, saya harapkan perkara ini dapat diperbetulkan dan kalau boleh kita melantik ejen-ejen untuk seterusnya ini secara lebih berprosedur dan berperaturan tanpa mengira latar belakang politik sebaliknya mengira tentang pengalaman dan keupayaan serta kebolehan mereka untuk menjadi ejen-ejen pembekal kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Kemudian, saya ingin merujuk kepada Butiran 011600 dan juga Butiran 011700 – berkenaan dengan Perancangan Pembangunan Wanita dan juga Penyelarasan Pemantauan dan Penilaian Jabatan Pembangunan Wanita. Dalam hal ini, kalau kita melihat kementerian yang bertanggungjawab kepada pembangunan wanita adalah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat yang sebagaimana kita dapati sekarang.

Akan tetapi dalam urusan membangunkan wanita, kalau kita melihat banyak sangat agensi daripada kementerian-kementerian lain juga seperti di bawah KKLW dan beberapa agensi-agensi lain seperti MARA, FELCRA dan sebagainya. Dalam hal ini, setiap agensi mempunyai laporan dan indikator masing-masing berkenaan dengan pembangunan wanita yang telah pun mereka rancang dan mereka laksanakan. Dalam pada masa yang sama, Kementerian Pembangunan Wanita juga membuat penilaian atau *assessment* tentang pembangunan wanita dalam aspek yang sama. Jadi, dalam hal ini saya ingin mendapatkan satu penjelasanlah daripada Menteri, apakah indikator ataupun kaedah yang digunakan untuk kita mengukur tentang pembangunan wanita dari segi penglibatan dalam bidang pembangunan ekonomi, pembangunan sosial, perjawatan dan sebagainya. Bagaimanakah ia diselaraskan supaya kita mendapat laporan yang satu? Tidakkah laporan yang pelbagai. Jadi ini perlu kepada satu penjelasan.

Merujuk kepada Butiran 020300 – iaitu Pengurusan Sumber Manusia. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk memuji Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan

Masyarakat khususnya Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) - memang tugas yang dibuat oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat ini memang terbaiklah. Memang alhamdulillah, maknanya sentiasa sampai ke masyarakat. Akan tetapi kita juga sedia maklum bahawa masyarakat ini ramai. Akan tetapi kakitangan JKM ini sedikit. Jadi saya kadang-kadang terasa kesian jugalah terutama sekali masa banjir baru-baru ini, kita dapat lihat walaupun tenaga pegawai kakitangan JKM dikerah dari negeri-negeri lain juga, seperti dari Perak, dari Wilayah untuk datang membantu Pulau Pinang.

Namun begitu, pegawai-pegawai masih belum, tidak mencukupi untuk *handle* malapetaka yang begitu besar. Jadi, dalam hal ini, bukan sahaja pada waktu banjir, tetapi pada waktu-waktu biasa pun semasa kita memberikan khidmat kepada masyarakat seperti menyantuni orang tua-tua, menyantuni orang sakit dan sebagainya, pegawai daripada JKM amatlah terhad. Kita amat faham. Kadang-kadang macam saya di Seberang Perai ya, Seberang Perai Utara, di situ ada tiga kawasan Parlimen. Akan tetapi pegawai kebajikannya seorang, pembantunya hanya ada dua, tiga orang sahaja macam itu hendak *handle* ketiga-tiga Parlimen, saya rasa memang satu perkara yang amat berat. Kita buat program pada setiap hujung minggu, Jumaat, Sabtu dan Ahad. Pegawai yang berkenaan jugalah yang terpaksa pergi membuat servis di tiga-tiga kawasan Parlimen.

■1750

Jadi, saya rasa jumlah mereka amat terlalu sedikit dan ini boleh menjejaskan *delivery system* dalam JKM. Jadi, dalam hal ini saya mohonlah supaya pihak kementerian dapat memberikan tambahan kakitangan, terutama sekali di kawasan Seberang Perai Utara dan kawasan Parlimen Tasek Gelugor, contohnya. Untuk memberikan satu *delivery system* kerajaan yang terbaik dan sempurna. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Pengkalan Chepa.

5.50 ptg.

Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin ke Butiran 010000 – Kesejahteraan Wanita, Keluarga dan Masyarakat; dengan Butiran kecil 010200 – Perancangan dan Pembangunan; Butiran 010800 – Kanak-kanak, JKM. Tuan Pengerusi, kita lihat sekarang ini masalah ponteng, masalah vandalisme, buli, curi dari rumah, seks bebas, dadah dan pelbagai masalah-masalah sosial ini adalah merupakan suatu *end product*, dengan izin. Kumpulan ini juga nantinya akan mempengaruhi kumpulan-kumpulan yang lain. Ini tidak lain melainkan di atas keruntuhan institusi keluarga itu sendiri. Statistik yang kita melihat bahawa penceraian di negara kita agak tinggi iaitu saya tengok *overall* kadar penceraian lebih kurang 50,000 setahun. Ertinya, sebelum pada penceraian ini pastinya konflik dalam rumah tangga itu telah berlaku sekian lama. Konflik yang berakhir dengan penceraian, kita lihat lebih kurang 50,000 setahun. Konflik yang tidak berakhir dengan penceraian yang menyebabkan keadaan rumah tangga bergolak sehingga membawa kepada kesan-kesan tadi, amat serius.

Kita juga tahu bahawa punca-punca kepada konflik ini ialah masalah pasangan-pasangan muda yang kadangnya tidak bersedia untuk mendapat anak ataupun tidak bersedia—kurang pengetahuan dengan tanggungjawab sebagai seorang suami ataupun tanggungjawab sebagai seorang isteri. Selain daripada masalah komunikasi, masalah agama dan sebagainya. Ertinya, semua yang membawa kepada permasalahan yang akan ditangani oleh PDRM dan sebagainya

ialah berpunca daripada pembangunan keluarga itu sendiri. Jadi, oleh yang demikian, saya ingin bertanya, apakah program-program yang dibuat secara spesifiknya? Apakah program ini kita boleh *cover* seramai mana? Berapa kah peratusan kejayaan terhadap program-program yang jabatan ini lakukan?

Kedua, apakah kita boleh mempertimbangkan bahawa kursus-kursus perkahwinan ataupun *elective courses* di pengajian-pengajian tinggi sebagai satu persiapan untuk pasangan-pasangan muda, selain daripada program-program yang telah diadakan oleh jabatan ini untuk menambah baik, misalnya untuk menambahkan pendapatan dan sebagainya. Itu satu yang saya ingin mendapat penjelasan. Ketiga, masalah kerajaan menua yang kita lihat pada statistik juga bahawa umur perkahwinan sekarang menjadi terlalu lewat. Sekarang saya rasa statistiknya lebih kurang umur 27 tahun bagi lelaki dan 26 tahun lebih bagi perempuan. Ini bagi perempuan, umur yang lebih daripada 25 tahun, kita tahu kesuburan dia makin mengurang dan seterusnya akan dalam tempoh yang sedikit itu sudah tentulah tidak mendapat anak yang ramai. Ini juga menyukarkan untuk menjaga mereka di hari tua nanti.

Mengenai banjir. Saya kira ramai juga memberi pandangan mengenai kekurangan anggota JKM itu sendiri yang membawa kepada *delivery* yang kurang sempurna. Maka, saya ingin mendapat pandangan jabatan. Apakah dalam keadaan *disaster*, dalam keadaan bencana seperti yang berlaku di Pulau Pinang baru ini, seperti juga yang berlaku di Kelantan pada 2014 dulu. Apabila berlaku keadaan yang sedemikian, sudah pasti bahawa pegawai-pegawai daripada JKM tidak mampu untuk menangani dan juga menghantar bantuan ke pusat-pusat. Saya pernah mengalami di kawasan Pengkalan Chepa sendiri bahawa pembukaan pusat-pusat pemindahan sampai satu hari tidak dapat bekalan makanan dan sebagainya. Apakah dalam keadaan begini, kementerian boleh memberi sedikit kelonggaran kepada Ahli-ahli Parlimen misalnya, untuk mendapatkan bantuan segera dan juga boleh menghantar *claim* kepada Parlimen dengan syarat-syarat tertentu untuk memudahkan atau untuk mengatasi masalah-masalah yang sedemikian. Saya rasa itu sahaja Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Jerantut.

5.55 ptg.

Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: Terima kasih Tuan Pengerusi, memberikan ruang kepada saya untuk bersama dalam membahaskan bajet Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Saya merakamkan setinggi penghargaan tahniah, terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana terus meraikan mereka yang memerlukan bantuan, terutamanya dari segi kebajikan.

Saya terus pergi kepada Butiran 010000 – Kesejahteraan Wanita, Keluarga dan Masyarakat; di bawah Butiran kecil 010600 – Perundangan dan Penguatkuasaan, JKM. Tuan Pengerusi, kita dapati akhir-akhir ini telah bertambah bilangan pengemis asing di Malaysia ini. Kita dapat dengar juga bahawa ada di antara pengemis asing ini boleh tidur di hotel tiga bintang, misalnya. Ada juga di antara mereka ini yang mempunyai simpanan sebanyak RM5,000 kita difahamkan. Jadi, apakah dari segi perundangannya kita gagal melaksanakan undang-undang terhadap mereka? Atau mereka ini kebal dari segi undang-undang? Ini kerana kita perhatikan

kebanyakan mereka ini beroperasi di waktu luar waktu pejabat. Apabila habis waktu pejabat, bergerak ke tengah malam, aktiviti mereka ini bergerak semakin aktif. Jadi, saya minta pihak kementerian melalui NBOS dan sebagainya, untuk kita terus memerangi kumpulan ini supaya ia tidak mencemarkan imej negara kita.

Saya tidak nafikan usaha-usaha yang telah dibuat oleh pegawai-pegawai di Kebajikan Masyarakat ini, hendak menyalahkan kakitangan kita pun tidak sepatutnya. Akan tetapi kita berharap agar imej yang ada ini tidak menambahkan lagi tohmahan terhadap kakitangan kita yang sememangnya menjalankan tugas dengan baik. Akan tetapi kerja-kerja begini kadang-kadang di luar kemampuan mereka. Jadi, mungkin melalui NBOS, kita boleh mengurangkan kalau tidak menghapuskannya.

Juga di bawah Butiran 010800 – Kanak-kanak, JKM. Kita dapati juga masih lagi ramai kanak-kanak ini diperalatkan dalam meminta sedekah ini. Melalui aktiviti seolah-olah macam jualan. Ini juga mereka aktif di luar waktu pejabat, termasuk di kedai-kedai makan dan sebagainya. Ini kadang-kadang meresahkan pelanggan. Ada juga di antara kanak-kanak yang diperalatkan ini merupakan warga tempatan. Jadi, kita mengharapkan, saya mengharapkan agar mereka yang memperalatkan sama ada pendatang asing, sama ada kanak-kanak ini, kita mengambil tindakan yang tegas. Kalau perlu kita buat pindaan undang-undang kepada tindakan yang lebih keras untuk kita ambil pada mereka ini bagi membanteras gejala mereka yang melihat Malaysia ini sebagai lubang dalam mencari kekayaan melalui keprihatinan atau murah hatinya rakyat Malaysia ini dalam melihat orang-orang yang susah, hendak bagi sedekah. Jadi, kita tidak mahu aktiviti ini berleluasa di Malaysia kerana kemurahan hati rakyat di Malaysia ini.

Tuan Pengerusi, saya hendak terus kepada Butiran 030000 – Program Khusus. Saya juga hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, Butiran 030800 – Sosioekonomi Keluarga Miskin. Saya bersetuju tadi dengan Yang Berhormat rakan saya, Yang Berhormat Kuala Kangsar, kena melihat semula apakah kriteria dalam menentukan garis panduan untuk menentukan keluarga miskin ini? Ini kerana kedapatan juga ada keluarga-keluarga miskin yang pada pandangan kami ini dia layak tetapi tercicir dalam senarai ini. Apakah boleh kita mencadangkan mereka yang kita anggap keluarga miskin, yang perlu dibantu dan pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat mengambil kira cadangan dan sokongan daripada pihak-pihak yang selain daripada pegawai-pegawai yang telah ditentukan atau mereka yang telah ditentukan untuk menilai keluarga-keluarga yang boleh dimasukkan dalam e-Kasih ini.

■1800

Tuan Pengerusi, saya hendak melihat kepada Butiran 031000 – Sosioekonomi Warga Emas. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah kriteria yang membolehkan warga emas ini mendapat bantuan? Ini kerana ada di antara warga emas ini— apabila saya berjalan di kawasan— apabila warga emas ada anak lelaki sahaja, maka ini antara faktor yang mereka tidak dapat bantuan. Sedangkan, anak lelaki ini— mungkinlah kita rasa anak lelaki ini boleh dipertanggungjawabkan untuk menjaga orang tua mereka tetapi kadang-kadang terdapat juga anak-anak lelaki yang ada ini pun hidup dalam keadaan susah ataupun mereka ini mungkin pesara kerajaan yang daripada bergaji rendah mungkin tidak mampu untuk menyara keluarganya dan keluarga kedua-dua ibu bapanya secara lebih baik.

Jadi, kalau boleh, mereka yang ada anak lelaki ini pun kita dapat berikan bantuan. Walaupun ada anak lelaki, tetapi kalau mereka ini benar-benar susah, kita boleh berikan pertimbangan supaya mereka ini tidak terbiar ataupun kebajikan mereka ini dapat sama-sama kita jaga.

Seperkara lagi ialah Butiran 031400 – Membanteras Pemerdagangan Orang. Tadi saya ada sebutkan di bawah Butiran 010000 iaitu adanya kemungkinan sindiket yang mengatur warga asing untuk menjadi pengemis. Mungkin ada juga sindiket yang mengatur kanak-kanak kita untuk terlibat dalam aktiviti mengemis ini kerana mereka mendapat keuntungan. Jadi apakah orang-orang seperti ini boleh kita kategorikan dia dalam memperdagangkan orang? Atau kita boleh kaitkan dengan mana-mana perundangan lain dengan syarat, dengan tujuan untuk mencegah perbuatan mereka supaya aktiviti mereka ini dapat kita sekat daripada terus berleluasa.

Jadi, Tuan Pengerusi, saya menyokong. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Rasah. Selepas Yang Berhormat Rasah, Yang Berhormat Batu Pahat, Yang Berhormat Menteri jawab. Ya.

6.02 ptg.

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, saya terus merujuk kepada Butiran 010100 – Pengurusan JKM, Butiran 010400 – Pentadbiran Negeri dan Daerah, JKM.

Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, sebenarnya apakah SOP untuk mengendalikan bantuan untuk mereka yang menghadapi banjir? Sebab, baru-baru ini, iaitu 10 November, banjir yang agak teruk telah pun berlaku di Seremban. Saya dimaklumkan melebihi 200 keluarga terjejas iaitu yang bertempat di Mutiara Gala, Jasper Jaya dan sebagainya dan juga di sekitar bandar Seremban. Akan tetapi, apa yang saya difahamkan sehingga hari ini, masih lagi tiada sebarang bantuan daripada pihak JKM kepada mangsa-mangsa banjir.

Jadi dalam perkara ini, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, sebenarnya apakah SOP? Katakan selepas banjir, ini mangsa perlu membuat laporan polis. Selepas itu, laporan polis tersebut perlu di-*submit*-kan kepada pihak JKM. Saya mohon penjelasan daripada pihak JKM. Juga, apakah tindakan yang telah pun diambil oleh pihak JKM Negeri Sembilan untuk menyelesaikan ataupun untuk menurunkan bantuan ini kepada mangsa-mangsa yang terjejas?

Seterusnya, Butiran 010900 – Warga Emas, JKM, Butiran 010800 – Kanak-kanak, JKM dan juga Butiran 011000 – Kurang Upaya, JKM. Di sini saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, sebenarnya apa yang saya faham iaitu untuk mereka yang layak menerima bantuan kebajikan, syarat terkini adalah pendapatan seisi rumah keluarganya tidak melebihi RM780. Jadi, untuk syarat ini, saya rasa kemungkinan besar ia telah pun lebih kurang ketinggalan zaman di mana sebenarnya sekarang kos sara hidup semakin meningkat. Adakah pihak kementerian bercadang untuk meningkatkan syarat ini sekurang-kurangnya meningkat kepada RM1,200?

Ini kerana saya difahamkan untuk warga emas, kebanyakan daripada mereka— mereka mengadu kepada saya— mereka mengatakan bahawa cuma ada seorang suami di mana suami merupakan seorang yang pencen dulunya sebagai penjawat awam, dan pada hakikatnya, sumber

pendapatannya, dia cuma bergantung kepada pencen tersebut. Memang agak susah untuk mereka untuk hidup.

Kedua, untuk orang kurang upaya, saya juga mendapat *feedback* daripada kawan-kawan OKU di mana— sebenarnya kita memang amat mengalu-alukan pihak kerajaan menggalakkan supaya warga OKU kita boleh terus bekerja dan terus menyumbang kepada masyarakat. Cuma, saya terima sedikit rintihan daripada kawan-kawan OKU di mana mereka mengadu walaupun mereka OKU, mereka masih bekerja, cuma ketika mereka ingin memohon bantuan kewangan daripada JKM, mereka menghadapi sedikit masalah di mana pihak JKM kebiasaannya akan memberi jawapan kepada mereka sebab mereka telah mendapat melebihi RM780 *income* sebulan. Jadi, mereka gagal untuk mendapatkan bantuan tambahan. Untuk perkara ini, saya ingin merayu kepada pihak kementerian supaya mengambil kira kedudukan ekonomi sekarang dan cuba bantu mereka khususnya kepada OKU walaupun mereka kurang upaya tetapi mereka masih ingin hendak bekerja untuk menyara hidup keluarga mereka.

Akhir sekali adalah Butiran 031300 – Komuniti. Untuk komuniti ini, saya cuma tanya sebab saya lihat ada banyak pusat jagaan kanak-kanak dan juga pusat jagaan warga emas telah pun ditubuhkan di merata tempat. Di Seremban pun sama, kita ada banyak. Kebanyakan daripada pusat jagaan ini, ia ditubuhkan oleh NGO ataupun persatuan-persatuan agama.

Dalam perkara ini, saya ingin bertanya pihak kementerian— sebab bagi saya, saya lihat penubuhan-penubuhan pusat jagaan ini, ia sebenarnya ia mendapat sedikit sebanyak mengurangkan beban kerajaan di dalam mengendalikan isu kebajikan kanak-kanak ataupun warga emas. Dalam isu NGO yang menubuhkan pusat jagaan kanak-kanak ataupun warga emas, apakah peruntukan ataupun bantuan secara sistematik dapat diturunkan kepada mereka? Memandangkan mereka membantu kerajaan untuk menyelesaikan masalah kebajikan ini, saya rasa adalah lebih wajar bagi pihak kerajaan supaya memastikan setiap pusat jagaan yang *non-profit* boleh menerima sedikit sebanyak bantuan daripada pihak kerajaan.

Sekian, perbincangan saya. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Batu Pahat.

6.08 ptg.

Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Menteri. Saya hanya hendak menyentuh beberapa hal khususnya yang berkaitan dengan Butiran 012100 – LPPKN dan yang berkaitan juga dengan itu, Butiran 00300 – Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara.

Pada hemat saya, Tuan Pengerusi, kementerian ini sebenarnya sangat penting dari segi menentukan pembangunan wanita, keluarga dan masyarakat terbangun mengikut landasan. Saya menganggap institusi *family* itu sebagai institusi yang sangat penting. Ia merupakan pusat pertama pendidikan anak-anak. Di situ, anak-anak mula mengenal dunia. Bagaimana wajah anak-anak masa depan ini ditentukan sebenarnya atau sangat besar dipengaruhi oleh wajah ibu dan bapa yang menerima kedatangan mereka di dunia ini.

Saya ingin menanyakan kepada Yang Berhormat Menteri, apakah persiapan-persiapan khususnya dari segi latihan kelompok sasaran yang ditujukan, isi kandungan dan kurikulum yang

disediakan dan metodologi yang digunakan untuk memastikan, pertamanya, pasangan-pasangan yang baru hendak mendirikan rumah tangga, mereka dipersiapkan untuk menjadi ibu dan bapa yang ada wajah ibu dan bapa?

■1810

Saya selalu secara gurau-gurau dalam *training* saya Yang Berhormat Menteri dan Tuan Pengerusi, bila anak-anak ini besar sedikit dan ibu dan bapa balik ke rumah, mereka seronok kerana mereka dapat merasakan mak balik rumah dan mereka bersorak "*Mak balik hey, mak balik hey*". Dia tidak kata "*Hah! Jaga, rimau betina balik*". Jadi apakah *training* yang dilaksanakan, latihan yang dilaksanakan, yang disediakan untuk menentukan bahawa ayah dan ibu mempunyai wajah, mempunyai ilmu, mempunyai kemahiran, mempunyai komitmen dan kesungguhan sebagai ayah dan ibu yang bertanggungjawab.

Kalau kita dapat mengintegrasikan pendidikan awal di peringkat keluarga, digabungkan dengan pendidikan sekolah yang prasekolah dan sekolah rendah, sekolah menengah kemudian digabungkan dengan pelaksanaan tanggungjawab masyarakat setempat, komuniti setempat, saya fikir anak-anak kita tidak terjadi seperti yang ada sekarang. Apakah kaedah pendekatan yang digunakan dalam latihan daripada segi menentukan cakupan latihan itu seluas mungkin? Apakah ada latihan-latihan jurulatih dibuat yang berasaskan institusi dan organisasi, *organizational and institution base*. Maksud saya misalnya kalau ada organisasi macam TNB, mereka ada pusat latihan.

Kalau dalam latihan kekeluargaan itu ada tidak latihan *training of trainers* untuk TNB sendiri yang dikendalikan oleh LPPKN kemudian dibawahkan kepada mereka, *quality control* dikawal oleh LPPKN. Saya fikir kalau pendekatan *institutional and organizational* seperti ini, *then* dia akan meluas. Semasa saya sebagai Timbalan Ketua Pengarah BTN dahulu, kita ada Program Jaya Waris yang sebenarnya dilancarkan oleh Perdana Menteri pada masa itu dan kita laksanakan pendekatan latihan yang demikian. Maknanya kurikulumnya, *trainers* nya dilatih selain yang bersifat umum iaitu yang berpusat kepada di BTN tetapi juga ada jurulatih-jurulatih yang kita latih berdasarkan organisasi dan institusi. Itu yang pertama, Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Menteri.

Perkara yang kedua, saya juga hendak bincangkan atau tanyakan tentang warga tua, warga emas. Apakah persiapan untuk menjadikan warga emas ini bermanfaat dalam zaman tuanya mengambil kira pengalaman mereka, *wisdom* dan kebijaksanaan mereka supaya mereka tidaklah terasing. Saya tadi diingatkan oleh salah seorang daripada teman Yang Berhormat kita yang menyebutkan tentang barangkali bagaimana anak-anak dipersiapkan. Ini selalu disebutkan di kalangan bapa-bapa dan ibu. Kami boleh melahirkan, mendidik anak 11 orang tetapi anak yang 11 ini belum tentu dapat melihat dan mendidik masa depan, membimbing masa depan ayah dan ibu mereka.

Jadi, bagaimana satu pendekatan holistik supaya *the whole family*, supaya keluarga besar itu, bapa, datuk, nenek, anak, cucu, cicit dalam satu keluarga besar yang tidak terpisah. Jadi barangkali kita kena kurangkan sikit tentang konsep rumah orang tua ini tetapi kalau kita boleh jadikan satu konsep keluarga besar yang dilihat sebagai satu *family* yang membesar dalam keadaan di mana semua dapat berperanan dalam posisi masing-masing.

Tuan Pengerusi, sebenarnya kementerian ini dekat dengan kita, dekat dengan saya tetapi oleh kerana masa tidak mengizinkan, cuma barangkali *last but not least*, kita di peringkat Parlimen selalunya melihat tentang masalah-masalah yang pelbagai, masalah orang kurang upaya dan lain-lain ini. Barangkali kalau dapat JKM berperanan dengan lebih berkesan daripada segi melihat dokumenkan mereka yang terlibat dan barangkali dapat kita berkongsi maklumat tentang butiran-butiran dan apakah langkah yang telah diambil untuk bertindak terhadap mereka semua. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

6.16 ptg.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim]: Terima kasih kepada Tuan Pengerusi dan saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada 13 orang Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu:

- (i) Yang Berhormat Parit Sulong;
- (ii) Yang Berhormat Rantau Panjang;
- (iii) Yang Berhormat Lenggong;
- (iv) Yang Berhormat Kota Raja;
- (v) Yang Berhormat Kuala Selangor;
- (vi) Yang Berhormat Batu Kawan;
- (vii) Yang Berhormat Kuala Kangsar;
- (viii) Yang Berhormat Kapar;
- (ix) Yang Berhormat Tasek Gelugor;
- (x) Yang Berhormat Pengkalan Chepa;
- (xi) Yang Berhormat Jerantut;
- (xii) Yang Berhormat Rasah; dan
- (xiii) Yang Berhormat Batu Pahat.

Yang telah menyentuh segala yang telah disebutkan di dalam Bajet 2018 bagi Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan bukan sahaja membahaskan dengan begitu baik dan elok tetapi juga telah memberi cadangan-cadangan yang begitu baik sekali, yang begitu bernas yang *insya-Allah* boleh digunakan selepas ini oleh pasukan saya, Timbalan Menteri saya, KSU saya dan semua warga Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Sebab, betul seperti dikatakan Ahli-ahli Yang Berhormat, kementerian ini menyeluruh. Kementerian ini tak kenal siapa dia tetapi asalkan memenuhi syarat, *insya-Allah* mereka akan kami bantu. Jadi, kepada 13 yang telah mengambil bahagian, telah memberi bermacam-macam cadangan, saranan termasuk teguran di dalam masa-masa tertentu khususnya kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat telah dicadangkan beberapa penambahbaikan supaya kita boleh menjalankan tugas kita atau *delivery*. Kita boleh menyampaikan dengan segera kepada mereka-mereka yang sangat-sangat memerlukan. Terima kasih Yang Berhormat. Saya di sini bukan hendak memberi alasan-alasan dan sebagainya tetapi memang betul, adanya seperti apa disebutkan oleh semua Ahli Yang Berhormat tetapi ada juga dia adalah keadaan-keadaan pada masa itu, ianya telah berlaku sebegitu rupa.

Jadi Yang Berhormat, oleh kerana kebanyakan boleh dikatakan ketiga belas Ahli-ahli Yang Berhormat telah menyentuh adanya bersamaan, bermakna subjek yang sama dan cara saya menjawab itu Yang Berhormat, saya juga tidak mengikut turutan. Bermakna siapa cakap dahulu, saya jawab sebab memandangkan subjeknya adalah sama dan berkemungkinan bila saya sudah menjawab untuk seorang Ahli Yang Berhormat itu, dia juga merangkumi Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain.

Jadi, saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat juga memberi ruang kepada saya supaya saya dapat menjawab sebegitu rupa dan *insya-Allah* saya rasa mana-mana agaknya dirasakan oleh Ahli Yang Berhormat agaknya terlepas pandang dan sebagainya, saya akan menyusul dengan mungkin jawapan bertulis. Kalau Yang Berhormat kata oh! Kenapa tak ada statistik? Sebab kadang-kadang statistik ini kadang-kadang masa ini saya tak ada statistik yang spesifik tetapi saya memerlukan kesabaran daripada Ahli Yang Berhormat memberi ruang kepada saya supaya saya dapat menyampaikan statistik ini dengan secara bertulis sebab dia adalah spesifik.

■1820

Jadi terima kasih kepada semua 13 orang Ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh pelbagai aspek dan rata-rata saya mendengar sendiri daripada nada suara dan sebagainya adalah positif untuk menambah baik dan memastikan bahawa kita mencari jalan yang lebih baik daripada apa yang sedia ada. Memang ini juga saya akui adanya kekangan dari segi tenaga kerja, tenaga pegawai-pegawai bermakna tidak mencukupi, adanya adalah kadang-kadang kejadian yang perlu disegerakan di dalam keadaan tertentu seperti bencana atau banjir baru-baru ini. Akan tetapi namun demikian saya telah dapat merasa daripada kesemua 13 Ahli Yang Berhormat bahawa marilah kita sama-sama mencari jalan yang terbaik supaya kita dapat menambah baik segala yang ada di dalam kementerian itu. Terima kasih.

Jadi Yang Berhormat daripada Parit Sulong dia telah memulakan ucapan dengan bertanya dari segi PAWE, PAWE ini apa? Ada yang sudah biasa ini okey, tetapi PAWE ini adalah ringkasan Pusat Aktiviti Warga Emas dan memang disarankan sebab kita hendak menyiapkan bila kita akan menjadi negara tua menjelang tahun 2030. Macam mana kita dapat - kenapa kita mengatakan kita negara tua? Oleh sebab *World Health Organization* menyarankan kalau populasi kita sudah mencapai 15 peratus, mereka-mereka yang berumur 60 tahun ke atas jadi bermakna itulah yang akan dinamakan dan ditakrifkan sebagai negara tua.

Jadi *insya-Allah* Yang Berhormat daripada Parit Sulong dan boleh dikatakan ramai Ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian telah bertanya mengenai pewujudan atau mengenai PAWE. Jadi untuk makluman, bagi tahun 2018 kita telah diperuntukkan RM3 juta untuk kita menubuhkan PAWE baru atau Pusat Aktiviti Warga Emas baru. Melalui peruntukan tersebut kita unjurkan bahawa kita dapat *insya-Allah, plus minus* kadang-kadang ada harga dan sebagainya kita dapat mewujudkan setiap tahun dengan RM3 juta, jadi pada tahun 2018 di dalam *plus minus* 26 buah PAWE boleh kita wujudkan.

Jadi *insya-Allah* mana-mana Ahli Yang Berhormat tadi yang menyarankan untuk mendapatkan PAWE di kawasan masing-masing kita cuba untuk memenuhi saranan tersebut dan memang juga telah disebutkan bahawa seelok-eloknya kita dapat menubuhkan sebuah PAWE mengikut Parlimen. Jadi kalaulah begitu kita seharusnya mewujudkan 222 buah PAWE di dalam beberapa tahun yang akan datang.

Sekarang ini untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat kita baru ada 59 PAWE di seluruh negara buat masa ini. Akan tetapi *insya-Allah* kita akan sentiasa mencari jalan, satu melalui bajet, satu mungkin kita juga cuba untuk mengadakan banyak CSR kepada syarikat-syarikat yang berkemampuan untuk membantu juga kita mewujudkan PAWE atas nama - tetapi masih program itu akan kita pantau, akan kita pastikan mengikut apa yang diwujudkan oleh kita di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat. Akan tetapi ini adalah satu cadangan untuk kita mempercepatkan supaya kita dapat mewujudkan Pusat Aktiviti Warga Emas mengikut Parlimen dengan secepat mungkin. Kalau tidak, 26 atau 20 buah setahun entah berapa lama untuk kita dapat wujudkan 222.

Jenis aktiviti di PAWE adalah terbahagi kepada lima dimensi iaitu mengikut kesihatan. Jadi di dalam Pusat Aktiviti Warga Emas itu kita sarankan mesti ada program-program kesihatan dan kami mengucapkan jutaan terima kasih kepada Kementerian Kesihatan sebab mereka telah dapat menjadualkan program-program saringan kesihatan di Pusat Aktiviti Warga Emas bersama dengan kementerian saya, bermakna kita bekerjasama.

Kedua adalah dimensi sosial. Di dalam dimensi sosial kita menyarankan supaya Pusat Aktiviti Warga Emas ada program-program berbentuk rekreasi, sukan dan pembelajaran sepanjang hayat. Ini juga kita lakukan bukan bersendirian tetapi kita mengadakan ala NBOS. Kita jemput kementerian-kementerian lain untuk mengadakan program-program ini bersama.

Ketiga adalah dimensi ekonomi iaitu program memperkasakan ekonomi warga-warga emas yang ada mengikuti program di dalam PAWE.

Keempat, dimensi kerohanian iaitu keagamaan.

Kelima adalah dimensi persekitaran iaitu menjalankan program-program kesukarelaan. Kita mahu warga emas kita adalah sebagai warga emas yang aktif. Jadi mereka juga tidak salah untuk mereka juga menjadi sukarelawan, *volunteers* untuk juga membantu kerja-kerja kesukarelaan yang diadakan oleh kementerian, jabatan dan agensi dan satu adalah kerja-kerja di dalam komuniti.

Selepas itu ditanya mengenai apakah inisiatif di bawah BLFS. BLFS ini ringkasan tetapi nama panjangnya *Beautiful Life for Seniors*. Bagi tujuan memberi hebahan dan perkongsian makluman, kementerian saya telah membangunkan satu portal yang dinamakan *Beautiful Life for Seniors (BLFS)* dan portal ini menyediakan antara lain maklumat berkenaan kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan oleh kerajaan khususnya untuk warga emas.

Selain daripada itu tiga jawatankuasa telah ditubuhkan iaitu jawatankuasa yang bertanggungjawab untuk memperkasakan program sektor awam yang dipengerusikan oleh kementerian saya. Kedua, jawatankuasa sektor awam yang dipengerusikan oleh Permodalan Nasional Berhad (PNB) dan ketiga adalah jawatankuasa hebahan yang dipengerusikan oleh Kementerian Komunikasi dan Multimedia.

Selepas itu ditanya mengenai PAWE di Johor khususnya di Parit Sulong. Sehingga kini terdapat satu institusi warga emas kerajaan di Johor Bahru iaitu di Rumah Seri Kenangan, Johor Bahru. Buat masa ini belum ada cadangan penubuhan Rumah Seri Kenangan yang baru di Johor sebab seperti yang disarankan oleh ramai Ahli Yang Berhormat, penjagaan ibu ayah kita yang tua atau warga emas seharusnya dijaga oleh anak-anak sendiri dan tidak perlu kita serahkan warga emas-warga emas ini di institusi.

Jadi oleh yang demikian, saya semenjak beberapa bajet ini memang tidak pernah ada memohon untuk diwujudkan institusi baru tetapi saya menggalakkan juga diadakan institusi, rumah penjagaan atau pusat penjagaan yang dikendalikan oleh NGO-NGO tetapi mesti berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat supaya kita memastikan bahawa SOP yang kita telah tentukan juga dijalankan oleh pusat-pusat jagaan yang dikendalikan oleh NGO-NGO lain.

Selain daripada itu, kita juga ada bagi pusat jagaan yang berdaftar kita juga ada mewujudkan sedikit peruntukan untuk membantu. Jadi oleh yang demikian, selain daripada kita menyelaraskan dengan baik kita pastikan juga ada peruntukan yang boleh kita salurkan kepada pusat jagaan yang dijalankan oleh pihak swasta. Oleh yang demikian, memang mana-mana yang berdaftar kita akan pastikan bahawa kita akan mengadakan iaitu pemeriksaan berkala, pemeriksaan mengejut dan juga penguatkuasaan berdasarkan aduan.

■1830

Kita memerlukan juga *feedback* daripada orang awam supaya kita dapat memastikan bahawa pusat-pusat jagaan yang dijalankan oleh pihak swasta ini dijalankan mengikut peruntukan Akta Pusat Jagaan 1993 dan Peraturan-peraturan Pusat Jagaan 1994 supaya mereka sentiasa mengikut piawaian. Kalau tidak, pegawai saya diberi kuasa untuk memeriksa sebanyak dua kali setahun supaya kita dapat memastikan bahawa pusat-pusat jagaan ini berjalan dengan baik.

Yang Berhormat Parit Sulong juga bertanya mengenai MamaCare. Untuk makluman Tuan Pengerusi, pada masa ini modul latihan kapasiti penjagaan selepas bersalin, itu yang dinamakan MamaCare berjaya mendapat akreditasi NOSS atau *National Occupational Skills Standard* oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran di Kementerian Sumber Manusia. Jadi ini telah dapat memberi peluang kepada ramai wanita untuk menyertai program ini di mana kita memberi latihan di pusat latihan bertauliah. Pada masa yang sama, ini telah membuka ruang supaya mereka ini mendapat atau menjana pendapatan yang lebih baik. Pada tahun hadapan, kita juga akan mengangkat Institut Sosial Malaysia iaitu sebuah institusi di bawah kementerian saya, juga untuk menjalani latihan-latihan tersebut.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) **mempengerusikan Jawatankuasa]***

Pihak kementerian sentiasa memastikan bahawa kita mendapat segala kerjasama untuk memastikan standard-standard yang diberikan kepada peserta-peserta MamaCare ini mendapat kualiti yang terbaik sebab ini sangat penting. Betul seperti dikata oleh Yang Berhormat Parit Sulong, ada peserta kami, mereka telah dapat menjana pendapatan sehingga RM12,000 sebulan sebab mereka telah dapat memberi perkhidmatan penjagaan kepada ibu selepas bersalin dan juga bayi dengan sebegitu baik dan mereka mendapat satu *service contract* supaya dapat menjaga ibu dan anak ini sepanjang masa berpantang.

Jadi RM12,000 itu adalah satu angka yang baik tetapi sebenarnya, ada juga mendapat pembayaran yang lebih baik seperti mereka juga dibawa ke luar negara sebab secara kebetulan ada *clients* yang memerlukan perkhidmatan tersebut berada di luar negara. Jadi ini telah memberi banyak ruang, bukan sahaja mendapat pendapatan yang baik dan mereka diiktiraf tetapi dapat juga memberikan perkhidmatan di luar negara. So sambil-sambil memberi perkhidmatan itu, mereka dapatlah membuka ruang untuk juga berada di luar negara.

Jadi kandungan modul MamaCare telah ditambahbaikkkan dengan kita mengadakan modul-modul tambahan seperti sekarang ini kita juga mengikatkan MamaCare ini dengan modul yang kita bangunkan dinamakan *Home Manager*. Selepas itu kita menambah lagi satu modul dinamakan *Caregivers* sebab didapati ramai permintaan bagi MamaCare ini juga menjaga mereka yang terlantar di rumah-rumah, ibu bapa yang tua, yang terlantar. Jadi kita telah dapat menambahbaikkkan. Selepas itu, saya juga telah mohon supaya MamaCare ini ditambah lagi dari segi perkhidmatan yang boleh diberi.

Selain daripada menjaga ibu dan anak selepas bersalin, kita juga boleh pergi memberi *wellness* dengan izin, iaitu urutan dan sebagainya di rumah-rumah supaya sambil kita memberi urutan untuk kita menjaga kesihatan, kita juga telah menambah skil kepada MamaCare ini termasuk untuk mengadakan *manicure, pedicure* sebab bila sudah pergi ke rumah mendapat urutan atau *wellness* diberikan, kita terus memberi yang lain pula yang sebenarnya diminta oleh *clients*. *Manicure, pedicure* dan sekarang saya tambah lagi iaitu untuk memberi urutan kepala dan rambut sebab kadang-kadang itu elok kita mengadakan di *privacy*, rumah-rumah kita daripada kita pergi ke salun dan sebagainya. Akan tetapi ini adalah peluang perniagaan.

Selepas itu, Yang Berhormat Parit Sulong bertanya mengenai pencapaian domain IKK. IKK ini adalah Indeks Kesejahteraan Keluarga.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: *[Bangun]*

Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim: Yang Berhormat Kapar, Yang Berhormat tunggu dulu. Oh Yang Berhormat hendak tanya MamaCare? Okey.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Terima kasih Yang Berhormat. Selain daripada MamaCare, bolehkah MamaCare ini ditambah kandungan dengan *childcare*, bermaksud yang pergi jaga mak, juga jaga anak itu, mengajar mak macam mana hendak mandikan *baby*, menyusu *baby* dan sebagainya. So tambah MamaCare dan *childcare*. Apa pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat. Memang tadi saya sebut menjaga ibu dan bayi. Ini termasuk Yang Berhormat, bukan sahaja penjagaan mandi dan sebagainya, kita juga nutrisi, *even* masak-masak itu kita mengajar dan khususnya dalam masa berpantang. Jadi sangat baik sekali. Sebenarnya Yang Berhormat, ingat Yang Berhormat menanya sesuatu yang lain, ini adalah permintaan. MamaCare ini memang setiap kali kami adakan *roadshow* dan sebagainya, saya wujudkan satu *corner* MamaCare. Memang tidak menang tangan *team* MamaCare saya tetapi ditanya pula satu soalan, *papa care* sebab yang datang itu, *team* MamaCare saya hanya memberi perkhidmatan kepada wanita. Akan tetapi ada juga yang datang itu lelaki, jadi mereka sangat berdisiplin, dia kata *sorry*, kami tidak memberi perkhidmatan kepada lelaki. Jadi oleh yang demikian, disarankan kepada kami untuk mungkin mewujudkan *papa care*. Jadi urutan, *wellness* dan sebagainya. Akan tetapi yang ini Yang Berhormat, sama-sama kita doalah supaya kami dapat lebih lagi peruntukan sebab ini memerlukan latihan dan kami juga membuka dan mencari calon-calon yang terbaik khususnya mereka yang sudah ada pengalaman, yang pandai mengurus dan sebagainya. Jadi, itu adalah sesuatu yang *forward planning, insya-Allah papa care*.

Kepada Yang Berhormat daripada Rantau Panjang, terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat tadi bertanya mengenai kanak-kanak. Yang Berhormat tadi bertanya mengenai program-program yang dijalankan di institusi kanak-kanak untuk memastikan mereka mendapat

perkhidmatan yang terbaik. Terima kasih Yang Berhormat. Itu adalah kumpulan sasar kami yang *insya-Allah* kami memberi tumpuan yang begitu baik dan kami pastikan apa-apa perkhidmatan yang kami berikan walaupun di dalam institusi atau walaupun mereka berada di *foster*, keluarga angkat, kita pastikan bahawa mereka mendapat pemeliharaan, perlindungan dan juga pemulihan kalau diperlukan yang terbaik.

Mereka ini dipastikan untuk kita memberi satu perkembangan jasmani, mental dan emosi yang sihat secara holistik kepada kanak-kanak. Bimbingan dan kaunseling juga sentiasa kita berikan kepada kanak-kanak yang trauma, yang sudah mengalami masalah-masalah, jadi kita sentiasa akan memberi sokongan psikologi kepada kanak-kanak ini dan tidak terlepas pendidikan. Kanak-kanak dalam lingkungan umur persekolahan, kita hantar ke sekolah walaupun mereka dalam institusi kami iaitu ke sekolah aliran perdana bagi menjamin mereka mendapat pendidikan formal serta peluang untuk bergaul dengan kanak-kanak yang lain. Kita tidak pernah pisahkan, kita masukkan ke dalam sekolah yang sama. Kanak-kanak yang berusia empat hingga enam tahun menghadiri tadika di luar institusi, manakala kanak-kanak di bawah usia empat tahun, mereka kami hantarkan di taska di dalam institusi kami.

■1840

Kanak-kanak ini juga kami beri latihan kemahiran dan vokasional di mana kanak-kanak tidak dapat meneruskan pelajaran mereka di sekolah-sekolah formal, institusi menyediakan latihan kemahiran dan juga vokasional. Latihan kemahiran dan vokasional ini diharap dapat melengkapkan kanak-kanak dengan kemahiran asas sejajar dengan kebolehan dan juga potensi mereka apabila mereka keluar daripada institusi kelak. Beberapa STB kami, Sekolah Tunas Bakti dan Sekolah Seri Puteri kita telah dapat memberi sijil-sijil kemahiran. Jadi apabila mereka keluar dari institusi, mereka terus mendapat pekerjaan sebab mereka ada sijil, sijil kemahiran. Jadi ini adalah apa yang kita cuba buat walaupun anak-anak ini di dalam institusi, peluang-peluang itu sama macam anak-anak yang lain.

Didikan agama dan moral perkhidmatan ini untuk menjamin pertumbuhan rohani dan akhlak kanak-kanak di dalam jagaan. Memang ini kita tidak pernah lupakan. Ini adalah tuntutan, tuntutan yang kita harus buat. Kanak-kanak yang beragama Islam sediakan surau untuk mereka sembahyang, untuk mereka mempelajari hal-hal agama, membaca al-Quran oleh guru-guru agama yang terlatih. Kemudahan-kemudahan dan galakan juga diberi kepada kanak-kanak yang bukan beragama Islam untuk mengamalkan agama masing-masing di mana kanak-kanak dibenarkan untuk ke kuil, gereja dan juga tokong.

Untuk riadah dan rekreasi dan aktiviti riadah dan rekreasi sentiasa kami berikan untuk menjamin kesihatan dan pertumbuhan jasmani kanak-kanak. Kanak-kanak ini digalakkan untuk turut serta dalam pelbagai jenis permainan di luar dan juga di dalam institusi. Kadang-kadang mereka juga diberi peluang untuk menyertai pertandingan olahraga dan sukan di dalam dan di luar institusi sebab yang penting kami hendak anak-anak ini membesar seperti kanak-kanak yang lain. Kalau keluarga untuk keluarga itu sentiasa melawat ini memang kita galakkan supaya mereka sentiasa rapat dengan keluarga masing-masing. Akan tetapi oleh kerana tekanan kemiskinan dan sebagainya ibu ayah atau keluarga tidak dapat menjaga mereka, tetapi kita pastikan bahawa mereka sentiasa melawat kanak-kanak ini di dalam institusi.

Rawatan dan perubatan juga sentiasa kita memberi yang terbaik dan rapi supaya bukan sahaja pegawai perubatan dari hospital datang melawat tetapi kami juga memastikan mereka mendapat rawatan yang terbaik. Yang Berhormat Rantau Panjang.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tahniah di atas usaha yang telah dibuat oleh pihak kementerian untuk memastikan yang terbaik untuk kanak-kanak di bawah institusi perlindungan kanak-kanak. Saya ingin tahu sejauh mana dari sudut aspek terutama dari sudut kebersihan dan latihan kebakaran. Sebab apa yang saya baca daripada Laporan Audit Negara ada beberapa kelemahan yang perlu ditambahbaik. Begitu juga pemantauan terhadap pasukan unit syarikat kawalan keselamatan yang mungkin perkara ini penting. Jadi sejauh mana kementerian melihat isu ini supaya kita bersiap lebih awal perkara-perkara yang negatif tidak berlaku kepada kanak-kanak ini. Terima kasih.

Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat, *insya-Allah* satu daripada yang mendapat tumpuan sekarang ini adalah kedudukan tempat-tempat itu. Kalau di institusi kami *insya-Allah* Yang Berhormat semua ini pegawai-pegawai yang sebenarnya diberi latihan. Akan tetapi namun bukan sahaja pegawai, kanak-kanak itu sendiri elok juga kita peringatkan dari segi apa yang patut kita buat sekiranya ada kebakaran dan sebagainya.

Jadi kalau Yang Berhormat hendakkan yang spesifik merujuk kepada tahfiz, baru-baru ini saya berada di dalam satu mesyuarat di mana kita betul-betul mendalami kehendak-kehendak sekarang ini iaitu keadaan tahfiz yang boleh dikatakan tidak begitu selamat. Jadi oleh yang demikian, RM 30 juta Yang Berhormat telah kita turunkan kepada Bomba untuk memastikan bahawa semua tahfiz di seluruh negara. Satu, di-*check*-kan dahulu dari segi tahap keselamatan, selepas itu digunakan peruntukan yang telah diberikan itu untuk menambahbaik dari segi ciri-ciri keselamatan dan pelbagai lagi termasuklah latihan untuk menangani kebakaran supaya mereka cepat tahu sekurang-kurangnya ada *fire extinguisher*, mana-mana tidak ada tangga *escape* dan sebagainya untuk diwujudkan tangga.

Jadi peruntukan ini meliputi semua seribu lebih lah kalau tidak salah saya. Itu pun tahfiz yang diketahui. Saya rasa ada lagi tahfiz yang tidak termasuk dalam senarai 1,200 lebih, sebab begitu banyaknya tahfiz. Jadi oleh demikian bagi saya, seharusnya semua tahfiz itu tampil ke hadapan. Mana yang berdaftar itu memang kita sudah dapat tahu, yang tidak berdaftar tampil ke hadapan. Ini bukan masa menuding jari dan sebagainya. Ini adalah untuk kita memperbaiki keadaan-keadaannya. Sebab ini bukannya masa untuk mengatakan kenapa itu tanggungjawab siapa dan sebagainya tidak ada lagi. Sebab kita tidak mahu menunggu satu lagi kebakaran yang meragut nyawa.

Saya rasa cukup lah telah meragut nyawa 23 orang nyawa itu, bagi kita itu sangat besar dan sangat menyedihkan. Jadi oleh yang demikian, Yang Berhormat terima kasih itu akan kita masukkan juga dari segi ciri-ciri untuk kita menyediakan anak-anak ini dan juga pegawai-pegawai yang menjaga institusi-institusi tersebut untuk juga diberi pendedahan mengenai ilmu-ilmu dari segi pihak Bomba. Jadi sekarang ini memang pihak Bomba sangat-sangat sibuk. Sekarang ini mereka juga memantau sebab terima kasih kepada Kementerian KKLW, terima kasih juga mana-mana kementerian lain yang telah sama-sama bergandingan untuk KPKT dan KKLW khususnya untuk cepat-cepat kita memperbaiki semua keadaan-keadaan tahfiz ini. Ini supaya anak-anak ini dalam

keadaan selamat sebab kita tidak mahu melengah-lengah *aa'uzubillahiminzalik* janganlah terjadi apa-apa, tetapi kita hendak pastikan bahawa keadaan ini adalah cukup terkawal. Terima kasih Yang Berhormat.

Selepas itu Yang Berhormat rawatan perubatan memang kita buat. Penempatan anak pelihara juga memang kita pastikan bahawa mereka ini mana kanak-kanak yang tidak mempunyai ibu bapa, *clear case* tidak ada ibu bapa langsung atau yang maaflah kita sebut perkataan ini yang terbuang, diletakkan di bawah pemeliharaan dan jagaan institusi kanak-kanak, memang kita berkehendakkan supaya ini tadi yang disebutkan Yang Berhormat Kota Raja. Terima kasih *the institutionalization* bukan main susah hendak sebut ya nama panjang.

Akan tetapi ringkasnyalah sekarang ini Yang Berhormat kita tidak mengguna *the institutionalization* tetapi dalam akta baru yang kita pinda itu kita mengguna istilah *family care*, bermakna mereka ini diletakkan bersama dengan keluarga. Keluarga ini bermacam-macam. Pertama kalau kita tahulah siapa keluarga ini kalau dapat tahu, pertama adalah keluarga yang terdekat nenek, datuk dan sebagainya kalau kita tahu. Akan tetapi kalau macam yang terbuang itu kita pastikan bahawa mereka itu dipelihara oleh keluarga angkat yang terbaik. Keluarga angkat hendak mencari keluarga angkat ini kita ada Mesyuarat Panel Penempatan Anak Pelihara yang diadakan dari semasa ke semasa. Ada orang mengatakan kenapa susah sangat? Bayangkan Yang Berhormat mestilah kita mendalami proses ini hendak memadankan kanak-kanak dengan ibu bapa pelihara yang layak. Termasuk tadi disebut oleh Yang Berhormat Batu Kawan termasuk dari segi ini anak bangsa, apa pun termasuk itu juga. Ada pernah saya sebelum Yang Berhormat ya, ada pernah saya diminta untuk membantu mencari anak dalam institusi, anak India dikatakan untuk keluarga India.

■1850

Jadi saya memberi arahan kepada pegawai saya pastikan ini adalah anak seperti yang diminta. Tidak boleh kita memberi anak-anak sembarangan, sebab saya tidak mahu kemudian hari menjadi masalah. Dia kata kenapa saya ini lain dan sebagainya. Akan tetapi kadang-kadang minta maaf juga cakap tidak ramai pula tu *baby* yang kami dapat yang dibuang daripada kaum India. Jadi saya kata sabar, sabar, jangan *rushing* sangat sebab tidak ada. Dia kata tidak apa yang lain pun bagi. Saya kata saya cuba sedaya upaya supaya memberi yang terbaik. Tapi sabar lah. Saya kata. Sebab saya takut nanti macam-macam tohmahan satu, tapi masa depan anak ini. Dia kata kenapa saya ini berlainan sebagai contoh. Yang Berhormat ya ada tanya.

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: Terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ada sedikit soalan berkaitan dengan ini. Pertamanya, ada satu pengakuan daripada seseorang bahawa dia dulunya begitu. Di dalam institusi yang dianggap sebagai 'anak tong sampah'. Setelah dia agak besar, walaupun dia Melayu jelas tetapi dia diberikan kepada keluarga Cina. Dan akhirnya berlaku proses dia terpaksa berubah balik setelah dia lebih dewasa. Soalan saya ialah adakah ada had umur tertentu baru diberikan keluarga, satu.

Keduanya ialah satu golongan lagi yang saya lihat di kawasan saya terutamanya anak-anak yang tidak ada dokumen yang dianggap sebagai anak-anak orang bukan warganegara Malaysia. Mereka ini lagi bermasalah kerana ada keluarga hendak mengambil sebagai anak angkat tapi peraturannya sangat sukar. Maka mereka ditinggalkan dalam institusi, membesar kadang-

kadang dengan sekolah yang sama sekali tidak memuaskan. Dan akhirnya menjadi masalah yang besar dan ada satu saya pernah terbaca seseorang pernah menulis bahawa dia lama di Sabah. Dia hanya tahu Sabah. Tiba-tiba dia setelah dewasa, dia di-*deport* dengan izin ataupun dibuang negeri ke Filipina. Satu yang sangat zalim pada saya. Boleh Menteri bagi komen? Terima kasih.

Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat daripada Kuala Kedah. Ada satu masa kan ada *viral* kan cerita ini. Okey. Dia *green*, warna hijau tu dia punya tu. Yang Berhormat, saya hendak membetulkan bahawa bila dikatakan dia adalah anak yang terbuang, macam-macam nama lah diberi. Saya sebenarnya Yang Berhormat, sangat-sangat sedih. Yang Berhormat untuk makluman, inilah anak-anak yang kita dapat dari segi pelbagai macam rupa. Adanya dalam tong sampah, adanya dibuang di tangga dan bermacam-macam lagi Yang Berhormat. Tapi ada juga yang kita selamatkan melalui eksesais pemerdagangan orang, pun ada.

Jadi Yang Berhormat, memang apa yang berlaku itu anak-anak ini kami telah jaga, daripada mereka kami dapat tu, umur dalam bulan atau adanya umur dalam beberapa tahun. Kami jaga dan sebenarnya mereka memang agak sukar untuk kita berikan kepada keluarga angkat. Memandangkan ada masalah dokumen. Jadi kami juga memberitahu kepada keluarga angkat keadaan yang sebenar. Jadi bila keluarga angkat ini dia memang ada niat hendak mengambil anak tetapi dengan masalah dokumen, belum mendapat dokumen, jadi khususnya kerakyatan dan sebagainya. Jadi beberapa keluarga angkat yang berminat, dia pun takut sebab nanti dia tidak dapat menjaga anak ini dengan baik tanpa dokumen. Jadi oleh yang demikian Yang Berhormat, anak-anak ini sebenarnya membesar di institusi kami. Daripada umur yang berapa tahun yang kami ambil sehingga mencapai umur di bawah 18.

Namun Yang Berhormat, sebab akta kanak-kanak sebegitu rupa. Jadi kanak-kanak ini ditakrif di bawah 18. Jadi oleh yang demikian, kami telah mengambil— sekejap Yang Berhormat ya. Kami telah mengambil langkah proaktif iaitu kami telah mewujudkan rumah transit. Kami namakan sendiri di dalaman ini. Rumah transit atau kami namakan kami bagi nama cantik *Purple Home*. Kami wujudkan dalam lima buah *Purple Home* di bawah peruntukan yang kami cuba adakan supaya anak-anak ini dia terus tidak keluar daripada rumah kami tetapi masih berada juga di rumah-rumah atau di tempat-tempat yang kami wujudkan untuk kami memastikan bahawa anak-anak ini tidak terbiar.

Kalau ikut undang-undang Yang Berhormat, memang mereka ini bukan lah menjadi tugas dan tanggungjawab kami. Tetapi oleh sebab kasih dan sayang kami sebab anak-anak ini dari sekecil-kecilnya mungkin beberapa bulan sehingga 17 tahun. Bayangkan Yang Berhormat, kami menyaksikan mereka ini membesar di bawah mata kami. Rasa sayangnya kami hendak melepaskan anak-anak ini. Namun Yang Berhormat, masa *viral* itu. Saya panggil Yang Berhormat. Saya panggil. Saya kata saya tersentuh sangat-sangat dengan cerita yang dibuat itu memberi gambaran yang begitu negatif terhadap kita di institusi yang telah menjaga dia selama berbelas tahun. Dan saya bertanya bukan hendak marah. Saya bertanya apa yang kami buat yang membuat kamu marah sangat. Sebab saya hendak menambah baik. Saya kata beritahu kepada saya kalau ada kekurangan.

Ini adalah sebab satu memang lah dari segi kasih sayang, saya juga mohon ampun dan maaf kepada anak-anak. Kami tidak dapat memberi sepenuh kasih sayang seperti kalau mereka

berada dengan ibu ayah angkat. Sebab kasih sayang yang kami beri ini berbahagi-bahagi. *You know, divided kind of attention*. Bayangkan Yang Berhormat, ada satu-satu masa ini, pegawai-pegawai saya lima orang dalam satu *shift*, kena jaga 300 orang bayi di dalam satu-satu masa. Jadi memanglah dari segi perkataan kasih sayang itu, kami juga memohon maaf. Saya panggil dia, sebab kasih sayang yang cuba kami beri ini apa yang kami dapat berikan.

Tetapi ini adalah sesuatu yang saya, *insya-Allah* selepas ini Yang Berhormat, saya hendak mewujudkan satu pasukan untuk memberi tumpuan kepada masalah anak-anak yang tiada dokumen bersama dengan KDN. KDN adalah satu kementerian yang seharusnya sama-sama membantu. Kita jangan menuding jari. Tidak perlu. Kita mencari jalan penyelesaian. Bukan saja KDN tapi mana-mana lagi yang berkenaan supaya kita dapat menyelesaikan dari segi— bagi saya ramai yang hendak mengambil anak-anak ini. Akan tetapi oleh sebab masalah-masalah ketidaklengkapan dokumen, jadi hasrat itu tidak dapat dilakukan sebab mereka susah bagi mereka kalau ada masalah dokumen. Yang Berhormat Kota Raja.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Ya, terima kasih. Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ingin memberi sokongan sebenarnya. Menteri, saya rasa undang-undang kita yang tidak membenarkan anak-anak ini diwarganegarkan adalah satu undang-undang yang zalim dan *outdated* sangat-sangat dari segi perikemanusiaan. Kalau anak itu kita jumpa masih kecil lagi, memang kita tidak tahu sudah siapa ibu bapanya. Maka apa salahnya mereka ini diwarganegarkan kerana saya ingat antara kemarahannya ialah apabila sampai 18 tahun. Lepas itu *what's next?* Kita tidak menyelesaikan masalah mereka sekiranya mereka tidak diwarganegarkan. Sekiranya kita telah memberi, memudahkan mereka ini untuk dijadikan warganegara, mungkin ada orang kata nanti orang bukan warganegara bersalin tinggal anak dan sebagainya.

Tidak apa. Allah sudah beri anak itu kepada kita. Maka saya cadangkan supaya proses legalisasi ini dipercepatkan. Kami saya rasa di Parlimen ini kalau pihak kami dalam perbincangan kami tidak ada masalah dengan anak-anak ini. Termasuk anak-anak yang tidak sah taraf, pertama. Kedua kalau kita sudah dapat memberi dokumen, mereka akan dapat keluarga angkat. Itu juga akan menyelesaikan masalah. Ketiga ialah terbit mengenai isu-isu anak-anak yang kita tidak tahu asal usulnya, agama apa mak bapa nya. Saya ingat kalau kita lebih bersetuju, sebagai sebuah negara Islam, maka anak-anak ini dibesarkan sebagai anak orang Islam. Kecuali ada orang yang hendak dan dia boleh *claim* bahawa ini bukan anak orang Islam.

■1900

Jadi, sebab melihat kepada apa yang berlaku di negara kita ini, yang banyak terbuang, yang banyak tertinggal adalah anak orang Melayu, beragama Islam. Jadi, saya rasa mengambil daripada kesimpulan itu, saya ingin mencadangkan supaya kita bela, beri kepada keluarga Islam. Ambil tanggungjawab itu, sudah kita tidak dapat menegah kelahiran-kelahiran anak tidak sah taraf ini yang kebanyakan daripada Melayu Islamnya itu, maka kita ambil untuk jadi anak-anak orang Islam. Apa salahnya? Itu cadangan saya. Terima kasih.

Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat, saya sangat...

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: Yang Berhormat Menteri. Topik yang sama.

Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim: Sama.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, sila.

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: Yes. Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ingin menyentuh apa yang telah dibangkitkan oleh rakan-rakan saya mengenai proses untuk mengambil anak angkat. Pada tahun lepas KDN telah mengenal pasti lapan orang yang telah ditahan dalam sindiket menjual bayi dalam *black market* dan benda ini telah berlaku sejak 2012, empat tahun. Persoalannya adalah mengapa wujudnya satu *black market* untuk menjual bayi? Jawapannya adalah kerana proses yang diambil oleh agensi-agensi kerajaan, kementerian-kementerian untuk memberikan, dengan izin, *to legalise the adoption process, it takes too long*. Tadi Yang Berhormat Menteri berkata dokumentasi tidak cukup. Kalau kita hendak mohon pinjaman dengan bank, *the checklist is very simple* Yang Berhormat Menteri. *What you need to apply for a loan with the bank. I think there should be a fixed check list on what you need for potential parents to adopt babies. You cannot keep saying that there's not enough documentations and that is why the parents are put on a waiting list.*

Secondly, saya rasa, again with the isu kewarganegaraan. Saya menyokong apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Kota Raja. *Can it be* dipertimbangkan? Saya rasa KDN, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat boleh mempertimbangkan. *It should be auto by virtue of default*, kanak-kanak yang tiada kewarganegaraan yang dihantar ke *baby hatch* ataupun *orphan care* ini diberi kewarganegaraan tanpa ditentukan apa agama bayi atau kanak-kanak tersebut. Oleh sebab sekiranya bayi dan kanak-kanak ini sampai dewasa tidak diambil sebagai anak angkat, maka mereka akan keluar daripada rumah perlindungan itu sebagai anak yatim *and they will be on their own two feet alone*. Jadi, saya rasa pembaharuan perlu dan *its very important at this point already* Yang Berhormat Menteri, supaya satu proses yang lebih mudah, yang lebih singkat, *a good KPI that we fixed a target* supaya *potential* ibu bapa ini mendapat anak mereka dengan masa yang singkat dan memenuhi semua keperluan undang-undang dan agensi-agensi kerajaan. Terima kasih.

Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim: Terima kasih saranan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat, daripada Kota Raja, daripada Batu Kawan. Akan tetapi seperti saya katakan, terima kasih. Kita akan mengguna semua saranan ini untuk kita mencari jalan penyelesaian untuk kita *move forward*. Oleh sebab kita dapati bahawa ini adalah satu kekangan, ini adalah satu isu yang harus kita percepatkanlah dari segi mencari jalan yang terbaik. Oleh sebab ini melibatkan kewarganegaraan, ini melibatkan proses pengangkatan. Kami hendak pastikan bahawa ianya dapat kita jalankan secara yang terbaik supaya kita dapat memastikan bahawa anak-anak ini secepat mungkin mereka berada di dalam belaian kasih sayang keluarga angkat mereka.

Jadi, Yang Berhormat Rantau Panjang juga bertanya dari segi perjawatan dan beberapa Ahli Yang Berhormat telah bertanya dari segi perjawatan...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Menteri, kalau saya tengok *sequel*, Yang Berhormat Rantau Panjang baru pembahas kedua, Yang Berhormat.

Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim: Ya, lepas itu saya masuk yang ke lain.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya.

Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim: Oleh sebab apa, *the first two* itu, minta maaf Tuan Pengerusi, *the first two* tadi yang banyak betul tetapi yang ke lain ini sudah sikit-sikit sudah, sebab sudah dijawab oleh yang dua ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: *All right.*

Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim: Sikit saja Yang Berhormat. Ini perjawatan. Sebenarnya Yang Berhormat, Jabatan Kebajikan Masyarakat ada 6,985 orang pegawai, *I mean* mengikut 31 Ogos 2017. Ini adalah angkanya. Namun, memang Yang Berhormat, tidak mencukupi, memang kami tidak menang tangan. Oleh yang demikian, di situlah kita banyak mewujudkan sukarelawan. Kami memerlukan *volunteers*, dengan izin, untuk sama-sama membantu supaya kekangan yang kami hadapi- tetapi bukan semua kita boleh letak kepada sukarelawan. Jadi, kita melihat apa-apa jenis-jenis kerja yang kita boleh letak kepada NGO-NGO dan sukarelawan untuk membantu kami. Namun, *insya-Allah* kita akan mohon lagilah Yang Berhormat, *staff* dan kakitangan. Akan tetapi ini biasalah kan, ini juga adalah sesuatu yang kami cuba mohon setiap tahun untuk mengisi jawatan-jawatan yang belum lagi diisi.

Untuk makluman, sukarelawan setakat ini ada 12,051 orang dan mereka ini telah dapat menjalani pelbagai program-program atau pelbagai aktiviti, termasuk masa banjir, menyantuni warga emas, OKU, kanak-kanak di institusi, memberi khidmat bantu di rumah bagi mereka yang terlantar dan juga pelbagai juga yang telah membantu kami masa kami mengadakan *roadshow* untuk memberi penerangan kepada orang awam. Jadi, ini yang tidak meliputi di bawah akta Yang Berhormat. Kita mesti berhati-hati. Jadi, ini adalah secara sukarelaan. Jadi, Yang Berhormat tadi bertanya mengenai bantuan banjir, masa banjir. Untuk makluman, peruntukan bencana bagi tahun 2017 di bawah peruntukan Persekutuan adalah RM6,351,579 dan di bawah negeri, sebab ada dua bantuan ini Yang Berhormat. Di bawah negeri adalah RM17,010,641.95.

Bagi Kelantan, peruntukan makanan untuk simpanan depoh simpanan keperluan bencana adalah RM300 ribu dan tempoh bekalan sekurang-kurangnya untuk tujuh hari. Kami simpan di depoh itu untuk boleh memenuhi keperluan tujuh hari mereka berada di pusat pemindahan. Akan tetapi kadang-kadang Yang Berhormat, betul, kami sebenarnya telah gazet pusat-pusat pemindahan dan kami gazet pusat pemindahan ini bukan suka-suka kami di JKM, tidak. Ianya adalah bersama dengan kerajaan negeri. Kita cari tempat yang terbaik untuk kita gazetkan sebagai pusat pemindahan yang terbaiklah. Agaknya tidak berapa jauh atau di tempat-tempat yang memang selalu berlaku banjir. Jadi, ini adalah tempat-tempatnya dan memang ada ciri-ciri untuk memenuhi supaya tempat itu selesai dijadikan pusat pemindahan. Jadi, bila kita gazet Yang Berhormat, bermakna apa-apa yang kita buat ini memang tertakluk kepada peraturan-peraturan, termasuk juga bekalan-bekalan makanan.

Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim: Mana itu? Ya.

Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Mohon sikit saja penjelasan.

Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim: Saya hendak masuk ke situ itu.

Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Sikit tentang gazet, gazet pusat pemindahan ini. Di negeri Pulau Pinang ini, semasa Kerajaan Barisan Nasional dulu, kita- terutama sekali di kawasan saya ada tujuh pusat pemindahan banjir yang telah dibina. Akan tetapi semasa sekarang ini, saya rasa tinggal satu atau dua sahaja yang boleh digunakan. Yang lain itu telah pun ditukar menjadi kelas tadika oleh di sebelah sana dan ada yang dibiarkan sampai roboh dan tidak boleh digunakan. Jadi, apakah kesan yang Yang Berhormat Menteri kata tadi tentang pewartaan dengan sejauh mana ia dijaga sehingga boleh digunakan? Masalahnya kita sekarang bila banjir

besar hari itu, hanya dua daripada tujuh yang boleh digunakan. Yang lima lagi rosak teruk dan ada yang disalah gunakan oleh pihak kerajaan negeri. Terima kasih.

Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat daripada Tasek Gelugor. Jadi, ini Yang Berhormat, bila kita- sebab kita merancang. Perancangannya awal sebelum banjir. Jadi, kita telah bersama dengan kerajaan negeri sebenarnya, pegawai daerah untuk menentukan mana pusat-pusat pemindahan yang terbaik. Akan tetapi apa yang berlaku di Pulau Pinang pada hari itu Yang Berhormat, pusat-pusat pemindahan yang kita gazet tidak diguna tetapi pusat-pusat pemindahan baharu dibuka.

■1910

Jadi ini menyebabkan kalam kabut sebab ianya berlaku dengan begitu spontan sehingga hendak menyampaikan bekalan pun kita sudah tidak tahu.

Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Yang Berhormat Menteri, saya rasa Yang Berhormat Menteri tidak dapat gambaran sebenar yang berlaku di sana.

Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim: Okey.

Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Di sana, Kerajaan Persekutuan telah membina tujuh buah— saya merujuk kepada kawasan saya sendiri. Kawasan lain pun sama juga. Tujuh buah pusat pemindahan banjir yang memang digunakan terus khusus untuk tujuan tersebut. Jadi kalaulah katakan pusat itu digazet bersama dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat dan juga pejabat daerah, mestilah pusat itu sentiasa berada dalam keadaan siap siaga.

Akan tetapi apa yang berlaku sekarang, kita kata apabila kerajaan bertukar tangan, so kerajaan negeri dan JKM tidak menjaga pusat banjir tersebut dengan seelok-eloknya yang boleh digunakan pada bila-bila masa. Jadi, kita tidak boleh kata keadaan tersebut tidak bersedia dan sebagainya sebab banjir memang tidak ada bagi *warning*. Dia bagi *warning* pada kita seminggu saja ataupun dua atau tiga hari, kemudian banjir besar. Jadi sepatutnya tempat-tempat itu terpelihara.

Ini saya hendak beritahu Yang Berhormat Menteri, ada tempat yang diubahsuai jadi kelas tadika. Saya boleh sebut di Kampung Air Melintas Kecil, pusat banjir dijadikan kelas tadika oleh seseorang di situ. Kenapa pejabat daerah atau JKM tidak pergi meninjau dan menyelia? Kemudian, di Kampung Labuh Banting, pusat banjir tersebut semasa ditinggalkan dulu memang cukup elok, kemas dan cantik, sekarang ini keadaannya begitu teruk dengan bumbung bocor dan sebagainya. Selepas dikompelin, barulah pejabat daerah dan JKM pergi buat baik pulih tetapi tidak sempat baik pulih, banjir besar datang.

Jadi maknanya, sepatutnya kemudahan-kemudahan pemindahan yang sesuai ini telah pun dibuat, dibina sejak lebih daripada 10 tahun ataupun 12 tahun yang lampau semasa Kerajaan Barisan Nasional, tetapi tidak diambil peduli, tidak dijaga oleh pihak berwajib. Jadi, kita kerugian yang amat besar dan kita terpaksa berpindah ke sekolah-sekolah dan sebagainya, terpaksa kita *clear*-kan *classroom* untuk jadikan pusat pemindahan, sedangkan pusat pemindahan sebenar wujud tetapi tidak dijaga. Jadi minta ulasan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat, setahu sayalah, pusat pemindahan— terima kasihlah dari segi *feedback* Yang Berhormat berikan. Selalunya pusat-pusat pemindahan yang kami gazet, Yang Berhormat, dia

bukan *fix* pusat pemindahan. Pusat pemindahan itu adalah sekolah-sekolah, adalah tempat-tempat biasa digunakan. Jadi bila digazet, tempat itu akan digunakan untuk memindah mangsa-mangsa.

Jadi saya, Yang Berhormat, nanti saya akan mendapatkan dengan terperinci— kalau dapat, Yang Berhormat, kita memberi jawapan secara bertulis kepada Yang Berhormat untuk menerangkan dengan terperinci apa sebenarnya yang berlaku.

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: *[Bangun]*

Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim: Satu, Yang Berhormat Batu Kawan, sebelum saya habis. Satu, saya haraplah saya menyebut ini untuk semua ya, untuk semua kawasan. Kami diarahkan untuk mengadakan simulasi banjir setiap tahun di semua negeri. Saya harap bahawa bila hendak mengadakan simulasi banjir, saya ingin mendapat kerjasama dari semua negeri sebab bila sudah berlaku banjir, tiba-tiba sudah menuding jari. Sebab, simulasi penting untuk kita sentiasa bersiap saga. Satu daripadanya adalah bila kita *approach* beberapa negeri, dia tidak mengadakan simulasi banjir seperti yang kita kehendaki. Jadi itu juga yang...

Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Yang Berhormat Menteri, sikit saja lagi tentang simulasi banjir itu. Sikit saja ya.

Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim: *[Ketawa]*

Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Kalau Yang Berhormat Menteri cadangkan tentang simulasi banjir, saya ingin mencadangkan supaya JKM yang *take a lead*, dan memanggil semua pihak. Kalau kerajaan negeri yang *take a lead*, mereka tidak memanggil ICU dan tidak memanggil Ahli Parlimen ataupun ADUN daripada Barisan Nasional. Itu satu isu. Jadi, saya minta kalau boleh biarlah JKM yang *take a lead* dan memanggil semua pihak yang terlibat kerana apabila masalah banjir, dia melibatkan kesemua pihak. Terima kasih.

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: Yang Berhormat Menteri, sedikit. Terima kasih Tuan Pengerusi. *I wish to put on note here that the same thing happened in oppositions state as well.* Ahli-ahli Parlimen daripada contoh Perak atau Pahang pun tidak dipanggil untuk apa-apa simulasi.

So, tadi Yang Berhormat Tasek Gelugor mengatakan kerajaan negeri tidak akan memanggil ICU, kerajaan negeri tidak akan memanggil Ahli Parlimen BN, itu saya rasa saya boleh jawab memandangkan negeri-negeri lain pun tidak dibuat sama. So, sekiranya ada garis panduan, *I hope then it is a cross the board by JKM, so that it won't be politicized by irresponsible politicians like* Yang Berhormat Tasek Gelugor. *I just want to make a point here, Yang Berhormat Menteri...*

Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Hei, *come on* lah. *Come on* lah. *You* apa tahu? *You* punya kawasan— jangan tuduh sembarangan. *You* tarik balik. *You* tarik balik! *You* tarik balik!

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: Tuan Pengerusi.

Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Awak Yang Berhormat Batu Kawan, awak saja cari fasal tahu tidak? Saya bercakap benda yang normal, benda yang *equivalent*. Awak saja suka mempolitikkan. Siapa yang politikkan benda ini? Yang Berhormat Batu Kawan yang politikkan benda ini. Inilah kebenaran yang sebenar.

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: Tuan Pengerusi.

Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Bila saya katakan kerajaan negeri tak nak melibatkan Barisan Nasional, inilah buktinya— Yang Berhormat Batu Kawan. Awak tarik balik.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, yang suruh tarik balik, Pengerusi, Yang Berhormat ya. Sangkaan jahat, Yang Berhormat. P.M. 36(6) ya.

Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Tuan Pengerusi, saya mohon Tuan Pengerusi, minta Yang Berhormat Batu Kawan tarik balik. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, saya minta Yang Berhormat Batu Kawan bagi penjelasan apa yang dimaksudkan "*Yang Berhormat tidak bertanggungjawab*".

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: Baik. Tuan Pengerusi, tadi Yang Berhormat Tasek Gelugor mengatakan bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak akan menjemput Ahli Parlimen Barisan Nasional dan tidak akan menjemput ICU.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, *the last sentence*, Yang Berhormat. *You are accusing* Yang Berhormat Tasek Gelugor *as irresponsible*.

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: *Irresponsible, yes, because the same thing happened in Perak and the other state as well.*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ada P.M. 36(6), tidak boleh sangkaan jahat.

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: *Opposition MPs are also not invited if the similar...*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, sebentar, Yang Berhormat. Yang itu okey. Poin awal itu okey. Yang di hujung itu. P.M. 36(6) kata seorang Ahli tidak boleh melakukan sangkaan jahat terhadap ahli yang lain. Saya minta Yang Berhormat tarik balik yang mengatakan Yang Berhormat Tasek Gelugor tidak *responsible*, Yang Berhormat.

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: Okey, supaya kita tidak membuang masa atas isu ini yang tidak penting, saya tarik balik.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, terima kasih Yang Berhormat.

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: Okey. Baiklah, Yang Berhormat Menteri, maaf, di kawasan pusat-pusat pemindahan yang telah digazetkan, contohnya yang banjir di Seberang Perai Tengah (SPT), Dewan Pejabat Daerah dan Tanah SPT telah digazetkan sebagai pusat pemindahan. Akan tetapi, memandangkan kawasan Parlimen Batu Kawan yang berhampiran dengan Bukit Mertajam, beribu-ribu mangsa banjir tidak dapat duduk di satu tempat dewan perpindahan. Jadi pada masa tersebut, satu lagi tempat telah digunakan oleh penduduk-penduduk di kawasan Taman Mangga, Taman Pinang, perkampungan Juru iaitu satu dewan yang besar tetapi bukan digazetkan.

Lagi satu, Yang Berhormat Menteri, saya juga ingin *put on note here* bahawa banyak tempat di Pulau Pinang *totally cut off* masa banjir. Kawasan-kawasan yang rendah yang memang paras air sampai dada, memang kereta tidak boleh lalu, motor lagi teruk. *Then only big trucks could go in*. So, mungkin bukan isu penduduk tidak mahu berpindah tetapi tidak dapat keluar daripada taman mereka. Jadi, mereka menggunakan dewan-dewan yang dekat dengan rumah yang apa mereka boleh bawa dengan tangan mereka sendiri, *they just brought what they had and just move to the nearest safest dewan*. So, I just want to put that point on note here. Bukan penduduk tidak mahu berpindah ke kawasan yang telah digazetkan. Terima kasih.

Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat Tasek Gelugor, terima kasih Yang Berhormat Batu Kawan. Bukannya apa—berkobar-kobar ini ya— *because* masing-masing, saya rasa, terasa sangat masa banjir itu.

Saya juga faham dan inilah keadaannya, Yang Berhormat, sebab kadang-kadang kita tidak boleh rancang ianya datang dengan begitu rupa. Dulu Kelantan pun sama. Kadang-kadang kami terfikir sejenak apa lagi yang kita hendak buat. Betul, Yang Berhormat, kadang-kadang kami kena marah. Kami nak membawa makanan— ini elok saya cerita. Kami hendak membawa makanan, kami nak memberi makanan, kami dimarahi oleh askar-askar— bukan marah— *sorry*, Yang Berhormat Timbalan Menteri askar tengok. Bukan marah jahat, bukan marah jahat...

Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Seri Mohd. Johari bin Baharum]: Askar marah tadi, kita tidak hantar askar sudah.

Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim: Bukan marah jahat. Askar bertanya dengan kami JKM— tetapi ini adalah keadaan yang biasa berlaku ya, bertekak-tekak sesama sendiri. Dia tanya kepada saya, "*Yang Berhormat, hendak bawa makanan ke hendak selamat nyawa dahulu?*". Jadi, ini keadaannya, Yang Berhormat. Jadi, saya boleh merasakan semua apa yang kita fikir sebab kita hendak yang terbaik, kita hendak rakyat kita itu dalam keadaan selamat, keadaan yang terjaga tetapi ini juga berlaku.

Namun, kita ada dengan *gold standard* kita— dan kadang-kadang *standard* ini tidak dapat diimplementasikan sebab keadaan banjir sebegitu rupa.

■1920

Eloklah saya pindah sekarang ini Yang Berhormat ya kepada kes buli. Kes buli.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Lipis bangun.

Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim: Kes buli. Mana?

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Lipis.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Isu yang sama.

Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim: Yang Berhormat Lipis ya?

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Isu yang sama.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, sila Yang Berhormat Lipis.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Dalam isu yang sama seperti dinyatakan oleh rakan-rakan sebentar tadi, saya juga terpanggil untuk memberi pandangan sebenarnya dalam isu banjir ini. Dalam keadaan banjir memang kita akui tentera, polis, bomba memang selalu menasihati kita supaya menjaga keadaan banjir yang sangat besar ini.

Akan tetapi dalam soal ini, kita kena mengambil kira juga seperti yang dikatakan oleh rakan-rakan tadi bahawa pusat-pusat perpindahan banjir ini adalah tempat kita mendaftar tetapi malangnya ada sesetengah yang tidak dapat berpindah ke tempat pendaftaran ini. Masalahnya pertama, mereka tidak dapat menerima bantuan daripada JKM. Kedua, apabila disenaraikan nama di bawah NADMA, mereka tidak disenaraikan untuk mendapat bantuan. Ini yang perlu kita fikirkan.

Kita bertegas supaya mereka berpindah ke tempat-tempat perpindahan banjir ini sedangkan mereka ini hendak keluar ke tempat perpindahan banjir ini tidak boleh, kita yang hendak menghantar barang pun tidak boleh. Jadi ini yang perlu kita fikirkan bahawa sesetengah tempat itu

mesti juga kita menerima senarai-senarai mangsa banjir yang tidak boleh berpindah ini. Kita kadang-kadang sangat tegas kepada perkara perpindahan banjir ini.

Saya tahu, berlaku di tempat saya. Kawasan lebih besar daripada pemandangan seperti laut banjir ini. Kita hendak pergi, memang betul tentera nasihat jangan, ini air laju, ke mana arus deras pun kita tidak tahu. Akan tetapi apabila sampai masa bantuan banjir, tidak didaftarkan nama. Kemudian sampai pula NADMA tidak juga mendaftar nama, akhirnya mereka marah kepada kita. Saya minta pandangan Yang Berhormat Menteri supaya diberi perhatian serius dalam hal ini, boleh kita fikirkan bahawa mereka juga ini layak menerima bantuan tersebut.

Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat, terima kasih banyak-banyak di atas cadangan tersebut, *insya-Allah* kita cuba menambah baikkan lagi. Yang Berhormat, ia macam ini, dalam pusat pemindahan itu memang tugas dan tanggungjawab Jabatan Kebajikan masyarakat. Di luar daripada pusat pemindahan di situlah masalahnya Yang Berhormat tetapi sebenarnya di luar pusat pemindahan, saya difahamkan bahawa ini adalah di bawah pegawai daerah.

Akan tetapi tidak mengapa Yang Berhormat, kita masa ini jangan – cadangan ini banyak. Kita akan mengambil maklum dan kita cuba sebab kita *aa'uzubillahiminzalik*, jangan terjadi apa-apa. Kita cepat-cepatkan akan tangani masalah ini khususnya bukan tidak hendak berpindah ke pusat pemindahan, mereka pun tidak dapat berpindah. Yang Berhormat betul, itu yang disarankan. Namun, terima kasih kepada semua dan ini adalah masalah yang kita harus tangani bersama, itu tidak kira siapa lagi sebab kita ingatkan rakyat kita yang menderita akibat bencana. Akan tetapi terima kasih atas semua cadangan-cadangan tadi.

Isu buli, Yang Berhormat Kuala Selangor, saya *migrate* ya Tuan Pengerusi. Isu buli, terima kasih kepada Yang Berhormat Kuala Selangor sebab memang kami baru sahaja bermesyuarat di bawah Majlis Sosial Negara dan satu yang pertama kami sama-sama bincang adalah takrif buli ini sendiri. Takrif buli ini Tuan Pengerusi. Macam mana kita hendak mentakrifkan buli? Kalau kami melihat daripada kes-kes yang dilaporkan kepada PDRM, kes buli ini paling sedikit. Akan tetapi kes-kes lain macam kes gengsterisme, kes pukul dan sebagainya, jadi berkemungkinan kes buli ini juga adalah di dalam kes-kes yang lain. Jadi jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri mengatakan sama-sama kita melihat kepada kes-kes buli, takrif kan dahulu.

Akan tetapi sebenarnya semua kementerian khususnya Kementerian Pendidikan memang dia punya SOP untuk menangani kes-kes buli dalam sekolah memang sebegitu terperinci tetapi itu di dalam sekolah. Kadang-kadang kes ini berlaku di luar *gate* sekolah. Jadi tidak apa, kita baru bermesyuarat minggu lepas dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri masing-masing memberi tugas kepada kementerian-kementerian untuk kembali di meja perbincangan supaya kita betul-betul mendapat takrifan. Selepas daripada itu barulah kita dapat mengaturkan tindakan-tindakan untuk kita menangani kes-kes buli sehingga telah menyebabkan kehilangan nyawa. Itu yang menjadi kerisauan.

Akan tetapi *insya-Allah* Yang Berhormat, kita akan mencari penyelesaian yang lebih komprehensif untuk kita menangani kes-kes buli yang disebutkan. Sekarang ini bukan sahaja kes buli tetapi banyak masalah-masalah sosial yang lain yang seperti disebutkan oleh beberapa orang Yang Berhormat tadi, ia bermula dengan keluarga bahagia. Bagaimana kita mewujudkan daripada

unit keluarga itu supaya mereka ini dewasa sebagai orang-orang yang lebih bertanggungjawab dan tidak mengambil tindakan yang sangat berbahaya sehingga kehilangan.

Satu Yang Berhormat. Yang Berhormat Kuala Kangsar menyebutkan dari segi iaitu menjamin kesaksamaan gender. *Insyah-Allah*, tidak lama lagi kita akan membawa masuk satu rang undang-undang kesaksamaan gender dan kalau dapat semua memberi pandangan yang terbaik supaya kita dapat mewujudkan sebuah rang undang-undang untuk mengatasi banyak masalah yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat.

Sebelum saya habis Yang Berhormat, sekali lagi saya maklumkan kalau ada beberapa jawapan itu tidak berapa lengkap, saya akan minta pegawai saya memberikan semua jawapan secara bertulis. Akan tetapi ingat Yang Berhormat, tahun 2018 adalah tahun memperkasakan wanita. Sama-samalah kita menonjolkan dari segi kehebatannya wanita Malaysia. Sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM2,033,629,500 untuk Maksud B.48 di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM2,033,629,500 untuk Maksud B.48 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM189,317,800 untuk Maksud P.48 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2018 hendaklah diluluskan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM189,317,800 untuk Maksud P.48 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2018]

Maksud B.60 [Jadual] – Maksud P.60 [Anggaran Pembangunan 2018]

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Giliran Kementerian Pertahanan, Kepala Bekalan B.60 dan Kepala Pembangunan P.60 di bawah Kementerian Pertahanan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Seremban.

7.27 mlm.

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ada beberapa perkara, persoalan yang pendek yang ingin ditunjukkan kepada pihak Kementerian Pertahanan. Untuk B.60, Butiran 010600 dan P.60, Butiran 00100 - Tentera Darat berkenaan dengan pembinaan.

Pertamanya berkenaan dengan Rejimen Keempat Artileri Diraja yang kini bertugas di Kem Sikamat di bawah Parlimen Seremban diumumkan akan berpindah ke Kem Segamat di Johor. Saya hendak tanya apakah pertimbangan perubahan tersebut kerana kem di Sikamat itu sudah berpuluh tahun terletak di lokasi tersebut dan setahu saya tidak ada apa-apa perancangan pembangunan di tanah tersebut, mengapakah kem itu dipindahkan ke Segamat? Apakah

pertimbangan perubahan tersebut sama ada faktor strategi pertahanan ataupun faktor pengurusan dan kewangan ataupun ada faktor-faktor yang lain? Sekiranya kem ini dipindahkan sudah tentunya akan melibatkan satu perbelanjaan yang amat besar.

Kedua, sekiranya betul bahawa Kem Sikamat ini akan dipindahkan, bilakah ia dijangka akan dikosongkan sepenuhnya dan apakah kegunaan tanah kem tersebut setelah dipindahkan? Sudah kah ada rancangan pembangunan ataupun penswastaaan terhadap tanah kem di Sikamat tersebut?

Ketiga berkenaan dengan Kem Segamat di Johor. Bilakah tarikh jangka siap? Berapa kos pembinaan, nama kontraktor yang mendapat *award* tersebut dan nilai kontrak tersebut? Apakah status kemajuan projek ini? Adakah ia mengikut jadual asal ataupun sudah lewat? Apa yang mencurigakan ialah walaupun kita tahu Kem Segamat ini belum disiapkan dan belum ada operasi di kem tersebut tetapi baru-baru ini dikhabarkan bahawa ada lebih 1,000 askar-askar telah pun dipindahkan ke sana sebagai pemilih di kem tersebut di bawah Parlimen Segamat.

■1930

Kita juga ingin meminta maklumat yang sama ada kem-kem tentera baru yang dibina di Hutan Melintang di negeri Perak ataupun di Bera, Pahang. Bilakah tarikh dijangka siap, nilai kontrak dan status kemajuan projek tersebut? Saya meminta pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menyatakan dalam tempoh tiga tahun yang akan datang sehingga tahun 2020, berapakah projek pembangunan kem tentera baru yang telah dirancang, di manakah lokasi yang terlibat dan anggaran kos? Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberikan maklumat terperinci mengenai rancangan membina kem baru di Pagoh dan di Kampung Gajah, sama ada projek sudah bermula dan tempoh jangka siap.

Saya rasa perkara-perkara ini penting kerana kita tidak mahu bahawa kem-kem tentera ini, kita tahu bahawa kem tentera adalah untuk pertahanan negara, untuk perancangan strategik. Akan tetapi kalau sesuatu kem tentera itu belum lagi disiapkan, mengapakah ada anggota-anggota tentera, nama-nama mereka dipindahkan ke sana untuk dijadikan sebagai pengundi di sesuatu kawasan itu? Kita tidak harap bahawa kem-kem tentera ini dijadikan sebagai satu komoditi politik untuk pihak-pihak tertentu. Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat memberikan penjelasan yang sejelasnya. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Merbok.

7.31 mlm.

Prof. Dr. Ismail bin Daut [Merbok]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Butiran 00100 – Pembinaan. Tuan Pengerusi, Kementerian Pertahanan Malaysia ialah sebuah kementerian yang bertujuan untuk memelihara kedaulatan, keutuhan, kepentingan dan hak strategik negara Malaysia ke arah mewujudkan rantau yang aman dan makmur. Kementerian ini bertanggungjawab untuk melaksanakan Dasar Pertahanan Negara dan segala pengurusan hal ehwal pertahanan serta sumber-sumber yang memperuntukkan Angkatan Tentera Malaysia untuk mempertahankan negara.

Bagi menghargai Angkatan Tentera Malaysia, banyak inisiatif yang perlu dilakukan terutama sekali apabila kos sara hidup semakin meningkat. Saya berharap dan mencadangkan tangga kenaikan gaji mengikut tahun dinaikkan. Sebagai contoh, pangkat prebet yang hanya

mendapat kenaikan tahunan sebanyak RM100 setahun selama memakai pangkat tersebut dinaikkan ke RM200. Begitu juga dengan lain-lain pangkat yang mengikut tangga gaji. Dengan kenaikan ini, dapatlah membantu menampung sedikit sebanyak kos sara hidup yang kita kini ketahui kos sara hidup yang semakin meningkat pada masa ini.

Tuan Pengerusi, selain itu menambahbaikkan infrastruktur dan juga aset di setiap kem angkatan tentera di seluruh Malaysia amat disarankan. Sebagai contoh, di kawasan Parlimen Merbok, terdapat dua buah kem tentera iaitu Kem 6 Briged, kediaman anggota tentera yang mengalami masalah bekalan air. Namun begitu, ucapan terima kasih kepada pihak SADA kerana telah berjaya menyelesaikan masalah tersebut dengan efektif.

Kem Lapangan Terbang yang memerlukan kemudahan *aircond* di dewan kem tersebut di lapangan terbang kerana banyak aktiviti yang dijalankan di dewan tersebut antaranya gelanggang badminton dan majlis. Sekolah kebangsaan anak-anak angkatan tentera di Kem Lapangan Terbang memerlukan kemudahan daripada segi perpustakaan untuk memudahkan pelajar-pelajar untuk mencari sumber rujukan dan padang bola juga perlu dinaiktarafkan kepada padang serba guna. Masjid Kem Lapangan Terbang perlu dinaiktarafkan kerana keadaan masjid yang daif. Gimnasium yang lengkap dengan peralatan-peralatan senaman juga diperlukan setaraf dengan gimnasium komersial. Kesselesaian amat perlu dititikberatkan supaya segala aktiviti yang dilakukan atau dianjurkan kepada- dijalankan dengan penuh kesselesaian bagi menghargai jasa mereka dalam mempertahankan negara.

Butiran 030100 – Pengurusan Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV). Tuan Pengerusi, tidak dilupakan pada veteran-veteran Angkatan Tentera Malaysia turut perlu dijaga dan ini dapat menghargai kepada mereka. Elaun pencen yang diberikan kepada pesara dan pesara baru harus diselesaikan supaya nasib pesara lama lebih terbela. Jika penyelesaian elaun pencen diselesaikan, veteran lama dan veteran baru akan terbela nasib mereka. Manakala veteran yang disenaraikan sebagai OKU, tidak kisah sama ada kekal atau sementara perlu dipandang serius. Ini kerana mereka amat perlu bantuan terutama sekali kerusi roda bagi memudahkan pergerakan mereka. Selama ini Ahli Parlimen Merbok memperuntukkan kerusi roda kepada Persatuan Pesara Veteran dan orang-orang perseorangan.

Tuan Pengerusi, amatlah berbesar hati jika bantuan yang dinyatakan dapat dipertimbangkan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) telah banyak menabur budi dan jasa dalam menjaga keamanan dan kesejahteraan negara. Kita seharusnya menghargai penat lelah serta pengorbanan yang mereka lakukan. Jika kita hayati, mereka sanggup meninggalkan keluarga demi menggalas tanggungjawab di dalam menjaga keamanan dan kemakmuran negara. Tidak dinafikan ada yang meninggalkan keluarga bertahun-tahun demi melakukan misi dan kesejahteraan sejagat. Jasa mereka terlalu besar dan bermakna.

Angkatan Tentera Malaysia termasuklah darat, laut dan udara masing-masing mempunyai tanggungjawab dalam menjaga kemakmuran dan kesejahteraan negara kita. Kita bersyukur negara kita masih juga akan mereka di barisan hadapan kita bagaimana keamanan negara akan terjamin. Justeru itu, penghargaan yang besar harus diberikan kepada mereka supaya mereka tahu bahawa kita sanggup menghargai penat lelah dan keberanian mereka dalam menjaga negara. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kuala Terengganu.

7.38 mlm.

Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin... *[Disampuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kuala Terengganu.

Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]: Saya?

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya.

Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]: Okey. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Jangan terganggu dengan Yang Berhormat Pokok Sena, Yang Berhormat.

Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]: Gangguan. *[Ketawa]* Saya ingin berbahas tentang Kementerian Pertahanan di bawah Butiran 010000 – Kesiagaan dan Operasi yang telah naik daripada RM10.2 bilion hingga RM11.1 bilion dan juga Pengurusan Bantuan Bersama di bawah Butiran 010100 dan Butiran 050100 – Bertugas ke Luar Negara.

Tuan Pengerusi, kebelakangan ini Malaysia telah banyak terlibat di dalam senario di Timur Tengah atau *presence* di Timur Tengah dan Malaysia terdahulu lebih terkenal sebagai negara yang berkecuali di dalam isu-isu serantau dan juga antarabangsa. Di antara persoalan yang kita ingin tahu di sini, dengan kehadiran kita begitu lama di Timur Tengah, apakah kos penempatan tentera kita di Arab Saudi khususnya?

■1940

Ini kerana pada awalnya, kita telah diberitahu bahawa ia merupakan untuk tujuan evakuasi peperangan yang berlaku di Yaman dan juga untuk sebab-sebab logistik. Akan tetapi, setelah lebih daripada dua tahun dan evakuasi semuanya telah dilakukan, kenapakah kita masih di sana dengan berbagai-bagai versi atau jawapan yang berbeza dari semasa ke semasa. Daripada yang dikatakan untuk memindah penduduk Malaysia atau pelajar Malaysia dan juga peranan kita sebagai *non-combative role* di Arab Saudi dan juga laporan daripada panel *expert* daripada Bangsa-bangsa Bersatu yang menyatakan kita terlibat dengan pasukan sekutu Arab Saudi. Akhir sekali pada minggu lepas pula, Arab Saudi menyatakan Malaysia bersama di dalam sekutu mereka. Jadi kita perlu penjelasan, apakah sebenarnya penglibatan Malaysia di Arab Saudi kerana berlaku banyak penjelasan yang berbeza-beza yang telah diberi.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyatakan di sini, kenapakah kita perlu terlibat di dalam satu pergolakan rantau Timur Tengah? Jikalau sekarang kita terlibat dalam operasi di Yaman, adakah kita juga akan terlibat dalam sengketa di antara Arab Saudi dengan Iran, masalah Sunni, Syiah dan sebagainya. Di situlah kos penglibatan tentera kita yang makin meningkat perlu dijustifikasikan dengan sebab-sebab yang betul-betul memenuhi kepentingan dan kebijaksanaan untuk negara Malaysia dan serantau Asia, bukan Timur Tengah.

Saya juga ingin bertanya tentang mengapakan tentera-tentera kita tidak diberi tumpuan kepada keselamatan serantau seperti—daripada kita terlibat di Timur Tengah, lebih baik kita *deploy* dengan izin, tentera kita di Sabah dan membantu ESSCOM di dalam kegiatan-kegiatan lanun dan pencerobohan yang sering berlaku di kawasan tersebut. Juga, mengapa tidak kita pantau perkembangan pengaruh pencerobohan negara asing seperti di Laut China Selatan? Di situlah

prioriti perlu ditetapkan untuk memberi jaminan rantau ini diberi keutamaan, bukan di rantau yang jauh daripada Malaysia. Satu lagi adalah, kita boleh juga memberi satu tumpuan kepada situasi di kawasan-kawasan perairan yang terlibat dengan perbalahan atau persengketaan nelayan asing yang menceroob perairan kita seperti di Pantai Timur dan juga di sebahagian daripada kawasan perairan Sabah dan Sarawak.

Akhir sekali Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyentuh tentang pemberian tanah seluas 40 ekar kepada Kerajaan Arab Saudi di Putrajaya bagi tujuan membina *King Salman Peace Centre* atau anti keganasan. Apakah justifikasi? Mengapa diberi kemudahan kepada *King Salman Centre* ini apabila Arab Saudi sendiri terlibat dengan serangan ke atas Yaman dan menaja kumpulan bersenjata di Syria? Saya rasa di sini ada satu kontradiksi yang agak ketara. Di situ juga kita perlu beri perhatian bahawasanya laporan antarabangsa mengenal pasti bahawa 85 peratus daripada penyerang asal yang terlibat serangan *New York's World Trade Centre 9/11* adalah warga Arab Saudi.

Jadi saya rasa, kita tidak dapat memberi satu justifikasi yang meyakinkan kepada rakyat untuk perbelanjaan yang dikeluarkan untuk memberi kemudahan tersebut. Apakan lagi, baru-baru ini kenyataan seorang pegawai JAKIM yang terlibat dengan program pemulihan pegganas dan ekstremis menyoal kebijaksanaan kita berbelanja begitu besar untuk satu pusat bagi Kerajaan Arab Saudi, apabila beliau sendiri merasakan itu adalah tindakan yang kurang bijak dan mungkin beliau mengetahui sesuatu yang melibatkan Arab Saudi di dalam isu-isu budaya pegganas yang telah merebak sehingga ke rantau ini.

Itulah di antara isu-isu yang saya minta kerajaan dan kementerian memberi satu penelitian. Biarlah kita ada satu justifikasi yang boleh meyakinkan rakyat. Dalam waktu kerajaan tidak mempunyai peruntukan mencukupi untuk membiayai operasi biasa di negara sendiri, kenapakah kita hari ini terlibat dalam banyak operasi-operasi di Benua Arab dan rantau lain, terutamanya dengan sekutu yang lebih melibatkan negara Arab dan Afrika kerana itu bukanlah benua yang kita ada kepentingan diri. Lebih baiklah lagi kita menentukan nasib kita sendiri di rantau ASEAN yang banyak berlaku perebutan kawasan di perairan Laut China Selatan di antara negara-negara ASEAN dan juga negara China. Itulah yang kita perlu bagi perhatian. Saya mohon kementerian memberi jawapan dari segi perbelanjaan di Arab Saudi dan juga prioriti perbelanjaan di rantau kita. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Setiawangsa.

7.46 mlm.

Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]: Tuan Pengerusi, saya ingin menjurus kepada Butiran 020200 – Latihan PLKN. Saya ada empat soalan. Apakah perbezaan penambahbaikan yang paling ketara antara PLKN dan PLKN 2.0 ini? Kedua, sejauh manakah PLKN 2.0 ini berjaya mencapai objektif yang ditetapkan? Apakah perancangan pada masa hadapan dari segi aspek pertahanan terhadap bekas pelatih PLKN yang telah tamat latihan ini? Berapakah jumlah terkini pengambilan pelatih PLKN 2.0 ini? Adakah pihak kementerian bercadang meningkatkan jumlah pelatih bagi setiap sesi ambilan pada masa akan datang? Mengapakah PLKN 2.0 ini dilihat kurang mendapat liputan media, publisiti dan sebagainya jika hendak dibandingkan dengan semasa awal

pelaksanaan PLKN dahulu? Ini kerana jika dilihat pada hari ini, PLKN 2.0 tidak menjadi tumpuan dan buah mulut orang ramai.

Kedua ialah Butiran 050500 – Menangani Keusangan Sistem dan Latihan. Soalan saya, sejauh manakah sistem pertahanan siber sedia ada negara bersedia bagi mengatasi segala kemungkinan ancaman daripada pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab ini? Apakah status terkini Pusat Operasi Pertahanan Siber (*Cyber Defense Operation Center*) yang dalam perancangan, bakal mula beroperasi pada September yang lalu? Adakah tenaga pakar dan teknologi yang diguna pakai di dalam CDOC ini terdiri daripada anak tempatan ataupun luar negara? Akhir sekali, sejauh manakah kerjasama di antara CDOC dan Kementerian Komunikasi dan Multimedia bagi mengesan awal sebarang bentuk ancaman siber yang mungkin berlaku. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Lumut.

7.47 mlm.

Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]: *Alhamdulillah syukurillah.* Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada B.60 dan P.60 Kementerian Pertahanan. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pertahanan kerana mendapat peruntukan sebanyak RM15.8 bilion untuk tahun 2018. Apa yang saya harapkan Tuan Pengerusi, Kementerian Pertahanan dapat menggunakan RM12.6 bilion peruntukan mengurus untuk menguruskan aset-aset ATM supaya berada di dalam tahap kesiagaan yang tertinggi.

Seterusnya Tuan Pengerusi, peruntukan sebanyak RM3.3 bilion diperuntukkan untuk pembangunan dan saya ingin mendapat butiran sedikit daripada kementerian, ke manakah RM3.3 bilion ini dibelanjakan. Saya sampaikan soalan daripada Yang Berhormat Batu Pahat, dia bertanya bilakah Kem Batu Pahat boleh disiapkan dan boleh dioperasikan? Berapakah kos yang telah dibelanjakan?

Tuan Pengerusi, seterusnya saya merujuk kepada Butiran 040100 – Pengurusan Kementerian Pertahanan. Saya ingin mendapatkan pendirian Kementerian Pertahanan mengenai permohonan Tetuan Zalil Mohd and Partners untuk kes kematian Allahyarham 837428, Laskar Kelas1 TLS, Muhammad Lailatulman bin Mohd Sukri yang dibicarakan di Mahkamah Sivil. Pihak Tetuan dan waris memohon supaya kes ini dibicarakan di Mahkamah Angkatan Tentera oleh sebab mereka melihat perbicaraan di Mahkamah Sivil, jika didapati bersalah, hukumannya sekadar satu tahun penjara sahaja. Akan tetapi sekiranya dibicarakan di dalam Mahkamah Angkatan Tentera dan didapati bersalah, hukumannya merupakan dua tahun penjara dan juga RM1,000 denda kalau tidak silap saya.

■1950

Tuan Pengerusi, saya juga ingin tahu dari pihak Kementerian Pertahanan, apakah pengiktirafan yang telah diberi kepada seorang pegawai TLDM yang ditugaskan menyerahkan wang tebusan sebanyak USD2 juta kepada perompak-perompak dan lanun di Somalia pada tahun 2004? Saya harap pengiktirafan sebaik-baiknya telah dikurniakan atau jika belum kita mohon supaya pengiktirafan sewajarnya diberi kepada pegawai tersebut oleh sebab ia menggadai nyawa demi memastikan keadaan aset-aset kita membuat laluan selamat di perairan Somalia, Tuan Pengerusi.

Seterunya Tuan Pengerusi, saya rujuk kepada Butiran 030100 – Pengurusan Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV). Tahun 2018 Jabatan Hal Ehwal Veteran akan diperuntukkan sebanyak RM107.4 juta sahaja untuk menguruskan lebih daripada 300 ribu veteran. Pada pandangan saya ini tidak mencukupi, oleh yang demikian saya ingin mencadangkan kepada Kementerian Pertahanan supaya memohon tambahan sebanyak RM1 bilion lagi oleh kerana kita tahu pada tahun 2018 kerajaan akan mendapat hasil tidak diduga ini, hasil yang tidak disangka akan dapat sebanyak lebih kurang RM10 bilion. Maka sebab itu kita kata mengapa tidak boleh disumbangkan RM1 bilion kepada veteran-veteran ATM untuk menyelesaikan beberapa masalah. Antaranya selesaikan tuntutan ganti rugi kepada 404 pegawai ATM pengambilan 1972 kerana telah disilap kategorikan dan menyebabkan mereka rugi, gaji mereka pada setiap bulan sehingga mereka tamat perkhidmatan.

Oleh itu sekiranya Kementerian Pertahanan dapat peruntukkan tambahan sebanyak RM1 bilion mungkin bayaran ganti rugi boleh dilakukan kepada pegawai-pegawai tersebut. Seterusnya, ia juga boleh digunakan untuk membayar sumbangan kepada veteran yang bersara sebelum tahun 1980. Oleh sebab kita tahu gaji ataupun pencen mereka tidaklah sepadan dengan sumbangan yang telah mereka korbakan sebelum ini. Sebagaimana dikatakan oleh Yang Berhormat Merbok tadi kita seharusnya menghargai pengorbanan tentera yang telah memberi nikmat kepada kita untuk terus hidup dan bersidang pada hari ini di dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin mendapatkan penjelasan daripada Kementerian Pertahanan mengenai dakwaan veteran yang menyokong supaya ataupun dakwaan mengatakan veteran akan menggulingkan kerajaan. Oleh sebab kita lihat daripada pengorbanan yang telah dilakukan oleh veteran tidak mungkin ia mempunyai cita-cita seperti itu. Cuba Tuan Pengerusi lihat satu contoh pengorbanan yang telah dilakukan oleh Komando Yaacob pada tahun 1972 apabila sebelum 1972, antara 1966 sehingga 1998 zaman komunis apabila beliau bertempur dengan komunis. Apabila berlaku letupan jerangkap samar badan Yaacob tercampak sejauh tiga meter, tangan kanannya putus dan hancur manakala sebahagian tapak tangan kirinya turut mengalami nasib yang sama. Kening dan tepi dagu juga terkoyak, mata kirinya menjadi rabun sehingga sekarang. Walaupun dalam keadaan cedera parah dia masih sedar dan tidak merasa sakit langsung yang dia rasa hanyalah kebas sehingga di bawa ke hospital. Sekarang beliau merupakan seorang tukang kayu.

Oleh yang demikian saya mohonlah kepada pihak kementerian supaya menjejak komando ini dan seharusnya kita beri bantuan sewajarnya. Jadi tuduhan ataupun dakwaan untuk guling kerajaan ini tidak mungkin dilakukan oleh veteran. Sebagaimana kita tahu di Zimbabwe tentera yang aktif mengambil alih kerajaan.

Tuan Pengerusi, saya ingin juga menyebutkan kepada Yang Berhormat Menteri Kementerian Pertahanan supaya melihat Akta Veteran khususnya di komposisi Majlis Veteran Kebangsaan supaya dilihat semula dan diharap ia boleh dianggotai oleh semua pengerusi atau presiden semua persatuan-persatuan yang didaftarkan di bawah veteran. Jika tidak veteran memohon supaya wakil daripada tiap-tiap perkhidmatan Persatuan Veteran TUDM, Persatuan Veteran TLDM dan juga tentera darat dipilih dan dilantik untuk menganggotai Majlis Veteran Kebangsaan Malaysia.

Akhirnya Tuan Pengerusi, saya mohon merujuk kepada Butiran 010200 – Operasi Bantuan Bersama. Kita pernah dengar dakwaan yang mengatakan bahawa Ketua Pengarah Perisikan Pertahanan telah menerima sebanyak RM7 juta pada 8 April 2013. Soalan saya Tuan Pengerusi, saya mohon pengesahan daripada kementerian sama ada akaun ini masih lagi wujud? Apakah perbelanjaan yang telah digunakan sebanyak RM7 juta yang dibagi kepada Ketua Pengarah Perisikan Pertahanan pada 8 April 2013? Saya harap Tuan Pengerusi saya dapat jawapan yang memuaskan daripada pihak kementerian. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pokok Sena.

7.56 mlm.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Baik, terima kasih Tuan Pengerusi yang memberikan peluang kepada saya untuk terlibat dalam perbincangan bagi B.60 dan P.60 iaitu Kementerian Pertahanan. Saya ingin menyentuh perkara yang berkaitan dengan B.60 Butiran 010500 – Pengurusan pertahanan Darat bersekali dengan Butiran 00100 – Pembinaan iaitu P.60, bersekali.

Saya hendak dapatkan penjelasan walaupun tadi telah disentuh oleh Yang Berhormat Seremban iaitu berkaitan dengan tiga kem iaitu Segamat, Bera dan Hutan Melintang. Apa asas dan perkiraan yang dibuat oleh pihak Kementerian Pertahanan khususnya oleh Pihak Tertinggi Angkatan Tentera ini untuk membuat permohonan kepada SPR bagi menjadikan dan mewujudkan kem-kem tersebut sebagai lokaliti dalam konteks pilihan raya sedangkan kem-kem ini masih dalam pembinaan. Sedangkan syarat untuk kita mendaftarkan dia sebagai lokaliti dan sekali gus untuk menyenaraikan pemilih di tempat tersebut dia mestilah mereka yang beralamat di kem tersebut. Ini peraturan yang ada dalam SPR. Jadi macam mana pihak Angkatan Tentera Kementerian Pertahanan ini menamakan mereka ini, mengalamatkan anggota tentera di kem yang masih belum beroperasi, macam mana?

Kem itu dalam pameran. Adakah mereka ini juga angkatan tentera yang setiap satu kem itu seribu lebih itu adakah mereka juga merupakan pekerja kontrak untuk buat binaan? Untuk membolehkan menghalalkan pihak kerajaan mewujudkan lokaliti kepada kem yang masih belum beroperasi. Ini disebut oleh jawapan kepada saya oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dalam perbincangan dasar di peringkat yang berkaitan dengan – Menteri yang berkaitan menjaga soal SPR ini.

Dikatakan bahawa pewujudan lokaliti bagi kem tersebut telah dilaksanakan setelah pihak ATM mengesahkan bahawa kem tersebut telah beroperasi. Jadi saya hendak dapat penjelasan itu, macam mana ini dikatakan kem tersebut telah beroperasi Tuan Pengerusi sedangkan semua orang tahu bahawa kem itu dalam pembinaan. Sebab itu yang saya sentuh tadi saya katakan bahawa adakah anggota tentera yang dinamakan dan dialamatkan di situ dalam daftar pemilih itu...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, apa isu ini Yang Berhormat? Daftar pemilih ataupun isu kem.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tidak, tidak isunya kem, kem beroperasi itu.

[Dewan riuh]

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ia mesti *confine* kepada isu kem Yang Berhormat ya.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ya, sebab itu saya katakan macam mana nama mereka dialamatkan di kem yang belum beroperasi?

■2000

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya isu kem, jangan isu SPR, isu SPR sudah berlalu ya.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ya, tidak apalah. Oleh sebab dia ada kaitan dengan penipuan, penipuan kerajaan, penipuan Kementerian Pertahanan, penipuan pihak tertinggi Angkatan Tentera terhadap SPR, ini penipuan. Penipuan mengatakan bahawa kem tersebut beroperasi, sedangkan kem tersebut belum beroperasi.

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Boleh mencelah?

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ya sila.

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Tuan Pengerusi, saya mendengar perbincangan daripada Yang Berhormat Pokok Sena berkaitan dengan isu kem tentera di Segamat ini yang katanya masih belum, ada kem tetapi telah pun beroperasi. Sedar kah Yang Berhormat bahawa dalam Daerah Segamat ini, sebenarnya antara perkara yang menjadi kerisauan kami ialah hal yang berkaitan dengan banjir. Kemasukan tentera awal ke kawasan Segamat ini tidak lain dan tidak bukan ialah untuk membantu kita sebenarnya kerana pengalaman kita pada banjir yang lepas, bila mana ada berlakunya banjir, pihak tentera datang ini, ia tidak tahu kawasan mana yang sebenarnya boleh dilalui oleh pihak tentera.

Jadi saya hendak minta pandangan daripada Yang Berhormat Pokok Sena yang juga pernah terkandas di Daerah Segamat semasa pilihan raya kecil di Tenang. Apa pandangan Yang Berhormat dalam hal ini. Adakah perlu kita tunggu kem tentera siap, baru kita hendak buat persediaan. Kita tidak hendak jadi macam di Pulau Pinang, sudah jadi kelam kabut baru hendak minta pertolongan tentera. Jadi kita buat persediaan awal dulu. Jadi, apa pandangan Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, ya Yang Berhormat di kawasan saya di Beluran ada kem ESSCOM, satu batalion.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Akan tetapi kem tidak wujud tapi telah wujud satu batalion tentera untuk ESSCOM dan sekarang mereka berpangkalan di Kem Tentera Sandakan, Yang Berhormat ya.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tetapi tidak apa.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tetapi lebih kepada isu butiran Yang Berhormat, tentera. SPR tidak berkaitan Yang Berhormat.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ya, ya isu-isu butiran. Ya, ya saya tahu tetapi ini berkaitan, sebab ia permohonan, permohonan dibuat pengesahan kem beroperasi sedangkan kem itu belum beroperasi. Soalnya sekarang ini mereka tidak ditempatkan di kem tersebut. Mereka tidak duduk di kem tersebut. Mereka tidak bekerja di kem tersebut. Soal hendak bantu banjir, saya fikir mana-mana tentera daripada mana-mana kem boleh dikerahkan untuk ke kawasan banjir seperti mana yang dilaksanakan sekarang ini. Itu tidak timbul. Akan tetapi isunya

ialah kerajaan perlu menjawab ini menyentuh soal integriti. Bagaimana orang melihat bahawa soal proses penipuan yang dilakukan oleh Kementerian Pertahanan dalam mengesahkan pengoperasian satu-satu kem sedangkan kem tersebut masih belum beroperasi.

Jadi sebab itu saya minta penjelasan daripada pihak kerajaan khususnya daripada Yang Berhormat Menteri harus memberikan penjelasan ini, bagaimana mereka boleh menyatakan pengoperasian kepada kem sedangkan kem itu masih dalam pembinaan dan dijangka siap pada Jun, salah satu kem itu dijangka siap pada Jun 2018. Jadi ini permohonan daripada saya.

Kedua, saya hendak sentuh Butiran 020100 dan 020200 - Pengurusan Jabatan Latihan Khidmat (JLKN) dan Latihan PLKN. Saya hendak dapatkan penjelasan daripada kerajaan berapakah jumlah kem keseluruhannya yang dibina pada awal sampai sekarang dan berapa pula jumlah kem PLKN yang beroperasi setelah Transformasi PLKN 2.0. Dia berbeza kem yang wujud daripada awal dengan kem selepas daripada Transformasi PLKN 2.0.

Daripada jumlah PLKN yang masih beroperasi dalam PLKN 2.0 ini, berapa jumlah kem yang betul-betul membuat pengambilan atau membuat *intake* dalam latihan yang dibuat. Berapakah jumlah kos PLKN yang dibayar untuk setiap pengambilan, maknanya yang diperuntukkan dalam setiap pengambilan.

Isu yang keduanya berkaitan dengan soal jurulatih PLKN ini, berapakah jumlah jurulatih PLKN yang masih bersama dengan JLKN dan aktif di kem-kem latihan PLKN ini. Dan juga berapa jumlah mereka itu daripada jurulatih itu yang tetap dan juga kontrak dan juga yang kekal, yang tetap.

Ketiga ialah bagaimana kerajaan mengatasi masalah bila seseorang jurulatih PLKN yang kontrak ini, dia sudah *pi* latih, bila buat latihan untuk 2.0 untuk dia memahami benda-benda baru dalam PLKN 2.0 ini, dia diberikan latihan. Tiba-tiba oleh kerana dia kontrak dia dapat kerja lain. Jadi dia pergi ke tempat kerja baru. Jadi sudah tentu itu akan berlaku kekosongan jurulatih PLKN. Jadi sudah tentu ini akan memaksa kepada kerajaan cari jurulatih baru untuk diberikan latihan dan ini memerlukan kos yang berlebihan. Jadi apakah kerajaan tidak bercadang untuk memastikan supaya semua jurulatih PLKN itu diberikan taraf perjawatan yang tetap untuk mengelak daripada mereka yang telah terlatih ini, jurulatih yang ada pengalaman, yang sudah terlatih ini pergi ke tempat-tempat tawaran yang mereka perolehi untuk memastikan masa depan mereka. Akhir sekali saya hendak dapatkan jawapan ialah berapa yang terlibat dalam PLKN 2.0 ini, *intake* yang terbaru ini berapa jumlah kem yang terlibat. Sebab saya difahamkan bukan semua kem yang terlibat, tetapi dibuat selang seli di antara satu kem dengan satu kem yang lain. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Ya, perbincangan ini bolehlah kita tamatkan sebelum 8.30 nanti Yang Berhormat. Yang Berhormat Labuan.

8.06 mlm.

Datuk Rozman bin Isli [Labuan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Okey, saya terus ke Butiran 0050 dan 0060 – Tentera Udara, Pembinaan dan Kelengkapan. Saya ingin bertanya, apakah status mengenai pembangunan ataupun bajet RM50 juta yang telah diumumkan di Bajet 2016 dan Bajet 2017, lebih kurang dua tahun itulah. Selain daripada itu, saya juga ingin mendapatkan sedikit maklumat mengenai *upgrading* TUDM ataupun Projek HOC yang dipindahkan ke Labuan. Termasuklah mengenai perumahan angkatan tentera di mana rumah-rumah yang

dimiliki oleh Tentera Laut telah dipindah milik ke Tentera Udara. Jadi apakah status penyelenggaraan yang dibuat?

Selain daripada itu, saya juga ingin maklumat mengenai jumlah bajet keseluruhan untuk pengurusan pertahanan udara untuk Labuan di bawah Butiran 011400. Juga di Labuan ada Tentera Darat di mana beberapa tahun yang lepas satu batalion kecil telah ditempatkan di pangkalan feri *lane*. Adakah perancangan untuk ianya dijadikan *permanent* yang mana pada masa ini ianya adalah penempatan yang dipusing setiap tiga bulan kalau saya tidak silap. Yang mana kami merasakan sekiranya ada penempatan tetap dengan mereka tinggal bersama keluarga di Labuan, sedikit sebanyak ianya akan membantu ekonomi Labuan yang sangat merudum pada ketika ini dan Labuan sudah pun kehilangan keluarga-keluarga Tentera Laut yang dahulunya adalah satu pangkalan utama di Wilayah Dua tetapi pada masa sekarang mereka sudah dipindahkan ke pangkalan Sepanggar.

Di Labuan mempunyai banyak tanah-tanah yang dimiliki oleh Tentera Laut dan juga Tentera Darat. Jadi saya ingin tahu sekiranya ada perancangan untuk tentera laut kembali di adakan di Labuan memandangkan mereka masih lagi mengurus aset yang ada, yang mana kelihatan penyelenggaraannya terutamanya macam padang bola yang berada di hadapan jalan utama Labuan selalu kelihatan seperti tidak diselenggarakan dengan rumput yang panjang dan ia menyumbang kepada pandangan yang tidak berapa memberangsangkan.

■2010

Akhirnya, Butiran 030000 iaitu Kesejahteraan dan Kualiti Hidup Veteran Angkatan Tentera Malaysia (ATM). Saya sebutkan tadi tanah yang luas yang dimiliki oleh Angkatan Tentera Malaysia (ATM) di Labuan, saya lihat ia adalah satu aset yang boleh dibangunkan dan seterusnya ia boleh menyumbang kepada memberikan peluang kepada veteran-veteran yang ada di Labuan. Di mana Persatuan Veteran di Labuan selalu menyuarakan kepada saya, mereka juga ada memohon untuk diberikan sebahagian daripada tanah tersebut untuk dibangunkan sama ada tempat untuk peluang perniagaan ataupun dibangunkan untuk tarikan pelancongan ataupun dibangunkan untuk perumahan. Di mana ramai veteran-veteran yang menetap di Labuan tidak mempunyai rumah yang cukup baik ataupun masih menyewa sebahagiannya. Sekali gus ia akan dapat membantu kepada kemakmuran ekonomi Labuan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kapar. Selepas Yang Berhormat Kapar, selepas itu Yang Berhormat Menteri bolehlah menjawab.

8.11 mlm.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ada tiga Butiran, ringkas sahaja. Pertama ialah Butiran 011400 iaitu Pengurusan Pertahanan Udara. Ini berkenaan dengan Laut China Selatan. Saya telah bangkitkan beberapa kali. Saya ingin menambahkan penjelasan yang telah diberikan sebelum ini, khususnya berkenaan dengan peta China pada tahun 2009 yang mendapati peta mereka telah menceroob EEZ Malaysia di beberapa kawasan, khususnya Bintulu, Miri di Sarawak, perairan berhampiran Beaufort, Papar, Kota Kinabalu, Kota Belud, Kudat di Sabah. Juga kita ada, hasil daripada penelitian saya, saya mendapati bahawa ada bukti-bukti yang menunjukkan China masih lagi menceroob kawasan perairan di Malaysia. So, saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menerangkan

apakah status terkini pencerobohan. Adakah Laut China Selatan masih lagi dicerobohi? Jika ada, apakah persediaan kerajaan kita iaitu Kerajaan Malaysia dalam mengharungi pencerobohan ini di Laut China Selatan. Itu yang pertama.

Kedua adalah kita juga tahu Laut China Selatan dengan negara China ini ada satu kaitan yang agak padat iaitu Laut China Selatan digunakan untuk keberlangsungan bekalan tenaga dan pemerdagangan mereka. Jadi, dari sudut itu mempunyai minat tertentu di atas Laut China Selatan. Akan tetapi, mencerobohi kawasan Malaysia itu adalah sesuatu di luar yang kita boleh terima. Jadi, apakah memang wujud pencerobohan ini? Setakat mana keseriusan pencerobohan ini. Setakat mana kita sedang mempertahankan kawasan kita di Laut China Selatan.

Ketiga Tuan Pengerusi, adalah berkenaan dengan Butiran 020200 iaitu Latihan PLKN. Beberapa tahun dahulu apabila kita menubuhkan PLKN ini, kita berhasrat untuk melahirkan anak-anak muda yang bersifat ataupun bersikap patriotik. Kita mendapati ramai yang tidak jaga ataupun mengharumkan nama negara dari sudut patriotik. Jadi, kita bawa PLKN ini sebagai salah satu objektif utama. Kini, saya ingin mendapat penelitian ataupun penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Nombor satu, berapa banyak kampus ataupun pusat latihan PLKN yang masih berfungsi dan berapa banyak kampus atau pusat latihan PLKN yang telah ditutup atau dibiarkan tanpa apa-apa latihan kebelakangan ini. So, dua-dua yang masih berfungsi dan yang telah ditutup.

Ketiga, adalah berkenaan dengan modul-modul yang diguna pakai...

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Yang Berhormat Kapar...

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Berkenaan dengan konsep pengajaran di pusat-pusat PLKN sebelum ini, mewujudkan beberapa persoalan kerana kita tidak ada modul yang padat seperti apabila kita bandingkan dengan negara Singapura dan sebagainya. So, adakah modul-modul ini telah naiktarafkan dan apakah modul ini sedang menghasilkan peserta-peserta kita yang mengikuti kursus PLKN ini sebagai satu warganegara yang patriotik. Adakah hasrat itu dicapai? Yang Berhormat Rasah, dengan izin Tuan Pengerusi.

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Kapar. Yang Berhormat Kapar, saya cuma ingin tanya pandangan Yang Berhormat Kapar mengenai PLKN 2.0 ini. Sebab sebelum ini, saya difahamkan PLKN dilaksanakan secara wajib terhadap semua pelajar lepasan *Form 5*. Pada waktu sekarang, dia telah pun ditukar secara sukarela. Di mana, pihak kementerian mengalu-alukan sukarelawan ataupun mereka yang ingin menyertai program ini untuk menyertai program latihan PLKN. Bagi saya, saya amat mengalu-alukan keputusan untuk mengambil pelajar ataupun pelatih secara sukarela.

Pada masa yang sama, saya rasa sebenarnya jikalau PLKN dia mempunyai kursus-kursus ataupun modul-modul di mana kursus dia lebih kurang dalam beberapa hari, saya rasa kursus tersebut dia boleh ditawarkan kepada NGO-NGO dan juga boleh ditawarkan kepada syarikat-syarikat. Di mana saya rasa, dia boleh lebih dapat sambutan daripada rakyat negara kita. Di mana mereka yang ingin menyertai kursus ini, mereka sedikit sebanyak mendapat manfaat daripada program tersebut dan pada masa yang sama kita boleh memupuk sikap *patriotism* mereka. Setuju tidak Yang Berhormat Kapar?

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Saya minta izin Tuan Pengerusi, untuk masukkan ucapan Yang Berhormat Rasah dalam ucapan saya untuk dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Akan tetapi, saya hendak tambah sedikit Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya tidak hirau wajib kah atau sukarela kah, yang saya pentingkan adalah anak-anak muda kita khususnya selepas umur 17 tahun perlu mempunyai sikap patriotik. Tidak kisahlah hendak sukarela kah, hendak wajib kah. Akan tetapi, kita kena ambil iktibar daripada negara-negara jiran yang mempunyai program yang sama tetapi bila mereka keluar daripada latihan-latihan sebegini, semangat kewarganegaraan mereka, semangat patriotik mereka agak tinggi. Adakah kita mampu melahirkan sedemikian?

Untuk pengetahuan Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya berada di *Singapore* beberapa tahun yang lalu, hampir 10 tahun yang lepas. Saya ada satu *family* yang saya kenal. Apabila kanak-kanak itu berumur 13, 14 hingga 15 tahun tidak ikut cakap ibu bapa. Selalu keluar rumah, balik malam dan sebagainya. Setelah dua tahun latihan PLKN di negara tersebut, terus bila saya berjumpa lepas lima ke enam tahun, masa dia berumur 21 atau 22 tahun, sikap dia berubah. Semangat dia terhadap negara berubah. So, itu yang perlu kita...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Bererti baik jugalah PLKN itu Yang Berhormat ya?

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Ya, saya.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ada juga baik PLKN, mengubah sikap seseorang.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: PLKN. Ya, itu yang saya kata. Saya nampak dengan sendiri Tuan Pengerusi. Saya nampak. Dahulu, ayah dia selalu bagi komen negatif terhadap anaknya. Selepas lima tahun ke enam tahun kita— saya nampak sendiri. Saya kagum sendiri. So, sebab itu saya tekankan dekat sini objektif utama kita adalah naikkan semangat, mewujudkan semangat, melahirkan semangat *patriotism* di kalangan anak muda ini. Adakah hasrat itu dicapai? Saya risau bila ada tekanan-tekanan politik dan sebagainya. Kita ambil satu keputusan politik bukan keputusan untuk menyemaikan benih-benih muda ini dengan semangat *patriotism*. Itu yang saya rasa kementerian perlu tegas dan teruskan dengan apa yang telah dilafazkan pada awalnya. Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh jelaskan dengan lebih lanjut.

Seterusnya dan yang terakhir Tuan Pengerusi, adalah Butiran 040100 iaitu Pengurusan Kementerian Pertahanan. Ini adalah berkenaan dengan hubungan kita dengan Korea Utara. Kebelakangan ini, kita telah melihat ada beberapa sengketa dari sudut Korea Utara dengan Malaysia. So, saya rasa mungkin kalau keadaan sekarang sudah melampaui batas. Mungkin Malaysia hadapi ancaman daripada Korea Utara. Dari sudut itu, sekiranya benda ini menjadi realiti dan sebagainya. Apakah kita bersedia menghadapi ancaman daripada Korea Utara? Kedua, dari sudut ketenteraan kita bila kita meneliti seorang penganalisa strategik dan pertahanan saudara Lam Choong Wah.

■2020

Beliau telah menunjukkan satu kebimbangan. Beliau tidak bimbang kita akan lawan ketenteraan antara satu negara dengan satu negara lain. Beliau tidak risau itu tetapi beliau risau tentang sabotaj yang boleh berlaku. Sebagai contoh, beliau mengatakan bahawa *dirty bomb* boleh dikenakan.

Apakah kerajaan bersedia untuk menghadapi suasana sebegini? Suasana bukan konvensional tetapi datang daripada sabotaj daripada Korea Utara. Itu yang saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab.

Seterusnya dan terakhir daripada saya ialah...

Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Tasik Gelugor bangun, Yang Berhormat.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Okey, silakan.

Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Ah! Bukan. *Sorry*. Saya tunggu *turn*.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: *[Ketawa]* Oh! Yang Berhormat Tasik Gelugor hendak berbahas.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Dia tengok saya, terus dia bangun.

Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Tidak. *Sorry*, Tuan Pengerusi. Saya hendak tunggu giliran bahas.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tidak apa, boleh tumpang.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Saya habiskan *last point*, dengan izin, Tuan Pengerusi.

Terakhir adalah saya ingin Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan pada hari ini, berapakah bilangan tentera aktif secara terperinci yang kita ada untuk tentera, Tentera Laut dan Tentera Udara mengikut perincian? Itu sahaja, Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, minta maaf, Yang Berhormat. Sudah putuskan tadi.

Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Seminit sahaja, Tuan Pengerusi. Sikit sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Baiklah, seminit sahaja. Zalim sangatlah Speaker kalau seminit tidak bagikan, Yang Berhormat.

8.21 mlm.

Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya cuma hendak merujuk Butiran 011400 – Pengurusan Pertahanan Udara. Cuma ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, tentang status kuarters ataupun rumah bagi Angkatan Tentera di Kem TUDM Butterworth. Sebab, ada pembangunan yang masih terbiar. Jadi, saya hendak minta Yang Berhormat Menteri menerangkan status serta kedudukan terkini. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Terima kasih. Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

8.22 mlm.

Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Seri Mohd. Johari bin Baharum]: Terima kasih, Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Saya menjawab pertama sekali berhubung kait dengan PLKN ini. PLKN ini pasal ramai yang bercakap, kadang-kadang isu yang sama sahaja.

Pertama sekali ialah berkenaan dengan Yang Berhormat Pokok Sena yang ada tanya jumlah kem yang telah diluluskan. Kita sejak dulu ialah sebanyak 81 buah kem. Jumlah kem yang sedang beroperasi sekarang ini ialah sebanyak 76 buah kem. Beroperasi maknanya yang membuat pengambilan pelatih sekurang-kurangnya satu pengambilan. Manakala lima kem di Sarawak digunakan untuk penempatan Rejimen Sempadan Tentera Darat yang digunakan untuk agensi kerajaan. Yang lain-lain ialah masih ada lagi beberapa kem, kalau tidak silap saya, masih ada penempatan mangsa banjir iaitu di Kelantan.

Sebanyak 861 siri latihan daripada agensi-agensi kerajaan lain yang melibatkan seramai 96,225 kakitangan awam yang terlibat.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sudah habis, Yang Berhormat? [Dewan ketawa]

Dato' Seri Mohd. Johari bin Baharum: Yang Berhormat Setiawangsa bertanya berkenaan perbezaan PLKN 2.0 adalah menyediakan *soft-skill* dan *hard-skill*. PLKN 2.0 menyediakan— fasa dua ialah latihan kemahiran. *Soft-skill* adalah ICT dan *public speaking*. *Hard-skill* adalah latihan kemahiran teknikal dan sebagainya. Contohnya, 1,000 pelatih PLKN telah dilatih di *Malaysian Automobile Institute*.

Selain daripada itu juga, daripada pengambilan 20,000 pelatih, seramai 16,699 pelatih iaitu 83 peratus telah ditawarkan tempat di institut latihan kemahiran awam dan swasta. Dulu kita tidak ada latihan itu. Sekarang ini kita pendekkan latihan kepada dua fasa iaitu fasa kedua ialah latihan yang mereka ikuti sekarang ini di bawah berbagai-bagai institut latihan yang sudah ditawarkan.

Selain daripada itu juga, peranan PLKN 2.0 terhadap pertahanan negara. PLKN 2.0 terhadap pertahanan negara adalah tertumpu kepada objektif PLKN iaitu ia memupuk patriotisme, perpaduan dan semangat sukarelawan. Sebanyak lapan modul telah diperkenalkan dalam PLKN iaitu *fit for life*, *service learning*, *be safe*, *be alert* dan *take and talk*, Malaysiaku, *MyFuture* dan kerohanian yang meningkatkan jati diri, memupuk cinta terhadap negara dan mempertahankan diri daripada elemen lain yang boleh merosakkan perpaduan negara.

Selain daripada itu juga, JLKN 2 pada tahun 2016 ialah seramai 20,667 orang. Jumlah pelatih pada tahun 2017 adalah 20,000. Bilangan ini merupakan tahun kedua selepas transformasi JLKN 2. Untuk masa hadapan, jabatan akan memohon lebih ramai lagi pengambilan melalui kerjasama dengan Kementerian Pendidikan.

Selain daripada itu, ialah berkenaan dengan pengambilan. Tadi saya jawab merangkumi semua. Pengambilan ini dibuat melalui sukarela kerana pada ketika dulu kita buat secara kita sudah ambil mereka itu secara *random*, jadi kita menghadapi berbagai-bagai masalah. So, sekarang ini kita telah mengambil melalui secara sukarela dan saya dapati bahawa kita tidak ada masalah-masalah seperti mana yang lepas iaitu berkenaan dengan masalah sosial dan sebagainya.

Akan tetapi, sekarang ini daripada apa yang kita dapati daripada waris yang datang jumpa selepas latihan ditamatkan, mereka amat berpuas hati dengan latihan yang kita adakan sekarang ini kerana mereka ini ada *follow up*. Mereka akan diberi latihan teknikal dan sebagainya sehinggalah mereka tamat pengajian di peringkat tertinggi mengikut kursus-kursus yang ditawarkan.

Yang Berhormat Seremban bertanya berkenaan dengan kem. Setakat ini, kita akan membina 12 kem baru. Yang pertama, Kem Logistik Tentera Darat di Kuala Kubu, Kem Hutan

Melintang, Kem Segamat, Kem Serendah, Kem Sungai Putat, Melaka, Kem Felda Sahabat, Kem Paloh, Johor, Kem Bera, Pangkalan Udara Sendayan, Pangkalan Hadapan Laut, Lahad Datu, penempatan pesawat helikopter jenis EC-725 di Pangkalan Udara Kuantan, Markas Angkatan Tentera di Sungai Pancing, Pahang. Ini kem-kem yang sedang dibina di seluruh negara.

Berkenaan dengan dia punya butiran, yang *you* minta berkenaan perincian berkenaan jumlah berapa harganya, saya akan bagi secara bertulis kepada Yang Berhormat ya.

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Timbalan Menteri, boleh tidak saya dapatkan kepastian untuk Kem Segamat yang dikatakan tadi, adakah kem tersebut telah siap dibina atau tidak? Kerana isunya ialah mengapa ada 1,000 lebih anggota tentera yang telah pun nama mereka dipindahkan? Mungkin mereka belum dipindahkan secara fizikal tetapi dimasukkan sebagai pengundi di kem tersebut. Boleh berikan penjelasan? Terima kasih.

Dato' Seri Mohd. Johari bin Baharum: Dia sebenarnya, Yang Berhormat, pembinaan kem-kem ini berdasarkan kepada strategi kita, keperluan semasa, permintaan dan juga kedudukan strategik di satu-satu tempat. Jadi, pembinaan kem ini tidak ada kena-mengena dengan soal yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang disebutkan tadi oleh Yang Berhormat Rasah sendiri, oleh Yang Berhormat Pokok Sena sendiri. Tidak ada motif lain melainkan kita membina kem ini ialah mengikut perancangan kita.

■2030

Jadi, kebetulan kem-kem itu dibina di tempat-tempat yang tertentu dan kita tidak ada bertujuan itu. Kalau kem ini, kita bukan ada tujuan politik. Kalau kem kita tujuan politik, kita sudah menang di tempat-tempat yang ada kem banyak.

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: *[Bangun]*

Dato' Seri Mohd. Johari bin Baharum: Nanti, bagi saya cakap dulu. Saya hendak bagi supaya jangan dipolitikkan benda ini. Kita membina kem itu mengikut kita punya keperluan keselamatan. Cara Yang Berhormat tanya soalan itu, seolah-olah kita gunakan kem ini untuk tujuan politik dan sebagainya, tidak. Fasal apa, kalau kita tengok, kalau kita lihat di Telok Kemang, Telok Kemang Barisan Nasional kalah. Di Lumut, Barisan Nasional kalah. Ini kem-kem yang besar yang ada. Saya hendak sebut itu. Saya rasa supaya benda ini kita jangan politikkan. Kita bina kem-kem ini adalah bertujuan untuk menjaga keselamatan negara, tidak ada politik.

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: *[Bangun]*

Dato' Seri Mohd. Johari bin Baharum: Bagi saya jawab dulu. Bagi saya jawab dulu. Tadi Yang Berhormat tanya, saya dengar elok. Satu lagi ialah kem ini sebelum kem ini siap, kita sudah ada senarai anggota kita yang akan berpindah. Bukan kita tunggu kem itu siap tetapi kem ini, kita akan pindah mereka ini apabila kem itu siap. Kalau kita kata kem itu tidak siap, kita tidak akan memindahkan anggota kita ke dalam kem itu. Jadi kalau kita tengok daripada kem-kem yang dibina itu, sepatutnya sudah siap. Macam Yang Berhormat Pokok Sena kata tadi, yang kem di mana tadi? Sepatutnya siap dalam bulan Jun. Sekarang sudah bulan November. Sepatutnya mereka telah berpindah ke...

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Jun. Jun 2018 bukan Jun 2017.

Dato' Seri Mohd. Johari bin Baharum: *No*, Jun 2018 lah.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ha! Tidak siap lagilah.

Dato' Seri Mohd. Johari bin Baharum: Tidak, tidak. Bukan tidak siap, kem itu sudah siap lebih awal lagi, saya nanti akan bagi secara *detail* kepada Yang Berhormat. Sepatutnya kem-kem itu sudah siap.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: *[Bangun]*

Dato' Seri Mohd. Johari bin Baharum: Ya, okey. selepas itu berkenaan dengan soal pengundian, soal data pemilih ini, saya ingat Menteri di Jabatan Perdana Menteri telah bagi penjelasan yang begitu jelas. Jadi kalau ada apa-apa, *you* protes sahajalah. Saya rasa bab-bab itu...

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Okey, Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Mohd. Johari bin Baharum: Akan tetapi kem ini dibina mengikut strategi kita untuk menjaga keselamatan negara.

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Kami tidak mempertikaikan, Yang Berhormat Menteri. Saya tidak mempertikaikan pembinaan kem-kem baru. Memang kita tidak ada masalah, ada pembinaan kem, ada keperluan strategik dan sebagainya, kem baru itu dibina, tidak mengapa. Akan tetapi kalau kem baru itu belum siap tetapi ada pengundi yang telah dipindahkan masuk, itu isunya. Jadi saya hendak tanya satu soalan. Ringkas sahaja. Adakah Kem Segamat itu sudah siap atau belum? Tolong jawab itu. Tolong jawab, sudah siap atau belum?

Dato' Seri Mohd. Johari bin Baharum: Sekarang, kem itu sekarang dalam pembinaan. Kita tengok macam...

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Maksudnya belum siaplah?

Dato' Seri Mohd. Johari bin Baharum: *Wait, wait, wait. You, you, you,* dengar saya cakap.

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Maksudnya belum siap? Belum siap?

Dato' Seri Mohd. Johari bin Baharum: Belum siap.

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Ha! Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri cakap belum siap.

Dato' Seri Mohd. Johari bin Baharum: Itu betul belum siap. *You* tengok macam kita dasar 5RS. Okey? 5RS. Kita ada kem Rejimen Sempadan di Sarawak fasal keadaan di Sarawak kita memerlukan anggota kita dipindahkan. Kita ada beberapa batalion di sana. Kem belum siap tetapi hari ini, anggota kita perlu untuk menjalankan operasi di satu-satu kem itu. Sebab itu mereka ditempatkan di sana. Sekarang ini, ada beberapa kem PLKN digunakan untuk kem-kem sementara bagi anggota kita. Ini adalah tugas-tugas yang perlu dijalankan di kawasan itu. Walaupun kadang-kadang kem tidak siap tetapi mereka ini mempunyai tugas-tugas mereka yang sudah ada di sana. Itu sahaja.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: *[Bangun]*

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Hendak bagi siapa, Yang Berhormat?

Dato' Seri Mohd. Johari bin Baharum: Kita tidak boleh. Apabila kita ada strategi, kita hendak buat kem, kita kena pindahkanlah mereka. Anggota itu mesti ada.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Yang Berhormat Menteri.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat. Isu di sini, kem, Yang Berhormat. SPR tidak termasuk, ya.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Ya, ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: SPR tidak termasuk. Ia Kementerian lain.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Ya, Yang Berhormat Menteri.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Yang Berhormat.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Saya hendak tanya...

Dato' Seri Mohd. Johari bin Baharum: Saya tidak hendak menyentuh lagilah bab kem ini fasal apa, banyak kali sudah, selepas itu Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri sudah jawab.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Sedikit penjelasan sahaja.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tidak, Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Mohd. Johari bin Baharum: *I'm very clear.*

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Sedikit penjelasan. Sedikit penjelasan.

Dato' Seri Mohd. Johari bin Baharum: *It's nothing...*

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Tadi Yang Berhormat Menteri kata jangan...

Dato' Seri Mohd. Johari bin Baharum: *Deployment* dibuat, kita buat *deployment without camp.*

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Okey.

Dato' Seri Mohd. Johari bin Baharum: Macam hantar batalion 5, batalion sempadan di Sarawak, mereka sudah ada anggota. Kem belum siap tetapi kerana keadaan di sana memerlukan anggota kita di sana. Takkan kita hendak tunggu kem itu siap baru kita hendak pindahkan kita punya anggota? *It's very clear.* Saya bagi satu contoh. Kenapa kita ambil dua, tiga kem ini? Kita nak pindah anggota kita, belum ada kem.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Mohd. Johari bin Baharum: Ya?

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Tadi Yang Berhormat Menteri kata jangan politikkan isu ini.

Dato' Seri Mohd. Johari bin Baharum: *You are politicking...*

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Akan tetapi yang politikkan isu ini ialah Yang Berhormat Menteri, okey? Sebab apa, apabila Yang Berhormat Menteri kata kem belum ada tetapi kita sudah ada tentera di sana...

Dato' Seri Mohd. Johari bin Baharum: Memang.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Sebenarnya tentera itu mereka bukan operasi di sana lagi. Mereka berada di tempat lain sekarang.

Dato' Seri Mohd. Johari bin Baharum: Setuju, setuju.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Mereka sedang bekerja, bertugas di tempat lain sekarang. Mereka tidak ada di situ.

Dato' Seri Mohd. Johari bin Baharum: Mereka sekarang ini tidak duduk di dalam kem.

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Ha! Duduk mana? Duduk mana?

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Mereka tidak... *[Tidak jelas]*

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]* Mereka duduk di mana?

Dato' Seri Mohd. Johari bin Baharum: Rumah sewa ada. Mereka ada di merata-rata mereka duduk.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Uihh! Merata-rata. Ha! *Lagu tu ka?* Oh! *[Ketawa]*

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Mana boleh macam itu?

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Seri Mohd. Johari bin Baharum: Macam saya, 5RS. Saya ada satu batalion di kawasan saya.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Seorang-seorang Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohd. Johari bin Baharum: Kita tidak ada rumah tetapi mereka sewa merata. Dia 5RS.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Oh! Begitu. *Depa* kerja di mana? Mereka operasi di mana?

Dato' Seri Mohd. Johari bin Baharum: Dia operasi di merata-rata.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Oh! Dalam DUN itu kah? Begitu. Cara bohong bagi elok dululah. *[Dewan riuh]*

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Mana ada macam ini? Mereka berada di kem lain, Yang Berhormat Menteri.

Seorang Ahli: Cara bohong macam orang itu.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Dalam SPR ini, dia bermastautin. Bermastautin itu sebab apa?

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Itu soal SPR, Yang Berhormat. Itu soal SPR.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Okey, sekejap, ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tidak berkaitan, Yang Berhormat.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Dia bermastautin baru boleh undi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Soal SPR telah dibangkitkan ketika Jabatan Perdana Menteri dan telah dijawab. Soal kem sahaja yang berkaitan dengan kementerian.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Ya betul Tuan Pengerusi. Ini berkaitan dengan kem sebab apabila Menteri di Jabatan Perdana Menteri memberi jawapan, beliau memberitahu bahawa...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, ini soal kem.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Permohonan telah dibuat oleh ATM. Permohonan telah dibuat oleh ATM sebab itu kita tanya ATM sekarang.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Boleh? Tuan Pengerusi, saya juga hendak tanya Yang Berhormat Menteri, adakah anggota-anggota itu bermastautin di kem tersebut? Bolehkah Yang Berhormat Menteri jawab? Bermastautin atau tidak?

Dato' Seri Mohd. Johari bin Baharum: Ya, Yang Berhormat. Yang Berhormat jangan pusing-pusing. Saya kata kem itu tidak siap.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Tidak ada pusing. Saya bertanya soalan.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Seorang-seorang, Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohd. Johari bin Baharum: Memang tidak siap. *Why are you asking?* Kem belum siap macam mana dia hendak bermastautin? Apabila kem siap, mereka akan masuk ke dalam kem itu. Itu sahaja.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Jadi, daftarliah mereka di tempat mereka bertugas.

Dato' Seri Mohd. Johari bin Baharum: Yang Berhormat, saya rasa benda ini tidak perlu dijawab lagilah, Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Yang Berhormat Menteri, kalau tidak bermastautin, bolehkah mereka mengundi di sana? Itu sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Jangan buat macam mahkamah, Yang Berhormat. Dia ada *leading question*.

Dato' Seri Mohd. Johari bin Baharum: Saya rasa Yang Berhormat sudah buat protes kepada SPR, jumpa pergi kepada kaunter SPR lah. Kalau benda itu tidak betul, tidak betullah. Tidak payahlah mengundi. *No problem*. Itu tidak ada masalah. Okey.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Bintulu.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya agak tertarik kerana tidak ada kem, macam mana ada anggota sana. Saya di Bintulu, pun ada *army* juga tetapi kem pun belum siap lagi. Itu hari mereka pergi sewa tiada tempat. Apabila ada tempat, peruntukan tidak cukup. Sekarang, anggota ada duduk sini sana. Kira sewa, ada tumpang juga fasal peruntukan tidak cukup. Saya rasa ini kata kita hendak main fasal pengundi itu, di Tanjong Batu itu, ADUN kita kalah. Macam mana cerita? Itu *army* pun ada sana. Satu batalion sana.

Saya rasa, Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya rasa ini kita tidak payah gaduh-gaduh. Dia tidak mahu percaya sudah. Kalau dia menang banyak tempat, semua adil. Kalau tidak menang banyak tempat, semua kata tidak adil.

Beberapa orang Ahli: Betul.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Mohd. Johari bin Baharum: Baik saya ingin ubah ke Yang Berhormat Kuala Terengganu. Yang Berhormat Kuala Terengganu ada tanya berkenaan dengan anggota kita. Ini pun saya sudah jawab berkali-kali. Menteri sudah jawab berkali-kali berkenaan dengan anggota kita. Anggota kita sana, masih tujuannya sama. Kita tidak terlibat dengan operasi ketenteraan di sana. Kita tidak. Itu tidak. Itu pasti. Saya bagi jaminan tidak ada. Ya, setakat ini tidak. Mereka yang ada di sana ialah mereka yang diberikan tugas ialah untuk seperti mana yang saya sebutkan dalam jawapan-jawapan yang lepas seperti mana yang Yang Berhormat Menteri telah jawab itu hari. Tidak ada perubahan.

Yang Berhormat tanya lagi masa perbahasan, masa Jawatankuasa Kementerian Luar pun. Saya ada baca semua. Sudah jawab dengan *detail* berkenaan dengan apa yang didakwa oleh

Yang Berhormat tadi. Jadi Yang Berhormat *refer* pada *Hansard* itu sahaja. Saya tidak perlu jawab lagilah.

Kedua ialah berkenaan dengan KSCIP Ini kita berkenaan dengan tanah. Kita tidak ada kena-mengena soal kita dengan Saudi berhubung kait dengan apa-apa yang hendak diguna – Tidak ada. Kita dipilih kerana berdasarkan kepada Malaysia ini. Pengalaman Malaysia dalam banyak hal, menganggotai negara ASEAN, kita dalam negara ASEAN, kita dalam Komanwel, kita juga bersama-sama dalam OIC dan banyak kita punya *front*. Sebab itu Malaysia ini dilihat supaya boleh digunakan untuk dijadikan sebagai tempat untuk memerangi masalah IS dan *terrorism* pada masa-masa akan datang sebab itu diberikan kepada Malaysia.

■2040

Jadi sepatutnya kita bangga dengan keadaan sekarang ini kerana Malaysia dipilih. Kenapa kita hendak persoalkan benda itu? Ini kerana benda itu tidak ada niat lebih daripada itu. Baru-baru ini dalam Mesyuarat ADMM di *Philippine*, Yang Berhormat Menteri pun sudah beritahu berkenaan dengan institut ini akan dibina di Malaysia kerana berdasarkan kepada *threat* yang berlaku di Marawi. Apa yang berlaku di Marawi itu adalah ancaman daripada IS. Itu jelas. So, sebab itu kita patut bangga dipilih sebab di Malaysia dan tanah yang dibagi – bukan kita bagi kepada Saudi. Kita tidak bagi tanah itu kepada Saudi, tidak ada.

Mengenai perkara ini pun kita telah dikeluarkan dalam buletin kita, yang dikeluarkan pada– sudah dikeluarkan baru-baru ini dalam buletin kita. Kita ada siar pada media ini dia dalam siaran media. Kita sudah buat ini. Ini jelas berkenaan dengan apa yang kita sudah buat, ini sudah diedarkan untuk media. Ini tiada benda-benda yang hendak disulitkan, tidak ada. Ini sudah jelas. Kita sudah keluarkan pada bulan 10 tidak silap saya, 10 Mac 2017 lagi benda ini sudah dibuat. Ia tidak ada apa-apa. Di Malaysia dibuat, sudah diguna oleh semua orang. Tujuan dan matlamatnya Yang Berhormat boleh baca dalam ini. Saya rasa ini *very clear stated* dalam ini. Jadi saya rasa benda-benda ini tidak perlu di– Yang Berhormat fikir benda-benda yang kita dipergunakan dan sebagainya.

Kita tidak baca soal Saudi dan sebagainya tetapi kita baca peluang kita. Mereka yang akan datang terlibat ialah mereka-mereka yang dijemput khas untuk memberi latihan dan juga bagi forum dan sebagainya akan dibuat di pusat ini.

Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]: [*Bangun*]

Dato' Seri Mohd. Johari bin Baharum: Ya, Yang Berhormat?

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya.

Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sebenarnya soalan saya adalah kita hendak tahu berapakah perbelanjaan kita setelah hadir di Arab Saudi begitu lama dan sebabnya juga kita ingin tahu. Ini kerana beberapa sebab yang berlainan telah diberi. Ada dikatakan untuk evakuasi pihak Malaysia yang berada di Yaman. Ada yang menyatakan *non-combative role*. Apa jua sebab, kita hendak tahu berapa lama dan kenapa sebenarnya kita di situ? Ini kerana pelbagai laporan...

Dato' Seri Mohd. Johari bin Baharum: Yang Berhormat, saya sudah jawab benda itu Yang Berhormat. Saya rasa tidak perlu saya jawab lagi.

Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]: Kosnya...

Dato' Seri Mohd. Johari bin Baharum: Saya sudah jawab sudah.

Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]: Kosnya Yang Berhormat Menteri belum...

Dato' Seri Mohd. Johari bin Baharum: Kosnya saya akan bagi pada Yang Berhormat secara bertulis. Akan tetapi tujuan mereka ke sana ialah– ini Timbalan Menteri Pertahanan jawab. *You* jangan dengar orang lain cakap. [*Dewan riuh*]

You jangan dengar *social media*. Saya Timbalan Menteri Pertahanan yang bertanggungjawab. Kita tidak akan menggunakan askar pasukan kita untuk tujuan – kita tidak ada. Kita ada matlamatnya banyak. Sebenarnya saya tidak boleh cerita dalam Dewan ini kerana ada strategi-strategi kita. Kita ada di sana dengan latihan. Anggota kita, kita hantar ke– banyak sebagai tentera pengaman. Kita ada di Lebanon. Mereka perlu menerima latihan di kawasan-kawasan yang tertentu, keadaan dan cuaca di sana berbeza. Mereka dan hari ini bukan kata mereka yang sama, kita sudah tukar beberapa kali. Kita ambil kesempatan ini untuk melatih anggota kita dalam pelbagai keadaan. Jadi banyak benda yang kita manfaat daripada apa yang kita buat sekarang ini.

Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]: Saya bertanya khusus tentang Arab Saudi, bukan di Lebanon.

Dato' Seri Mohd. Johari bin Baharum: Ya.

Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]: Saya tanya kos.

Dato' Seri Mohd. Johari bin Baharum: Kos saya akan bagi secara bertulis. Okey, sudah...

Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]: Okey, baik. Saya hendak tanya satu lagi Yang Berhormat Menteri tentang pusat *King Salman Centre*. [*Dewan riuh*] Saya ingin bertanya, saya juga telah bertanya bahawasanya apakah kenyataan yang dibuat oleh pegawai JAKIM sendiri yang menyatakan ini tidak...

Dato' Seri Mohd. Johari bin Baharum: Kalau *you* percaya JAKIM daripada Timbalan Menteri Pertahanan, saya tidak boleh kata apalah.

Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]: Bukan soal percaya atau tidak percaya. Saya hendak bertanya apakah sebabnya.

Dato' Seri Mohd. Johari bin Baharum: Yang Berhormat tidak perlu *argue* lagilah dengan saya dalam soal ini.

Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]: Yang Berhormat Menteri hendak jawab atau tidak hendak jawab?

Dato' Seri Mohd. Johari bin Baharum: Saya beralih kepada Yang Berhormat Lumut. Tadi berkenaan dengan – Yang Berhormat sentuh berkenaan dengan nelayan. Nelayan saya sudah jawab dulu. Ini di bawah bidang kuasa APMM. *It is not* kita punya *navy*. Tidak ada kena mengena dengan *navy*. Sekarang ini di bawah APMM iaitu mereka yang– *navy* tidak menjaga nelayan. Jadi penguatkuasaan di laut, yang berhubung kait dengan nelayan, pencerobohan nelayan asing adalah di bawah jabatan APMM. Itu saya *very clear*, banyak kali sudah saya jawab pada Yang Berhormat.

Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]: Saya juga bertanya tentang kenapa kita tidak gunakan tenaga kita juga untuk membantu ESSCOM?

Dato' Seri Mohd. Johari bin Baharum: Itu tidak ada Yang Berhormat.

Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]: Itu keperluan yang lebih relevan pada kita, kepada apa yang berlaku di Timur Tengah.

Dato' Seri Mohd. Johari bin Baharum: Yang Berhormat, saya tidak beri jalan sudah cukup Yang Berhormat. Sudah baca cukuplah saya layan Yang Berhormat setiap kali saya bangkit soalan ini Yang Berhormat bangun, benda yang sama. Saya sudah jawab berkali-kali pada Yang Berhormat.

Saya ingin bangkit berkenaan dengan Yang Berhormat Lumut. Yang Berhormat Lumut ada berkenaan dengan yang pertama sekali adalah berkenaan dengan perbelanjaan Jabatan Hal Ehwal Veteran yang merangkumi pertama sekali pencen, ganjaran, faedah lain-lain kepada anggota perubatan veteran, skim bantuan kebajikan, pendidikan, bantuan khas, kewangan, *ex gratia*, bencana kerja, bantuan mengurus jenazah, banyak Yang Berhormat tahu apa yang kita beri kepada dia. Ini yang kita guna dari yang sebut tadi.

Oleh sebab itu Yang Berhormat bertanya berkenaan dengan komposisi Majlis Veteran. Ini kita boleh pertimbangkan ya. Yang Berhormat bagi cadangan. *Insyah-Allah*, kalau sekiranya benda itu boleh diterima, kita tidak ada masalah. Ini kerana apa yang kita buat ini adalah untuk kebaikan veteran, tidak ada masalah. Saya boleh – Yang Berhormat kemukakan kepada kita. Berkenaan dengan pencen Yang Berhormat kata tadi, yang tahu mereka-mereka yang beri sumbangan kita akan dengar. Saya sudah beritahu pada Yang Berhormat, saya akan adakan satu perjumpaan dengan Yang Berhormat, dengan pihak-pihak ATM, dengan veteran, Jabatan Hal Ehwal Veteran untuk berbincang perkara-perkara Yang Berhormat bangkitkan dulu. Saya sudah sebut itu hari. Tidak ada masalah berkenaan dengan perkara itu.

Saya berterima kasih kepada Yang Berhormat selama ini banyak memberi sokongan dan juga pandangan kepada saya. Setiap pandangan Yang Berhormat sekiranya boleh kita ambil, kita ambil untuk kebaikan veteran. Ini kerana veteran ini kita tahu, kita tidak pernah nafi bahawa jasa veteran ini banyak kepada kita. Apa yang kita ada sekarang ini ialah hasil daripada pengorbanan veteran. Malaysia yang kita ada sekarang ini aman damai negara kita, boleh segala-galanya adalah kerana veteran.

Without them, kita tidak akan ada seperti hari ini. Itu sebabnya jasa veteran kita tidak pernah lupa. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini pun sudah umum, iaitu kita hendak bina hospital untuk veteran, poliklinik hendak bina untuk veteran, perumahan kita hendak bina untuk anggota tentera yang sedang servis sekarang ini dan juga kita hendak bina 30 *percent*, kita beri kepada veteran. Jadi dalam soal perancangan kita, kita tidak pernah lupa jasa veteran.

Saya ingin menyentuh berkenaan dengan Yang Berhormat kata veteran hendak guling kerajaan. Saya bukan kata veteran hendak guling kerajaan, ucapan saya itu dipetik oleh pihak-pihak daripada veteran sendiri yang diguna oleh orang-orang yang tertentu. Tidak ada, saya tidak kata. Saya kata kerajaan tidak pernah lupa jasa veteran tetapi jangan kita diperalatkan oleh mana-mana pihak. Ada lagi satu persatuan baru-baru ini keluar persatuan veteran. Dengan gambar-gambar bendera-bendera parti satu, saya kata benda itu tidak betul lah, benda itu tidak betul. Saya pergi pun, saya tidak pernah letak bendera UMNO atau Barisan Nasional. Ini saya rasa kita jangan diperalatkan. Perjuangan kita mesti untuk kebaikan veteran. Jadi veteran jangan diperbodohkan oleh orang-orang yang tertentu yang ada cita-cita politik. Itu sahaja Yang Berhormat, tidak ada apa. Itu yang saya cakap, tidak ada lain daripada itu.

Berkenaan dengan satu lagi yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ialah berkenaan dengan Ops Fajar. Ops Fajar ini mereka adalah, dia telah kita beri... [*Dewan riuh*] Tidak, tidak. Ops

Fajar ini saya hendak kena beritahu juga. Sekejap, sekejap. Tunggulah Yang Berhormat, kita, takkan malam ini mereka hendak *ambush* lagi? *[Ketawa]*

Tidak apa Yang Berhormat, saya beri secara bertulis. Ada pada saya, ada, ada. Ada pada saya. So, yang lain-lain itu, yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Labuan itu saya dengar dengan teliti, kem tentera kita pindahkan TLDM ke sana itu *because* kita sudah buat pangkalan yang besar di Sepanggar. Akan tetapi namun demikian, kita masih ada di sana iaitu Yang Berhormat, kita tidak boleh guna soal ekonomi dan sebagainya. Kita tempatkan angkatan tentera di mana-mana tempat oleh kerana itu ialah masalah keselamatan. *Nothing to do with economic activity*. Kalau ada itu ialah daripada–limpahan daripada itu sahaja. Saya rasa itu bukan strategi kita. Begitu juga kita bukan menempatkan anggota kita kerana politik, tidak. Itu kita menempatkan anggota kita kerana keperluan keselamatan. Itu sahaja.

Berkenaan dengan Yang Berhormat Kapar. Lain-lain saya sudah jawab lebih kurang ya iaitu berkenaan dengan Laut China Selatan. Setakat ini okey, tidak ada masalah. Masih kita dapat mengawal keselamatan kita dengan baik, tidak ada pencerobohan. Jangan kita dengar *rumors* ini. Kalau ada apa-apa, kita akan maklum dan kita akan mempertahankan setiap inci negara kita ini, tidak ada masalah. *[Tepuk]* *You* jangan bimbang. Anggota kita memang siap siaga dalam apa juga keadaan. Jadi Yang Berhormat yang lain-lain itu saya...

Beberapa Ahli: *[Bangun]* *[Dewan riuh]*

Dato' Seri Mohd. Johari bin Baharum: Saya mengucapkan terima kasih kepada semua.

Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: TUDM Butterworth itu.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Mohd. Johari bin Baharum: TUDM Butterworth Yang Berhormat, saya...

Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Kuarters sahaja, kuarters bukan tanya fasal TUDM. Saya tanya fasal kuarters sahaja.

Dato' Seri Mohd. Johari bin Baharum: Saya rasa Yang Berhormat tahu, tidak perlu tanya sayalah.

Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri. Komander Yakub tolong tengok.

Dato' Seri Mohd. Johari bin Baharum: Komander Yakub tidak apa Yang Berhormat. Kita sama-sama pergi melawat dia, jangan risau lah selesai masalah. Terima kasih. *[Tepuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM12,565,774,500 untuk Maksud B.60 di bawah Kementerian Pertahanan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM12,565,774,500 untuk Maksud B.60 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM3,297,000,000 untuk Maksud P.60 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2018 hendaklah diluluskan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM3,297,000,000 untuk Maksud P.60 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2018]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi hari Selasa, 28 November 2017.

[Dewan ditangguhkan pada jam 8.52 malam]